

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 15

Rabu

30 Mac 2011

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2010) 2011

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.21	(Halaman 26)
Maksud B.22	(Halaman 26)
Maksud B.24	(Halaman 42)
Maksud B.25	(Halaman 43)
Maksud B.28	(Halaman 76)
Maksud B.30	(Halaman 103)
Maksud B.32	(Halaman 109)
Maksud B.41	(Halaman 127)
Maksud B.42	(Halaman 147)
Maksud B.45	(Halaman 159)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 24)

Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 2010

Jawatankuasa:-

Maksud P.21	(Halaman 26)
Maksud P.22	(Halaman 26)
Maksud P.23	(Halaman 42)
Maksud P.24	(Halaman 42)
Maksud P.25	(Halaman 43)
Maksud P.27	(Halaman 52)
Maksud P.28	(Halaman 76)
Maksud P.29	(Halaman 86)
Maksud P.30	(Halaman 103)
Maksud P.31	(Halaman 109)
Maksud P.32	(Halaman 109)
Maksud P.41	(Halaman 127)
Maksud P.42	(Halaman 147)
Maksud P.43	(Halaman 159)
Maksud P.45	(Halaman 159)
Maksud P.46	(Halaman 170)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Rabu, 30 Mac 2011
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah hasil pameran MAHA kepada peladang, nelayan, penternak dan masyarakat umum.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Sebelum saya menjawab Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar daripada Sekolah Menengah Agama Bestari Subang Jaya, Selangor ke Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, pameran MAHA International 2010 yang berlangsung selama sepuluh hari mulai 26 November 2010 sehingga 5 Disember 2010 telah berjaya memberi manfaat kepada pelbagai pihak termasuk peladang, petani, nelayan dan masyarakat umum berasaskan pencapaian seperti berikut.

Jumlah pengunjung seramai 2.6 juta melebihi sasaran asal yang kita jangkakan hanya 1.5 juta. Terdapat sejumlah 2,502 penyertaan dari agensi kerajaan, syarikat luar negara dan usahawan IKS dalam pameran dan perniagaan. Ini memberikan jumlah jualan sebanyak RM23.5 juta, potensi jualan sebanyak RM153 juta serta pertanyaan perdagangan sebanyak 184,331 pertanyaan. Penganjuran seminar yang diadakan sepanjang MAHA telah berjaya menarik peserta seramai 7,575 orang.

MAHA International 2010 memberi impak yang besar kepada industri pertanian negara dengan peningkatan prestij MAHA sebagai satu *premier event* dalam sektor pertanian bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh Asia Tenggara. Ini terbukti dengan meningkatnya jumlah penyertaan pempamer luar negara daripada 13 buah negara pada tahun 2008 kepada 22 buah negara dalam tahun 2010. MAHA International 2010 juga menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat korporat industri pertanian dari dalam dan luar negara untuk bertemu dan mengintai peluang-peluang baru dalam industri pertanian. Ini adalah amat relevan untuk mengekalkan daya saing mereka dalam industri bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya penganjuran MAHA International 2010 telah mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan di mana telah berjaya menarik ramai pengunjung yang hadir pada MAHA yang lepas. Terima kasih.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab. Tidak dinafikan bahawa MAHA telah memberi dorongan kepada peladang-peladang dan juga para pempamer serta lain-lain untuk mengambil bahagian. Tuan Yang di-Pertua, saya pergi sendiri dan begitu ramai pengunjung datang.

Soalan saya ialah sejak 40 tahun yang lepas, apakah hasil yang didapati oleh peladang, nelayan dan juga penternak kerana saya dapati masih lagi kita peringkat *revamp* masih lagi bergantung kepada Kedah dan Kelantan punya *breed* dan lainnya kita import daripada luar negara.

Seterusnya selain itu masalah padi pun masih lagi empat atau lima tan satu ekar. Padahal kita perlu melonjakkan perkara ini lebih jauh lagi. Soalan kedua saya ialah adakah pihak kerajaan mencadangkan untuk mempromosikan pertanian untuk memperkenalkan pameran MAHA di peringkat koridor yang ada seperti di *North Corridor*, *East Corridor*, *South Corridor* dan Sabah dan Sarawak *corridor*.

Jadi saya percaya dengan adanya pameran-pameran di tempat berkenaan akan meluaskan lagi pemahaman dan orang lain akan dapat menyertai ataupun mengambil bahagian dalam pameran sedemikian. Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi yang sentiasa mengambil berat mengenai sektor pertanian di negara kita ini.

Pertama, hasil daripada MAHA seperti yang saya nyatakan tadi bahawa MAHA ini selain daripada kita hendak menggalakkan mengeksport bahan-bahan pertanian daripada negara kita terutamanya dalam bidang industri asas tani. Oleh sebab itu kita telah pun berjaya mengumpulkan ramai pempamer kerana dengan adanya industri asas tani itu nanti ia dengan secara langsung akan menggalakkan penambahan daripada produk-produk pertanian.

■1010

Salah satu daripada cara kita hendak menggalakkan supaya hasil-hasil tanaman ini benar-benar dapat sampai ke pasaran ialah dengan penggalakan *market driven* dan juga sistem *contract farming*, sistem *anchor* dan sebagainya. Memang benar Yang Berhormat menyatakan bahawa kita masih lagi mengimport bahan-bahan makanan daripada luar negara tetapi daripada perkembangan setiap tahun kita lihat penambahan produk-produk makanan dalam negara kita semakin bertambah seperti daging, dahulu daripada 25% sudah meningkat kepada 28% dan juga pengeluaran padi walaupun peringkatnya agak perlahan tetapi kita lihat setiap tahun ada sahaja peningkatan dalam semua bidang. Lebih-lebih lagi apabila dasar bekalan makanan telah kita perkenalkan.

Kedua, sebelum kita adakan MAHA, kita telah adakan pameran-pameran di seluruh negara di bawah program Mini MAHA. Selepas MAHA diadakan, mulai tahun ini kita akan teruskan program-program jelajah ke seluruh negara di bawah program MOA Bersama Rakyat untuk kita hendak mendedahkan kepada rakyat peluang-peluang yang ada di kementerian dan juga kita memberikan bengkel-bengkel dan juga temu bual dengan pengunjung-pengunjung supaya rakyat benar-benar dapat memahami sektor pertanian dan sama-sama mengambil bahagian untuk kita meningkatkan produktiviti sektor pertanian dalam negara kita.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, daripada statistik yang diberikan tadi, pencapaian pameran tadi bukan suatu yang membanggakan. Apa yang dikatakan lebih 1.7 juta orang yang mengunjungi tetapi jualan hanya RM1 juta lebih sahaja dan potensi kontrak adalah sebanyak RM150 juta.

Daripada angka itu, gambaran yang diberikan ialah ia merupakan seperti *retail setting* ataupun secara pasar malam di mana jualan dibuat secara *retail* dan bukan *wholesale*. Apa yang kita harapkan daripada pameran seperti MAHA agar produk-produk negara kita yang canggih-canggih boleh dieksport ke luar negara dan kalau pengunjung-pengunjung luar negara boleh menandatangani kontrak-kontrak secara besar-besaran dengan pengeluar-pengeluar di Malaysia agar mereka dapat memajukan produk mereka secara besar-besaran untuk dijual ke luar negara.

Soalan saya adalah, adakah kerajaan bercadang memastikan pameran ini yang saya rasa pun menelan belanja berjuta-juta ini dapat memanfaatkan negara dengan memberi satu lonjakan yang besar agar petani-petani kita dapat mengeluarkan barangan atau makanan dan produk-produk pertanian secara besar-besaran untuk dieksport ke luar negara dan kita berharap orang-orang yang mengunjungi ke negara kita ini merupakan pembeli-pembeli besar. Ini dapat satu lonjakan yang bukan seperti sekarang ini seperti satu *retail selling*, sejuta lebih orang dapat jual RM1 juta lebih nilai barangan sahaja. Ini tidak memberikan satu gambaran yang baik.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Beruas, pandangan yang baik tetapi Yang Berhormat tidak pergi tengok kot pameran MAHA ini, jadi susah kalau tidak pergi tengok. Akan tetapi walau bagaimanapun pandangan Yang Berhormat, saya akan ambil perhatian.

Namun saya kena betulkan sedikit beberapa fakta di mana yang saya nyatakan bahawa kita ada KPI, misal kata kunjungan kita anggarkan 1.3 juta orang tetapi yang datang 2.6 juta orang jika dibandingkan dengan tahun lepas 2008. Ini menunjukkan bahawa rakyat sudah mula berminat dalam sektor pertanian.

Kedua, daripada jualan iaitu jualan kita tahun 2008 kalau tidak silap saya hanyalah RM18 juta tetapi sekarang kita mendapat RM23.5 juta, itu jualan langsung. Begitu juga dengan potensi perniagaan di mana potensi perniagaan ini ialah *business matching* yang ada potensi untuk dieksport, ini meningkat daripada RM153 juta.

Jadi, apa Yang Berhormat nyatakan tadi betul tetapi Yang Berhormat kena faham bahawa MAHA ini ialah satu medan untuk kita hendak membantu pengusaha-pengusaha dalam IKS. Yang Berhormat kata juta-juta itu MITI mungkin selalu buat pameran-pameran di peringkat antarabangsa.

Dalam masa yang sama mengenai produk-produk pertanian sebenarnya Yang Berhormat, daripada apa yang kajian kita buat, industri asas tani ini sudah cukup banyak kita dapat pasaran dan permintaan dalam negara dan luar negara. Masalah yang sedang kita hadapi sekarang ialah dari segi pengeluaran kerana dia buat kerepek ubi, ubi tidak cukup, hendak eksport tebu, tebunya tidak ada dan hendak eksport nangka, nangkanya tidak ada, jadi tidak cukup.

Oleh sebab itu kita mengambil beberapa langkah, kita menubuhkan kerjasama dengan TKPM, kita telah memperkenalkan di bawah NKEA, hanya kita hendak berikan tumpuan untuk banyakkkan dari segi pengeluaran. Jadi kalau pengeluarannya banyak dan juga sudah tentu akan menghasilkan hasil-hasil industri asas tani yang boleh kita eksport ke peringkat luar negara. Terima kasih.

2. Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan sejauh mana kejayaan penggunaan Teknologi Nano di Malaysia dan bidang-bidang yang terlibat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Hulu Langat kerana begitu minat dalam bidang ini. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2009 kerajaan telah mengenal pasti nano teknologi sebagai jentera pertumbuhan kepada model baru ekonomi negara dan menyarankan nano teknologi diberikan keutamaan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Nano teknologi merupakan satu ilmu sains yang unik pada skala nano, muncul daripada paduan semua ilmu sains, kimia, fizik dan biologi. Nano teknologi terbukti menyokong kemunculan pelbagai teknologi dan produk baru yang mampu melonjak ekonomi dan kualiti hidup sesebuah negara.

Kita berbangga kerana Malaysia mampu bekerjasama dalam bidang nano semenjak awal tahun 2000 di peringkat global dan mengikut kemampuan dan kemahiran yang sedia ada, menyumbang kepada rangkaian inovasi yang merangkumi penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan.

Penggunaan nano teknologi dalam rawatan dan pengolahan air, penghasilan, pengubahan dan simpanan tenaga, diagnosis dan imbasan penyakit, sistem perantaraan *drug*, pemantauan kesihatan, pemulihan pencemaran udara, pemprosesan makanan, peningkatan produktiviti pertanian, kawalan dan penentuan serangga, akan membantu negara mencapai lima daripada lapan matlamat pembangunan milenium dan menyumbang kepada sembilan daripada 12 NKEA yang telah dilancarkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Direktorat Nano Teknologi Kebangsaan yang telah diluluskan oleh Kabinet pada awal tahun 2010 dengan peruntukan siling pembangunan sebanyak RM20 juta bagi tahun 2011 membuktikan komitmen kerajaan ke arah kemajuan ilmu nano teknologi yang merentas bidang dan disiplin.

Pelaksanaan pembentukan Program Nano Malaysia yang merangkumi penubuhan Pusat Nano Malaysia di Iskandar Malaysia dalam tempoh lima tahun ini akan meletakkan Malaysia sebagai pusat perkembangan ilmu berkaitan nano teknologi dan aplikasinya serta melaksanakan pemasaran dan perniagaan produk nano teknologi buatan Malaysia yang dipacu oleh syarikat tempatan.

Pelaksanaan Program Nano Malaysia juga dijangka akan memastikan pencapaian objektif nano teknologi untuk menyumbang sekurang-kurangnya 1% ataupun RM17 bilion kepada pendapatan kasar negara menjelang tahun 2020. Malaysia seharusnya terus menumpukan usaha ke arah pemerksaan pendidikan dan pembangunan kepakaran, penyelidikan dan keusahawanan dalam bidang ini agar aktiviti nano teknologi akan dapat meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat. Terima kasih.

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya yang pertama, dalam semasa lawatan kami Ahli-ahli Parlimen ke Korea, kami dibawa melihat institut nano teknologi yang banyak membuat kajian mengenai metalurgi ataupun kecairan logam menggunakan mikroskop.

■1020

Jadi saya, berterima kasihlah ataupun ucap tahniah kerana kita juga bercadang untuk mendirikan Pusat Nanoteknologi di Iskandar. Kedua – maaf, soalan selanjutnya, saya difahamkan sekarang ini satu material nano yang penting, yang digunakan dalam berbagai-bagai bidang seperti Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi iaitu nano *silver* yang digunakan untuk merencatkan perkembangan pertumbuhan bakteria, fungus dan sebagainya iaitu dalam hal menjaga kesihatan ataupun menjaga supaya makanan kita sentiasa terjaga. Untuk mengelakkan daripada *food poisoning* dan banyak juga digunakan dalam menyalut bahan elektronik, karbon, *blocks*, *textile matter* dan sebagainya. Adakah kita mampu menghasilkan nano *silver* ini di Malaysia? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat sekali lagi kerana mengikuti perkembangan di dalam bidang ini. Seperti mana saya katakan tadi dengan tertubuhnya Pusat Nano Nasional ataupun *National Nanotechnology Directorate* dengan pusatnya yang kita bercadang dan dalam proses penubuhan pusat di Iskandar, Malaysia.

Maka tumpuan akan diberi kepada perihal bukan sahaja pembangunan insan iaitu melatih lebih banyak lagi dan mempromosikan kepakaran dalam bidang ini di antara institusi-institusi pengajian tinggi kita. Akan tetapi juga memfokuskan penyelidikan kepada bidang-bidang yang kita percaya amat berguna kepada Malaysia dan telah kita kenal pasti bahawa daripada 12

NKEA yang diterajui oleh kerajaan, ada sembilan daripadanya perkembangan masa hadapan, ada kaitan ataupun berasas kepada perkembangan dan input daripada bidang bioteknologi.

Mengenai dengan material yang saya sebutkan tadi, nano *silver*, pihak penyelidik kita sebenarnya dalam ikatan yang rapat dengan institusi di Korea dan kita sedang meneliti implikasi dan juga aplikasinya di Malaysia. Pada saat-saat ini, sebenarnya beberapa sektor dalam negara kita yang turut diterajui oleh pakar-pakar dan kita sedang memandu supaya hasil daripada tumpuan penyelidikan ini dapat mengeluarkan produk-produk yang relevan terus kepada sektor-sektor kita. Misalnya dalam bidang kesihatan ataupun *medicine*, perkara-perkara berkaitan dengan *nanoparticles*, *nanoscale drug carriers*. Ini antara kajian yang ditumpukan di peringkat Malaysia.

Mengenai dengan bidang pertanian, kita akan terus selidiki melalui barangkali kolaborasi, sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Korea minggu hadapan dan pegawai kita dalam bidang nano akan turut bersama untuk menyusuli perkara ini. Terima kasih.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, bila kita melihat kerajaan pun sendiri dalam Bajet 2011 ini memperuntukkan untuk R&D lebih kurang RM412 juta. Memandangkan nanoteknologi ini merupakan suatu bidang yang akan mendapat tempat terutamanya di masa akan datang.

Adakah pihak kementerian bercadang untuk membolehkan kefahaman masyarakat terutamanya generasi muda tentang nanoteknologi ini untuk diperkenalkan sebagai satu *syllabus* yang baru di sekolah kita di negara ini, untuk membolehkan di peringkat awal lagi kita sudah memahami teknologi ini dan untuk membolehkan ia menjadi satu *career target* untuk generasi masa akan datang sesuai dengan kehendak dan tuntutan semasa sebagai sebuah negara yang mahu menjadi negara maju. Mohon jawapan.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Silam, kerana juga turut minat dalam bidang ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kementerian iaitu MOSTI telah pun mengeluarkan satu panduan yang kita sebut *National Nanotechnology Statement* yang dikeluarkan pada tahun yang lalu ataupun pernyataan nano *national*. Ini saya boleh bekalkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat. Di situ ia memberi sebahagian gambaran ataupun *roadmap* ke mana Malaysia hendak tuju dari segi pembangunan insan, dari segi kesedaran awam, dari segi fokus penyelidikan dan bidang-bidang tertentu.

Nanti susulan kepada ini, kita akan membentuk Dasar Nanoteknologi Negara dan termasuk barangkali ada kaitan dengan perubahan-perubahan akta dan undang-undang yang berkaitan. Jadi, itu dalam proses pembentukan. Dari segi kesedaran awam, ini antaranya yang ditetapkan dalam penyertaan nanoteknologi nasional ini supaya generasi muda mengerti apa itu nanoteknologi. Kita sebut *one billion meter – nano is one billion* ya ataupun 80,000 lebih kecil daripada rambut saya ini.

So, dia dalam bidang yang saya katakan tadi begitu mikro dan pengertian kesedaran amat penting bukan sahaja bagi generasi muda tetapi pelajar-pelajar sains khususnya supaya minat di dalam bidang ini dapat dipertingkatkan dan usaha untuk program kesedaran seperti mana yang ditekankan di dalam penyertaan nanoteknologi nasional ini. Terima kasih.

3. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada perlu dibina sebuah pusat latihan RELA di negeri Sarawak memandangkan kawasan Kapit adalah begitu luas dan persekitaran amat sesuai, lagi pun Kapit agak kurang dengan pembangunan yang boleh menyumbang kepada ekonominya, bolehkah kementerian mengambil kira untuk mempercepatkan pusat latihan RELA ini di kawasan Kapit.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kapit yang kemukakan pertanyaan. Untuk makluman Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, bahawa Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas pelawaan dan cadangan untuk dibina sebuah pusat latihan RELA di kawasan Kapit, yang mana kawasannya luas dan sesuai.

Walau bagaimanapun sebelum pertimbangan diberi, pihak RELA dan Kementerian Dalam Negeri perlulah terlebih dahulu menyemak dan melihat kedudukan kawasan dengan lebih terperinci. Bagi maklumat Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, bahawa ibu pejabat RELA Malaysia bercadang untuk membina sebuah pusat latihan RELA di negeri Sarawak dan telah pun mengemukakan permohonan tersebut di dalam peruntukan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Tanah juga telah dipohon kepada kerajaan negeri Sarawak di kawasan jalan Kuching ke Serian, Sarawak.

Namun begitu permohonan tersebut tidak diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun pihak Kementerian Dalam Negeri akan membuat permohonan yang lain bagi membina pusat latihan RELA Sarawak. Sekian, terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jikalau tidak ada kelulusan untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, saya mohonlah agar sebuah institut latihan RELA itu diluluskan semula dan dibina. Jikalau ada pilihan saya mohon dibina ataupun didirikan di kawasan saya, di Kapitlah.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan peranan RELA ini semakin penting dalam masyarakat ataupun dalam membantu Polis Diraja Malaysia memastikan keselamatan di kalangan masyarakat. Saya berpendapat bahawa anggota RELA mestilah diberi latihan yang terbaik. Jadi, soalan tambahan juga, sila jelaskan ciri-ciri latihan atau modul latihan yang perlu dilalui oleh setiap anggota RELA? Saya juga ingin tahu dalam pada masa terakhir ini, berapa jumlah bilangan anggota RELA di seluruh Malaysia dan di negeri Sarawak juga? Apa sasaran

bilangan anggota RELA yang difikirkan mencukupi untuk negeri Sarawak dan untuk keseluruhan negara Malaysia ini? Sekian, terima kasih.

■1030

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Kapit untuk membina pusat latihan RELA di kawasan Kapit. Pihak kementerian akan mengkaji semula dengan teliti kawasan lokasi tanah yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Kapit sama ada ianya sesuai ataupun tidak untuk dijadikan pusat latihan RELA. Faktor-faktor geografi tanah dan juga faktor-faktor kos perbelanjaan juga akan dikaji dengan teliti. Sekiranya semua sesuai pihak kementerian tidak menjadi halangan untuk cadangan pembinaan pusat latihan RELA di kawasan Kapit. Mengenai jenis-jenis latihan dan modul kursus untuk anggota RELA, ia ada beberapa kursus yang akan dikendalikan oleh RELA termasuk:-

- (i) kursus pengenalan - pengisian modul ini adalah mengenai pengenalan kepada organisasi RELA dan asas latihan kawat kaki;
- (ii) kursus asas RELA - pengisian modul adalah pengenalan organisasi, disiplin, perundangan, jati diri, senjata api, operasi dan fizikal;
- (iii) kursus-kursus ketua platun - modul latihan adalah fizikal, disiplin, komunikasi dan kepimpinan;
- (iv) kursus ketua perhubungan mukim RELA - modul adalah mengenai latihan fizikal, disiplin, komunikasi dan kepimpinan dan juga kenegaraan dan nilai etika;
- (v) kursus pengurusan senjata api - pengisian atau modul latihan adalah fizikal, pengenalan dan pengendalian senjata api dan latihan menembak; dan
- (vi) kursus operasi cegah jenayah - pengisian atau modul latihan fizikal, operasi pencegahan jenayah dan pembentukan nilai dan rohani.

Mengenai angka keahlian keanggotaan, jumlah anggota RELA yang direkodkan pada masa ini adalah seramai 2,593,263 orang dan di Sarawak adalah seramai 183,997 orang. Kementerian telah menyasarkan seramai tambahan lagi 70,000 orang anggota RELA bagi Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang prihatin memilih saya untuk soalan yang kedua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, isunya RELA. Adalah didapati bahawa ramai ahli Ikatan Relawan Rakyat Malaysia yakni RELA termasuk RELA di Sarawak belum dilindungi oleh skim insurans ketika bertugas dan tidak bertugas yang disediakan khas untuk mereka. Persoalan di atas risiko penghidupan mereka yang akan mereka hadapi. Soalan saya ialah apakah kadar perlindungan *coverage rate* ini dengan izin terkini dan apakah langkah yang telah diambil oleh kementerian

untuk meningkatkan kesedaran dan penggunaan skim insurans ini? Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan yang dibangkitkan adalah di luar pertanyaan asal. Terima kasih.

[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) tidak hadir]

5. Tuan Matulidi Jusoh [Dungun] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan langkah yang diambil terhadap syarikat pembungkusan semula minyak masak di seluruh negara bagi membendung masalah kekurangan bekalan minyak masa di pasaran.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Jasin pada 4 April kerana menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, antara langkah tegas yang telah dan sedang diambil oleh kementerian terhadap syarikat pembungkusan minyak masak bagi membendung masalah kekurangan minyak masak di pasaran antaranya:-

- (i) Mengambil tindakan undang-undang ke atas syarikat pembungkusan yang didapati menjalankan penyelewengan terhadap minyak masak bersubsidi. Hasil pemeriksaan oleh pasukan petugas khas di seluruh negara berjaya menghasilkan 89 tindakan kes dengan nilai rampasan berjumlah RM224,468.25. Kuantiti minyak yang telah disita berjumlah 83,321 kilogram.
- (ii) Meningkatkan pemeriksaan dan pemantauan secara fizikal ke atas 21 pengilang penapis dan 221 syarikat pembungkusan bagi memastikan kuantiti minyak yang diedarkan sampai kepada pengguna akhirnya. Pemantauan ini juga dibuat melalui pemborong, *hyper market*, *super market* dan kedai-kedai runcit seluruh negara.
- (iii) Tindakan membatalkan lesen akan dikuatkuasakan ke atas syarikat pembungkusan atau pemborong jika kementerian mendapati aktiviti perniagaan yang dijalankan meragukan.
- (iv) Kementerian melantik 40 buah koperasi di seluruh negara sebagai pembekal atau pemborong barang-barang keperluan pengguna termasuk minyak masak bagi mengawal bekalan dan harga.

- (v) Mewujud dan menggerakkan pasukan petugas khas membanteras penyelewengan minyak masak bersubsidi. Pasukan ini dianggotai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kastam Diraja Malaysia.
- (vi) Membuat penyelarasan kuota bulanan dengan menarik sebahagian kuantiti pada bulan berikutnya untuk dilambakkan pada bulan-bulan tertentu. Ini dapat dilihat pada bulan Januari di mana kementerian dengan bantuan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah menarik kuota bulan Februari sebanyak 20% atau 14,000 tan untuk dilambakkan pada bulan Januari. Ini bermakna bekalan minyak masak pada bulan Januari di pasaran adalah berjumlah 84,000 tan.
- (vii) Mengenal pasti syarikat pembungkus semula minyak masak yang mendapat kuota tetapi tidak menjalankan operasi atau melakukan penyelewengan.
- (viii) Meningkatkan risikan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana kilang penapis dan pembungkus minyak masak yang didapati gagal mematuhi arahan kerajaan.
- (ix) Meningkatkan pemeriksaan di *hypermarket* bagi memastikan tiada pembelian berlebihan daripada pengguna serta *runner* yang membuat pembelian berulang kali untuk dijual kepada industri.
- (x) Mengkaji balik agihan kuota ke atas 221 buah syarikat pembungkus semula minyak masak bagi memastikan krisis kekurangan minyak masak tidak lagi berulang.

Terima kasih.

Tuan Matulidi Jusoh [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan sebentar tadi.

■1040

Masalah minyak masak sering kali berlakunya kekurangan dalam negara kita ini. Soalan tambahan adakah ianya berpunca daripada penyelewengan daripada pembungkus dan pemborong termasuklah penyeludupan yang berleluasa ke negara-negara jiran. Seperti di Thailand harganya RM4.20, di Indonesia RM4.00 berbanding dengan negara kita harga RM2.50 per kilo. Mengapakah minyak masak ini tidak boleh sampai ke pengguna? Berapakah jumlah syarikat pembungkus dan pemborong minyak masak yang sedia ada di seluruh negara? Serta

adakah pihak kerajaan bersedia untuk menambahkan kuota minyak masak di negara kita ini? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Dungun. Yang Berhormat yang dikatakan Yang Berhormat itu memang kedua-duanya betul, memang berlaku. Bermakna Yang Berhormat satunya pembungkus telah kita dapat tangkap di mana daripada yang dibungkus itu RM2.50 sekilo itu telah dimasukkan di dalam bekas yang lebih besar supaya ianya dijual kepada industri. Sebab harga kepada industri adalah RM3.50 sekilo. Jadi ini memang berlaku dan kita telah mendapat tangkapan dan itulah tadi saya beritahu yang telah kita sita pun yang mana pembungkus yang kita dapati. Kita telah mengambil tindakan tegas, kita sita, kita rampas.

Ini juga telah kita tangkap yang tadi menjual daripada kepada pengguna iaitu *household* dengan izin kepada industri kita telah dapati satu kes yang saya ingin kongsi di sini iaitu di Johor Bahru. Jadi kita telah tangkap dan kita telah denda dan di mana nilai minyak yang telah kita tangkap adalah bernilai RM80,000. Oleh yang demikian sebab dia telah mengakui di mahkamah mengakui kesalahan dan telah didenda. Pada masa yang sama Yang Berhormat terima kasih Yang Berhormat telah mengatakan saya ingin menambah lagilah maklumat Yang Berhormat ya. Boleh dikatakan harga minyak masak yang termurahlah di kawasan kita. Disubsidi RM2.50 tetapi yang tidak disubsidi RM3.50.

Akan tetapi di Filipina Yang Berhormat saya hendak tambah sedikit Yang Berhormat tadi. Di Filipina harga dia adalah RM8.52 sekilo, di Singapura RM7.23, di Thailand RM4.71 satu kilo dan di Indonesia RM3.80. Jadi kejadian itu memang berlaku. Sebab itu tadi saya mengakuilah. Sebab itu kerja-kerja pemantauan ini memang berlipat gandalah Yang Berhormat. Sebab itulah kita tadi ada saya telah senaraikan petugas khas, kita ada satu pasukan petugas khas yang terlibat pelbagai kementerian dan juga agensi untuk menjalankan tindakan pemantauan.

Tadi Yang Berhormat, Yang Berhormat bertanya berapa semuanya syarikat-syarikat yang terlibat di dalam aktiviti minyak masak ini adalah 221 pada masa ini. Mengenai kuota Yang Berhormat memang kita bekerja rapat bersama dengan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Akan tetapi kuota itu adalah pegangan mereka. Kami hanya membuat pemantauan tetapi dari semasa ke semasa seperti yang berlaku pada bulan Januari kita telah mendapat satu kerjasama yang baik daripada kementerian tersebut dengan menambahkan kuota 14,000 metrik tan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya mengalu-alukan bersama dengan kita pemimpin masyarakat daripada daerah Indera Mahkota, Kuantan. *[Tepuk]* Soalan tambahan saya oleh kerana isu ini semalam dibangkitkan iaitu tentang usaha kerajaan untuk menstabilkan harga minyak masak. Saya bersetuju kerana para pengguna di Malaysia menikmati harga minyak masak yang murah. Akan tetapi persoalannya sehingga hari ini ada rintihan kerana usaha untuk mendapatkan bekalan itu sering

kali terganggu. Soalan saya, apakah justifikasi kerajaan telah memperuntukkan jumlah bajet yang sangat besar?

Sebagai contoh tahun 2011 peruntukan Kementerian Perladangan, Perusahaan dan Komoditi sahaja RM937 juta untuk menstabilkan harga minyak masak di pasaran tempatan terutama. Juga tambahan RM882, banyak itu Timbalan Menteri. Apakah justifikasi dengan tambahan RM1.8 bilion dalam masa dua tahun sahaja minyak masak di pasaran masih lagi tidak dapat dinikmati atau diperolehi oleh pengguna ataupun rakyat Malaysia. Tentang harga murah itu saya tidak nafikan kita adalah pengeluar terbesar minyak kelapa sawit dunia.

Jadi tidak munasabah antara kita mengadakan Skim Penstabilan dengan kita pengeluar yang terbesar, kementerian Yang Berhormat menjalankan apa sahaja langkah tetapi pengguna ataupun rakyat susah untuk mendapat akses kepada minyak masak. Mesti ada satu perkara yang perlu diberi penjelasan di sini. Apakah sebenarnya yang berlaku? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan tadi Yang Berhormat, kita memang memastikan bahawa penggunalah yang akan menerima bekalan-bekalan minyak masak ini. Ditambahkan lagi kita memberi subsidi yang begitu besar Yang Berhormat untuk memastikan bahawa rakyat kita tidak dibebani dengan harga minyak masak yang menjadi satu keperluan khususnya untuk rakyat di Malaysia ini. Akan tetapi Yang Berhormat saya tadi sudah menjawab dan saya telah bersetuju dengan apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat daripada Dungun. Ketirisan berlaku dan juga daripada harga industri, dari *household* harga *household* yang kita berikan subsidi juga terjadi.

Inilah langkah-langkah yang diambil sebagai penguatkuasaan. Yang Berhormat saya tadi katakan dari segi untuk kita mengawal dari segi kuotanya adalah Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi tetapi kami adalah untuk memastikan bahawa harga yang diberikan kepada pengguna atau harga subsidi itu adalah di bawah kawalan kementerian ini secara pentadbiran. Akan tetapi namun demikian kami ada juga Jawatankuasa Bekalan dan Harga di mana kami juga sering mengadakan perbincangan. Untuk memastikan sebab itu Yang Berhormat tadi saya katakan kita mengambil tindakan yang tegas. Akan tetapi di sini Yang Berhormat jangan hanya kita menyalah kementerian-kementerian sahaja tetapi sebenarnya pengguna-pengguna itu sendiri kita sama-sama mesti bertanggungjawab memastikan.

Akan tetapi satu Yang Berhormat sebab harga kita yang termurah di dalam seantero ASEAN ini yang terdekat. Jadi oleh yang demikian kalau jurang itu terlampau besar Yang Berhormat, jadi apa-apa yang berlaku itu masih menguntungkan. Sebab inilah pasukan petugas terpaksa bekerja dengan lebih keras, kita pastikan di sempadan-sempadan, di tempat-tempat di mana penyeludupan atau penyelewengan mungkin berlaku. Kita terpaksa membuat, kita mengerahkan ramai lagi pasukan-pasukan kita untuk sama menjalankan tugas untuk memastikan bahawa apa yang kita beri ini kepada rakyat hanya untuk rakyat Malaysia. Terima kasih.

6. **Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]** minta Menteri Pertahanan menyatakan menjelaskan apakah dua unit kapal selam yang dibeli oleh kerajaan sebelum ini dikatakan mengalami masalah teknikal, sudah dibaik pulih dan digunakan dan berapakah kos penyelenggaraan bagi setiap tahun untuk setiap buah kapal selam tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]:
Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatu Tuan Yang di-Pertua. Kita ada dua kapal selam satu KD Tunku Abdul Rahman satu lagi KD Tun Razak. KD Tunku Abdul Rahman kita terima dan mula beroperasi pada 2009 sementara KD Tun Razak mula beroperasi 2010. Masalah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sahabat saya daripada Pasir Mas telah pun diatasi dan ujian selaman telah berjaya dilaksanakan pada 22 Februari bagi KD Tunku Abdul Rahman. KD Tun Razak tidak ada masalah. Kini kedua-dua kapal berkenaan telah pun dapat beroperasi sepenuhnya seperti biasa.

Bagi anggaran kos penyelenggaraan kapal selam, satu kapal selam adalah RM25 juta setahun. Terima kasih.

■1050

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kos kapal selam ini harganya berbilion, jawapannya pendek sahaja. Jadi saya minta Yang Berhormat jawab soalan tambahan saya ini supaya saya dapat puas hatilah daripada soalan yang saya tanya ini.

Saya ikuti hal kapal selam ini, KD Tunku Abdul Rahman dan KD Tun Razak ini daripada dulu lagi, dari mula-mula nak dibeli sebab mula-mula nak dibeli Tuan Yang di-Pertua, kapal selam ini pun dah jadi isu, cuba diburuk-burukkan oleh banyak pihak. Awal-awal masa masih di tempat pembuatan lagi. Ha, itu dia punya persoalannya. Kemudian daripada awal lagi diburuk-burukkan tetapi saya dapati *alhamdulillah*, saya ada buat *paper cutting*, saya dah tampal gambar kapal selam dalam pejabat saya, saya memang minat dan saya dapati pihak Tentera Laut Diraja Malaysia begitu dedikasi. Makna nampaknya mereka begitu fokus dan tidak endah dengan soal-soal memburukkan dan macam-macam cerita terutamanya kepada armada laut yang mengendalikan dua-dua kapal ini. Saya ucap tahniah kepada mereka ini.

Jadi saya nak tanya Yang Berhormat, apakah kejayaan signifikan yang Yang Berhormat kata tadi dah selesai tapi daripada segi kejayaan signifikan dua kapal selam ini? Saya nak tanya sebab saya bimbang nanti katanya dah diatasi daripada segi teknikal tapi tiba-tiba nak diguna ada masalah macam jet pejuang dahulu – kerana guna *spare part second hand* dan macam-macam. Nanti nak tekan butang peluru berpandu tak jalan. Ha ini Yang Berhormat Sri Gading, ini masalahnya. Jadi saya nak tahu apa kejayaan signifikan sebab saya cukup bangga dengan kerajaan memiliki dua kapal selam ini kerana menunjukkan kita gah sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka dan sedia menghadapi apa jua kemungkinan serangan musuh ataupun sebagainya.

Seterusnya saya nak tanya apakah mungkin dua kapal selam ini yang menjadi kebanggaan pertahanan negara kita ini dibawa keliling Malaysia? Katanya kalau boleh berhenti di perairan Kelantan, di perairan Terengganu, perairan Pahang, pusing satu Malaysia. Tunjuk kepada rakyat supaya rakyat dapat tengok ini dia kapal selamnya, macam ini rupanya, dan patutlah harga berbilion pun. Dan pegawai-pegawainya pun boleh naik ke darat. Ini saya rasa satu motivasi rangsangan untuk rakyat negara kita. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Pasir Mas. Saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kerana Yang Berhormat Pasir Mas sangat prihatin dan tahu betapa pentingnya kita memiliki aset strategik yang sukar dikesan. Dalam banyak-banyak aset, kapal selamlah aset yang paling berkesan kerana kalau kita ada kapal terbang, orang boleh tahu kat mana kita letak kapal terbang kita, kat mana kapal terbang berada di angkasa, tapi kapal selam ini bila dia menyelam, kita tak tahu kat mana dia ada. Saya tertarik Tuan Yang di-Pertua, kerana isu yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pasir Mas sepatutnya tidak timbul khususnya dalam memburuk-burukkan aset strategik negara.

Kalau kita lihat jiran kita, jiran belah selatan, selatan lagi, dia ada kapal selam, dia ada macam-macam masalah tapi Ahli Parlimen dia tak pernah pun datang kat tempat kita memburuk-burukkan aset yang mereka miliki. Akan tetapi kita pula terbalik. Kita pula pergi kat negara selatan, selatan itu, kita memburukkan aset kita. Saya kira dalam hal ketenteraan dan keselamatan negara, kita sepatutnya berkongsi rahsia. Kita boleh bertanya tetapi janganlah bawa dan dedahkan kelemahan sistem pertahanan negara ke luar.

Masalah yang dihadapi oleh KD Tunku Abdul Rahman ini adalah masalah biasa yang dihadapi oleh mana-mana kapal selam sebab kapal selam ini ia bekerja di dalam kawasan *pressure* sama dengan kapal terbang. Satu kapal selam Tuan Yang di-Pertua, ia mempunyai dua juta *parts* dan satu kapal selam bersamaan dengan 14 buah Boeing-747. Walaupun ia bekerja di bawah *pressure* tetapi tekanan dalam laut lebih berat daripada tekanan di udara. Maka, usaha perlu dibuat bagi memastikan tiap-tiap audit keselamatan kita lakukan bagi memastikan bukan sahaja kapal selam ini boleh menyelam tapi dia boleh naik balik.

Sebab itu kejayaan yang paling dibanggakan oleh kru kapal selam kita adalah bagaimana kapal selam kita pada tahun lepas, sambil dia menyelam lebih kurang 60 meter, dia boleh tembak torpedo dan kena sasaran 40 batu nautika jauhnya dan tepat. Kalau ada masalah dalam hal-hal penyelaman, mustahil ia dapat tembak satu sasaran yang 40 batu nautika jauhnya dengan secara tepat. Ini adalah satu kejayaan yang amat tinggi dan meninggikan lagi semangat kru tentera laut walaupun pembangkang kata yang kedua-dua kapal selam kita mempunyai masalah.

Bulan lepas, Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyelam di KD Tunku Abdul Rahman pada kadar 300 meter dalam laut. Saya pun

pernah menyelam di KD Tun Razak. Itu tak jauh sangat, 50 meter dalam tapi Ke bawah Duli Tuanku menyelam 300 meter dalam dan Ke bawah Duli pun dia bukan sebagai seorang *submariner* tapi dia amat kagum dengan keterampilan dan kewibawaan kru seramai 35 orang yang berada mengendalikan kapal selam tersebut.

Cadangan Yang Berhormat Pasir Mas untuk kita buat promosi nak masuk di Kota Baharu kah, di Kuantan, itu memang ada dalam perancangan. Saya kena berbincang bagaimana proses ini dapat dilakukan dan kita boleh uar-uarkan kepada rakyat betapa pentingnya kita mempunyai aset strategik ini. Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya nampak Yang Berhormat Batu ingin menyelami lagi informasi kapal-kapal selam ini. Sila Yang Berhormat Batu. Jangan menyelam terlampau dalam Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, terima kasih. Saya sebagai Ahli Parlimen, saya tidak rasa kita ingin tahu detil kapal selam mengenai siapa menyelam atau apa. Saya hanya ada soalan yang pendek. Tadi disebutkan kos *maintenance* ini RM25 juta untuk satu buah, maksudnya RM50 juta setahun. Saya ingin tahu sama ada ini masih *award* kepada Boustead DCNS sebagai kontraktor *maintenance* atau tidak? Kedua, setahu saya sehingga tahun lalu, saya tidak dapat satu penjelasan daripada Menteri mengenai apakah kos sebenarnya. Sebenarnya kita dengar €6 juta untuk tiga tahun atau RM600 juta untuk tiga tahun.

■1100

Ini masih keliru, saya ingin tahu sama ada kos untuk jangka panjang apakah jumlahnya, sekian terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Sudah banyak kali terang, Yang Berhormat Batu ini tidak faham-faham lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu memang begitu Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Dia tenggelam.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tenggelam terus.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tidak perlu menyelam.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tetapi batu dia spesies lain, pandai timbul.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang betul apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Batu iaitu *maintenance* atau penyelenggaraan ini dilakukan oleh syarikat usaha sama Boustead dan DCNS. Sebanyak 60 Boustead, 40 DCNS iaitu syarikat *designer* dan juga *builder* yang melatih dan membuat kapal selam Scorpene bukan sahaja untuk Malaysia, tetapi juga untuk negara Chile enam buah dibeli oleh India, dua buah oleh Brazil, spesies yang sama Scorpene.

Jawapan saya tadi, RM25 juta sebuah kapal selam setahun. Maknanya dua buah RM50 juta, okey. Oleh sebab itu, apabila kerajaan sains atau menandatangani kontrak ini, ia berasaskan kepada enam tahun. Ini adalah hanya melibatkan *in-service support* ISS atau ILS, *inter-logistic support*. Ini tidak melibatkan *spare part* atau peralatan-peralatan awal yang perlu dibeli bagi mengendalikan mana-mana kapal selam. Sebanyak RM25 juta ini ada kontrak bagi memastikan bahawa kita sebagai pemunya aset tersebut *guarantee* boleh menggunakan aset tersebut pada bila-bila masa. Bermakna dia tidak boleh memenuhi hasrat TLDM, maka kita boleh denda mengikut perjanjian yang telah kita meterai, terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]: *Bismilaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh*, dan Salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menanyakan soalan, izinkan saya untuk mengucapkan selamat datang kepada guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Tengku Besar, Tampin Negeri Sembilan ke Dewan yang mulia ini.

Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab soalan saya, saya ingin membuat sedikit pembetulan tentang soalan iaitu di bahagian akhir.

7. Datuk Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kesan larangan pengimportan alat ganti kereta terpakai termasuk kemungkinan lebih 100,000 pekerja akan kehilangan pekerjaan dan memberi kesan kepada 5,000 pengusaha dalam perniagaan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Jacob Dungau Sagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Di bawah kajian semula Dasar Automotif Nasional kita NAP yang diumumkan pada 28 Oktober 2009, kerajaan akan mengenakan larangan import ke atas alat-alat ganti dan komponen-komponen terpakai secara berperingkat mulai Jun 2011 iaitu Jun tahun ini.

Selaras dengan larangan pengimportan kenderaan terpakai mulai 1 Januari 2016, dan pemansuhan AP terbuka bagi mengimport kenderaan terpakai mulai 31 Disember 2015. Inisiatif ini adalah selaras dengan usaha jangka panjang kerajaan untuk meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya dengan tidak membenarkan pengimportan produk-produk automatik terpakai yang substandard dan tidak selamat digunakan. Perbincangan lanjut sedang diadakan dengan kementerian, agensi-agensi kerajaan lain yang juga pihak industri berkaitan untuk mengenal pasti menyediakan jadual larangan import dengan memberi keutamaan di peringkat awal kepada alat ganti dan komponen yang sangat kritikal dari segi keselamatan. Sekian terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat industri alat ganti kereta terpakai ini menjana perolehan dagangan lebih RM1 bilion setahun. Penguatkuasaan larangan akan memberi kesan yang besar bukan sahaja kepada peniaga, tetapi golongan pekerja dan rakyat keseluruhan sebagai pelanggan.

Soalan tambahan saya, adakah kerajaan telah mengkaji dengan mendalam berhubung larangan import alat ganti terpakai ini termasuk dari segi keselamatan kenderaan dan kepentingan pengguna yang dijangka akan dikuatkuasakan Jun 2011 ini serta selain daripada penggunaan alat ganti kereta terpakai ini yang lebih murah dibandingkan dengan alat tulen, adakah kerajaan juga bercadang untuk mengurangkan duti import supaya alat tulen ini lebih murah untuk pengguna-pengguna mendapatkannya serta ada juga dikatakan bahawa barang tiruan dari negara China yang berleluasa di negara ini adakah ia dibenarkan dalam transaksi perdagangan antarabangsa memandangkan penggunaannya memberikan kesan yang buruk kepada rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Kementerian apabila mewujudkan satu dasar kita telah mengadakan beberapa kajian yang perlu dibuat. Satu ialah kita mengadakan perbincangan mesyuarat bersama-sama dengan pihak *stakeholders*. Jika kita lihat mesyuarat kita yang baru dijalankan, kita memanggil *Malaysian Automotive Components Parts Manufactures*. Kita juga membawa *Federation of Automobile Workshop Owners' Association of Malaysia* dan *Federation of Engineering and Motor Parts Traders Association Malaysia* bersama-sama dengan mereka ini kita membuat satu keputusan yang adil di mana semua *stakeholders* ini isu-isu yang dikeluarkan oleh *stakeholders* ini memang kita timbangkan supaya membuat satu dasar yang *fair* dan adil. Di antara mereka ini mahu dibenarkan ada yang tidak mahu diban. Jadi sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab, kita mesti membuat keputusan satu dasar yang adil dan *fair* untuk semua *stakeholders* yang ada dengan kita. Jadi begitu juga apabila kita ingin melaksanakan dasar ini, kita juga membuat satu mesyuarat dengan beberapa agensi yang tertentu iaitu agensi seperti Road Transport Department, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, MIROS, *Customs*, *Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs*, begitu jua Malaysia Automotif Institut Malaysia.

Semua mereka ini memberi pandangan bahawa dasar-dasar seperti ini oleh kerana dia akan memberi kesan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, impak dari segi pekerjaan dan juga dari segi keuntungan perniagaan kita, jadi mereka juga bersetuju supaya langkah-langkah yang diambil itu dilaksanakan supaya kita akan membuat halangan ini mengikut berperingkat-peringkat iaitu bersetuju untuk melarang hanya empat barangan sahaja permulaannya mulai Jun 2011. Mereka sebutkan *brake pads*, *brake lining*, *batteries* dan *tyre*. Jadi ini empat barangan yang kita tentukan dahulu.

Jadi yang lain itu nanti mungkin akan dilaksanakan pada masa akan datang, daripada soalan import itu tadi, mungkin import, sekarang ini kita menggalakkan supaya pengeluaran-pengeluaran *spare part* yang baru pengusaha *spare parts* di negara kita ini perlu membantu supaya harga-harga *spare part* yang baru ini tidak terlalu membebankan kepada pengguna-pengguna *spare parts* pada masa akan datang supaya mereka juga boleh menggunakan *spare parts* yang baru yang dibuat di negara kita di Malaysia ini.

■1110

Memang kita sedar bahawa ada juga pengimportan alat ganti-alat ganti tiruan yang banyak masuk di negara kita tetapi ini susah untuk kita menjaga. Ini terpulang kepada pihak kastam untuk menjaga ini. Akan tetapi dari segi MITI kita hanya memberikan satu dasar yang tertentu dan pelaksanaannya akan dibuat oleh pihak kastam dan agensi-agensi yang terlibat supaya benda tiruan ini tidak masuk ke negara kita. Sekian, terima kasih.

8. Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah boleh ditetapkan waktu bekerja untuk doktor atas panggilan tidak melebihi 30 jam iaitu dari 7.00 pagi hingga 7.00 pagi serta 7.00 pagi hingga 1.00 tengah hari esoknya dan ini hendaklah diselaras di seluruh negara serta dilaksanakan di semua jabatan dan hospital.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Titiwangsa. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia memang prihatin tentang keperluan pesakit yang memerlukan rawatan dan penjagaan perubatan berterusan.

Perkhidmatan perubatan perlu diberi secara berterusan iaitu 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu. Justeru itu pegawai perubatan dan pakar perubatan diperlukan bertugas atas panggilan aktif atau pasif manakala pegawai perubatan siswazah pula diwajibkan bertugas atas panggilan aktif secara teratur dan berjadual. Namun jumlah tugas atas panggilan aktif atau pasif yang perlu dilakukan oleh seseorang pegawai perubatan setiap bulan. Adalah bergantung pada bilangan pegawai serta beban tugas sesuatu jabatan atau *discipline clinical* demi kepentingan perkhidmatan dan juga latihan.

Selain daripada itu kementerian amat memahami beban tugas yang dihadapi oleh pegawai perubatan atau pakar perubatan merangkumi pegawai perubatan siswazah. Maka, Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.4/2010 telah diedarkan mengenai garis panduan bertugas atas panggilan untuk pegawai perubatan dan pegawai perubatan siswazah di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.

Garis panduan tersebut menjelaskan bahawa pegawai perubatan yang bertugas atas panggilan aktif boleh dibenarkan berehat atau, dengan izin, *time off* keesokan harinya hanya setelah menyelesaikan kerja-kerja rondaan wad dan menjalankan prosedur yang diperlukan oleh pesakit termasuk, dengan izin, *passing over* pengurusan rawatan pesakit kepada pegawai yang bertugas seterusnya. Sehubungan itu kementerian telah melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan bagi memastikan kebajikan pegawai perubatan dititikberatkan seperti berikut:-

- (i) pegawai perubatan yang bertugas atas panggilan aktif, dengan izin, *active call*, layak menuntut elaun kerja di luar waktu bekerja bagi panggilan aktif;

- (ii) pegawai perubatan yang bertugas atas panggilan pasif, dengan izin, *passive call*, layak menuntut elaun bekerja di luar waktu bekerja bagi panggilan pasif setelah mengambil kira kuantiti masa yang diperuntukkan untuk bertugas semasa panggilan pasif;
- (iii) kadar elaun kerja di luar waktu bekerja biasa bagi pegawai perubatan telah dipinda dengan kenaikan kadar baru iaitu RM60 pada 1994 kepada RM75 pada tahun 2001 dan seterusnya RM150 pada tahun 2005 bagi pegawai perubatan atau pakar perubatan yang bertugas atas panggilan aktif manakala pegawai perubatan siswazah yang hanya bertugas atas panggilan aktif, kadar tersebut telah dipinda dari RM20 pada tahun 1994 kepada RM25 pada tahun 2001 dan seterusnya RM100 pada tahun 2005; dan
- (iv) pegawai perubatan layak menuntut elaun perjalanan kenderaan masing-masing dari rumah ke tempat bertugas dan sebaliknya serta tidak melebihi 33 kilometer bagi satu perjalanan sekiranya bertugas atas panggilan sama ada aktif ataupun pasif pada hari cuti atau pelepasan.

Sekian, terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sendiri pun seorang doktor perubatan dan pernah juga mengalami ataupun mempunyai pengalaman sebagai seorang *houseman* dan sekarang anak saya sendiri pun sedang menjalani *housemanship* di Hospital Kuala Lumpur. *Alhamdulillah* sekarang *houseman* ada *on call allowance*. Semasa zaman saya dahulu tidak ada *on call allowance*. Gaji pun cuma RM1,360 sahaja sebulan. Cuma oleh kerana sekarang ini maknanya kita kalau boleh hendak meningkatkan lagi khidmat kesihatan ini.

Dikatakan sekarang lebih ramai lagi *houseman* ataupun doktor-doktor pelatih. Sekarang digunakan pegawai perubatan siswazah. Kalau dahulu kita gunakan doktor pelatih. Jadi kita mengharapkan supaya oleh sebab mereka ini adalah manusia seperti kita juga, saya. Jadi kalau bekerja lebih daripada masa dan dalam keadaan yang begitu tertekan, ia akan menimbulkan masalah membuat kesilapan. Peluang untuk membuat kesilapan itu sangat besar dan ini seorang doktor, dia mengendalikan nyawa manusia, Tuan Yang di-Pertua. Nyawa manusia yang dikendalikan dan mereka adalah doktor-doktor yang baru berlatih.

Walaupun kita teori selama enam tahun atau tujuh tahun tetapi sebenarnya praktikal pada masa *houseman* itu memanglah sangat penting. Jadi kita tahu bekerja 24 jam kalau *on call*. Tambah lagi pada esok harinya kalau dikatakan untuk menyelesaikan *pass over* kerana prosedur-prosedur tertentu, ada masanya memang kebanyakannya mereka tidak dilepaskan sehingga ke pukul 5.00, pukul 6.00 kadang-kadang pukul 7.00. Maknanya, mereka bekerja sampai 34 jam, 36 jam. Ada yang setengahnya sampai 40 jam. Kalau sekiranya membuat

kesilapan sedikit, maka akan tambah lagi tiga jam. Maka, mereka akan balik setelah 24 jam sebelumnya itu. Kadang-kadang mereka berbuat *alternate day call*. Hari ini *on call*, esok rehat. Balik pukul 10.00 malam, 11.00 malam. Lusa lagi. Jadi ini adalah satu perkara yang boleh kita katakan agak *inhuman* dan perlu diperbaiki.

Oleh sebab itulah saya mencadangkan supaya *houseman* ini bekerja hanya 30 jam. Bermaknanya kalau dia *on call* 24 jam, tambah lagi beberapa jam untuk dia menyelesaikan kerja-kerja pesakit-pesakitnya supaya tidaklah maknanya dia *just* tinggalkan sahaja kerja dia kepada kawan-kawan tanpa mungkin ini akan menimbulkan masalah. Kemudiannya juga saya meminta supaya adakah kementerian boleh memikirkan supaya setiap wad itu ada *call room* untuk doktor. Kadang-kadang doktor hendak berehat sekejap, sejam, dua jam sementara tidak ada pesakit, terpaksa tidur tumpang di bilik *Sister*, ketua jururawat ataupun orang kata tidur di surau. Jadi keadaan ini tidak sihat untuk mereka. Kalau boleh janganlah bekerja sampai tujuh hari seminggu. Sekurang-kurangnya Sabtu dan Ahad. Ini saya minta penjelasan, adakah boleh disediakan kemudahan-kemudahan seperti ini supaya dengan ini doktor ataupun anak-anak doktor kita yang bertugas ini, mereka dapat bertugas dalam suasana yang lebih baik terutamanya yang saya minta tadi iaitu 30 jam pada waktu panggilan. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Titiwangsa. Untuk menjawab persoalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat, saya ingin sekali lagi menekankan bahawa untuk pegawai perubatan siswazah, kita hanya membenarkan *active on call*, bukan pasif. Jadi dari segi itu dan kita juga meminimumkan sebanyak lapan kali *active call* dalam sebulan untuk para pegawai perubatan siswazah supaya mereka ini tidak dibebankan dengan tugas yang tinggi Yang Berhormat.

Dari segi pegawai perubatan dan juga pakar perubatan kita tidak ada *limit* dari segi *active on call* ini. Ia bergantung pada keperluan perkhidmatan seperti yang saya nyatakan lebih awal tadi. Jadi menyentuh mengenai isu kebajikan, boleh kita katakan kebajikan pegawai perubatan kita, pegawai perubatan siswazah kita, pihak kementerian memang mengambil berat isu ini Yang Berhormat.

■1120

Dalam surat pekeliling yang sama kita meminta ketua jabatan untuk menyediakan beberapa kemudahan bagi mengurangkan tekanan pekerja-pekerja ataupun pakar-pakar, pegawai perubatan dan juga pegawai perubatan siswazah kita dengan menyediakan *on-call room* untuk kemudahan pegawai menjalankan tugas. Kita juga meminta pegawai atasan untuk menyediakan tempat letak kereta yang selamat dan juga memberikan makanan secara *food ration* bergantung kepada peraturan serta dasar semasa. Kita juga menggalakkan pihak ketua jabatan ataupun pengarah hospital untuk meminta lebih ramai pegawai yang menjalankan tugas ataupun panggilan dan *on-call lounge* juga kita minta untuk disediakan, yang mempunyai

kemudahan-kemudahan seperti televisyen, peti sejuk, bilik bacaan, *mini library* dan kemudahan internet.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, bagi hospital baru yang dibangunkan kita memastikan dan meminta supaya *on-call complex* harus dimasukkan dalam perancangan projek-projek hospital baru kita. Jadi, sudah tentu keprihatinan Yang Berhormat juga menjadi satu perkara yang kita tekankan di peringkat kementerian. Dari segi menyentuh mengenai elaun, merujuk kembali kepada jawapan awal saya, kita dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji elaun-elaun yang diberikan kepada pakar perubatan dan pegawai perubatan kita supaya mereka ini mendapat elaun yang setimpal dengan tugas mereka sebagai pegawai perubatan yang sentiasa berhadapan dengan krisis. Sudah tentu Yang Berhormat, tempoh perkhidmatan mereka juga, sekiranya ianya melebihi tempoh biasa.

Saya ingin menerangkan di sini bahawa masa kerja biasa seorang pegawai perubatan dan pakar perubatan adalah daripada jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang atau 5.00 petang dan selepas itu akan dikategorikan sebagai *active call* pada mereka, sehinggalah pukul 6 pagi. Selepas itu mereka berhak untuk mendapatkan *off day* ataupun masa rehat dan mereka juga boleh diberikan, bergantung kepada keperluan perkhidmatan itu sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sri Gading, saya nampak Yang Berhormat Jempol pun berdiri. Jadi, sebelum saya panggil Yang Berhormat untuk bertanya soalan tambahan seterusnya, tengok dahulu muka Yang Berhormat Jempol, baca pemikiran Yang Berhormat Jempol, sampaikan bersama hasrat Yang Berhormat Jempol. Sila Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jasa Tuan Yang di-Pertua tidak akan saya lupa. Yang Berhormat Jempol seorang yang begitu hebat Tuan Yang di-Pertua, sampai tidak terbaca saya akal fikirannya. *[Ketawa]*

Dua profesion yang saya hormat Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, doktor dan keduanya, cikgu. Mulia, kalau Dewan ini Speakerlah yang saya hormati – itu *of course*. Saya bersama dengan Yang Berhormat Titiwangsa. Segala hujahnya sangat betul, tepat dan patut diberi perhatian. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan menjawab pun betul. Masalahnya ialah apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kalau benar-benar dipraktikkan selesai masalah Yang Berhormat Titiwangsa. Itu menyelesaikan masalah doktor.

Tuan Yang di-Pertua, tidak mungkin doktor *on-call* sampai tidur di katil pesakit. Tolonglah Tuan Yang di-Pertua, kita hendakkan perkhidmatannya yang terbaik. Bukan wang ringgit semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tolong Yang Berhormat sebab itulah saya panggil Yang Berhormat yang mengemukakan soalan. Itu pertolongan saya. Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya berharap sebab jawapan sudah betul Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya menuju ke arah itu dan telah dijawab. Jadi, saya harap benar-benarlah apa yang dijawab itu memang dilaksanakan dengan serta-merta. Seperti yang saya hendak tanya tadi, tidakkah boleh ditentukan setiap pembinaan hospital baru mesti ada bilik rehat untuk doktor ini? Kita hendakkan perkhidmatan yang terbaik tetapi kita lupakan kebajikan mereka. Jadi, apa yang diperkatakan dan dijawab itu betul Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat dan sudah tentu suara Yang Berhormat akan saya panjangkan untuk pengetahuan kementerian dan sudah tentu para doktor yang berkhidmat di bawah kementerian akan menghargai keprihatinan Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

9. Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan status projek Loji Rawatan Air Hulu Langat 2.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lipis.

Projek Loji Rawatan Air Hulu Langat 2 ataupun dengan izin, LRAL2 merupakan sebahagian daripada skim bekalan air dari Pahang ke Selangor. Loji tersebut apabila disiapkan kelak adalah untuk merawat air mentah yang diperoleh daripada Sungai Semantan, Pahang. Projek Loji Rawatan Air Hulu Langat 2 ini dilaksanakan melalui dua fasa. Fasa 1 dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2014 dengan keupayaan membekalkan air terawat sebanyak 1,130 juta liter sehari. Pada masa ini Yang Berhormat, kerja-kerja bagi projek LRAL2 Fasa 1 dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam 23 pakej. Kerja-kerja fizikal untuk pakej 1A iaitu pemasangan paip Narajaya telah bermula pada Jun 2010 dan dijangka siap pada pertengahan Jun 2011.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir bulan Februari 2011, kemajuan kerja sebenar keseluruhan projek LRAL2 Fasa 1 adalah sebanyak 27.93% berbanding 31.20% yang sepatutnya dijadualkan. Projek ini telah mengalami kelewatan sebanyak 202 hari. Kelewatan ini adalah disebabkan penawaran tender bagi pakej 2A iaitu pembinaan Loji Rawatan Air Hulu Langat 2 Fasa 1 yang tertangguh. Begitu juga tender bagi kerja-kerja pembinaan pakej 4A bagi Kolam Air Imbangan Bukit Enggang yang dijadualkan bermula pada 1 Disember 2010 masih belum dikeluarkan. Pelaksanaan projek ini telah mengalami kelewatan disebabkan oleh penangguhan kelulusan daripada Kerajaan Negeri Selangor berhubung tiga perkara berikut:-

- (i) pengambilan tanah;
- (ii) penggunaan tanah rizab hutan simpan; dan
- (iii) kelulusan arahan pembangunan ataupun *development order* daripada pihak berkuasa tempatan.

Projek yang dirancang rapi ini adalah untuk menampung peningkatan permintaan bekalan air pengguna Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga tahun 2025. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kita tahu air ini memang sangat penting dan manusia boleh berperang kalau air tidak cukup. Jadi, di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dikatakan air tidak cukup dan saya dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri Selangor ini memang melambat-lambatkan projek ini. Banyak isu berkaitan dengan kelulusan tanah dan sebagainya. Kalau kita dengar tadi 202 hari lewat daripada jadual. Sekiranya kalau ianya sentiasa ditahan, adakah kita hendak teruskan pembinaan projek ini atau kita pindahkan ke negeri-negeri yang berhampiran dengan Selangor? Terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Lipis nampaknya orang Lipis yang prihatin dengan rakyat Selangor. Terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Pahang Tuan Yang di-Pertua, yang telah sudi membantu rakyat Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya berkaitan isu krisis air yang bakal menjelang ini. Saya kira Yang Berhormat, walau apa pun perbezaan pandangan politik ataupun hasrat politik, saya sangat berharap bagi pihak kementerian dan kerajaan supaya Kerajaan Negeri Selangor akan lebih prihatin kepada kebajikan rakyat dan akan menyegerakan dan memberi kelulusan-kelulusan seperti yang diperlukan supaya pakej Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor ini dapat berada mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Saya kira juga Yang Berhormat Lipis bahawa pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 ini tidak lah perlu dipindahkan kerana ia adalah untuk rakyat Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sekiranya dialih ia akan meningkatkan kos yang jauh lebih tinggi dan saya kira juga ia – sekiranya pembangunan yang dirancang tertangguh secara berterusan sama ada dari segi *development order* atau kelulusan tanah dan kelulusan memasuki tanah rizab hutan dan sebagainya.

■1130

Saya kira ianya tidak wajar kerana ianya dikaitkan dengan isu penstrukturan semula air di negeri Selangor dan ia adalah dua perkara yang berbeza dan impaknya juga saya kira akan menjadikan projek yang satu lagi yang di sebelah Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor ataupun (PAMPS) itu yang sedang berlangsung mengikut jadual pastinya kelak akan membazir sahaja sekiranya air yang disalurkan melalui terowong dari Pahang itu tidak dapat dirawat di Loji Rawatan Air Langat 2 sebagaimana yang telah dirancangkan dan ianya kelak kerana defisit air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga lembah Putrajaya ini sudah pun mengalami defisit sebenarnya tanpa projek-projek mitigasi yang telah dimulakan sepanjang tahun lepas. Saya kira *target* yang untuk menyegerakan kesiapan dua-dua projek ini menjelang 2014

adalah sangat penting dan saya merayu sekali lagi kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya dapat bertindak lebih bijaksana demi kepentingan rakyat seluruhnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, pohon satu soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Cukup penting Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan-pertanyaan...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan gambaran yang tidak lengkap...

Tuan Yang di-Pertua: Jawab lisan berakhir.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tentang komitmen Selangor Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jam menunjukkan 11.31 minit Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.32 pg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 31 Mac 2010”.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2010) 2011****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.2) 2010****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2010) 2011 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 2010 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Kedua]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya memanggil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atas masalah saya ingin membuat sedikit penjelasan. Di sini saya dan Timbalan-timbalan saya dalam setiap mesyuarat tetap bersabar mendengar hujah-hujah Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat, masa suntuk. Kita ada empat pilihan dalam menyelesaikan masalah di hadapan Majlis sekarang ini iaitu:-

- (i) Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhujah mesti padat dan pendek tanpa berbunga-bunga. Teruskan perbahasan spesifik kepada setiap kepala;
- (ii) kalau mencelah di bawah Peraturan Mesyuarat 37(1)(b) celahan itu khusus kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri sahaja. Kalau tidak saya akan gunakan kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 37(2);
- (iii) kita sambung mesyuarat pada hari Khamis sehingga jam 11.59 malam dan saya rasa Ahli Yang Berhormat tidak hendak itu oleh kerana Khamis akan balik kepada kawasan masing-masing; dan
- (iv) saya gunakan kuasa di bawah 37(7) iaitu saya memanggil seorang MP (*Member of Parliament*) daripada satu parti lepas itu saya panggil Menteri untuk jawab.

Jadi terpulang kepada Ahli Yang Berhormat. Kalau Ahli Yang Berhormat ingin kerjasama, bahas pendek supaya kawan lain dapat bahas. Selain daripada itu saya telah arahkan Timbalan-timbalan saya untuk mengehendkan masa. Jadi itu pilihan Ahli Yang Berhormat. Saya cuma bercakap tiga minit sahaja. Ini untuk tatapan Ahli Yang Berhormat.

Maksud B.21 [Jadual] -**Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] -**

Tuan Pengerusi: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Kepala Bekalan B.21 dan Kepala pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, tak ada? Menteri, ada Menteri? Tak payah, okey. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM11,940,000 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM11,940,000 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM71,453,000 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM71,453,000 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

Maksud B.22 [Jadual] -**Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] -**

Tuan Pengerusi: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kepala Bekalan B.22 dan Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terbuka untuk dibahas.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Kalabakan.

11.37 pg.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang. Sebenarnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah saya anggap satu kementerian yang paling penting dalam semua kementerian. Jadi saya meminta kalau boleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melayan semua permohonan yang sederhana seperti kita nampak di kawasan-kawasan luar bandar banyak masalah seperti masalah air, masalah lampu, masalah jalan kampung, masalah jalan yang belum bertar dan lain-lain lagi.

Jadi di Sabah dan Sarawak sudah berapa kali saya katakan bahawa dia kedua-dua negeri ini memang begitu mundur sekali kalau dibanding dengan apa yang kita nampak di Semenanjung.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jadi kita minta mungkin tumpuan diberi peruntukan barangkali rakan-rakan di sini termasuk juga pembangkang bersetuju bahawa negeri Sabah dan Sarawak diberi peruntukan yang lebih kerana maklumlah negeri Sabah dan Sarawak ini sudah begitu ketinggalan sekali kalau dibandingkan dengan apa yang kita ada di Semenanjung.

Tuan Pengerusi, di kedua-dua kawasan Sabah dan Sarawak ini biasanya luar bandar ini dibekalkan dengan lampu elektrik tapi masalah yang kita hadapi sekarang ialah apabila lampu elektrik sudah ada pendawaian di rumah-rumah ini mereka tidak mampu. Jadi satu rumah memakan belanja pendawaian dalam rumah RM800. Jadi kita fikir kalau kita bagi lampu bagi air dan kita bagi bantuan-bantuan lain zink, *plywood* dan macam-macam lagi tentu sekali kerajaan memikirkan untuk mereka ini diberi peruntukan untuk pendawaian dalam rumah juga kerana ini tidaklah begitu terlanjur mahal.

Jadi kalau boleh seluruh negara terutama sekali di Sabah dan Sarawak dahulu kalau boleh pada yang sudah ada lampu diberi oleh kerajaan kita minta supaya pendawaian dalam rumah ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan juga atau Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Jadi di kawasan Pulau Sebatik Tuan Pengerusi kita berterima kasih kepada kerajaan kerana kalau dahulu Pulau Sebatik menikmati enam jam lampu sehari.

■1140

Maka dengan adanya satu projek besar di mana kerajaan telah pun menyambung daripada tanah besar melalui dasar laut, sudah sampai ke Pulau Sebatik dan sekarang kita nampak bahawa banyak tiang-tiang lampu sudah didirikan dan sekarang saya perlu pendawaian dalam rumah. Jadi kita tidak mahulah apabila semua kemudahan ini ada nanti, rakyat tidak mampu untuk memasang pendawaian dalam rumah. Jadi kita minta supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini bukan sahaja di kawasan saya bahkan di seluruh Sabah dan juga di seluruh Sarawak kerana kemudahan ini penting dan kita percaya dengan adanya bantuan-bantuan ini, memang sudah kita tahu bahawa Sabah sudah pun dikatakan oleh Perdana Menteri satu *fix deposit* kepada Barisan Nasional. Jadi kita berharap *fix deposit* ini tetap dengan bantuan-bantuan yang kita nikmati sekarang.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, di kawasan luar bandar ini banyak rumah-rumah yang daif di Sabah dan di Sarawak. Mungkin saya nampak di Kelantan dan di tempat-tempat lain pun ada juga rumah-rumah yang daif di mana kalau hujan, rakyat terpaksa berhujan. Kalau panas, rakyat terpaksa berpanas juga. Jadi bererti tidak ada ertinya kita tinggal dalam satu negara yang kita anggap cantik, di anggap orang luar satu destinasi pelancongan yang begitu

cantik kalau rakyat kita di luar bandar masih ada lagi yang tinggal di rumah-rumah yang daif, yang kita nampak miskin dan kita nampak banyak masalah-masalah rumah.

Jadi saya minta kalau boleh rumah-rumah luar bandar ini di Sabah dan Sarawak kita bagi pembaikan rumah. Pembaikan rumah tidak begitu mahal juga, Tuan Pengerusi. Mungkin dalam RM10,000 serumah. Jadi kita minta supaya Kementerian Luar Bandar dan Wilayah sediakan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini supaya semua rumah kita dapat diperbaiki dan juga kalau sekiranya rumah itu elok sedikit, hanya dia punya zink dan papan-papannya yang buruk, maka kita bagi dan kita tukar supaya semua rakyat yang ada di luar bandar ini nanti akan bersama-sama kita macam dalam bandar juga. Jadi Tuan Pengerusi, oleh kerana tajuk ini begitu...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kalabakan, mencelah sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah mencelah, Yang Berhormat. Teruskan, ya.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Tidak usah mencelahlah. Nanti Yang Berhormat Putatan boleh berucap juga. Jadi kita minta supaya perhatian diberi kepada apa yang saya cadangkan ini supaya kita dapat selesai. Rakyat di luar bandar menikmati kemudahan dalam bandar dan rakyat di luar bandar dapat tinggal selesai macam dalam bandar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat nanti Menteri menjawab perkara-perkara di dalam butiran untuk kementerian ini terhadap kepada Maktab Rendah Kolej Sains MARA, Institut Perdagangan KPM MARA, perkhidmatan pengangkutan, penilaian kaunseling bimbingan usahawan, program GIATMARA dan B.22 – Majlis Amanah Rakyat. Perbahasan hanya tertumpu kepada perkara-perkara ini, Yang Berhormat mengikut peraturan mesyuarat.

Yang Berhormat Arau.

11.44 pg.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akur akan bidang skop perbahasan yang telah ditetapkan oleh Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan soal pembiayaan biasiswa yang diperuntukkan – biasiswa dan pinjaman kepada pelajar-pelajar cemerlang di Universiti Teknologi Mara. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Setakat ini berapakah kadar yang diiktiraf, CGPA yang diiktiraf kepada pelajar cemerlang dan juga pelajar yang boleh mendapat pinjaman kerana sebelum ini saya difahamkan UTM menerusi tajaan MARA mereka mendapat tajaan sampai ke peringkat makanan dan sebagainya di kolej masing-masing. Jadi setakat ini saya ingin mengetahui kedudukan cemerlang yang dimaksudkan. Adakah mereka maksudkan CGPA 3.0 *pointer* ke atas ataupun 3.5 ke atas.

Berbalik kepada peranan agensi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini yang telah ditubuhkan pejabat-pejabat *regional* iaitu pejabat-pejabat wilayah. Kalau di sebelah

utara pejabat wilayahnya terletak di bandar Alor Setar. Jadi kita melihat sekarang ini terdapat banyak agensi yang terlibat menjalankan fungsi dan peranan yang hampir sama seperti kalau melibatkan usahawan, meningkatkan peranan usahawan. Dia melibatkan dua tiga agensi yang sama, menjalankan peranan yang sama. Jadi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ialah kementerian yang saya rasa lebih memberi fokus bukan setakat melibatkan peranan memperlengkapkan infrastruktur yang ada di kawasan luar bandar tetapi lebih daripada itu.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga harus melihat bagaimana memberi fokus kepada meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk-penduduk di kawasan luar bandar kerana peranan ini bermula sejak daripada penubuhan kementerian lagi. Kita lihat daripada dulu dan peranan ini telah mencapai kejayaan. Jadi sejauh ini, sudahkah pihak kementerian sekurang-kurangnya mengadakan mesyuarat penyelarasan, *coordination meeting* dengan izin dengan mana-mana agensi yang terlibat. Kalau di sebelah utara contohnya Koridor Utara. Kemudian terlibat juga dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Azam Niaga dan sebagainya.

Jadi kalau kita melihat ada pelbagai, jadi kita sasar atau fokus *group* yang sepatutnya diberi perhatian oleh pihak kementerian. Kita lihat dia kurang mencapai sasaran ataupun objektif yang diletakkan oleh pihak kementerian. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

11.46 pg.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini. Berkaitan dengan MARA ini sebab disebut dalam butiran-butiran ini terlalu ringkas yang memerlukan kepada penelitian tentang peruntukan-peruntukan perbelanjaan yang telah dibelanjakan termasuk umpamanya macam Maktab Rendah dan Kolej Sains MARA diperuntukkan sampai RM300 juta lebih. Maknanya menampung bayaran akhir pembinaan dan pembelian peralatan. Jadi saya hendak minta dari segi pendetilan kita hendak tahu bayaran akhir pembinaan itu, pembinaan itu pembinaan apa, di mana dan apakah pembelian peralatan bagi projek itu dan pembelian peralatan apa yang perlu kita ketahui.

Ini kerana kadang-kadang kita bimbang juga seperti yang dilaporkan dalam audit sebelum ini. Banyak perkara-perkara bukan sahaja di kementerian ini tetapi di kementerian-kementerian yang lain juga menunjukkan bahawa ada pembelian-pembelian yang tidak sepadan dengan harga sebenar yang ada di pasaran.

Seterusnya 52, 53, 54 dan sebagainya dan semua yang termaktub dalam Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berkaitan dengan ini. Saya minta satu pendetilan tentang apakah butir-butir perbelanjaan yang telah pun dibelanjakan kerana saya sangat prihatin khususnya berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah apatah lagi

membabitkan soal MARA dan juga perkara-perkara yang membabitkan tentang kepentingan masyarakat dan rakyat di luar bandar ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan.

11.48 pg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh soal program GIATMARA. Kalau kita melihat di negara-negara maju, negara-negara Eropah, Amerika, mereka lebih memberi ruang lingkup yang luas dalam industri-industri seperti mempertingkatkan kemahiran seseorang. Di negara kita ini, kita ada GIATMARA tetapi pengambilan pelajarannya, pelatihnya lebih kurang 100 orang hingga 200 orang satu bahagian dan ilmu yang diberi di pusat GIATMARA ini lebih kurang tidak memperlihatkan satu impak yang besar seperti perabot, pembinaan dan sebagainya.

Jadi ini pada saya harus diberi tumpuan oleh kerajaan ke arah bagaimana sebab bukan semua. Bukan semua pelajar ini boleh lulus peperiksaan sebab di negara kita ini mengamalkan lulus dahulu baru ada kelayakan. Akan tetapi di negara luar, dia tidak mengamalkan mengutamakan lulus peperiksaan dan sebagainya.

■1150

Dia beri pendedahan dalam individu itu untuk menguasai sesuatu bidang. Contohnya, mereka sudah kenal pasti seseorang ini cenderung dalam bermain kereta. Mur empat tahun kerjanya main kereta. Bermakna, mereka akan fokus dia ini akan menjadi *engineer* kereta. Di tempat kita belum ada begini, belum ada tahap ke situ. Masih lagi memikir bagaimana untuk kita *exam oriented*. Tidak lulus bermakna harapan sudah pudar, sudah musnah. Ini rasa saya bukanlah sesuatu amalan yang baik. Kita memang beri alternatif seperti Pusat GIATMARA, seperti kolej-kolej universiti yang boleh memberi mereka kemajuan dalam kehidupan mereka sebab ini penting.

Kita menuju negara maju. Negara maju ini perlu pengisiannya terdiri daripada golongan masyarakat yang berkualiti, yang mempunyai kebolehan, yang mempunyai spesialis masing-masing. Tidak perlu dia ada *degree* sampai berjaja-jala, tetapi sekali hendak buat kerja, dia tidak boleh melakukan sesuatu. Banyak contoh. Kita banyak *degree holder, Master* dalam bidang komputer tetapi datang daripada negara India dalam kelulusan yang sama, apabila ditemu duga, dari India ini yang dapat markah yang tinggi. Apa bijaknya dia sedangkan sama-sama daripada universiti. Ini bermakna kualiti itu. Selain daripada memegang ijazah, mereka juga perlu menguasai sesuatu yang mereka rasakan perlu ada untuk menempatkan mereka dalam dunia perniagaan pada masa akan datang ataupun dunia pekerjaan masa hadapan.

Ini perlu Tuan Pengerusi sebab saya memberi penekanan kementerian, kerajaan harus melabur wang yang banyak membuka ruang lingkup ini kepada pelajar-pelajar yang tidak lagi – kadang-kadang dia pintar, tetapi dia malas sekolah. Dia cenderung ke arah untuk bidang teknologi. Jadi, berilah mereka peluang yang lebih luas supaya mereka boleh jadi manusia yang

berguna. Kalau tidak, mereka akan melepak, mereka akan jadi mat rempit, macam-macam. Akhirnya juga mereka boleh menjadi pemandu liar dan ini boleh mengakibatkan gejala negatif kepada orang luar dan negara.

Jadi saya minta kementerian ini lebih fokus, teratur dan meminta kerajaan memberi banyak peruntukan kepada Pusat GIATMARA. Dipertingkatkan, diperlebar kualitinya, pengambilannya mungkin melibatkan satu kawasan Parlimen 1,000 pelatih dan sebagainya. Tenaga pengajarnya juga berkualiti, mempunyai kemahiran-kemahiran yang tinggi dan komited ke arah bagaimana membangun remaja masa hadapan negara kita.

Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jempol.

11.53 pg.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Pengerusi, saya juga ingin membincangkan soal GIATMARA di mana saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya dinaiktarafkan Pusat GIATMARA Jempol supaya pengambilannya dari segi bilangannya dapat dipertingkatkan. Kursus-kursus yang kita tawarkan juga dapat kita semak semula supaya ia dapat memenuhi keperluan pekerjaan terutama sekali Daerah Jempol ini menampung bilangan peneroka anak-anak FELDA yang begitu ramai dan Pusat GIATMARA ini adalah antara yang dapat melatih *skill* dan kemahiran yang tinggi di kalangan anak-anak peneroka FELDA.

Selain daripada itu, saya menjangkakan sampai masa dan ketikanya, pihak kementerian melihat bagaimana lepasan daripada Pusat GIATMARA ini diberikan peluang untuk meningkatkan lagi kualiti dan juga pencapaian akademik mereka, *skill* dan kemahiran mereka dalam bidang yang mereka minat supaya akhirnya nanti mereka yang berminat bersungguh-sungguh akan mencapai sampai tahap pencapaian ijazah.

Kedua, kejayaan Pusat GIATMARA melahirkan golongan pelajar-pelajar yang mempunyai *skill* dan kemahiran, tetapi mereka amat berminat dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Oleh yang demikian, selain daripada kita melatih anak-anak kita ini dengan *skill* dan kemahiran, saya mencadangkan kepada kementerian supaya soal pembangunan dan keusahawanan ini juga dapat kita pupuk. Kita berikan bimbingan, tunjuk ajar sewaktu mereka belajar dan berlatih supaya apabila mereka menamatkan latihan mereka, mereka sudah tahu tentang nilai-nilai keusahawanan, ilmu pengetahuan dan bagaimana untuk mengurus tadbir perniagaan mereka serta juga mereka faham tentang keperluan pasaran, risiko dan menggunakan segala tabung-tabung yang disediakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah modal di kalangan usahawan-usahawan yang kita lahirkan daripada pelajar GIATMARA.

Kedua Tuan Pengerusi, saya lihat tajuk 01000 menyentuh tentang Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya dapat memberikan perhatian yang lebih kepada kumpulan masyarakat Orang Asli di Jempol terutama sekali keperluan rumah-rumah kepada masyarakat Orang Asli yang miskin yang memang dari segi angkanya masih

memerlukan bantuan daripada kerajaan untuk membina rumah-rumah di kalangan mereka yang sudah berkahwin dan berkeluarga.

Selain daripada itu, saya dapat melihat kemampuan kita memberikan galakan kepada anak-anak Orang Asli ini supaya mereka dapat menumpukan sepenuh perhatian daripada bidang pelajaran. Ini kerana adalah merupakan satu cabang yang boleh mengeluarkan masyarakat Orang Asli ini daripada garis kemiskinan. Akan tetapi, saya melihat begitu ramai sekali kadar keciciran dan apabila mereka bersekolah rendah, mereka tidak menyambung di peringkat sekolah menengah atas alasan-alasan tertentu.

Dari segi kesihatan juga, saya mencadangkan kepada kementerian supaya Klinik 1Malaysia ini diuruskan dengan kementerian yang lain. Sudah tentulah memerlukan pegawai-pegawai JBA yang ramai untuk memantau supaya kualiti kehidupan masyarakat Orang Asli ini dapat dipertingkatkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Hulu Langat.

11.56 pg.

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit penjelasan di bawah Kepala P.22 iaitu Butiran 40000 mengenai pemberian dan berkenaan barang tetap. Saya melihat dari segi keterangannya iaitu membiayai operasi Pusat Pembangunan Reka bentuk di bawah agensi MARA. Jadi, saya minta sedikit penjelasan apa maksudnya dan apa peranan pusat ini?

Kedua, di bawah P.22, Butiran 600608 iaitu Penilaian dan Kaunseling Bimbingan Usahawan dan, Butiran 00614 iaitu Bangunan Perniagaan. Jadi apa yang saya ingin mendapat penjelasan, dari segi apabila saya baca keterangan menunjukkan bahawa ada bantuan kewangan, tetapi kalau lihat tajuk, hanya kaunseling, bimbingan dan sebagainya. Begitu juga dalam bangunan, di manakah bangunan itu hendak diperolehi dan sebagainya. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Selangor. Selepas itu Yang Berhormat Parit Sulong dan selepas itu saya minta Menteri menjawab. Terima kasih.

11.58 pg.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua perkara. Pertama saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian dalam aspek Butiran 00602 dan 00611 kerana memberi peluang kepada pelajar-pelajar bukan bumiputera turut serta dalam MRSM dan juga program GIATMARA. Saya ingin tahu buat masa ini sampai sekarang, berapa ramai pelajar-pelajar bukan bumiputera yang telah mendaftar diri diberi peluang untuk belajar di MRSM dan juga program GIATMARA dan pencapaian mereka dalam program-program tersebut.

Seterusnya Butiran 01000 – Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Apakah perancangan kementerian untuk memberi bantuan-bantuan yang sewajarnya kepada perkampungan Orang Asli di kawasan Parlimen Hulu Selangor dan pada masa yang sama, kekerapan klinik bergerak yang telah pergi ke kawasan Parlimen Hulu Selangor ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Sila Yang Berhormat.

11.59 pg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak menyentuh satu perkara sahaja iaitu di bawah Maksud P.22 Butiran 090000 iaitu bawah tajuk MARA.

■1200

Saya mahu menyentuh mengenai satu isu iaitu yang berkaitan dengan gerai-gerai yang berniaga semasa bulan Ramadhan walaupun kita mahu puasa lama lagi. Jadi, saya mendapat aduan banyak daripada peniaga-peniaga kecil terutamanya bumiputera di kawasan saya yang berniaga seperti kuih-kuih, nasi lemak, dan lain-lain makanan yang menurut mereka susah mahu mendapat bantuan daripada MARA.

Ini kerana kita pun maklum, MARA jarang untuk membantu peniaga yang benar-benar memerlukan. Mungkin bukannya jarang tetapi mungkin sebabnya MARA hanya membantu peniaga yang mempunyai akaun *statement* yang baik dan ada aset yang banyak dan ada premis terutamanya.

Akan tetapi isunya di sini saya cuma mahu tanya, sama ada MARA juga kena membantu peniaga kuih dan juga peniaga lauk-pauk yang menyediakan makanan-makanan seperti yang saya nyatakan sebentar tadi. Saya yakin memang MARA mempunyai polisinya sendiri iaitu untuk menilai sesuatu permohonan sebelum meluluskan pinjaman tetapi bagaimanakah MARA mahu membantu mereka yang betul-betul memerlukan dan adakah persoalan saya adalah adakah MARA akan melihat semula syarat pinjaman terutamanya kepada peniaga sementara seperti yang saya nyatakan sebentar tadi. Terima kasih banyak-banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

12.01 tgh.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih juga kepada sahabat-sahabat yang seramai lapan orang yang telah menimbulkan beberapa perkara, memberikan pandangan dan cadangan khususnya kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya mengucapkan terima kasih yang pada saya menggambarkan keprihatinan wakil-wakil rakyat kita dalam soal pembangunan di negara kita khususnya di kawasan luar bandar.

Sebenarnya, saya ada beberapa perkara yang tidak perlu saya jawab oleh sebab ianya di luar daripada peraturan yang membenarkan untuk saya mengulas semula pandangan-pandangan yang ada hubung kaitnya misalnya bekalan elektrik tadi, soal membaiki rumah dan

sebagainya sebab ini tidak ada termasuk dalam bajet yang kita bincangkan dan peruntukan tambahan yang kita bincangkan pada hari ini. Walau bagaimanapun, saya akan bercakap secara umum dan ringkas sahaja. *The detail part* itu nanti kita bincang di luarlah seperti Yang Berhormat Kalabakan dan sebagainya yang begitu prihatin kepada masyarakat di sana.

Saya yang pertamanya soal Yang Berhormat Kalabakan tadi soal elektrik ambil secara ringkas. Memang benarlah bahawa pihak kementerian, kita menyiapkan bekalan elektrik, memasang tiang-tiang, wayar, dawai dan sebagainya di jalan-jalan tetapi tidak masuk pergi ke rumah ya. Jadi, sebenarnya perkara ini kita sedang merasai ada kekurangan dan kita telah pun mengambil tindakan untuk mencari jalan supaya rumah-rumah yang berdekatan itu boleh juga disambung wayar dia ke rumah-rumah dan ini akan dibiayai. Kita telah bincang dengan pihak Sabah SESB Board dan juga Sarawak SESB di Sarawak dan sebagainya. Ini juga kita mengharapkan sama ada pihak kementerian ataupun pihak kerajaan negeri mengeluarkan peruntukan.

Untuk yang di luar yang *the main* lain itu kementerian tetapi yang itu ialah kerajaan negeri. Ada juga pandangan supaya kata dia, pembayaran ini kita dahulukan Sabah Electricity Board misalnya dia bayar dahulu tetapi yang si empunya rumah-rumah tadi dia bayar beransur-ansuran dari bulanan-bulan, dipotong daripada bayaran elektrik dan sebagainya. Ini sedang dibincangkan dan *insya-Allah* tidak lama lagi ini akan dilaksanakan termasuk jugalah di kawasan Yang Berhormat Kalabakan dan sebagainya termasuklah Pulau Sebatik yang disebut tadi dan sebagainya.

Begitu juga dengan pembaikan rumah atau pembaik pulih rumah sama jugalah cerita dia. Kita memang berhasrat kepada kita sebab pada saya yang jelasnya apa yang kita buat hari ini dari segi peruntukan itu sendiri sebenarnya pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar telah diberikan peruntukan tahun 2010 dahulu peruntukan sebanyak RM4.976 bilion untuk seluruh negara.

Tahun 2011, kita dinaikkan kepada RM7.88 bilion. Bermaknanya ada peningkatan lebih kurang dalam 40.8 peratus. Ini mahu menunjukkan keprihatinan kerajaan untuk mahu melihat luar bandar dapat menikmati rahmat dan faedah pembangunan ini sama seperti di kawasan bandar. Beri masa *insya-Allah* ini akan dapat kejayaan sebagaimana yang kita lihat pada hari ini dan daripada bajet yang besar tadi, 34 peratus kita peruntukan untuk negeri Sabah dan 32 peratus pula untuk negeri Sarawak. Jadi, lihatlah tentang keprihatinan kerajaan kita untuk melihat di situ.

Jadi, yang pentingnya ini akan dapat dimanfaatkan dan dipergunakan oleh ahli-ahli yang lain supaya ini juga akan dapat kita laksanakan secepat mungkin. Sedalam mana sekali pun, kita akan turun dan memberikan kemudahan ini.

Keduanya ialah daripada Yang Berhormat Arau yang cerita soal pembiayaan cemerlang tadi, apa definisi pelajar cemerlang? Cemerlang ini bukan sahaja dari segi akademik, profesional,

kokurikulum dan sebagainya. Semuanya diambil kira ke arah pelajar cemerlang yang disebutkan tadi. Akan tetapi secara umumnya, secara spesifik, pelajar cemerlang ini adalah bagi mereka yang tamat pengajian dengan CGPA 3.50 ke atas. Ini adalah pelajar cemerlang. Jadi, kalau ada mereka-mereka yang tuan-tuan, anak-anak di kawasan tuan-tuan yang dapat menerima keputusan yang sebegini memang ada ruang, tempat bagi kita untuk memberikan sama ada pinjaman, biasiswa dan sebagainya bagi membolehkan anak-anak kita ini melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang yang telah saya sebutkan tadi. Cuma ada disebut soal pejabat wilayah yang telah kita tubuhkan di semua negeri termasuklah di Kedah dan di Perlis, kita memang ada pejabat-pejabat wilayah ini.

Sebenarnya, pejabat wilayah ini tugas dan peranan dia di antara lain secara khusus ialah untuk mahu melihat dan memantau projek-projek yang kita laksanakan dan menerima *feedback* daripada akar umbi dan juga memantau projek-projek yang kita laksanakan. Ia lebih bersifat membantu pihak kementerian. Ini kerana pihak kita di kementerian, kita tidak ada jentera untuk turun ke bawah begitu ramai seperti agensi-agensi yang lain. Jadi, pejabat wilayah ini kita pergunakan untuk mereka melihat dan memantau projek-projek kita dan memberikan *feedback* kepada pihak kementerian supaya yang kita hasratkan untuk melihat rakyat maju di kawasan luar bandar ini benar-benar dapat daripada faedahnya, daripada projek-projek yang kita jalankan tadi.

Cuma sebagai tambahan, perwujudan pejabat-pejabat wilayah ini juga ada kaitannya dengan pembentukan Majlis Pembangunan Luar Bandar yang telah pun dipersetujui oleh Kabinet dan telah pun dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar untuk kita melihat pimpinan akar umbi dapat bersama-sama untuk menyumbang, mengumpulkan jabatan-jabatan tertentu sama ada agensi-agensi yang ada hubung kait dengan soal pembangun luar bandar tetapi juga dengan agensi-agensi wilayah misalnya ECER ataupun Koridor Timur dan sebagainya. Inilah dia Majlis Pembangunan Luar Bandar ini nantilah yang sebenarnya boleh membantu sesama pihak kementerian untuk kita melihat bahawa projek yang kita laksanakan ini nanti benar-benar sampai kepada sasarannya.

Jadi, yang ketiga ialah soal Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena ada menyebutkan soal perbelanjaan membeli alat dan sebagainya. Ini memerlukan saya - Kalau saya mahu sebutkan terlalu detil ya. Akan tetapi Yang Berhormat bila, *anytime*, esok kita bercerita panjang. Ini kerana bayaran-bayaran yang kita kemukakannya di sini adalah bayaran-bayaran untuk bayaran kemajuan pembinaan kepada kontraktor dan yuran perunding. Ini sebahagiannya ialah bahagian akhir pembinaan tadi, inilah duit yang telah kita cadangkan diluluskan untuk kita bayar kemajuan pembinaan atau *development* kontraktor-kontraktor dan juga yuran perunding.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Begitu juga dengan alat kelengkapan untuk semua...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Nanti saya habiskan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya mahu patah balik satu *frame* ke belakang.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Mahu patah balik ke belakang?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, satu *frame* ke belakang.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Saya tidak boleh. Saya sudah maju ke depan. Saya tidak mahu balik-balik lagi.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sedikit sahaja.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Akan tetapi tidak mengapalah.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini mengenai Majlis...

Dato' Haji Hasan bin Malek: Yang Berhormat Tangga Batu ada tidak ada masalah.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, dia kalau patah balik lalu Tangga Batu tidak mengapa Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya cuma untuk *curiosity* sayalah berkaitan dengan Majlis Pembangunan Luar Bandar di mana kita dapat lihat sedikit sebanyak peranan DO ada di sana, Pegawai Daerah.

■1210

Pegawai Daerah yang memang antara tugas terasnya, peranan terasnya adalah untuk memastikan projek-projek berkaitan dengan pembangunan luar bandar ini akan dilaksanakan mengikut rancangan Kerajaan Persekutuan. Jadi apabila wujudnya satu Jawatankuasa Majlis Pembangunan Luar Bandar dan kebetulan pula jawatankuasa ini dia punya terma dan rujukan itu tidaklah sejelas apa yang seharusnya dipikul oleh Tuan DO tadi, saya khuatir akan berlaku pertindihan dan akan mewujudkan kekeliruan di antara kedua-dua peranan ini. Jadi bagaimana Yang Berhormat boleh menjelaskan, kementerian boleh menjelaskan peranan ini? Biarlah majlis ini menjadi pemantau dan juga pengawal serta ada kuasa-kuasa tertentu di bawah majlis bagi menentukan Tuan DO tadi mengikut apa yang diharapkan oleh majlis ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terima kasihlah Yang Berhormat Tangga Batu yang mengemukakan pandangan yang baik. Sebenarnya kita buat majlis pembangunan itu bukan kerana sesuka hati tetapi sebenarnya telah dibincangkan, telah diperincikan dan dikaji sedalam-dalamnya sama ada bertindih dengan agensi yang lain dan sebagainya, telah dibawa kepada Kabinet dan Kabinet telah membuat keputusan supaya majlis ini ditubuhkan.

Hasrat kita sebenarnya, kita memang – saya faham tentang peranan pejabat daerah dalam konteks pembangunan luar bandar ini. Sebenarnya kita hendak dalam organisasi ataupun jawatankuasa yang ditubuhkan ini Majlis Pengerusinya ialah Ahli-ahli Parlimen ataupun ketua-ketua bahagian dan sebagainya. Ini berdasarkan kesesuaian tempat itu. Akan tetapi pejabat daerah memang kita mestikan duduk dalam jawatankuasa itu sebagai urus setia bersama.

Maknanya, kemungkinan urus setia tadi salah satu agensi tetapi pejabat daerah kita mestikan duduk bersama-sama, sebab kita tidak hendak bila dibincangkan perkara-perkara itu pejabat daerah yang lagi faham. Oleh kerana itu bila ada sesuatu perbincangan dibuat, kalau benda itu bertindih, dia sendiri akan memaklumkan kepada kita.

Jadi maknanya, benarlah hasrat Yang Berhormat Tangga Batu tadi kita akan laksanakan ini dengan membawa sekali pejabat daerah ataupun Pegawai Daerah ataupun wakil dia untuk duduk bersama-sama dalam semua perbincangan-perbincangan itu tadi. Kuasanya, kepada kita semualah yang hendak melaksanakan. Maknanya, kuasa secara khusus tidak ada, tinggal lagi kita sama-sama hendak membantu – ruang, ada masalah agensi ini dibincangkan dan pengerusi nanti akan membawa perkara ini kepada pihak atasan dan sebagainya.

Saya cukup yakin *insya-Allah*, kita sudah mulakan beberapa kawasan dan *feedback* yang kita dapat agak menggalakkan sebab dahulu disebut kadangkala projek yang sampai ditinggalkan, Parlimen tidak tahu, ADUN tidak tahu. Jadi majlis ini nantilah yang kita lihat boleh membantu sama pimpinan tempatan, agensi-agensi kerajaan dan pegawai-pegawai yang terlibat dalam pembangunan luar bandar ini untuk berkongsi pendapat melihat masalah-masalah yang mungkin agensi itu tidak boleh hendak selesaikan, agensi lain pula boleh selesaikan.

Dalam pendek kata, inilah dia majlis, *insya-Allah* bila dilaksanakan nanti boleh benar-benar melihat denyut nadi rakyat, masalah rakyat di bawah ini dapat diselesaikan dengan cara baik. Itu ya.

Seterusnya, berbalik tadi pada Yang Berhormat Pokok Sena tadi, bayaran yang disebut tadi, saya sudah sebut tadi soal bayaran pemajuan pembinaan. Selain daripada itu juga untuk hendak melengkapkan alat-alat kelengkapan Maktab Rendah Sains Mara, Kolej KPTM, kolej macam-macam yang ada ini, hendak melengkapkan untuk semua bangunan, kalau misalnya asrama itu kita perlukan katil, almari. Jikalau kelas itu pula mejanya, kerusinya; dewan makan – kerusi, meja; dewan serba guna – meja peperiksaan, kerusi, alat sukan, alatan sains, alatan bengkel dan komputer dan ICT sebagainya.

Selain daripada itu duit ini juga kita gunakan untuk membekalkan kenderaan-kenderaan bas atau van dan sebagainya. *Detail* itu bolehlah Yang Berhormat Pokok Sena, kita bincanglah ya. Ruang yang mana secara spesifik, apa Yang Berhormat sendiri hendak. Kita akan, kita tidak ada masalah. Kita telus.

Okey, Yang Berhormat Pokok Sena selesai. Keempatnya ialah daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Harapan beliau ini sebenarnya inilah harapan rakyat sebenarnya. Dia mahu melihat apa yang sedia ada ini ditambah baik. Ini semua sudah baik ini dah. Jikalau MARA atau GIATMARA kah, kita sekarang sentiasa pada sepanjang masa melihat cara macam mana GIATMARA ini pun ditambah baikkan lagi bukan sahaja dari segi *offering of subject* tetapi juga melihat fokus-fokus yang baru. Memang benar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi.

Pihak kita sedang sebenarnya sudah pun melaksanakan beberapa program yang telah kita perkenalkan sebab GIATMARA ini untuk makluman Yang Berhormat, boleh katakan setiap Parlimen kita ada satu GIATMARA paling kurang, termasuklah Pokok Sena dan sebagainya ada. Jadi di sini kita fokuskan kepada perkara-perkara yang baru, kalau misalnya ada secara spesifik Yang Berhormat Kinabatangan mahu melihat subjek itu mahu diajar di GIATMARA bolehlah kemukakan kepada kita untuk kita laksanakan kalau ia memberi manfaat kepada rakyat.

Akan tetapi yang pentingnya bagi kita, GIATMARA ini kepada mereka yang lulus SPM dan sebagainya, kalau ada lepas daripada lulus daripada GIATMARA tadi, hari ini selain daripada mereka belajar, praktikalnya pun kita laksanakan pada waktu dia mengikut pelajaran itu. Misalnya, projek-projek membaiki pulih rumah-rumah yang kementerian ada peruntukan untuk tujuan itu. Kita gunakan pelajar-pelajar GIATMARA tadi, belajar dan dalam waktu yang sama mereka membuat kerja-kerja membaiki pulih ini, GIATMARA itu sendiri.

Saya ada melihat, turun sama-sama, *alhamdulillah* sebab bak kata Yang Berhormat tadi, dia ini dari segi akademik tidak baik tetapi dari segi praktikal baik rumah memang *expert*. Inilah yang kita gunakan. Jikalau inilah juga sebenarnya yang kita selalu sebutkan soal hendak membangunkan modal insan itu. Begitu juga pelajar-pelajar GIATMARA sudah lulus, sudah baik, ada diploma dan sebagainya. Kalau dia baik, dia boleh pergi meningkat pula kepada UNIKL yang juga di bawah kementerian ini iaitu di bawah MARA.

Ini sebab dalam UNIKL kita ada kursus-kursus yang begitu teknikal. Soal-soal *ship dredging*, soal-soal jururawat dan doktor itu sudah biasalah. Ada mata pelajaran-mata pelajaran yang menjadi tumpuan, yang menjadi *demand* daripada pihak swasta.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Jadi, silalah.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja. Saya hendak mengucapkan tahniahlah di atas usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian terutamanya yang berkaitan dengan GIATMARA. Saya tengok yang tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan tadi adalah satu usaha yang sangat baik dan saya tengok juga di kawasan saya dalam hal membetulkan rumah-rumah ini juga ada tetapi jumlahnya adalah amat sedikit.

Saya dimaklumkan bahawa tiada peruntukan untuk melakukan lebih daripada itu, macam kawasan saya ini cuma dua rumah sahaja. Soalan saya, cuma saya hendak tanya sama ada adakah peratusan ini akan ditambah di setiap Parlimen? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang tidak masuk butiran tidak perlu jawab ya. Boleh jawab secara bertulis, berasingan.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Akan tetapi ini sahabat Tuan Pengerusi, sebab dia hendak ajak saya ke kawasan dia, jadi elok juga saya jawab sedikitlah sebab dia ada kaitan dengan GIATMARA tadi. Sebenarnya bagi kita ini dia berdasarkan kepada keperluan dan juga

peruntukan yang ada. Jikalau peruntukannya ada ini kita tidak ada masalah untuk hendak bina. Lagi banyak dia mendapat manfaat, lagi baik. Ini sebenarnya akan memberi jaminan kepada kita untuk kita terus menerajui kawasan-kawasan pihak Barisan Nasional dan sebagainya.

Jadi begitulah tadi Yang Berhormat Parit Sulong. Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Jempol tadi, Yang Berhormat Jempol juga telah berhasrat sama iaitu GIATMARA yang ada ini kalau boleh ditambah baik dari segi kawasan dia, dari segi bilangan kursus, dari segi murid dan sebagainya. *Insyallah* ini saya difahamkan telah pun kita laksanakan sedikit sebanyak, perlahan-lahan Yang Berhormat. Oleh sebab berbalik pada cerita tadi, ini juga adalah bergantung kepada kemampuan, keperluan dan juga peruntukan yang ada pada waktu itu. *Insyallah* ini juga akan kita ambil kira supaya pelajar-pelajar yang belajar di GIATMARA tadi akan bukan sahaja dapat ilmu tetapi pengalaman yang berguna untuk menyiapkan diri mereka ini untuk menghadapi dunia pekerjaan pada masa yang akan datang.

Kursus berkenaan dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, soal rumah, soal keciciran, soal kesihatan dan sebagainya, saya amat suka hendak memaklumkanlah bahawa khususnya dalam bidang pelajaran ini kita memberi pendekatan yang begitu serius. Oleh sebab kita mahu melihat kalau Orang Asli ini hendak maju, ilmu ini mesti diberikan pada setiap individu. Oleh sebab itu kita tekankan ini, kita buat program macam-macam malahan ada program disebut tadi 'Jom Kita Ke Sekolah,' 'Jom Kita Periksa,' dan sebagainya program-program ini.

■1220

Nampaknya hasilnya amat baik sebab daripada saya boleh umumkan secara puratanya. Puratanya lebih kurang 200 lebih anak Orang Asli setiap tahun melanjutkan pelajaran hingga ke IPT. Setiap tahun pula puratanya lebih kurang dua atau tiga orang yang mendaftar buat PhD di IPTA. Ini maklumat yang saya difahamkan. Bermaknanya ada satu kesungguhan, ada satu lonjakan yang begitu baik kepada masyarakat ini. Soal-soal keciciran itu juga ada kaitannya dengan soal sikap dan sebagainya. Inilah yang sentiasa kita mahu melihat dan bantuan daripada rakan-rakan lain untuk sama-sama membantu memberikan mereka suntikan supaya mereka lebih bersemangat, boleh menghargai tentang pentingnya ilmu ini dan sebagainya.

Yang Berhormat Hulu Langat pula ada bertanyakan kepada saya berkenaan dengan pembelian barang-barang tersebut. Yang Berhormat Hulu Langat tadi bertanyakan soal, ini pun *detail* Yang Berhormat, apa yang diperlukan. Cuma apa yang saya hendak sebut Yang Berhormat tanya tadi ialah soal DDEC yang telah ditubuhkan oleh pihak MARA ini. DDEC ini sebenarnya telah ditubuhkan pada Julai 2007, kita sebut DDEC ataupun Pusat Reka Bentuk Negara, yang mana agensi ini berperanan untuk menyelaraskan aktiviti reka bentuk dalam pelbagai bidang supaya mempunyai nilai tambah ke arah pengkomersialan produk di pasaran tempatan dan antarabangsa. DDEC ini letaknya di Jalan Raja Chulan, di Hotel Raja Chulan yang

telah pun beroperasi dan telah juga menghasilkan beberapa produk-produk yang bersifat mereka bentuk, bungkusan, iklan dan sebagainya.

Kalau Yang Berhormat minat pergi sana, boleh kita aturkan dan lihat di sana. Yang mana, Yang Berhormat boleh berikan sumbangan buah fikiran dan sebagainya. Jadi, yang ditanya tadi soal barang-barang tempatan, inilah kita telah sebutkan tadi, barang-barang ini kita gunakan bukan sahaja untuk DDEC tadi tetapi juga agensi-agensi yang lain, alat-alat yang diperlukan daripada situ. Jadi, ini sebenarnya memerlukan belanja dan sebagainya, jadi itu Yang Berhormat Hulu Langat ya.

Yang Berhormat Hulu Selangor telah secara spesifik bertanyakan kepada saya tentang berapa ramai bukan bumiputera yang diberi peluang untuk belajar di MRSM? So, hari ini daripada rekod kita, pelajar bukan bumiputera yang sedang belajar hari ini ada lebih kurang 524 pelajar di MRSM yang sedang belajar pada waktu ini. Di beberapa kolej atau kolej MARA di seluruh negara, lelaki ada 216 dan perempuan ada 308. *Detail* nya kalau perlu boleh saya maklumkan kepada Yang Berhormat Hulu Selangor. Soal JHEOA tadi pun samalah ceritanya, soal bantuan rumah-rumah dan ini kita beri penekanan. Memang sudah ada dilaksanakan di beberapa kawasan dan ini akan terus kita laksanakan selagi ada peruntukan, selagi ada keperluan, ini akan kita bina.

Akhir sekali Yang Berhormat Parit Sulong ialah berkenaan peniaga-peniaga kecil. Sebenarnya kadang-kadang Yang Berhormat, rakyat kita di sini bila hal-hal meniaga tadi banyak tertumpu atau bergantung pada MARA sahaja. Sebenarnya ada agensi-agensi yang lain juga, yang memberikan bantuan, pinjaman dan sebagainya. Misalnya Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) ataupun daripada TEKUN dan sebagainya. Bagi MARA pun tidak henti-henti, sepanjang masa kita memang ada memberikan pinjaman. Jadi masalahnya ialah yang dulu-dulunya banyak yang ponteng, dapat pinjaman kadang-kadang tidak belanja, buat apa yang diminta tetapi inilah kerja kita, tugas kita untuk mengutip balik bayaran-bayaran tersebut.

Walau bagaimanapun, kalau misalnya ada keperluan di kawasan Yang Berhormat untuk tujuan peniaga-peniaga kecil ini, kita akan bersedia untuk membantu sebab ada program-program yang kita buat khusus dalam memberikan kemudahan bimbing usahawan tadi. Misalnya kemudahan program seperti kemudahan latihan perintisan, promosi pemasaran, program usahawan, program inkubator, ini pun semuanya membelanjakan lebih kurang juta ringgit juga. Jadi, oleh sebab itu, inilah dia ruang dan peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan, oleh MARA secara khususnya dan ini akan terus kita laksanakan.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat, celah sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sebenarnya melihat daripada kronologi penglibatan MARA dalam memberi usahawan-usahawan bumiputera terlibat dalam perniagaan ini sudah terlalu lama. Cuma saya ingin bangkitkan di sini tentang lokasi premis-premis yang didirikan dalam membantu bumiputera. Kita lihat kebanyakan

lokasi premis-premis yang didirikan sekarang dan ada di kalangannya di kawasan saya pun masih lagi belum mendapat CF, mungkin kerana soal-soal yang berkaitan dengan *spec* binaan tidak dipatuhi dan sebagainya.

Akan tetapi masalahnya ialah lokasi pembinaan bangunan berkenaan terletak di luar daripada kawasan-kawasan yang sepatutnya menjadi kawasan *prime*, kawasan-kawasan yang terlibat dengan tumpuan dan kedatangan orang ramai. Jadi, boleh atau tidak dipertimbangkan supaya untuk pembinaan pada masa-masa hadapan, pertimbangan ini menjadi pertimbangan utama supaya memastikan bahawa premis ini tidak terbiar dan tidak dapat dijalankan perniagaan. Ini kerana kalau dimasuki oleh penyewa-penyewa ataupun pemilik-pemilik berkenaan, mereka tidak akan dapat berbuat apa-apa, mungkin mereka akan berada dalam keadaan kerugian. Jadi, pohon tindakan segera dalam mempertimbangkan untuk pembinaan di masa hadapan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Yang Berhormat Tuan Pengerusi serta Yang Berhormat daripada Arau, sebenarnya pandangan itu memang benarlah. Ada kawasan-kawasan di mana kita lihat pembangunan kedai-kedai atau arked-arked MARA ini diletakkan di lokasi yang tidak berapa strategik sebab ini pun berbalik kepada soal tanah yang kita ada. Yang sedia ada ini kebanyakannya ialah di kawasan-kawasan luar. Walau bagaimanapun dalam konteks ini juga, saya minta juga dapat peranan ataupun sokongan daripada Yang Berhormat untuk dilihat, mana yang strategik, sama ada tanah-tanah yang dipunyai oleh majlis daerah dan sebagainya, bolehlah kita sama-sama berunding. Sebab bagi kita kadangkala tidak ada pilihan, inilah tempat yang ada, tanah yang ada oleh kepunyaan MARA, inilah yang kita buat. Walau bagaimanapun *insya-Allah*, kita akan senantiasa pertimbangkan perkara-perkara sedemikian.

Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah pendapat yang telah diberikan. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada mereka yang prihatin dan itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM20,998,000 untuk Maksud B.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20,998,000 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM496,000,000 untuk Maksud P.22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM496,000,000 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Oleh sebab P.23 hanya token sahaja, ia tidak perlu dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

Maksud B.24 [Jadual] -**Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.24 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,700,000 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM5,700,000 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM156,310,010 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM156,310,010 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

■1230

Maksud B.25 [Jadual] -**Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] -**

Tuan Pengerusi: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Kepala Bekalan B.25 dan Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

12.30 tgh.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tambahan sebanyak RM356, 690,000 adalah dikehendaki untuk menampung bantuan kewangan kepada pengeluar gula dan tepung bagi tahun 2010. Kerajaan sebenarnya telah membiayai subsidi pada tahun 2010 untuk komoditi gula RM789 juta manakala tepung gandum sebanyak RM89 juta. Ekoran daripada kita memberi subsidi daripada barang-barang runcit harga kita dapat kurangkan. Soalan saya apakah sebenarnya tujuan peruntukan tambahan ini? Adakah disebabkan kerana harga komoditi itu terus menaik ataupun kerana jumlah keperluan semakin meningkat? Ini kerana kalau kita lihat daripada jumlah subsidi yang kita telah belanjakan lebih kurang RM870 juta untuk kedua-dua komoditi ini. Sedangkan peruntukan tambahan kita minta RM356 juta lebih 45% daripada jumlah subsidi ini kita mintakan peruntukan tambahan.

Keduanya peruntukan tambahan ini adalah untuk menampung bantuan kewangan kepada pengeluar gula dan tepung. Soalan saya berapa ramaikah sebenarnya pengeluar-pengeluar untuk kedua-dua komoditi ini? Keduanya, apakah sebenarnya harga *threshold* mereka? Adakah sebenarnya kerajaan bercadang untuk mengkaji semula harga *threshold* ini? Ketiganya, sekiranya harga pasaran untuk kedua komoditi ini akan terus meningkat memandangkan kekurangan makanan di dunia. Akibat daripada jumlah penduduk yang semakin meningkat dan juga faktor cuaca. Adakah kerajaan berkeupayaan untuk menampung subsidi yang terus akan meningkat ini? Itu sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota selepas itu Menteri menjawab.

12.32 tgh.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya seperti Yang Berhormat Jasin juga hendak bertanya berkenaan dengan jumlah B.25 iaitu peruntukan tambahan sebanyak RM357 juta. Semakan saya berkenaan dengan kedudukan jumlah subsidi yang diberikan terutama kepada dua keperluan asas gula dan tepung.

Pertama berkenaan dengan tepung kementerian telah menjawab beberapa kali terutama yang dinyatakan oleh mantan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri yang lalu menyatakan bahawa tepung adalah terbahagi kepada dua jenis kategori. Pertama tepung yang

menjadi bekalan kepada pengguna biasa dan tepung yang diperuntukan ataupun subsidi yang diberikan khusus kepada pengeluar produk-produk yang berasaskan tepung seperti roti putih dan juga barangan-barangan makanan yang berasaskan tepung yang *dibleach* dengan izin, yang dilunturkan.

Saya minta kepada kementerian untuk menjelaskan apakah rasional kementerian untuk memberi keutamaan kepada agensi ataupun entiti-entiti yang terlibat secara rapat kepada pembekal tepung putih ini. Saya difahamkan bahawa di dalam Tambahan Belanjawan 2010 yang lalu kita telah meluluskan RM212 juta untuk tujuan khas subsidi kepada pembekal tepung putih. Seterusnya yang dianggap kategori terbabit dalam pengeluaran roti putih. Adakah kedudukan roti putih dalam negara kita ini menjadi ukuran makanan asasi? Saya difahamkan ada di peringkat jawatankuasa pada sesi yang lepas memberitahu dan memaklumkan bahawa roti adalah dianggap makanan asasi rakyat Malaysia juga sebagaimana statusnya dengan beras.

Semalam ada perbincangan berkenaan dengan kedudukan import beras sebanyak 30% makanan ruji beras ini masih lagi *diimport*. Kita dalam rancangan untuk mengadakan *to sustain* pengeluaran beras. Juga semalam kita diberitahu bahawa kerajaan cuba untuk mempertingkatkan kedudukan 30% ini hendak dikurangkan sehingga 10% hingga 5% pengimportan beras. Alasan yang diberi mengatakan bahawa wujud kebimbangan sekiranya berlaku krisis yang sama yang pernah kita lalui dalam sejarah negara kita apabila negara pembekal mengambil kesempatan kepada negara kita dalam masa krisis terutama apabila berlakunya bencana dan sebagainya.

Kita tahu tidak ada satu pun pokok gandum ditanam dalam negara kita kerana tidak ada kesesuaian dari segi klimaks. Maka sudah tentu 100% pergantungan kita untuk produk tepung ini atau gandum ini berlandaskan import ataupun usaha untuk membawa masuk daripada luar. Jadi dari segi kritikalnya apabila berlaku krisis dan juga ketakutan kita apabila pengeksport produk gandum atau yang berkaitan dengan asas gandum ini. Mereka boleh mengambil kesempatan lebih baik atau lebih mudah mereka mengambil kesempatan berbanding dengan kesempatan yang diambil terhadap produk yang berasaskan beras ataupun produk beras.

Jadi saya hendak tanya adakah selama hari ini kerajaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan memikirkan tentang rancangan untuk menangani isu kenaikan harga gandum ataupun barang-barang yang berasaskan gandum. Ini kerana RM356,660,000 bukan bertujuan untuk mewujudkan rancangan mengelakkan daripada berlakunya kenaikan harga gandum akibat tekanan ataupun kesempatan yang barangkali diambil oleh pihak pembekal terutamanya dikatakan sebagai pengeksport barangan ini. Saya hendak tahu apakah kaitannya dengan rundingan yang berlaku di atas - ya sepatutnya saya kemukakan dalam FTA tadi. Akan tetapi rundingan yang berkaitan dengan mengehadakan kepada peratusan tertentu.

Sebagai contoh mengehendkan barang-barang keperluan makanan berasaskan pertanian sebanyak 5% sahaja untuk *diimport* atau dieksport ke dalam negara kita. Perkara ini berlaku disebabkan ada perundingan baru atas produk-produk keluaran terutama yang berasaskan pertanian dalam negara kita semasa rundingan FTA ataupun memuktamadkan FTA yang lalu dengan beberapa yang lain. Adakah juga gandum ini tepung ini atau gandum ini terlibat dalam rundingan untuk mengehendkan jumlah yang patut kita *import* atau dapat kita beli daripada negara pengeluar? Gula sudah tentu menjadi satu produk yang cukup hebat diperkatakan dalam masa lapan bulan terakhir tempoh isu berkenaan gula yang timbul dalam negara kita.

Hampir setiap hari pada masa tempoh lapan bulan itu media memaparkan krisis yang dianggap sebagai satu krisis. Di mana gula didapati tidak ada atau tidak mencukupi di dalam pasaran. Isu yang lebih agak hebat juga diperkatakan bahawa wujud elemen mengambil kesempatan di segenap peringkat daripada pengeluar, pengimport, pengilang, pembungkus, pemukul, peruncit. Juga dikatakan sebagai adanya aktiviti-aktiviti penyeludupan yang diketuai oleh golongan yang mempunyai kredibiliti tinggi dalam menguruskan pembekalan gula.

Sebagai contoh sekiranya berlaku beberapa ribu tan pengeluaran ataupun kuota untuk pengurusan gula untuk bekalan rakyat Malaysia. Sekiranya 2% pada nilai atau jumlah ini yang diseludup keluar dikatakan melibatkan pihak yang mempunyai kelulusan ataupun dengan bahasa mudah pihak yang mempunyai lesen.

■1240

Agak sukar untuk orang yang tidak mempunyai lesen atau syarikat-syarikat yang tidak mempunyai lesen boleh memperdagangkan atau mempunyai akses yang begitu besar kepada nilai kilogram ataupun nilai gula itu. Jadi saya nak tanya kepada kementerian, ada atau tidak daripada tambahan peruntukan ini yang hampir setengah bilion ini diperuntukkan atau nak dipergunakan untuk tujuan mengenal pasti masalah ini dan seterusnya melaksanakan beberapa aspek pencegahan kerana isu kekurangan gula atau penyeludupan gula ini berterusan begitu lama. Semakan saya dalam *detail* ini tidak ada sebenarnya. Kalau begitu, dalam masa beberapa bulan lagi saya rasa ada kemungkinan kementerian akan meminta bajet tambahan pula untuk tujuan melaksanakan kaedah untuk menghapuskan atau mengurangkan penyeludupan ini.

Saya nak tahu kenapa perkara ini tidak dimasukkan. Adakah bekalan gula kita telah mencapai tahap stabil ataupun langkah-langkah mencegah penyeludupan ataupun membanteras penyeludupan ini telah dilaksanakan terlebih dahulu, maka kementerian tidak perlu memohon belanjawan untuk tujuan memerangi penyeludupan ini ataupun jika ini tidak ada, saya rasa amatlah tidak wajar sekali kerana di masa akan datang, gula tetap akan menjadi item atau bahan yang mudah untuk diambil kesempatan terutama untuk penyeludupan dan saya tak nafikan oleh kerana harganya agak rendah di dalam edaran domestik kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Akan tetapi kita jangan lupa perkara ini juga menjadi perkara yang negatif kerana rakyat kita tidak menikmati apa yang sepatutnya mereka dapat. Sudah tentu subsidi itu tidak dapat kepada rakyat kita dan jangan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskanlah Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya. Jangan marah kita katakan bahawa itulah di antara sebab Buku Jingga kita perkenalkan kerana kita... [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Indera Mahkota, boleh saya dapat penjelasan?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tak bagilah Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Indera Mahkota habiskan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Beruas nak tahu Buku Jingga, dia pun tak tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okey, lima minit boleh?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Ha, tanya Buku Jingga apa dia. Dia pun tak tahu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Jadi sebab itu saya kata jangan kita terlalu susah hati dan marah apabila sebenarnya saya tahu Yang Berhormat Kota Belud teliti perkara itu. Ada antara sebab-sebabnya kita menyebut perlunya untuk menstrukturkan semula subsidi terutama dalam item gula dan tepung yang kita bincangkan pada hari ini kerana aspek penyeludupan itu samalah seperti kita mengagihkan peruntukan tambahan ini kepada orang yang tidak sepatutnya iaitu warga asing yang langsung tidak punya hak untuk menikmati barangan itu dalam kedudukan subsidi. Sebab itulah saya kata antara sebab item dalam Buku Jingga itu diletakkan sebagai usaha kita menstrukturkan semula subsidi untuk gula dan tepung. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat menteri.

12.43 tgh.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Tan Lian Hoe]: Terima kasih saya ucapkan pada Tuan Pengerusi dan terima kasih saya ucapkan kepada dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Indera Mahkota yang telah pun memberi pandangan dan pendapat yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan berkaitan dengan dua perkara iaitu gula dan tepung. Memang tidak dapat kita nafikan peruntukan yang

dimohon sebanyak RM356,690,000 ini adalah satu peruntukan yang agak besar sebenarnya untuk membayar iaitu subsidi untuk pihak kerajaan kepada rakyat sebenarnya.

Kita tahu bahawa subsidi ini adalah telah diperlukan untuk memastikan bahawa rakyat dapat menikmati harga yang lebih rendah kalau kita bandingkan dengan negara-negara luar dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita perlu ingat bahawa iaitu disebabkan kerana harga pasaran terutamanya kenaikan harga gula mentah telah meningkat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Menteri, boleh dapat penjelasan?

Dato' Tan Lian Hoe: Nanti dulu. Kalau kita lihat harga LTC (*long term contract*) iaitu kontrak jangka panjang bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, ia telah dimuktamadkan lebih tinggi daripada LTC bagi tempoh 2006 hingga 2008 iaitu sebanyak 78% disebabkan kerana kenaikan harga gula mentah dunia akibat daripada pelbagai faktor iaitu bencana alam yang telah pun berlaku sejak tahun 2010 dan hingga ke hari ini dan seperti banjir di Australia, Queensland telah mengakibatkan termusnahnya ladang-ladang gula tebu di sana. Selaras dengan perkembangan ini, pihak industri gula sebenarnya telah pun meminta kerajaan untuk menaikkan harga jualan runcit gula sebanyak 60 sen sekilogram daripada RM1.45 kepada RM2.05 sekilogram.

Akibat daripada itu kalau kita lihat sebenarnya hari ini kerajaan telah pun menetapkan harga RM2.10 sekilogram dan ini sebenarnya tanpa harga subsidi, kalau kita lihat harga pasaran ialah RM2.50 satu sekilogram. Dengan kata lain iaitu setiap satu kilo yang rakyat beli hari ini kerajaan masih menanggung subsidi sebanyak 40 sen sekilogram. Memandangkan hakikat ini, sebenarnya jumlah yang disubsidikan oleh pihak kerajaan untuk gula sahaja bagi tahun 2010 ialah 1.26 juta tan metrik dan jumlah peruntukannya ialah RM788,155,774.68. So akibat daripada ini sebenarnya akibat daripada peningkatan harga dunia yang telah pun menyebabkan bahawa kerugian kepada pihak pengeluar. Sebab itu pihak kerajaan terpaksa menambahkan subsidi untuk diberi kepada pengeluar-pengeluar supaya rakyat dapat membeli harga yang ditetapkan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh saya dapat penjelasan?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak tanya Timbalan Menteri, adakah benar Kerajaan Malaysia daripada segi gula, kita menandatangani beberapa perjanjian untuk membeli untuk satu tempoh yang telah ditetapkan. Kalau tak silap saya, setiap tiga tahun. Jadi bahawa diperlukan tambahan subsidi ini atas alasan kenaikan harga kerana malapetaka di dunia, pada saya itu satu alasan sahaja. Jadi saya nak dapat penjelasan adakah benar kita...

Dato' Tan Lian Hoe: [Bangun]

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Belum lagi, lagi. Juga saya nak tanya Timbalan Menteri, Timbalan Menteri pun sendiri tahu bahawa ada banyak kes menteri pun terlibat dalam memastikan *enforcement* dijalankan kerana banyak ketirisan yang berlaku dalam subsidi tepung,

gula dan juga beras ini dan kita tahu ada banyak kes yang saya telah terima aduan di mana sasaran beras untuk orang miskin tak sampai kepada orang miskin kerana ada sindiket yang membeli sekali gus semua beras subsidi yang dikeluarkan kemudian *direpackage and resold* dan ada orang yang mengaut untung yang banyak dan ada pegawai yang terlibat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Tan Lian Hoe: Okey, Yang Berhormat Beruas. Saya ingat...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Adakah Timbalan Menteri sedar perkara ini tak dan juga gula boleh dijual di Kedah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat sedang mencelah Yang Berhormat, tengah mencelah ya. Tak payah panjang kalau tengah mencelah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya nak dapat keterangan. Sebenarnya subsidi tambahan ini tidak perlu kalau ada penguatkuasaan yang ketat di mana gula boleh dijual secara berlori-lori di Kedah dan boleh sampai ke Thailand, ada cara dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup dulu Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi maksud saya, tanpa ketirisan kita boleh menjimatkan wang rakyat, betul tak?

Dato' Tan Lian Hoe: Okey Yang Berhormat. Saya faham, saya faham.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas.

Dato' Tan Lian Hoe: Okey. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Beruas ini, sebenarnya saya ingat Yang Berhormat pun faham bahawa apabila kontrak iaitu jangka panjang ini telah pun ditandatangani, disebabkan kenaikan harga gula mentah di peringkat dunia, maka sebenarnya seperti yang telah saya maklumkan bahawa kita telah pun ada kenaikan yang lebih tinggi iaitu 78%. So saya ingat yang ini Yang Berhormat perlu memahaminya dan perlu menerima hakikat ini dan jangan dipolitikkanlah.

■1250

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kita mengakui bahawa...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Maksudnya di sini...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Harga tetap yang kita beli...

Dato' Tan Lian Hoe: Kita perlu.... ketirisan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Untuk mencelah dengan peraturan.

Dato' Tan Lian Hoe: Tidak dapat dinafikan sebab adanya penyelewengan disebabkan dengan harga kita begitu rendah kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran. Kalau kita lihat gula kasar di negara kita yang kita jual dengan RM2.10 sen sekilogram, di Filipina dijual dengan RM4.51 sen, di Singapura dijual RM3.61 sen, di Thailand RM2.31 sen, di Indonesia

RM3.60 sen. Akibat daripada perbezaan harga ini sudah pastinya ada pihak-pihak yang hendak mengaut keuntungan, yang tidak bertanggungjawab sudah tentunya mereka akan menyeleweng. Kita di pihak kementerian tidak habis-habis dan berterusan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk menguatkuasakan dan memantau, dan ini perlu diakui oleh pihak-pihak di sebelah sana bahawa kita tidak lepas tangan. So saya harap pihak di sebelah sana memahaminya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota bangun Yang Berhormat.

Dato' Tan Lian Hoe: Begitu juga dengan makluman...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sedikit berkenaan dengan subsidi tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya tidak mempertikaikan berkenaan dengan penyeludupan, tetapi saya hendak bertanya berkenaan dengan yang diberi kepada kita dalam Dewan ini. Saya hendak tanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah berucap 12 minit tadi, tidak tanyakah perkara itu?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat, ini yang Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab tadi.

Dato' Tan Lian Hoe: Saya belum jawab kepada Yang Berhormat. Tunggu dahulu. Biar saya jawab semuanya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Begini, Yang Berhormat kata tadi...

Dato' Tan Lian Hoe: Kalau ada apa-apa yang tidak memuaskan hati Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh mencelah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Subsidi kenaikan sebab naik 78% harga gula di pasaran dunia. Saya kata begini, ini Yang Berhormat sebutkan tadi. Kalau ikut anggaran asal kita ini, subsidi untuk gula dengan tepung, RM376.5 juta. Peruntukan tambahan dalam jadual lepas RM755 juta. Maknanya tambahan itu 200%. Kemudian hari ini kita hendak minta lagi tambahan untuk 2010 juga sebanyak RM356 juta. Jadi keseluruhannya RM1.488 bilion. Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa yang kita bincangkan hari ini adalah tambahan untuk tahun lepas sebanyak RM1 bilion lebih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *We are not talking...* kita bukan bercerita pasal RM300 juta, kita cerita pasal tambahan untuk 2010, muka surat 1 Yang Berhormat lampiran B.

Dato' Tan Lian Hoe: Ya, ya saya faham Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: RM1 bilion lebih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Tan Lian Hoe: Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat, yang pertamanya harga pasaran telah pun meningkat. Yang kedua kita perlu ingat bahawa jumlah permintaan daripada IKS telah pun bertambah daripada industri-industri. Dalam sebuah negara yang menggalakkan iaitu perniagaan kepada penduduk negara kita, so ramai yang telah menceburkan diri dalam pelbagai industri terutamanya dalam industri makanan dan minuman. Sudah pastinya kenaikan dari segi permintaan gula ini telah meningkat. Itu yang pertama dan ini kita tidak dapat nafikan bahawa keadaan cuaca yang telah menyebabkan keadaan ini. Begitu juga hari ini kalau kita lihat iaitu dasar negara-negara eksport hari ini tidak mengeksport barang-barang keperluan mereka. Ini telah pun menyebabkan harga iaitu pasaran di negara kita terutamanya gula dan tepung ini telah meningkat.

Untuk menjawab soalan kepada Yang Berhormat berkaitan dengan siapakah pengeluar-pengeluar ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, untuk gula kita ada empat kilang gula dan untuk tepung sebenarnya kita ada iaitu 11 kilang tepung yang ada di negara kita. Di mana peruntukan ini adalah diberi kepada mereka untuk menampung subsidi kepada rakyat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh...

Dato' Tan Lian Hoe: Saya ingat Yang Berhormat tidak perlu...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Menjawab mengenai bagaimana mengatasi ketirisan yang bagi saya merupakan jumlah yang terbesar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, isu ini pagi tadi telah pun dijawab dalam sesi soal jawab.

Dato' Tan Lian Hoe: Saya ingat Yang Berhormat Beruas itu sudah dijawab begitu banyak sekali.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Maksud saya kalau kerajaan tidak begitu baik...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Mungkin cara subsidi mesti tukar supaya ketirisan tidak terus berlaku, kita semua mengaku ketirisan berlaku.

Dato' Tan Lian Hoe: Yang Berhormat, saya faham. Sebagai wakil rakyat saya amat terhutang budi atau berterima kasih kepada semua wakil rakyat. Yang pertamanya sudah menjadi tanggungjawab kita untuk menerangkan dan mendidik rakyat tentang...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini bukan soal terhutang budi Yang Berhormat, ini soal duit negara.

Dato' Tan Lian Hoe: Kesedaran rakyat mengenai keadaan sebenar...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh mencelah macam ini Yang Berhormat.

Dato' Tan Lian Hoe: Subsidi harga dan bekalan komoditi dan jangan pula ambil perkara-perkara ini untuk diputarbelitkan. Sebab saya dapati perkara-perkara ini adalah sesuatu realiti dan maaflah saya katakan kalau pihak di sebelah sana sebenarnya mengambil isu ini tidak menerangkan kepada rakyat perkara yang sebenar. Saya ingat itu adalah sesuatu yang tidak elok.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tidak bolehlah Yang Berhormat berkata begitu.

Dato' Tan Lian Hoe: Bagi saya perkara-perkara ini perlu kita jelaskan kepada rakyat keadaan dunia yang sebenarnya.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Tan Lian Hoe: Janganlah pula kita memutarbelitkan selepas itu mengapi-api rakyat untuk membenci kerajaan yang selalunya prihatin kepada rakyat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Timbalan Menteri mengaku ada ketirisan. Sekarang kita hendak jawapan bagaimana hendak mengatasi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya minta untuk mencelah dengan tertib. Itu sahaja.

Dato' Tan Lian Hoe: So, saya rasa saya telah pun menjawab semua soalan ini.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Mohon penjelasan.

Dato' Tan Lian Hoe: Berkaitan dengan rundingan sama ada dijalankan oleh pihak kementerian saya.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Timbalan Menteri mohon penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Saya akan minta laluan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Tan Lian Hoe: Sebenarnya pihak kementerian saya tidak menjalankan apa-apa rundingan sebab kementerian-kementerian lain telah diberikan tanggungjawab ini. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, projek...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Timbalan Menteri tidak bagi laluan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jawapan Timbalan Menteri terhadap isu yang dibahas tadi telah dijawab.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Projek Micro ID tidak jawab berapa juta rugi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM356,690,000 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM356,690,000 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Maksud P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Ledang.

12.58 tgh.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada beberapa tajuk Butiran P.27, Butiran 09260 kemudian 21000 dan projek-projek besar lain. Saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian benar-benar sedang dan akan puas hati dengan mutu pembinaan projek-projek yang disebutkan ini.

Tuan Pengerusi, saya lihat walaupun ini tidak boleh dibincangkan dalam peruntukan tanda ini tidak ada satu pun cadangan pembinaan pusat latihan JKR, tidak ada satu pun cadangan pusat latihan JKR untuk akan datang. Sedangkan kita sedia maklum sejak akhir-akhir ini kualiti pengawasan sudah menurun dan memerlukan latihan pegawai JKR, jurutera, arkitek dan pegawai-pegawai teknikal memang memerlukan latihan berterusan. Sehingga ini Tuan Pengerusi, saya tidak nampak ada keseriusan tentang latihan tersebut, jadi saya minta jawapan kementerian daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Langat.

12.59 tgh.

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Sedikit penjelasan di bawah Maksud P.27 mengenai kod 21000...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh mula petang nanti.

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.
Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Majlis dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sambung Yang Berhormat.

2.33 ptg.

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit penjelasan berkenaan Kepala P.27 Butiran 21000 – Membina Persimpangan Bertingkat. Saya ingin mendapat penjelasan dengan peruntukan RM300 juta itu, di manakah projek ini dilaksanakan, dan oleh sebab ia projek dalam RMKe-9, adakah berlaku kelewatan dari segi projek ini? Keduanya Butiran 51000 – Pembinaan Projek Baru sebanyak RM150 juta untuk memperbaiki infrastruktur akibat daripada musim tengkujuh. Jadi sekali saya ingin bertanya, di mana? Adakah daripada Johor sampai ke Kelantan dan dengan peruntukan ini adakah cukup untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Itu sahaja Yang Berhormat? Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

2.34 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya ingin mengalu-alukan kehadiran mahasiswa dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang hadir di dalam Dewan ini. Selamat datang. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi, saya ingin menyinggung soal pembinaan jalan baru sebab salah satu faktor yang mengakibatkan kemalangan jalan raya iaitu permukaan jalan itu. Apabila ia tidak dibina secara lebih baik, maka di situlah tempatnya kemalangan berlaku. Seperti yang saya hujahkan pada hari Isnin, kemalangan jalan raya ini salah satu puncanya adalah pemandu cuai dan juga permukaan jalan itu tidak stabil. Ada yang tinggi, ada yang rendah.

Kemudian ucapan saya, saya tidak pernah Tuan Pengerusi menuduh wanita sebagai penyebab secara seratus peratus. Apa yang saya hujah, di antaranya adalah wanita yang baru lulus. Akan tetapi telah dimanipulasikan oleh berbagai-bagai pihak sehingga saya dituduh sebagai menghina wanita dan sehingga hari ini saya mendapat fokus daripada seluruh golongan wanita. Bagi saya, saya meminta pertolongan Tuan Pengerusi. Ini bagi saya sebagai satu *sexual*

harrasment kepada saya. [Ketawa] Mereka menyerang saya daripada berbagai-bagai penjuror tanpa melihat punca-puncanya termasuk Yang Berhormat Menteri yang menjaga hal ehwal wanita. Dia tidak baca pun dalam *Hansard* apa kenyataan saya. Saya berbicara soal-soal yang fokus iaitu soal bagaimana kemalangan jalan raya ini berpunca. Kalau ikut analisa rambang melalui surat khabar, *The Star* cakap, 50-50 setuju, *Utusan Malaysia*, 70-30. Bermakna, apa yang saya hujah itu benar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak memberi penekanan bahawa wanita adalah penyebabnya tetapi yang memutar belit ini pembangkang dan Yang Berhormat Menteri kita pula tidak tahu asal usul, dia yang *spin* ini pula. Saya tidak tahu apa hujah yang dia...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya?

Seorang Ahli: Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, sila, sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Ini di bawah butiran mana ya? Yang pertama, yang satulah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini kacaulah. Itu jalan raya, permukaan jalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang kedua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak apalah. Tidak ada pertanyaan, buang masa sahajalah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Adakah Yang Berhormat Kinabatangan mengatakan bahawa Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu dia tidak tahu apa-apa pun, tetapi dia tegur Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, okey, saya faham, saya faham. Saya punya maksud, dia tidak baca *Hansard*. Dia cuma *reporter* tanya dia dan dia buat komen. Seharusnya dia tanya saya apa saya telah cakap dalam Dewan ini. Inilah pembangkang, dia suka putar belit. Semua memandu cuai pun saya cakap sebab kalau kita lihat – ini statistik yang saya baru terima.

Setiap dua tahun, 2,000 yang maut akibat kemalangan. Maut bermakna mati – 5,440 orang. Tahun 2009 meningkat 6,218 orang. Ini yang mati sahaja, mati di jalan raya. Kalau di Iraq, di Palestin, kita tahu 300 satu bulan mati kena bom, kena peluru. Kita mati dalam kereta, mati di jalan raya. Manakala cedera parah, tahun 2000 – 8,067 orang, tahun 2009 – 6,978 orang. Itu yang parah. Yang cedera ringan tetapi cedera. Tahun 2000 – 28,778 orang. Tahun 2009 – 12,072 orang. Jumlah keseluruhan ialah 371,926 kemalangan jalan raya melibatkan kerosakan.

Ini serius. Sebab itu saya kata Jabatan Kerja Raya (JKR) perlu mengambil perhatian berhubung bagaimana jalan-jalan ini diturap, bagaimana jalan-jalan diwujudkan. Jalan raya memang kita mahu tetapi kalau ia meragut nyawa...

Jadi saya harap wanita-wanita jangan tersinggung. Saya tidak ada niat langsung pun menganiaya wanita. Wanita pada saya adalah anugerah daripada Allah SWT. Satu makhluk diturunkan oleh Allah, harus dipelihara dan dijaga dengan sebaik-baiknya. *[Tepuk]* Sebab itu saya tidak ada niat mahu tambah Tuan Pengerusi. Dua pun sudah pening kepala. *[Ketawa]* Akan tetapi janganlah wanita menganggap saya ini sebagai rasis, sebagai musuh mereka. Saya mahu jaga wanita.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Yang Berhormat Sri Gading tak pening pun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya menjaga mereka. Saya mentaati hukum Allah. Itu dia yang kita mahu. Jadi keutamaannya di sini bukan soal diskriminasi dan sebagainya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, rakan saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, jadi dengan penjelasan Yang Berhormat Kinabatangan, saya berharap isu ini selesai. Maknanya, Yang Berhormat Kinabatangan tidak sekali-kali hendak memperkecilkan, jauh sekali daripada menghina golongan wanita. Saya setuju sangat kita memang patut mengasihi, menghormati wanita. Pendirian Yang Berhormat Kinabatangan pada petang ini menjelaskan dengan sejelajelasnya supaya isu ini kita tamatkanlah di sini. Bagaimana Yang Berhormat Kinabatangan?

■1440

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Bolehkah sekejap, tidak sampai satu minit Tuan Pengerusi. Saya berada di dalam Dewan ketika Yang Berhormat mengeluarkan kenyataan itu cuma ketika itu telah dikacau ganggu oleh rakan kita daripada Kota Raja yang mengatakan bahawa seolah-olah Yang Berhormat telah *discriminate* ataupun merendahkan wanita ketika hujah dibahaskan.

Sebenarnya tidak timbul. Yang Berhormat Kinabatangan hanya mengatakan bahawa, ini pembetulan, Yang Berhormat Bukit Mertajam tidak perlu ada *doubt* di sini, tidak ada keraguan dan tidak perlu bimbang pun. Kita sebenarnya menyanjung dan menyayangi wanita. Dia mengatakan ada wanita yang baru lulus lesen yang di hadapan mata saya katanya, saya gunakan loghat dialek Yang Berhormat Kinabatangan, "*di hadapan mata saya ketika saya memandu*" dia kata. Kadang-kadang memandu di lorong yang tidak betul. Itu sahaja. Kenapa hendak dikaitkan dengan kesamaan gender, tidak ada kena mengena di sini. Jadi saya menyokong penuh apabila Yang Berhormat Kinabatangan memperjelaskan perkara ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa pun tinggal tiga minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jangan beri peluang lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Insyah-Allah*. Ini sebab kami ini sama-samanya pencinta wanita sebetulnya. Jangan wanita bimbang. Kita tidak ada buat diskriminasi perkauman, tidak ada soal *racist* dan jantina. Kita ini memang laki-laki budiman.

Tuan Pengerusi, memang tugas kita. Di kawasan saya pun kita memperjuangkan hak ibu tunggal, hak ibu-ibu yang malang dan sebagainya. Jadi, pembangkang ini putar belit. Saya tidak salahkan media sebab itu peranan mereka juga. Mereka kena sensasikan bak kata pepatah Melayu “benda yang tidak ada pun kadang-kadang diada-adakan”. Itu persoalannya. Cuma yang saya fokus sekarang iaitu bagaimana kementerian ini harus fokus melihat bahawa keselamatan orang ramai menjadi keutamaan. Pembinaan jalan raya atau lebuh raya ini jangan pula menjadi kubur atau keranda bagi pengguna-penggunanya. Ini harus dilihat secara bijaksana. Konsultasi dengan *engineer-engineer* JKR, mereka harus ada komitmen melihat apa yang perlu sebenarnya diusahakan oleh kementerian untuk memastikan jalan-jalan raya ini ada dan selamat diguna pakai. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pendang.

2.42 ptg.

Dato’ Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada satu butiran sahaja. Saya hendak menyentuh tentang Butiran 3000 walaupun ianya merupakan token tetapi saya rasa ianya penting untuk kita perbahaskan dalam peringkat Jawatankuasa ini.

Butiran 3000 – Membina Jambatan-jambatan Baru. Saya dapati banyak di kawasan-kawasan yang kita lalui di Jalan Persekutuan terutamanya yang mempunyai jalan-jalan yang kita katakan *bottled neck*. Maknanya jalannya besar tetapi jambatannya kecil. Jambatannya memang dibina pada tahun 60-an atau 70-an tetapi mutakhir ini ianya sudah tidak sesuai lagi untuk digunakan jambatan tersebut kerana sempit dan apabila kita berselisih di atas jambatan itu, salah satu daripada kenderaan terpaksa berhenti memberi laluan kepada kenderaan yang di hadapan.

Jadi saya berharap kepada pihak kementerian terutama sekali di kawasan saya. Saya sudah banyak kali menyentuh dalam perbahasan ini tetapi nampaknya pihak JKR membawa ke atas tetapi tidak ada respons daripada pihak Persekutuan. Jambatan di Pekan Pendang itu sendiri, di Tanah Merah, di Tajar, di Titi Haji Idris semuanya merupakan jambatan-jambatan yang berusia tahun 60-an. Jadi diharap pihak kementerian memberi perhatian kerana dengan pertambahan kenderaan mutakhir ini ia memang memerlukan kalau tidak jambatan baru pun,

pembesaran sekurang-kurangnya kepada tiga lorong. Saya harap pihak kementerian memberi perhatian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sekejap, tiga minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Arau.

2.45 ptg.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin membangkitkan satu perkara iaitu melibatkan keseimbangan pembangunan di antara Pantai Timur dan Pantai Barat. Di sini saya ingin bertanya kepada pihak JKR iaitu berhubung dengan P.27 ini iaitu berhubung dengan kedudukan Central Spine Road (CSR) yang dicadangkan untuk mempercepatkan perjalanan daripada Raub ke Kota Bharu iaitu Kota Bharu-Kuala Krai lalu ke Gua Musang sampai ke Pelangai berdekatan dengan Bentong dan terus ke Kuala Lumpur.

Jadi saya difahamkan walaupun kita ada Lebuhraya Pantai Timur tetapi dengan adanya jalan lintasan daripada Kota Bharu ke Bentong ini saya lihat ini adalah sesuatu yang amat baik dalam usaha kita memperseimbangkan pembangunan di antara Pantai Barat dan Pantai Timur. Ini jelas secara langsung telah dirancang oleh kerajaan begitu lama dan saya difahamkan di peringkat awal di bawah perancangan ECER, Pembangunan Koridor Pantai Timur tetapi sehingga kini kita masih lagi belum mengetahui perkembangan sama ada projek berkenaan akan diteruskan atau pun dalam peringkat perancangan atau disebabkan kekurangan bajet kedudukan di sini yang tidak mencukupi dan sebagainya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Serdang.

2.45 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh tentang butiran projek 21000. Dua projek yang saya hendak tanya di sini, pertamanya adalah projek menaik taraf Persimpangan Jalan Serdang Raya/Jalan Puchong-Sungai Besi. Projek ini bermula pada 15 Disember 2006 dan sepatutnya siap pada 14 Disember 2008. Akan tetapi sehingga hari ini kemajuan di tapak sana adalah 86% sahaja dan kontraktor yang asal telah ditamatkan kontraknya pada 16 Julai 2010.

Dalam sepucuk surat balasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertarikh 20 Julai 2010 kepada saya menyatakan bahawa urusan perolehan tender semula akan mengambil masa selama empat bulan tetapi sekarang sudah hampir lapan bulan. Namun tiada kontraktor baru yang menjalankan dan menyiapkan projek ini. Jadi saya hendak bertanya bilakah projek ini boleh dihabiskan kerana projek ini sudah bermula pada tahun 2006 dan sekarang adalah tahun 2011.

Projek kedua yang saya ingin tanyakan adalah tentang persimpangan bertingkat jenis *trumpet* yang menghubungkan Jalan Putra Permai dan Lebuhraya KL-Putrajaya di Seri

Kembangan. Saya difahamkan bahawa Kerajaan Pusat telah meluluskan projek ini. Jadi saya hendak bertanya apakah kos untuk projek ini dan bila projek ini akan bermula dan disiapkan? Sekian sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Hulu Selangor.

2.42 ptg.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, P.27, tiga butiran yang ingin saya buat rujukan iaitu Butiran 21000, Butiran 51000 dan Butiran 61000.

Saya ingin tahu sama ada dalam butiran projek ini yang mana nilainya lebih kurang RM500 juta. Tiga projek yang saya ingin tahu statusnya sama ada terlibat dalam projek ini ataupun apa perancangan kementerian.

Pertamanya, *bypass* Serendah kerana projek *highway* ini telah – tidak tahu sama ada terbengkalai atau terbiar ataupun bila hendak siap projek *bypass* Serendah yang akan membantu penduduk-penduduk di kawasan Serendah berulang alik ke pekan Rawang dan seterusnya ke bandar Kuala Lumpur.

Kedua, jalan di projek SKC Kampung Timah sama ada peruntukan penambahan itu juga termasuk untuk membaik pulih jalan ini yang juga merupakan salah satu jalan penting di kawasan tersebut.

Ketiganya, pelebaran Jalan Persekutuan daripada bandar Rawang menuju ke Tanjung Malim, sama ada dalam peruntukan ini projek ini juga tersenarai. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jempol.

2.49 ptg.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk Butiran 21000 iaitu jalan bertingkat Senawang ke Lebuhraya Kasih. Saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian sama ada melalui peruntukan ini, masuk ataupun tidak pembinaan lebuhraya bertingkat yang menyambungkan Senawang dan Lebuhraya Kasih.

■1450

Apabila Lebuhraya KASIH ini siap dan disambungkan ke Kuala Lumpur memanglah jumlah kenderaan yang melalui kawasan tersebut berlipat kali ganda bilangannya. Ini telah pun menimbulkan kesan yang amat besar dari segi bilangan kenderaan yang menyebabkan kesesakan lalu lintas yang dahulunya hanya sampai ke peringkat Bukit Putus tapi sekarang ini telah dipaparkan dalam surat khabar baru-baru ini ianya telah sampai ke Juasseh, Kuala Pilah.

Jadi ini adalah merupakan keutamaan kepada kita yang menyambungkan antara Negeri Sembilan Timur dengan Negeri Sembilan Barat untuk memastikan ianya dapat dilaksanakan. Saya juga ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan butiran 8100 sama ada perancangan kerajaan yang sedang berlaku sekarang ini iaitu membesarkan

Jalan Bukit Putus ke Kuala Pilah ini dapat dibuat secara empat lorong ataupun hanya secara dua lorong. Kalau sekiranya dengan jajaran yang sedia ada, dengan menggunakan dua lorong, ianya pasti tidak akan dapat menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas yang saya sebutkan tadi.

Jadi, maknanya kerajaan akan berbelanja sekali lagi untuk menyelesaikan isu ini dan dengan kewangan yang besar dibelanjakan tidak dapat menyelesaikan isu kesesakan, maka ianya akan menimbulkan persoalan yang besar di kalangan pengguna. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa laluan di antara Bukit Putus ke Kuala Pilah ke Jempol ini bukan sahaja digunakan oleh Negeri Sembilan tetapi digunakan oleh orang Johor dan juga sebahagian daripada Pahang yang menggunakan laluan tersebut.

Saya juga ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada melalui peruntukan ini Bahau *bypass* itu telah diluluskan ataupun tidak. Sekarang ini oleh kerana jumlah kereta yang tidak perlu sebenarnya melalui bandar Bahau terpaksa kita alihkan melalui program ataupun perancangan Bahau *bypass*. Saya minta penjelasan sama ada melalui peruntukan ini, Bahau *bypass* ini diluluskan ataupun tidak. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ya.
2.52 ptg.

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya merujuk kepada Butiran 6100 - naik taraf jalan, yang mana kita melihat jalan utama antara jalan Persekutuan yang terdapat di kawasan saya yang masih keuzuran dan berlopak dan berlubang-lubang. Persoalannya, apakah kementerian tidak menyediakan dana khas untuk baik pulih ataupun kegagalan konsesi tersebut dalam melaksanakan tugas atau menyelenggarakan jalan dan memberi kemudahan asas kepada pengguna kerana jalan ini dikatakan jalan yang agak sibuk, pengguna yang agak tinggi tapi malangnya pengguna amat berdukacita kerana berhadapan dengan jalan yang berlubang-lubang sekitar sepanjang jalan Persekutuan dari Sungai Petani hinggalah ke Alor Setar. Maksud saya di kawasan Jerai.

Pohon kepada kementerian supaya memastikan setiap jambatan yang dibina selepas beberapa bulan akan berlaku curam yang agak dalam membahayakan pengguna. Begitu juga jalan antara Pekan Gurun ke Jeniang. Pun sama masih lagi belum dapat diselenggarakan dengan baik menyebabkan masyarakat tempatan terpaksa membuat *u-turn* persendirian seolah-olah tidak ada tindakan daripada pihak JKR dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

2.54 ptg.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud P.27 Butiran 3000 dan 5010 – Jambatan. Saya difahamkan pihak kementerian ada melaksanakan program pembaikan jambatan-jambatan usang seluruh negara. Jika benar program ini ada dilaksanakan, saya mohon untuk diberikan perhatian khusus kerana terdapat

beberapa buah jambatan yang telah pun saya sebut banyak kali dalam Dewan ini yang menjadi punca kepada masalah banjir dan kebetulan kita sedang berhadapan dengan musim tengkujuh, memerlukan tindakan segera dan sebahagian besar daripada jambatan ini hari ini dibina dengan jambatan Bailey. Jambatan yang saya maksudkan ialah jambatan di Kampung Sumpitan, jambatan Kampung Bor, Banggol Belimbing Lenggong, jambatan Kota Tapan Air dan jambatan Kampung Cha'in. Kesemua jambatan ini memang mempunyai struktur yang tidak lagi sesuai dalam keadaan sekarang dan memerlukan untuk pembaikan.

Saya mohon untuk dipertimbangkan dan dimasukkan dalam program pembaikan jambatan usang seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Terengganu. Saya ingat Yang Berhormat baru minggu lepas ada cikgu-cikgu dan pelajar daripada Hulu Terengganu datang melawat ke Kuching jumpa saya. Sila Yang Berhormat.

2.55 ptg.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap berkenaan Maksud P.27 iaitu Butiran 30000 dengan 61000. Yang pertamanya, tentang Butiran 61000 iaitu pembinaan jalan dari Simpang Pulai ke Kuala Krai seterusnya sampai ke Jerangau-Jabor yang mana saya dapati bahawa jalan ini selalu dan sentiasa mengalami kerosakan. Apatah lagi ianya telah menjadi satu laluan kepada kenderaan-kenderaan berat yang membawa bijih besi dari Kuala Krai ke Kuantan sehingga keadaan jalannya begitu teruk dan seolah-olah macam tidak termampu lagi untuk diperbaiki oleh pihak Jabatan Kerja Raya.

Jadi, saya hendak pastikan bahawa kenderaan-kenderaan berat yang biasanya melalui jalan tersebut sampai ke 80 hingga ke 100 tan itu dibiarkan begitu sahaja sehingga ianya merosakkan jalan sepanjang dari Gua Musang ke Jerangau-Jabor. Jadi kita mintalah bahawa jalan ini dinaiktarafkan supaya dapat menampung kenderaan-kenderaan berat tersebut supaya ianya tidak menjadi masalah dan kesusahan bukan sahaja kepada orang ramai terutamanya kepada pelancong-pelancong di kawasan Tasik Kenyir.

Perkara yang kedua saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, tentang kedudukan pembinaan jambatan baru yang menghubungkan Kampung Dusun dengan Kampung Kulok yang menjadi permintaan sejak dahulu orang-orang di kawasan Hulu Terengganu supaya ianya akan memendekkan perjalanan di antara kawasan-kawasan tersebut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sila Yang Berhormat Sekijang.

2.57 ptg.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran Maksud P.27 di bawah Kepala 08280 – Pembinaan Jalan-jalan

dan juga 30000 – Pembinaan Jambatan-jambatan Baru. Tuan Pengerusi, pada akhir Januari dan awal Februari 2011 yang lalu kawasan saya telah mengalami banjir yang begitu besar sekali dan akibat daripada banjir yang berlaku ini Tuan Pengerusi, beberapa jambatan dan jalan telah mengalami kerosakan.

Yang pertamanya, saya ingin menyebut tentang jambatan yang terputus ke FELDA Redong yang mana jambatan ini telah diperbaiki secara sementara sahaja dan saya ingin tahu bila agaknya pembinaan sepenuhnya ataupun yang sempurna akan dibina di situ kerana di kawasan ini tiap-tiap kali musim banjir akan terputus dan saya minta satu kajian yang terperinci dan mendalam dilakukan di kawasan ini dan dapat dibina satu jambatan yang lebih sesuai daripada yang ada sekarang. Begitu juga dengan jalan yang masuk ke FELDA Pemanis di mana pada ketika ini dibina dalam keadaan yang tidak sempurna dan begitu juga tiap-tiap kali banjir jalan ini akan terputus. Saya minta ianya dibuat kajian supaya tidak menghalang lalu lintas di kawasan-kawasan tersebut kerana di kawasan tersebut mempunyai penghuni yang begitu ramai iaitu kira-kira lebih daripada 4,000 orang tiap-tiap satu kawasan itu.

Yang ketiganya ialah di Jalan Pogoh-Tekam di mana jalan tersebut telah berlubang dan belum lagi diperbaiki sehingga ke hari ini dan saya ingin tahu bilakah ianya akan diperbaiki. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1500

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Padang Terap.

3.00 ptg.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Saya ada dua perkara untuk Kementerian Kerja Raya bagi Maksud P.27, Butiran 30000 – Membina Jambatan-jambatan Baru. Tuan Pengerusi, di kawasan yang di Padang Terap itu di sebelah DUN Pedu, dia ada satu jambatan yang digunakan oleh penduduk kampung ataupun KEDA Bukit Kura daripada Kuala Tekai ke Bukit Kura. Jambatan yang sangat daif dan sudah pun runtuh dan baru-baru ini mati seorang rakyat kita. Rakyat kita semua. Mati seorang jatuh. Dia hendak pusing terlalu jauh. Mengambil masa mungkin lima kilometer jika dia perlu menggunakan jalan yang lain. Saya pohon pihak kementerian untuk memberikan penekanan ataupun meluluskan peruntukan untuk pembinaan jambatan. Tidak banyak pun. Sikit sahaja.

Yang kedua, bagi pembinaan jalan baru untuk projek bagi Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baru (Projek Baru). Saya sudah minta tiga tahun Tuan Pengerusi, untuk membina jalan di Kampung Masjid Lama dan juga jalan Kampung Kerasak. Jadi, masih belum diluluskan. Saya pohon pihak kementerian untuk membina jalan ini yang diguna pakai lebih kurang 3,000 orang penduduk di sana. Jadi, saya pohon itu. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sri Gading.

3.01 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, JKR sebuah jabatan yang berjasalah kepada negara. Jasa Kepada Rakyat (JKR). Kita harus berubah, Tuan Pengerusi. Hari demi hari, permintaan daripada rakyat sentiasa bertambah dari satu masa ke satu masa. Saya telah cadangkan supaya sebuah jambatan. Kalau bercakap tentang Butiran 30000 – Membina Jambatan-jambatan Baru. Sebuah jambatan yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk di kawasan saya untuk meningkatkan perjalanan dari kawasan Parit Sulong, Jalan Parit Jalil sehingga ke Peserai, Batu Pahat. Maka itu, sebuah jambatan baru di pohon oleh penduduk-penduduk di Kampung Selulut untuk menyeberang Sungai Simpang Kiri.

Peruntukan yang dianggarkan – mungkin anggaran ini tidak berapa tepat, ialah RM30 juta. Pihak JKR Daerah Batu Pahat bolehlah membuat kajian yang terperinci supaya jambatan ini dibina untuk meningkatkan perjalanan orang di kawasan Parit Sulong. Yang Berhormat Parit Sulong pun ada di sini. Kawasan di Jalan Parit Jalil sehingga ke bandar Penggaram, Batu Pahat. Jadi, kalau dibina jambatan ini, ia meningkatkan perjalanan dan mengelakkan kesesakan di kawasan Tokang Pecah hinggalah ke bandar Batu Pahat. Jadi, saya berharap cadangan ini dapat diberikan perhatian oleh JKR supaya kerja-kerja permulaan dapat dijalankan.

Yang kedua, tentang jalan-jalan baru. Akan tetapi jalan-jalan ini ada kaitan dengan Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baru (Projek Baru). Orang Batu Pahat, dia tidak ada jalan khusus masuk daripada Lebuh Raya Utara Selatan. Selalunya kita menumpang sama ada Yong Peng Utara atau Yong Peng Selatan atau Tol Ayer Hitam untuk masuk ke bandar Batu Pahat. Berkali-kali kita kemukakan dalam mesyuarat tindakan daerah supaya dia buat satu jalan tembus antara Lebuh Raya Utara Selatan. bawa ke Batu Pahat. Mungkin jajarannya di sekitar pekan ataupun Kampung Seri Medan. Daripada *highway*, masuk ke Seri Medan dan langsung ke Batu Pahat.

Saya sudah banyak kali kemukakan dalam mesyuarat tindakan daerah. Tentulah tindakan daerah, kuasanya tidak begitu besar. Maka di bawa ke Parlimen ini. Timbalan Menteri Kementerian Kerja Raya harap ambil ini sebagai satu cadangan baru bagi pihak penduduk Batu Pahat. Batu Pahat ini ada empat Parlimen. Parlimen Parit Sulong, Parlimen Sri Gading, Parlimen Batu Pahat dan Parlimen Ayer Hitam. Jadi, ini bolehlah bagi pihak empat-empat kawasan Parlimen. Jalan masuk daripada *highway* terus ke Seri Medan, terus ke bandar Batu Pahat. Saya berharap mungkin agaknya di peringkat permulaan ini kajian jajaran jalan itu bolehlah dibuat oleh JKR. Selepas itu, cadangan-cadangan ini bolehlah agaknya dimuktamadkan.

Dia ada kaitan dengan kos, peruntukan. Akan tetapi kalau tidak kita mulakan daripada hari ini, ia sampai bila-bila pun tidak akan dapat dilaksanakan. Saya berharaplah pihak JKR

mengambil perhatian serius dalam perkara ini dan satu ketika nanti permohonan ini dihasilkan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Silam.

3.07 ptg.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 30000 – Membina Jambatan-jambatan Baru dan Butiran 51000 iaitu di kawasan Kampung Batu Lapan, Segamak dalam Dewan Undangan Negeri Lahad Datu, yang mana jambatan tersebut saya nampak tidak begitu selamat digunakan oleh penduduk kampung. Saya berharap supaya Kementerian Kerja Raya dapat mengambil perhatian yang sewajarnya untuk melaksanakan, membina jambatan baru.

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh iaitu peruntukan tambahan yang untuk membiayai kos pembaikan infrastruktur jalan raya yang rosak akibat musim tengkujuh terutamanya jalan-jalan yang menghala daripada Jambatan Segamak ke bandar Lahad Datu dan bermula daripada Kampung Sepagaya Tamoi sampai ke kawasan Gunung Silam. Saya berharap supaya Kementerian Kerja Raya dapat memaklumkan kepada konsesi yang membina jalan-jalan tersebut. Sudah masuk tiga tahun, saya nampak mereka tidak mengambil inisiatif untuk memperbaiki jalan yang tidak rata, yang sangat berbahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya di kawasan bandar Lahad Datu dan yang menghubungkan jalan ke Kota Kinabalu sebab jalan-jalan tersebut merupakan jalan utama untuk perhubungan antara Kota Kinabalu dan kawasan zon Pantai Timur Sabah.

Begitu juga saya mohon supaya Kementerian Kerja Raya terutamanya jalan yang menghubungkan Kampung Batu Lapan, Segamak ke bandar Lahad Datu yang masih lagi *trouble* keadaannya dan saya dimaklumkan oleh jurutera daerah bahawa kawasan tersebut adalah di bawah jagaan Kementerian Kerja Raya dan mohon supaya kementerian dapat mengambil perhatian. Begitu juga jalan Kampung di Patitung yang mana sudah lebih kurang 25 tahun tidak diberi perhatian oleh Kementerian Kerja Raya. Saya berharap supaya kementerian mengambil perhatian yang sewajarnya dan dapat mengarahkan kakitangan untuk memastikan supaya keadaan jalan tersebut dapat diperbaiki dan di naik taraf dengan kadar segera sebab sudah lama penduduk tempatan dan kita juga di peringkat jawatankuasa daerah telah mengangkat dan membincangkan jalan-jalan tersebut supaya ia diberi perhatian sewajarnya dan segera oleh Kementerian Kerja Raya dalam perkara ini. Terima kasih.

■1510

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Puchong.

3.10 ptg.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya juga merujuk kepada butiran-butiran khususnya 21000 dan 30000. Tuan Pengerusi, di dalam hal penyelidikan dan pembangunan khususnya bagi pembinaan jalan-jalan raya, saya hendak tanya soalan berikut.

Apabila kita ada peruntukan yang dikeluarkan untuk pembinaan jalan-jalan baru dan sebagainya, adakah mana-mana daripada wang ini digunakan untuk mengadakan kajian dan penyelidikan berkenaan dengan trafik iaitu *traffic impact* tadi di kawasan-kawasan yang berkenaan khususnya di kawasan-kawasan di mana dinyatakan jelas dan nyata bahawa terdapat kesesakan lalu lintas yang cukup banyak. Isu ini berbangkit khususnya di kawasan Parlimen Puchong.

Tuan Pengerusi, di kawasan Parlimen Puchong, semua kami tahu. Apabila kami pergi ke Puchong, jalan utama yang menghala ke Puchong adalah LDP. Jalan yang keluar daripada Puchong pun kalau kita ikut mana-mana jalan, memang kita akan sampai ke tol *booth* ataupun *booth* yang mengutip tol. Apakah tujuan tol-tol tersebut? Tujuan tol-tol tersebut adalah untuk memperkayakan konsesi-konsesi tersebut. Adakah...*[Dewan riuh]*

Dengarlah. Apa ini? Saya tanya soalan. *That is problem in* Barisan Nasional, belum dengar soalan sudah buat bising. Saya hendak tanya, apakah tujuan pengutipan tol? Di Puchong, kalau kita masuk ke Puchong sekali perlu bayar tol RM1.60. Apabila kami keluar, perlu bayar juga RM1.60. Ini menunjukkan bahawa sebenarnya di Puchong, setiap orang hendak pergi kerja pagi, hendak hantar anak ke sekolah, kalau satu keluarga mempunyai dua tiga kereta, berapa kali kita perlu bayar tol? RM1.60 sehari.

Saya hendak juga bawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri, ini jawapan yang saya dapat daripada kementerian di dalam Parlimen. Kos pembangunan Lebuhraya Damansara-Puchong. Kos untuk membina lebuhraya tersebut berjumlah RM1.69 bilion. Ini kos untuk membangunkan lebuhraya tersebut. Soalan yang saya tanyakan adalah hasil kutipan terjangka bagi tempoh di antara tahun 2008 sehingga tahun 2030. Kos pembinaan RM1.69 bilion *or* RM1.7 bilion, jumlah kutipan terjangka di antara tahun 2008 sehingga tahun 2030, RM13 bilion. Ini merupakan satu perkara yang cukup serius di mana kos yang kita keluarkan untuk membina jalan raya tersebut ataupun lebuhraya tersebut RM1.7 bilion, tetapi kutipannya RM13 bilion.

Saya juga diberikan maklumat bahawa apabila kutipan terjangka tersebut dikira, ia berasaskan kadar kemasukan ataupun lalu lintas trafik di Puchong pada tahun 1998 di mana dijangkakan bahawa dalam satu hari, 40,000 kenderaan yang melalui tol tersebut. *It is in 1998*. Di dalam tahun 2008, satu kajian semula dilakukan di mana ditunjukkan bahawa sebenarnya pada tahun 2008, sebanyak 400,000 kereta yang melalui pintu tol tersebut. Kita juga tahu dalam tahun-tahun yang akan datang misalnya tahun 2020 dan sebagainya, kemungkinan besar oleh sebab

pembangunan pesat di Puchong, kemungkinan besar bahawa lalu lintas di Puchong akan mencapai tahap satu juta kereta.

Soalan yang ditanya adalah ini. Kalau konsesi tersebut diberikan keuntungan yang begitu banyak, adakah di mana-mana dalam konsesi perjanjian tersebut dinyatakan bahawa sebahagian daripada wang tersebut harus dikembalikan kepada kerajaan, itu satu, ataupun digunakan oleh konsesi tersebut untuk membuat kajian berkenaan dengan sama ada ataupun tidak sistem trafik di kawasan tersebut masalahnya diatasi. Ini kerana saya bangkitkan perkara ini adalah ini Yang Berhormat Menteri, kalau kita hendak orang bayar untuk pakai jalan raya, patut apa yang mereka dapat adalah *free floor* ataupun *easy floor* di mana tidak ada trafik dan sebagainya.

Akan tetapi di kawasan Puchong kita lihat, pagi sesak sehingga tiga jam empat jam. Petang sesak. Kita masuk ke dalam satu lebuh raya, kita bayar tol tetapi kita duduk dalam kereta untuk empat jam satu hal, balik duduk dalam kereta empat jam lagi.

Jadi, dalam satu mesyuarat yang diadakan baru-baru ini di mana saya mempengerusikan mesyuarat tersebut di MPSJ, saya diberitahu bahawa sebenarnya tidak ada mana-mana peruntukan daripada konsesi ini untuk kajian berkenaan dengan trafik dan lalu lintas. Adakah ini satu masalah untuk rakyat? Ini masalah besar. Soalan yang kita perlu tanya adalah ini. Bila kita menandatangani perjanjian konsesi tersebut, adakah langkah-langkah diambil untuk memastikan bahawa dalam masa yang akan datang memang cukup kajian untuk memastikan bahawa semua yang menggunakan jalan raya tersebut tidak terpaksa mengalami masalah seperti ini di mana masalah trafik menjadi satu perkara yang cukup serius.

Saya juga hendak tanya di sini, kalau kita ikut statistik-statistik yang kita dapat khususnya di kawasan LDP Puchong. Kalau dalam tahun 1998, 40 ribu kereta sehari melalui tol. Tahun 2008 sejumlah 400 ribu dan kalau dalam tahun 2020, dekat satu juta. Kalau volum ataupun kalau jumlah kereta yang melalui tol tersebut itu meningkat secara besar begini, bukankah logik untuk tol tersebut dikurangkan selepas berlalunya masa. *It is because when the volume goes up, collection is more*, dengan izin Tuan Pengerusi, *and because of that, one would expect* kita dapat mengurangkan harga tol tersebut.

Jadi ini adalah satu perkara yang cukup serius yang selalu dibangkitkan kepada saya *almost everyday* di Puchong. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa:

- (i) masalah trafik di kawasan Puchong ataupun di kawasan-kawasan lain di mana terdapatnya tol dapat diatasi. Adakah sebarang wang dihalakan untuk kajian tersebut?;
- (ii) sampai lama mana pihak ataupun rakyat di kawasan Puchong perlu bayar tol setiap hari RM1.60? Adakah kerajaan mengadakan sebarang penyelidikan untuk mengkaji semula peruntukan di dalam konsesi

ataupun perjanjian konsesi tersebut untuk memastikan bahawa dalam masa yang akan datang kadar tol tersebut dapat dikurangkan.

Dalam keadaan tersebut, saya rasa kita juga boleh faham kalau jumlah kereta yang kita kaji itu meningkat secara mendadak. Pada saya, saya rasa bahawa tol ataupun konsesi tol tersebut itu boleh dikurangkan masanya. Tidak perlu kita sampai tahun 2030 dan dalam masa tersebut hari-hari kita perlu bayar tol. Saya juga diberikan maklumat dan ini saya hendak Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan, adakah tol di kawasan Puchong khususnya di LDP dan NKVE akan ditingkatkan? Saya diberitahu bahawa ia akan ditingkatkan kepada RM3.20. Cuba bayangkan RM3.20 sekali masuk, sekali keluar. Dalam RM7.50 *just for one trip*. Kalau 3 kereta, RM12 *a day*.

Yang Berhormat Menteri, ini menjadi isu yang serius. Kenapa tidak kerajaan mengambil langkah-langkah dalam mana jalan ataupun laluan alternatif dapat dibina di kawasan Puchong supaya rakyat tidak perlu dibebankan oleh tol. Kita lihat bahawa tidak terdapat banyak jalan atau laluan masuk atau keluar daripada Puchong yang tidak bertol. Jadi, ini menjadi satu isu yang cukup penting. Sebenarnya bila saya membangkitkan perkara ini masa dahulu di Dewan yang sama ini, dijanjikan bahawa saya akan dapat jawapan tetapi sehingga sekarang saya tidak mendapat sebarang jawapan.

Ini cukup jelas kerana tidak ada jawapan untuk diberikan. Bila saya tanya masa dahulu sama ada boleh ataupun tidak tol dikurangkan, jawapan yang saya dapat ialah memang tidak boleh dikurangkan oleh sebab perjanjian telah pun ditandatangani. Saya ditanya sebagai seorang peguam, saya patut tahu bahawa kalau perjanjian ada, wujudnya perjanjian, maka kita tidak boleh tukar syarat-syarat perjanjian begitu sahaja. Itu dahulu. Akan tetapi, apabila Pakatan Rakyat menunjukkan bahawa kita, kalau kita mengambil alih kerajaan, kita sedia untuk mengurangkan. Kalau tidak kita terus...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya silakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis. 10 minit Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat hendak bercakap, Yang Berhormat bercakap selepas inilah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya. Seperti mana saya katakan tadi, saya diberitahu bahawa memang kalau terdapat perjanjian, memang kita tidak boleh mengubah syarat. Akan tetapi, kita telah menunjukkan bahawa ini boleh dibuat. Selepas Pakatan Rakyat mengemukakan cadangan melalui Buku Jingga, kita lihat bahawa di dua tiga tempat Kerajaan Barisan Nasional telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan tol.

■1520

Dahulu, marah kepada saya. Kata ini ada perjanjian. Syarat-syarat kita terikat. *You lawyer, you* patut tahu. Akan tetapi sekarang Barisan Nasional yang buat. Ini menunjukkan

bahawa sebenarnya boleh dibuat kalau Barisan Nasional mempunyai *political will*. Kalau kita ada *political will* untuk mengatasi masalah rakyat, datang ke kawasan Puchong Yang Berhormat Menteri. Saya dahulu pun ada buat cabaran. Saya kata *you* datang ke sana, saya akan sewa rumah untuk *you* untuk satu bulan. Ia tidak mengapa, saya beri. Saya pakai peruntukan saya. Untuk kamu, untuk Yang Berhormat Menteri sendiri rasa masalah rakyat kawasan Puchong. Hari-hari jalan tol, *jammed*. Apabila dibuat aduan memang tidak ada sesiapa yang mengambil tindakan. Saya minta di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri, *please*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya akan gulung. Saya minta di sini *please*. Lihatlah kepada masalah ini sebagai masalah yang serius. Dalam masa yang akan datang saya rasa di Puchong memang kenderaan tidak boleh bergerak pun melainkan masa sekarang kami mengambil tindakan untuk pastikan bahawa kajian itu ada dan juga kalau boleh jalan-jalan alternatif lain didirikan untuk mengatasi masalah tersebut. Tuan Pengerusi, kerana ketiadaan masa saya akhir di sini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Labuan.

3.21 ptg.

Datuk Haji Yusof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut membahaskan Butiran 19180 iaitu Jalan dari Pohon Batu (Simpang Tamu) ke Pancur Hitam. Ini khusus untuk Labuan sebenarnya. Jadi, sampai saat ini pembuatan jalan telah pun dilaksanakan dengan kontraktor yang kedua. Akan tetapi apa yang kita lihat sampai saat ini seolah-olah tidak ada perkembangan yang begitu drastik untuk penyiapan jalan tersebut. Saya ingin tahu daripada kementerian, bilakah jalan tersebut akan dapat disiapkan? Ini kerana dengan adanya pembuatan yang tidak teratur sekarang ini yang membuatkan jalan di kawasan tersebut terlalu sesak dan juga membahayakan kepada pengguna.

Kedua, dengan butiran yang sama juga Tuan Pengerusi, saya ingin menanyakan iaitu jalan antara bandar dan juga Simpang Tamu iaitu sambungan daripada jalan yang tadi di mana satu kawasan iaitu dekat dengan Simpang Ranca Ranca selalu terjadi kemalangan di satu *spot* yang sama. Dalam tempoh tiga bulan sahaja, terdapat tiga kemalangan di situ di tempat yang sama. Jadi, apakah langkah kementerian atau pun Jabatan Kerja Raya untuk menyelesaikan masalah tersebut kerana kalaulah kawasan yang sama, kemalangan tersebut di tempat yang sama saya rasa *something wrong with the system* kecuali jalan itu ada hantulah.

Jadi, benda ini kalau dapat kita selesaikan walaupun ada hantu saya rasa benda ini dapat kita selesaikan dengan perubahan ataupun perbaikan sistem permukaan jalan tersebut. Kalau tidak ada masalah saya rasa tidak akan berlaku kemalangan di tempat yang sama sehingga melibatkan kematian dua remaja pada awal tahun ini. Jadi, saya harapkan kementerian

dapat melihat masalah tersebut ataupun Jabatan Kerja Raya dapat melihat masalah tersebut sehinggakan tidak ada lagi kemalangan di tempat yang sama. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

3.23 ptg.

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada satu sahaja iaitu dalam Butiran 81000 ini, Membina Jalan Baru dan juga Membina Jambatan Baru ini iaitu antara jalan yang baru dibuat dari Tok Bali ke Pasir Puteh. Jalan ini pada tahun lalu saya telah mengemukakan masalah yang timbul dan sekarang ini masalah itu masih ada iaitu telah terbengkalai telah lama hampir setahun. Selepas itu berkenaan jambatan yang baru. Jadi, saya ingin tahu apakah status jalan ini sekarang ataupun ada masalah-masalah sebab saya diberitahu bahawa ada masalah kontraktor yang telah dua tiga kali bertukar. Jadi, itu yang jadi masalah kepada penduduk Parlimen Pasir Puteh dan saya harap mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Kota Belud.

3.25 ptg.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya masuk ke dalam maksud P.2708280, saya cuma ingin membetulkan Yang Berhormat Puchong tadi. Pengurangan ataupun pengumuman kerajaan untuk mengurangkan ataupun tidak menaikkan tol-tol di beberapa batang lebuh raya di negara ini diumumkan sebelum Buku Jingga keluar. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, diumumkan dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu sebelum pengumuman Buku Jingga. Walau bagaimanapun, saya setuju LDP adalah satu jalan raya ataupun lebuh raya yang begitu sempit dan perlu diberi perhatian oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya cuma ada satu pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri, ini berkenaan dengan kos pembinaan jalan raya ataupun lebuh raya. Kita dapati kalau jalan raya itu dibuat oleh JKR, kosnya kadang-kadang jauh lebih besar dan tinggi daripada kalau dibuat oleh pihak-pihak yang lain terutamanya oleh pihak tentera iaitu melalui Program Jiwa Murni mereka.

Kita difahamkan bahawa kos kalau satu batang jalan itu kos JKR RM15 juta, Program Jiwa Murni oleh Kementerian Pertahanan ataupun yang dibuat oleh tentera hanya memerlukan kos sebanyak RM5 juta iaitu satu per tiga daripada kos yang telah dinyatakan oleh JKR. Jadi, saya minta penerangan daripada Yang Berhormat Menteri bagaimanakah boleh berlaku sebegini? Kenapa kos yang diperlukan oleh pihak tentera jauh lebih rendah daripada JKR? Saya tidak sangsi bahawa Kementerian Pertahanan ataupun pihak tentera berkompromi dari segi keselamatan jalan raya tersebut. Jadi, *I am not sure, I do not think they cut corners* dengan izin

Tuan Pengerusi. Jadi, saya minta penerangan itu sahaja satu *point*. Kenapa kos pembuatan jalan raya...

Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]: Tiada *cut corner, mark-up* sahaja.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Apa *correctkah? Cameraman. I think you are in wrong profession, Sir.*

Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]: *I think if you... By now you tidak tahu, you are in the wrong.*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You are just impossible, Sir. [Ketawa] You are just impossible person. Anyway,* terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi, soalan saya cuma bagaimanakah kos JKR itu jauh lebih tinggi daripada kos yang dibuat oleh tentera. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Balik Pulau.

3.25 ptg.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada dua *items* iaitu di bawah tajuk Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan. Yang Berhormat Menteri, saya mohon penjelasan pertama sekali saya memberi contoh bangunan yang dibangunkan seperti mahkamah Jalan Duta, adakah sekarang hari ini tempat *parkingnya* tidak cukup sehinggakan pengunjung-pengunjung, peguam, dan mereka-mereka yang terlibat terpaksa *parking* kereta di luar-luar jalan sehingga menjadi kacau ganggu di situ. Adakah tiada satu penyelidikan yang dibuat. Maksud saya satu *feasibility study* sebelum ia dibangunkan kerana melibatkan kompleks yang besar. Saya rasa perkara tersebut kalau dibuat seperti yang dikatakan ada peruntukan untuk Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan, saya rasa perkara tersebut boleh dielakkan. Sekiranya ia dikaji selepas itu saya rasa perlu diperbetulkan.

Kedua, Yang Berhormat Menteri, saya juga mohon penjelasan mengenai di bawah tajuk yang sama kerana saya setuju bahawa pembangunan jalan, *highway* akan memberi impak langsung kepada masyarakat setempat. Contohnya di Parlimen Balik Pulau Yang Berhormat Menteri, saya merujuk khusus kepada projek daripada Telok Kumbar ke Genting ke Balik Pulau iaitu yang menghubungkan dari Bayan Lepas *Airport* sehinggalah ke Balik Pulau di sebalik bukit tersebut.

Soalan saya ialah, ini merupakan satu projek yang dahulu maksudnya telah diambil alih oleh syarikat yang baru. Saya secara konstruktif mengatakan apabila ia diambil alih peringkat awal, baik sifatnya. Saya ada beritahu Yang Berhormat Menteri, hari yang lalu ia bagus kontraktor tersebut tetapi sekarang ia terbantut. Saya tidak mahu sebut nama syarikat tersebut. Akan tetapi persoalan saya ialah isunya di sini Yang Berhormat Menteri, kerana pengguna-pengguna jalan tersebut daripada Parlimen Balik Pulau terutama dari kampung ialah mereka yang bekerja di kilang-kilang di zon bebas di Bayan Lepas.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, saya rasa maklumat JKR kerana saya baru dapat daripada Pejabat JKR Daerah dan juga Pejabat IPD Daerah bahawa disebabkan projek jalan tersebut, kadar kemalangan meningkat dan yang malang sekali yang terlibat dalam kemalangan tersebut ialah mereka-mereka yang golongan berpendapatan rendah yang kerja sebagai produksi pengeluaran, kerja kilang yang mana gajinya sedikit dan kadang-kadang terpaksa betulkan motor dan yang paling merisaukan saya ramai yang jadi OKU disebabkan projek kita

■1530

Jadi mana mungkin satu projek pembangunan akan membebankan atau memudaratkan rakyat. Seterusnya Yang Berhormat Menteri saya mohon penjelasan dan tindakan di bawah butiran naik taraf jalan-jalan mukim, betulkan saya kalau ianya boleh dimasukkan iaitu mengenai jalan daripada Teluk Bahang hinggalah ke Sungai Pian di Balik Pulau. Sehingga hari ini Yang Berhormat Menteri walaupun Balik Pulau itu dianggarkan lebih daripada separuh pulau, dan penduduk di kawasan Balik Pulau rata-rata orang luar bandar. Golongan yang kerja petani, kerja nelayan dan sebagainya. Itu satu aspek.

Kedua kenapa perkara ini perlu ialah kerana ianya juga pusat pelancongan melibatkan pengunjung-pengunjung luar. Apa yang saya mahu Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan dan mengambil tindakan segera ialah dari Teluk Bahang hingga ke Balik Pulau hampir 22 kilometer lebih, betulkan fakta kalau saya salah. Sehingga hari ini lampu jalan tidak ada. Di situ diadakan *dragon boat*, adanya taman negara, adanya taman rimba, adanya titi kelawar dan sebagainya. Saya khuatir perkara tersebut akan memudaratkan dan saya yakin sekiranya Yang Berhormat Menteri membetulkan keadaan tersebut, pembangunan ekonomi juga akan memberi manfaat kepada penduduk setempat selain daripada isu keselamatan. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Sik, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.31 ptg.

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja ada tiga perkara sahaja di bawah Butiran 30000, pembinaan jalan baru. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan penjelasan mengenai status pembinaan 'jalan timur padang tol batu 5' yang telah diluluskan dan dijanjikan sejak tahun 2008 lagi masih belum berjalan sehingga hari ini. Keduanya jambatan sempit Kampung Gajah Puteh-Jeneri yang juga telah diluluskan tetapi belum ada apa-apa tindakan setakat ini.

Perkara kedua membaiki jambatan rosak banjir Butiran 51000, jambatan hujung bandar yang hampir runtuh masih belum dibaiki. Akhir sekali Tuan Pengerusi Butiran 81000, membina projek baru. Dalam Dewan ini tahun lepas Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jawapan bahawa pembinaan jalan lebuhraya *Trans Eastern Kedah Interland Highway* ataupun

jalan raya daripada Durian Burung, Pedu, Gubir dan Kupang yang terbengkalai di peringkat C dan D akan ditender sejak hujung tahun lepas. Akan tetapi kedudukannya masih sama hingga ke hari ini, minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sila.

3.33 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya ada 21 Ahli-ahli Yang Berhormat sudi berkongsi cadangan dan pandangan menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Kedua 2010 di peringkat Jawatankuasa. Pihak kementerian akan memberikan perhatian dan tindakan susulan kepada isu-isu yang dibangkitkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat secara keseluruhannya jumlah Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 2010 yang dipohon oleh Kementerian Kerja Raya adalah sebanyak RM675 juta. Peruntukan ini telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan kepada Kementerian Kerja Raya di bawah 14 butiran untuk membiayai kemajuan bayaran bagi projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan dalam pelaksanaan. Daripada jumlah ini ada juga RM90 adalah peruntukan tanda atau token antara butiran-butiran yang kita boleh buat *payment*.

Saya akan cuba menjawab soalan-soalan daripada semua Ahli Yang Berhormat, ada yang saya tidak sempat jawab sebab ini kita akan merujuk kepada butiran yang dipohon, duit yang dipohon dan ada juga ramai Ahli Yang Berhormat mengambil kesempatan ini untuk membincangkan projek-projek di kawasan-kawasan mereka seperti macam bajet.

Yang Berhormat Ledang saya tahu dia memang prihatin kepada prestasi pihak pegawai JKR. Dia telah pun menimbulkan projek yang kita laksanakan dengan memberikan latihan atau kursus kepada pegawai-pegawai supaya ianya boleh mempertingkatkan prestasi mereka. Sebenarnya kita tahu dalam tahun 1996, di mana IKRAM telah diswastakan dan dalam 14 tahun ini pegawai-pegawai teknikal JKR perlu juga mengadakan seminar *workshop in house training*. Ini memang tidak mencukupi jadi kita telah pun mencadangkan untuk membina satu institut latihan JKR. Cadangan ini telah pun dikemukakan kepada pihak UKAS supaya kita dapat juga mendirikan satu institut latihan untuk kakitangan JKR.

Yang Berhormat Hulu Langat, beberapa isu yang telah pun ditimbulkan iaitu ditanya mengenai persimpangan bertingkat yang telah pun dicadangkan dalam perbekalan tambahan ini adalah dalam minit tiga.

- (i) projek pembinaan persimpangan bertingkat dari Jalan Duta ke Istana Negara yang baru;
- (ii) membina *medium term link* dari Tambak Johor ke CIQ yang baru di Bukit Cagar di Johor Bahru; dan

- (iii) menaik taraf Jalan Changkat Semantan sebagai pintu kedua ke Istana Negara yang baru di Jalan Duta Kuala Lumpur.

Isu juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Hulu Langat iaitu program memperbaiki infrastruktur jalan raya akibat banjir. Kita tahu ini adalah satu fenomena yang kita tidak dapat jadualkan bila ianya akan banjir, tetapi selepas banjir kita perlu membuat audit jalan ini, kita tengok berapa banyak kerosakan supaya kita pohon untuk memperbaikinya. Walau bagaimanapun kita gunakan dana khas dari Kementerian Kewangan untuk memperbaiki sebanyak boleh kita buat dan juga kita memohon tambahan dari peruntukan untuk penyelenggaraan jalan.

Yang Berhormat Kinabatangan ada timbulkan isu permukaan jalan yang mungkin mengakibatkan kemalangan dan ada juga isu-isu yang lain dibawa tetapi saya tidak akan terlibat dalam hal itu. Kita tahu JKR, Kementerian Kerja Raya memang memandang serius akan keselamatan jalan untuk kita, kita ada spesifikasi yang tertentu. Apa yang kita tahu mungkin kemalangan berlaku oleh kerana permukaan jalan, ada juga faktor-faktor yang lain. Yang Berhormat kalau saya tidak habis semua soalan Yang Berhormat kita akan jawab secara bertulis.

■1540

Yang Berhormat Pendang membangkitkan mengenai jambatan yang mengakibatkan *bottleneck*, jambatan yang lama serta usang akan kita ambil perhatian di dalam hal ini, kerana kita memang tahu jambatan-jambatan yang lama yang telah dibuat dalam tahun 60-an termasuk juga jambatan-jambatan di Sarawak dan Sabah, kita memerlukan peruntukan yang amat tinggi, tetapi kita akan berbuat sedemikian dengan melihat keadaan dan secara berperingkat-peringat.

Yang Berhormat Arau bertanya tentang isu naik taraf jalan *central spine*. Kita memang telah pun memberikan keutamaan yang tinggi kepada projek ini kerana ini ialah satu jalan raya yang amat penting bagi *central spine* ini dan kita telah pun melibatkan dalam pakej ECER iaitu Koridor Wilayah Timur yang dilaksanakan terlebih dahulu. Dalam masa yang sama, pakej dari Gua Musang ke Kampung Relong, Pahang telah hampir siap. Ia dijangka akan siap pada 24 April yang akan datang. Manakala pakej yang lain yang akan dilaksanakan adalah tertakluk kepada peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Yang Berhormat Serdang masih ada ya? Sebenarnya soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Serdang saya telah menjawabnya pada bulan Januari tahun ini, tetapi saya dengar Yang Berhormat tidak menerima jawapan saya, tetapi saya akan memberitahu bahawa projek persimpangan jalan Serdang Jaya itu, kita telah tamatkan kontraktor yang lama dan memilih kontraktor yang baru dan ia sudah masuk ke tapak pada 26 Mac yang lalu dan projek ini akan disiapkan pada bulan November tahun ini. Sudah masuk tapak dua hari yang lalu. Tengoklah ada tidak masuk.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Yong Khoon Seng: Dan ada satu lagi projek yang diminta iaitu Putra Permai, Seri Kembangan. Projek ini telah pun diluluskan secara prinsip dan telah dipersetujui oleh kerajaan untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada tidak satu tarikh yang lebih spesifik? Maksudnya, adakah akan bermula dalam tahun ini atau bagaimana? Ini kerana untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh, tempoh masanya adalah lima tahun daripada tahun 2011 sehingga tahun 2015. Jadi adakah terdapat satu tarikh yang lebih spesifik? Ini kerana saya dimaklumkan bahawa RM10 juta akan diberikan pada tahun ini, iaitu untuk pembiayaan pertama. Adakah maklumat itu adalah betul atau tidak? Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Jawapannya, saya memerlukan notis lah kerana saya pun belum tahu akan hal ini. Akan tetapi dari segi prinsip memang telah dipersetujui.

Yang Berhormat Hulu Selangor menyatakan beberapa projek-projek yang spesifik dan saya akan memberikan jawapan secara bertulis kerana kita membincangkan projek-projek yang kita gunakan perbekalan tambahan untuk membiayai kemajuan projek-projek. Isu-isu yang baru iaitu isu-isu tempatan yang juga spesifik, kita akan jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Jempol juga membawa banyak isu berkaitan dengan tiga isu tetapi yang saya tahu ialah Bukit Putus ke Kuala Pilah dan Bahau *bypass* ini kita akan bawa kepada perhatian kementerian dan kita juga akan memberikan jawapan secara bertulis. *[Disampuk]* Bolehlah. Begitu juga dengan Yang Berhormat Jerai, saya juga akan menjawab soalnya secara bertulis.

Yang Berhormat Lenggong telah menyebut tentang lima jambatan. Saya tahu jambatan ini telah pun dibina sebelum perang Jepun, bukan? *[Disampuk]* *[Ketawa]* Oh, selepas, pada tahun 60-an dan ia telah pun usang serta perlu dinaiktarafkan. Tadi saya telah menyebutkan bahawa kita akan melakukannya secara berperingkat-peringkat dan Yang Berhormat Lenggong ada mencadangkan untuk menggantikan atau melebarkan jambatan tersebut.

Yang Berhormat Hulu Terengganu menanyakan berkaitan jalan Simpang Pulai-Jabor dan pembinaan jambatan di Kampung Dusun. Ini pun saya akan jawab secara bertulis kerana ini tiada di dalam butiran di hadapan kita. Begitu juga dengan soalan Yang Berhormat Sekijang, saya akan jawab secara bertulis. Yang Berhormat Padang Terap membangkitkan mengenai jambatan Bukit Kura dan jalan baru, itu juga saya akan menjawabnya secara bertulis.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Tuan Pengerusi, boleh saya mencelah sedikit? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pohonlah sebab mati dah ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingat sudah dua tahun jambatan tersebut tidak boleh diguna pakai. Orang kampung yang miskin telah menjadi miskin kerana kebanyakannya mereka tidak mempunyai kerja dan terpaksa berjalan semakin jauh. Jambatan Bukit Kura, KEDA Bukit Kura dan Kuala Tekai, saya ingat dalam RM500,000 boleh siaplah itu. Jadi saya memohon sangatlah. Begitu juga dengan jalan Kampung Masjid. Terima

kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih juga kepada kementerian yang sekarang tengah membuat lapan jambatan Naka-Nami. Sekarang *progress* nya cukup baiklah. Terima kasih banyak kepada pihak kementerian.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Pengerusi, kita memang akan mengambil perhatian serius terhadap orang mati itu. Yang Berhormat masuk BN lah. *[Ketawa]* Yang Berhormat...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Mana boleh kata macam itu. Ini dia...

Dato' Yong Khoon Seng: Saya bergurau sahajalah.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Tarik balik Yang Berhormat.

Dato' Yong Khoon Seng: Saya tarik baliklah. *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi ya. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Bergurau sahaja, jangan serius sangat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, lain kali hendak menjemput masuk parti, cakap belaknglah Yang Berhormat.

Dato' Yong Khoon Seng: Jangan masuk belakng. *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Jawab secara bertulis yang itu.

Dato' Yong Khoon Seng: Boleh, boleh. Yang Berhormat Sri Gading, sebenarnya saya pun tahu keadaan di Batu Pahat. Kita perlu berpusing daripada PLUS *north highway* ke Yong Peng barulah boleh masuk ke Batu Pahat. Saya pernah beberapa kali pergi ke sana dan perkara ini kita akan bincangkan dengan pihak PLUS agar memberikan macam satu akses agar dapat pergi ke Batu Pahat. Perkara ini ada sedikit *long terms* dan perlu dibincangkan terlebih dahulu. Kita juga akan mengambil perhatian mengenai jambatan di Sungai Simpang Kiri kah apa itu.

Yang Berhormat Silam membangkitkan mengenai jalan yang telah rosak akibat banjir dan tidak rata. Ini juga kita perlu berikan secara bertulis di mana tempat tersebut dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya kerana ianya ada peruntukan untuk membolehkan kita memperbaiki kerosakan jalan-jalan akibat banjir.

Yang Berhormat Puchong telah memberikan pandangan yang amat baik tetapi saya tidak berhasrat untuk menjawab di sini kerana ia telah dikeluarkan oleh saya dari dalam butiran.

■1550

Akan tetapi ini adalah cadangan yang baik. Kita boleh ambil terima cadangan ini dan bincang bagaimana kita akan memperbaiki jalan itu, mungkin digunakan alternatif, jalan alternatif. Ini adalah satu yang saya boleh bawa kepada pihak atasan. Yes, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terimalah kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata hendak bagi jawapan secara bertulis. Itu saya terima. Akan tetapi soalan ini telah pun saya bangkitkan dua tahun lebih. Saya minta agar boleh jawapan diberikan dengan apakah langkah-langkah yang

telah pun diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah trafik, masalah kesesakan jalan raya di kawasan Puchong.

Kalau boleh Timbalan Menteri saya juga pohon agar diberitahu apakah jalan-jalan akses lain yang akan dibina ataupun di cadang dibina oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini, yang penting sekali juga kalau boleh isu berkenaan dengan tol. Kita dengar baru-baru ini bahawa kemungkinan tol di kawasan Puchong akan dinaikkan. Ini akan menjadi satu masalah yang cukup besar kepada rakyat kawasan Puchong khususnya di kawasan-kawasan perkampungan sebagainya.

Jadi, ini menjadi aspek yang memang penting dan saya harap saya dapat satu jawapan kepada perkara tersebut dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Pengerusi saya akan berikan jawapan secara bertulis. Sebenarnya tol adalah sebahagian tol di LDP telah pun diturunkan cajnya. Yang Berhormat Labuan saya akan memberikan jawapan secara bertulis kerana ianya sangat spesifik. Yang Berhormat Pasir Puteh mengenai jalan yang telah pun disebutkan, sebenarnya pagi tadi ada soalan berkaitan dengan jalan ini.

Saya tahu jalan ini kontraktor pertama telah pun ditamatkan dan kita telah pun membuat tender semula dan kontraktor baru akan masuk ke tapak dalam Mei tahun ini. Yang Berhormat Kota Belud mengenai dengan projek yang dilaksanakan oleh pihak ATM iaitu 'Jiwa Murni' yang telah pun dilaksanakan di Lopeng, Bakalalan di Sarawak dengan ada juga projek di Sabah dengan kos yang rendah. Akan tetapi yang ini kita tahu jalan ini untuk *practicality* sahaja. Ia tidak mengikut sepenuhnya *specs* yang diperlukan untuk jalan-jalan yang kita sediakan oleh piawai JKR. Memang ia betul ini adalah satu usaha yang baik. Kita mengalu-alukan lebih ramai agensi-agensi kerajaan bersama-sama, begitu juga Kementerian Luar Bandar dan Wilayah telah pun membuat banyak jalan kampung.

Yang Berhormat Balik Pulau, projek yang disebutkan saya akan ambil perhatian. Saya tahu beliau telah pun timbulkan masalah ini berkali-kali. Kita akan tengok khususnya Telok Kemang ke Genting apa nama itu dekat Balik Pulaulah.

Tuan Mohd Yusmadi Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong ambil perhatian segera sebab dalam lebih kurang sebulan lebih sikit musim durian.

Dato' Yong Khoo Seng: Terima kasih, kita akan - macam saya ada kuasa bagikan [*Ketawa*]. Yang Berhormat Sik juga begitu jalan raya, jambatan di Gajah Putih, membaiki jambatannya - Itu semua dan jalan kedai Interland Highway C dan D kita akan mengambil perhatian dan akan bagi jawapan secara bertulis. Tuan Pengerusi itu sahaja. Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM675,000,090 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 di bawah Kementerian Kerja Raya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM675,000,090 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

**Maksud B.28 [Jadual] –
Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kepala Bekalan P.28 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Batu Gajah.

3.55 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu, dua perkara sahaja. Saya nampak B.28 di mana diperuntukkan Dewan ini diminta untuk meluluskan sebanyak RM84.9 juta untuk pembayaran pampasan kepada Syarikat Automotive Center of Axen Sdn Bhd. Saya hendak tahu mengapakah kita perlu membayar pampasan sejumlah lebih kurang RM85 juta kepada syarikat ini. Apakah sebab kegagalan sehingga kita perlu membayar pampasan ini. Kalau dibenarkan saya juga ingin tanya berkenaan isu Puspakom.

Tuan Pengerusi, di bawah kementerian ini juga di mana sebelum ini kita mendengar bekas Menteri Pengangkutan yang menyatakan bahawa monopoli Puspakom akan ditamatkan di mana tidak akan diberi lagi hak eksklusif dan hak eksklusifnya sehingga tahun 2014 sahaja. Akan tetapi baru-baru ini kita membaca bahawa Puspakom telah dilanjutkan monopolinya hak dan kuasa eksklusifnya di dalam pemeriksaan kenderaan selama tempoh 15 tahun lagi iaitu mulai tahun 2009 sehingga tahun 2024.

Saya hendak ingin tahu apakah benar bahawa Puspakom diberi monopoli sehingga 2024 ini. Ini disebabkan sebelum ini kita membaca bahawa perjanjian akan dimasukkan syarat yang baru di mana pemeriksaan kenderaan ini akan dibuka selepas lima tahun. Akan tetapi nampaknya laporan menyatakan yang sebaliknya. Apakah sebab Puspakom masih dilanjutkan monopolinya sebab terlalu banyak aduan terhadap perkhidmatan Puspakom.

Saya dalam masa kurang dua minggu Tuan Pengerusi, saya menerima dua, tiga aduan berkenaan perkhidmatan Puspakom yang di Gopeng. Saya rasa pihak kementerian perlu memberi perhatian. Nampaknya pihak Puspakom di Gopeng telah tidak mampu untuk menampungnya. Banyak kenderaan yang dihantar untuk menjalankan pemeriksaan. Saya ada hari Isnin yang lalu saya menghubungi pegawai Puspakom di Gopeng. Saya kata mengapa apabila pemilik atau wakilnya menghantar kenderaan untuk pemeriksaan, mereka tidak dibenarkan masuk.

Jawapan yang diberi ialah hari Isnin sangat sesak. Jadi kami bagi keutamaan kepada mereka yang telah dijadualkan. Saya rasa ini adalah tidak wajar sebab Puspakom yang memonopoli pasaran ini. Mereka membayar dan mereka diwajibkan untuk menghantar

kenderaan untuk pemeriksaan disebabkan oleh undang-undang. Jadi akhirnya saya hendak tahu apakah benar Puspakom ini mempunyai sasarannya atau *target* dalaman mereka di mana mereka perlu menggagalkan *certain percentage* dengan izin, peratusan tertentu kenderaannya untuk menunjukkan pencapaian sasaran keuntungan mereka.

Apakah benar sebab wakil ataupun pemilik kenderaan yang hantar kenderaan untuk pemeriksaan mereka memaklumkan saya mereka tidak puas hati sebab nampaknya pegawai-pegawai lebih cenderung untuk menggagalkan kenderaan mereka atau membangkitkan pelbagai masalah berkenaan kenderaan mereka semata-matanya untuk mencapai sasaran atau *target* yang ditentukan dalam dalaman. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat saya berikan di bawah butiran itu memang khusus macam Yang Berhormat Batu Gajah itu sahaja Yang Berhormat. Ya.

Tuan Mohd Yusmadi Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Ya, spesifik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Balik Pulau.

3.59 ptg.

Tuan Mohd Yusmadi Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud B.28 terutama sekali di bawah item dua iaitu merujuk kepada jumlah RM2,420,000 untuk membiayai usaha melobi pencalonan Malaysia sebagai Ahli Majlis International Civil Aviation Organization bagi penggal 2010/2013.

■1600

Tuan Pengerusi, saya ingin mengetengahkan perkara ini dan memohon menteri menjelaskan kerana aktiviti melobi merupakan satu aktiviti yang di Malaysia ini *is unregulated*, dengan izin, berbanding dengan di negara-negara lain. Lobi, melobi merupakan satu perkara yang mempunyai akta-aktanya di Amerika Syarikat, di *Capital Hills* dan sebagainya. Memandangkan perkara ini di Malaysia, belum ada akta di dalam merelugisasikan aktiviti melobi, jadi di peringkat ini bagi memastikan, dengan izin, tata kelolanya tidak ada penyelewengan, saya memohon menteri menjelaskan pada Dewan yang mulia ini, apakah tujuan RM2,420,000 digunakan dan apa perincian dan syarikat mana ataupun konsultan mana yang digunakan untuk melakukan kerja-kerja melobi sebegini?

Ini kerana saya melihat pada pandangan saya, kakitangan kerajaan juga dilatih dan kita pernah menjadi pengerusi dan menganggotai pelbagai organisasi antarabangsa yang mana saya yakin banyak contoh menunjukkan kakitangan-kakitangan kerajaan juga yang terlatih dan boleh dilatih untuk melakukan perkara sebegini. Saya mohon menteri menjelaskan konsultan ataupun perunding yang mana, untuk tujuan apa ia digunakan kerana jumlahnya agak besar. Mohon penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Labuan. Selepas itu menteri menjawab.

4.01 ptg.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada satu perkara sahaja iaitu mengenai Butiran 04800 Pembinaan Pelabuhan Bersepadu Ranca-ranca Labuan. Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang lalu, projek tersebut ataupun pembinaan pelabuhan bersepadu telah pun..., yang selama ini ditangguhkan disebabkan mungkin keadaan ekonomi kita pada tiga tahun atau empat tahun yang lalu tetapi telah pun diubah projek ini kepada PFI. Jadi, sejauh manakah perancangan PFI ini sudah berjalan? Apakah ia sudah pun dimulakan ataupun perancangan-perancangan tersebut seolah-olahnya, contohnya *design* dan juga perancangan seterusnya? Sejuah manakah perkara ini telah pun dilaksanakan oleh kementerian? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab soalan daripada Yang Berhormat Balik Pulau dan Yang Berhormat Batu Gajah. Yang RM10 itu bolehlah *option* kalau hendak menjawab.

4.03 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyertai perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian Pengangkutan. Beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan isu yang pertama daripada Yang Berhormat Batu Gajah yang meminta kita untuk menjelaskan tentang pampasan yang harus diberikan kepada *Automated Center of Excellence*.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya projek ACE ini adalah merupakan sebuah projek yang telah dirancang pada tahun – yang telah dilaksanakan pada tahun 2007 iaitu bertujuan untuk meningkatkan tahap kemahiran dan mengubah sikap pemandu kenderaan perdagangan ke arah mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dan melahirkan pemandu-pemandu kenderaan perdagangan yang profesional supaya setaraf dengan pemandu-pemandu di negara maju.

Walau bagaimanapun, program tersebut tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab berikut; kadar fi yang tinggi dan kekerapan ujian yang dibuat telah mendapat bantahan pihak pengusaha-pengusaha dan pemandu kenderaan perdagangan dan kadar fi ini adalah di antara RM850 sehingga RM1,450. Manakala bagi pemandu bas atau kenderaan berat perlu menjalani program setiap tahun bagi tiga tahun pertama dan setiap dua tahun berikutnya dan bagi pemandu teksi dan van adalah setiap dua tahun.

Selain daripada itu, berlaku juga masalah kekurangan pemandu dan dengan demikian pihak pengusaha keberatan untuk melepaskan pemandu mereka untuk menjalani program

tersebut. Selain daripada itu, hanya satu pusat latihan beroperasi di Kuala Langat yang menimbulkan masalah bagi pemandu-pemandu yang bekerja di luar dari Selangor.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Atas sebab itu, apabila Kabinet pada 12 Mei 2010 telah bersetuju untuk pada 24 Oktober 2008, akibat daripada kegagalan tersebut, pihak ACE, syarikat yang telah diberikan konsesi tersebut telah mengemukakan tuntutan. Akhirnya, dengan persetujuan Kabinet, maka pihak Kabinet telah pun meluluskan pampasan kepada syarikat ini akibat kegagalan kita untuk melaksanakan ataupun melaksanakan obligasi untuk menguatkuasakan perjanjian. Dengan demikian menyebabkan kita *liable* untuk membayar tuntutan tersebut.

Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkaitan dengan isu...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri harus telus dalam perkara ini. Saya rasa tidak boleh sewenang-wenangnya Parlimen diminta meluluskan lebih kurang RM85 juta ini. Siapakah yang akhirnya bertanggungjawab, *accountable* ke atas kegagalan program ini? Mengapakah terlebih dahulu..., apakah tiada konsultasi dengan mereka yang terlibat ini? Mengakibatkan RM85 juta. Bayangkan kita boleh membantu berapa orang miskin. Sewenang-wenangnya kita kerana sambutan kurang baik. Ini menunjukkan kurang konsultasi, kelemahan perancangan. Siapakah yang *accountable* berkenaan perkara ini? Tidak boleh sewenang-wenangnya Dewan diminta meluluskan RM85 juta pampasan, duit sebegitu kerana sambutan yang lemah. Siapakah yang merancang program ini? Saya pohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sepertimana yang saya telah jelaskan tadi bahawa projek ini telah pun dilaksanakan beberapa tahun yang lalu dan perjanjian telah pun dibuat dengan ACE pada 25 Januari 2007. Konsesi ini telah diberikan kepada syarikat tersebut selama 20 tahun. Sepertimana yang telah saya jelaskan tadi bahawa antara matlamat pelaksanaan projek ini adalah untuk- dengan mengambil kira bahawa institut memandu tidak mampu menyediakan fasiliti dan infrastruktur yang mematuhi spesifikasi ujian dan latihan. Dengan sebab itu, ACE ini adalah merupakan syarikat yang mengguna pakai latihan modul ulangan dan ujian bagi pemegang lesen kenderaan perdagangan dengan mengguna pakai kepakaran Australia untuk membangunkan pusat latihan.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Jadi, sebenarnya matlamat mengadakan ini adalah untuk menambah baik kemahiran. Pada ketika itu, banyak berlaku kemalangan, maka kerajaan telah membuat keputusan untuk melihat bahawa salah satu daripada aspek yang menyebabkan berlakunya banyak kemalangan ini adalah masalah pemandu itu sendiri, kompetensi pemandu. Oleh sebab itu, kerajaan telah pun mengambil tindakan untuk melatih semula pemandu-pemandu ini khususnya bagi pemandu PSV (*Public Service Vehicle*) dan juga GDL atau kenderaan perdagangan supaya mereka ini menjadi satu kumpulan pemandu yang kompeten.

Itu adalah keputusan pada ketika itu dan ia telah dipersetujui oleh kerajaan melalui keputusan Kabinet. Walau bagaimana pun, apabila tahap pelaksanaannya, ia menimbulkan banyak bantahan dan akibatnya kerajaan terpaksa mengambil keputusan apabila kita tidak dapat melaksanakan projek tersebut, maka pihak ACE yang menjadi *concession holder* telah mengambil tindakan untuk mendapatkan pampasan daripada kerajaan.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit penjelasan Timbalan Menteri, memandangkan jumlah yang agak besar RM85 juta. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya yakin sebelum keputusan sebegini dibuat, kajian *professional paper* dan sebagainya mungkin ada. Kalau tidak ada, saya rasa satu kecuaihan. Saya yakin sepatutnya ada dan mungkin Timbalan Menteri boleh jelaskan.

Akan tetapi soalan yang lebih saya mahu Timbalan Menteri jelaskan ialah pembayaran pampasan ini adakah disebabkan oleh keputusan penyelesaian di mahkamah ataupun hanyalah satu keputusan tanpa tindakan yang dibuat oleh ACE sehingga ke peringkat yang maksud saya mahkamah. Adakah hanya keputusan Kabinet, perundingan di luar ataupun *amicable settlement*, dengan izin, ataupun ia disebabkan tindakan mahkamah ke tahap 84? Saya mohon Timbalan Menteri menjelaskan kerana jumlahnya yang agak banyak.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tuan Pengerusi, mohon maaf, ya. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya persetujuan ini adalah di atas persetujuan *amicable solution* yang telah dibuat kerana mengambil kira bahawa memang pada pandangan khususnya pihak Jabatan Peguam Negara berpandangan bahawa kita memang telah gagal menguatkuasakan perjanjian dan dengan demikian kita memang mempunyai obligasi ataupun *liable* untuk membayar tuntutan tersebut.

■1610

Oleh sebab itu, pada 12 Mei 2010 jemaah Menteri telah bersetuju dengan bayaran pampasan kepada AC tersebut dengan kadar yang telah ditentukan dan kerajaan juga pada 30 Oktober telah membuat bayaran *first...*, sebanyak RM84 juta. Kita memohon untuk diluluskan dalam bajet ini.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sedikit sahaja. Memandangkan itu keputusannya, saya memohon dan saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mempertimbangkan perkara ini. Saya kalau boleh diperjelaskan di Dewan ataupun di bekalkan *professional opinion* daripada Jabatan Peguam Negara. Ini kerana kalau RM80,000 mungkin satu perkara yang kita boleh. Ini RM85 juta, hampir ya RM84 juta.

Jadi, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh kerana dia tidak melibatkan perkara-perkara yang Akta Rahsia Rasmi di sini kerana hanya melibatkan program latihan dan saya rasa mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bekalkan kepada mereka mulai bulan ini *professional opinion* daripada Jabatan Peguam Negara untuk kita melihat. Kalau ada

justifikasinya kita boleh pertimbangkan tetapi kalau, kita mahu kerajaan mempertahankan seboleh-bolehnya RM85 juta ini, saya rasa agak besar.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan ini bahawa ini adalah keputusan jemaah Menteri atas nasihat daripada Jabatan Peguam Negara yang telah pun meneliti tentang isi kandungan di dalam perjanjian tersebut.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya masih tidak puas hati dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya akan menyokong segala usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Akan tetapi, dalam kes ini jelaslah wujud masalah dalam perancangan akauntabiliti. Saya hendak tahu ekoran kegagalan program ini, apa tindakan yang diambil. Selain daripada membayar pampasan sahaja. Apakah mana-mana individu atau pegawai yang terlibat diambil tindakan, dipecat atau diminta letak jawatan.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai banyak sumber kemudahan untuk memberi nasihat. Siapakah akan menandatangani perjanjian untuk 20 tahun? Padahal belum tahu sama ada program itu akan berjaya atau tidak. Tiada kah sebelum ini memperoleh maklumat berkenaan kekerapan harga yuran untuk mengikuti program ini? Tiada perbincangan dengan mereka yang terlibat ini. Perjanjian 20 tahun Tuan Yang di-Pertua dan gagal dalam masa kurang setahun.

Kita bayar RM85 juta. Minta Dewan ini untuk luluskan jumlah ini Tuan Yang di-Pertua. Mana boleh. Saya tahu Barisan Nasional majoriti sini nanti untuk disetujui, setuju. Tentu setuju. Akan tetapi, mana akauntabilitinya? Ini nampaknya ada pihak tertentu ingin mengaut keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Gajah. Sudah. *Point delivered, I was listening outside.*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat sakit hati Tuan Yang di-Pertua. Wang ini bukan jumlah yang kecil Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, sila.

Seorang Ahli: Dalam RM85 juta.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawab seberapa yang boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya difahamkan jawapan itu jemaah Menteri sudah bersetuju.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih di atas...

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ini adalah keputusan kerajaan seperti mana yang saya katakan tadi bahawa saya telah menjelaskan tentang sebab-sebab mengapa kegagalan program ini. Di antaranya seperti mana yang saya jelaskan bahawa berlaku keadaan ekonomi yang

menurun pada ketika itu yang menyebabkan industri pengangkutan menghadapi masalah dan tidak mampu membayar yuran. Mereka menentang...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan, jangan. Maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri, jangan bangkitkan faktor-faktor luaran, dalaman. Siapa *accountable* terhadap perkara ini, kegagalan ini?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ini bukan tanggungjawab saya Yang Berhormat. Pihak Audit boleh bertanggungjawab terhadap perkara ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri minta kita luluskan, tentu ada maklumat ini. Siapa cadangkan program ini, siapa terlibat dalam perjanjian ini?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Cadangan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk dulu Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam perbahasan seperti begini, apabila persoalan ditimbulkan dan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada yang bertanya itu puas hati atau tidak, itu lain hal. Jawapan telah dibuat. Kabinet telah meluluskan supaya pampasan dibayar atas sebab mungkin telah diperjelaskan. Saya pun kadang-kadang tidak puas hati mendengar perbahasan yang begitu remeh. Akan tetapi, terpaksa saya bersabar.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selepas itu *move to a different point*.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf Tuan Yang di-Pertua, maaf Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa, Tuan Yang di-Pertua tuju kepada perbahasan saya remeh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya tahu maksud Yang Berhormat iaitu kalau ada kegagalan, siapa yang dipersalahkan. Soal itu bukan siapa yang dipersalahkan sini. Soal itu jawapan sudah diberi, sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak, jawapan telah diberi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah pembangkang. *My job is to check on the executive* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak boleh sembarangan kata Kabinet telah lulus.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu. Saya adalah sebagai *check* kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu berbahas. *So, ada check and balance*. Mesej dari Yang Berhormat telah difahami. *Why RM84 million was spend* sudah difahami. Masuk *Hansard*. Bermakna kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai situ faham lain kali jangan buat begini, *don't...!*

Message delivered. Understood. Akan tetapi, Yang Berhormat punya maksud bahawa siapa yang telah digantung, siapa yang telah 'ditembak'? Bukankah itu sudah dijawab. Kabinet sudah menerima alasan daripada Peguam Negara.

Alasan adalah ekonomi. Jadi, saya sebagai *check and balance* jangan lagi mengatakan masa, apabila persoalan sudah ditimbulkan, *well good. Find!* Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab. Sama ada dia jawab tepat atau tidak memenuhi aspirasi dan perasaan masing-masing, itu soal lain. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas pandangan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau, usaha-usaha melobi untuk dipilih semula menjadi anggota ICAO. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya perbelanjaan itu adalah dipohon bagi tujuan untuk Menteri ataupun Timbalan Menteri dan juga pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk mengadakan lobi dengan negara-negara tertentu untuk mendapatkan undi semasa pemilihan yang akan diadakan.

Di dalam pemilihan tersebut kita adalah bertanding bagi kategori yang ketiga dan iaitu negara-negara di mana, apabila hanya akan memastikan bahawa kawasan geografi terutama di dunia yang diwakili oleh 13 negara. Oleh sebab itu, peruntukan ini diperlukan bagi maksud tersebut. Yang Berhormat Labuan ada membangkitkan berkaitan dengan pembinaan...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja, sedikit sahaja untuk kawasan melobi itu. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi saya tegaskan kerana dinyatakan tujuannya melobi dan saya menjelaskan bahawa aktiviti melobi di Malaysia memang *unregulated activity*. Cuma saya memohon di sini. Apakah kaedah yang digunakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memastikan tata kelola RM2 juta itu digunakan dengan sehemat yang mungkin. Kalau jawapannya untuk kegunaan Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan lanjut saya ialah betapa pentingnya atau apa pentingnya pelaburan lebih RM2 juta ini, signifikannya kerana kita patut meluluskan RM2 juta ini. Ini kerana bagi saya besar dan amat besar untuk kerja-kerja yang melobi.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, saya seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa apabila kita ingin memenangi dalam satu kedudukan dalam satu pertubuhan antarabangsa bukan sahaja ICAO tetapi juga pertubuhan-pertubuhan yang lain seperti IMO. Maka usaha-usaha melobi untuk mendapatkan sokongan tersebut adalah merupakan salah satu daripada kerja-kerja biasa yang kita lakukan. Dengan bantuan Kementerian Luar Negeri dan juga kunjungan-kunjungan yang akan dibuat oleh Menteri, Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai pada kumpulan-kumpulan, khususnya mereka-mereka yang mempunyai hak mengundi di dalam Jawatankuasa tersebut maka kita melakukannya.

Oleh sebab itulah dengan usaha-usaha sebegini perlu dilakukan untuk memastikan bahawa kita menang di dalam pertubuhan ini. Seperti mana yang kita tahu bahawa pertubuhan

ICAO ini adalah merupakan satu *governing body* kepada industri penerbangan awam global. Kita amat bertuah kerana Malaysia adalah salah satu daripada negara yang telah dipilih bagi menyertai *global body* ini...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Dan kita boleh menentukan dasar-dasar atau memberikan input terhadap dasar-dasar di dalam industri penerbangan di peringkat antarabangsa.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Jadi Yang Berhormat Labuan ada juga ada membangkitkan...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya sedikit sahaja. Apa manfaat yang kita dapat melalui *effort* ini, usaha untuk melobi supaya boleh menjadi seorang Ahli Majlis dalam NGO ini.

■1620

Ini kerana saya hendak tahu, *what is the monetary benefit* apa itu nilai ataupun balasan yang kita dapat *in terms of money* dalam duit punya. Apa yang kita dapat? Ini kerana kita sudah guna RM2 juta untuk melobi, usaha lobi untuk menjadi sebagai seorang Ahli Majlis *International Civil Aviation Organization*, dengan izin. Jadi saya hendak tahu apa yang kita boleh dapat balik?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Saya fikir Tuan Pengerusi, Yang Berhormat harus faham bahawa menjadi Ahli Jawatankuasa di dalam pertubuhan antarabangsa khususnya bagi industri penerbangan ini adalah merupakan satu kedudukan yang begitu prestij kerana ia adalah merupakan satu *international body* dan saya ingin menyatakan di sini bahawa di antara faedah-faedah yang kita boleh peroleh sama ada mungkin secara kuantitatif ataupun kualitatif ialah:

- (i) meningkatkan status industri penerbangan awam Malaysia selaras dengan kemajuan infrastruktur lapangan terbang yang bertaraf antarabangsa;
- (ii) mendapatkan akses terus kepada peringkat tertinggi *executive governing body* ICAO dengan itu Malaysia akan menyumbang kepada perancangan dan pertumbuhan industri penerbangan awam antarabangsa;
- (iii) perwakilan dalam Ahli Majlis ICAO – dapat memberi Malaysia *leverage* dalam isu-isu dan keputusan-keputusan dasar yang strategik kepada industri penerbangan awam negara; dan
- (iv) membolehkan Malaysia mendapat maklumat awal tentang isu-isu yang memberi kesan kepada industri penerbangan awam, memandangkan

isu-isu ini adalah dibincangkan terlebih dahulu di peringkat Ahli Majlis ICAO.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [*Bangun*]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Perkara ini akan memberikan kelebihan kepada Malaysia dalam mempertahankan kepentingan industri penerbangan negara dan serantau khususnya dalam isu perkhidmatan negara antarabangsa dan ruang udara. Seperti mana yang kita tahu bahawa Malaysia adalah merupakan salah satu negara yang terlibat aktif di dalam sektor pelancongan dan penerbangan. Oleh sebab itu kehadiran kita di dalam *international body* ini adalah merupakan satu kelebihan yang besar kepada negara ini.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit penjelasan tadi dalam soalan saya awal pada mula perbahasan tadi saya tanya melibatkan aktiviti lobi yang tidak *regulated* dan saya melihat ada satu trend baru di dalam pendekatan sekarang untuk meningkatkan perdagangan dan juga *anti terrorism* juga kita menggunakan pelobi.

Sebenarnya APCO itu ialah pihak agensi pelobi tetapi memandangkan trend yang ada sekarang ini untuk menggunakan pihak agensi pelobi, saya mencadangkan mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mencadangkan bahawa aktiviti lobi di Malaysia sekarang ini sudah perlu diregulasikan, perlukan akta seperti negeri-negeri lain kerana jumlahnya makin meningkat kerana keperluannya ada.

Jadi saya boleh setuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri keperluan untuk menjadi anggota-anggota organisasi antarabangsa, ada signifikannya. Akan tetapi memandangkan jumlahnya meningkat, jumlahnya besar saya mencadangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu membuat satu dasar bahawa kita perlukan undang-undang seperti di negeri-negeri yang lain contohnya seperti di tempat lain *we have to file any document, any injustice department* kalau kerja-kerja melobi.

Jadi perkara itu dapat dinilai di Dewan. Jadi saya cadangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan usaha ini ada baik untuk negara kita perlu regulisasikan aktiviti melobi dalam negara kita.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat, mungkin itu satu cadangan yang baik dan kita serahkan kepada Yang Berhormat Menteri undang-undang untuk memikirkan tentang perkara tersebut.

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Labuan, untuk makluman Yang Berhormat sememangnya Pelabuhan Ranca Ranca ini adalah merupakan satu projek yang memang telah pun dirancang oleh pihak kerajaan. Oleh sebab itu kerajaan telah memperuntukkan beberapa peruntukan khususnya bagi kajian EIA dan juga bagi kajian selanjutnya iaitu kajian tanah ataupun *soil investigation* berkaitan dengan projek ini.

Bagaimanapun pihak kerajaan sedang memikirkan bahawa projek ini boleh dilaksanakan melalui PFI dan pihak EPU sedang menimbangkan perkara ini. Memang kita melihat bahawa keperluan pembinaan Pelabuhan Ranca Ranca ini adalah sesuatu yang amat penting dengan mengambil kira perkembangan ekonomi di Labuan akibat daripada kenaikan dalam sektor *oil and gas* di kawasan tersebut. Kita berharap pihak EPU akan dapat mengambil tindakan dengan segera supaya pelabuhan ini dapat dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM87,349,000 untuk Maksud B.28 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM87,349,000 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM41,090,000 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM41,090,000 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] -

Tuan Pengerusi: Kepala pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Serdang.

4.26 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, ringkas sahaja. Di bawah Maksud P.29, Butiran 03200. Saya hendak tanya selepas RM133 juta telah digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja bagi memastikan pencapaian sasaran SAIDI di Sabah pada paras 700 minit per pengguna pada tahun 2010. Jadi pada akhirnya, apa hasilnya pada hujung tahun 2010? Itu pertama.

Kedua tentang Butiran 09000, saya hendak sentuh sedikit tentang isu-isu di kawasan saya kerana saya rasa kebelakangan ini TNB banyak menjalankan operasi potongan tidak kira mana. Taman perumahan mereka potong elektrik, di jalan raya mereka juga potong elektrik. Saya rasa ini adalah amat bahaya terutamanya apabila yang berhutang, hutang yang tidak bayar itu adalah pemaju.

Di kawasan saya ada beberapa taman perumahan di mana lampu jalan adalah di bawah pemaju dan pemaju yang bersalah. Mereka tidak bayar bil elektrik ini tetapi pada akhirnya apabila

bekalan elektrik dipotong yang menyusahkan yang menghadapi kesusahan adalah penduduk-penduduk di taman tersebut.

Jadi saya harapkan bahawa kementerian di sini boleh buat sesuatu, bolehlah mengambil prihatin dengan isu ini supaya memastikan bahawa apabila adalah pemaju yang bersalah ataupun PBT yang bersalah, suruh itu TNB bawa ini PBT ataupun pemaju ke mahkamah. Janganlah menyusahkan rakyat di taman perumahan itu. Ini kerana saya rasa lampu jalan adalah satu infrastruktur yang *basic* untuk memastikan keselamatan penduduk-penduduk di taman itu. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Indera Mahkota.

4.28 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Program atau projek SAIDI ini hendak ukur berapakah jumlah masa yang terganggu oleh pengguna dikira berdasar kepada *ratio* semua pengguna dalam satu kawasan. Kita hendak guna RM133 juta untuk beli sistem ini, maknanya selepas diaplikasikan adakah mana-mana jumlah yang kita dapat daripada *average* program SAIDI ini kita hendak ganti balik.

Maksudnya kalau kita dapat satu jumlah pengguna yang waktu terganggu maksudnya bekalan terputus yang *average* kita ambil. Selepas itu kita dapat melebihi 700 minit kepada pengguna itu, adakah program ini hendak memberi satu tanda yang pengguna itu mendapat faedah atau mendapat *reimbursement* kah dengan izin, dipulangkan semula atau dikenakan surcaj.

Apakah maksud program ini? Saya tidak pertikai jumlah RM133 juta ini tetapi apakah yang hendak memberi hasil terutama program ini dikhususkan di Sabah. Disebut di Sabah pada paras 700 minit. Jadi tidak ada kena-mengena dengan Semenanjung ataupun negeri lain. Spesifik berkenaan dengan Sabah. Adakah selepas dikira nanti pengguna-pengguna di Sabah atau kawasan tertentu mendapat atau dipulangkan semula kesusahan mereka itu ataupun masa-masa di mana bekalan elektrik mereka terganggu.

Sebagai contoh, yang buat perusahaan ikan, apabila terganggu tenaga elektrik 700 minit maka ikan tidak dapat bekalan oksigen. Maka rugilah perniagaan mereka. Adakah ini diambil kira dalam projek ini? Itu saya minta jawapanlah.

Kedua Tuan Pengerusi, kita hendak minta kepada Dewan ini melalui Rang Undang-undang 6/2011 ini Tuan Pengerusi, untuk meluluskan apa-apa perbelanjaan tambahan. Tetapi Maksud P.29 yang kita hendak minta ini RM133 juta tidak ada dalam permintaan ini. Kalau Tuan Pengerusi perhatikan muka surat 2 rang undang-undang ini dia ada B.1 hingga B.62 tetapi tidak adapun P.29 atau B.29.

■1630

Jadi apa guna kita berbincang atau berbahas untuk luluskan berkenaan kementerian ini. Sekiranya kita perlukan tambahan RM133 juta, sudah tentu kita kena masukkan dalam rang undang-undang ini, yang ini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, *I take note of that*. Nanti saya tanya pihak-pihak berwajib untuk perjelaskan kepada saya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: 'B' tidak ada berkenaan ataupun berkenaan kementerian yang kita bahaskan ini sebagaimana yang tercatat pada muka surat 14 iaitu Maksud P.29. Kita hendakkan tambahan RM133 juta untuk program SAIDI. Yang ini sudah jelas tidak ada dalam rang undang-undang yang kita bawa pada hari ini. Jadi sebelum dijawab perkara itu, saya rasa sebelum berpanjangan kita berbahas berkenaan ini, saya mohon klarifikasi kerana rasanya tidak ada kegunaannya kita berbincang tentang permohonan yang tidak dimasukkan di dalam ini, sudah tentu tidak dapat diluluskan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ada lagi yang minat? Kalau tidak sila Menteri, lepas itu jawab sekali apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota.

4.31 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dua, tiga perkara di bawah Kepala P.29 semasa perbahasan peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Bekalan Tambahan Kedua 2010 dan saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Tentang apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Serdang, Tuan Pengerusi iaitu mengenai SAIDI ataupun dengan izin, *System Average Interruption Duration Index* khas untuk di Sabah RM133 juta ini. Saya kira Tuan Pengerusi, ianya adalah satu peruntukan khas untuk melaksanakan kerja-kerja bagi memastikan pencapaian sasaran SAIDI di Sabah pada paras 700 minit per pengguna setahun pada tahun 2010, itu yang disasarkan daripada tahun 2009 SAIDI di Sabah keseluruhannya adalah sebanyak 2,867 minit per pengguna setahun.

Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu prihatin dengan masalah bekalan tenaga elektrik di Sabah yang sering mengalami gangguan, maknanya SAIDI ini adalah bilangan atau kekerapan gangguan tenaga yang berlaku di sana. Maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menetapkan pihak kementerian untuk mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya bagi mengurangkan SAIDI tersebut. Secara tidak langsung memberi keselesaan bekalan tenaga kepada penduduk di Sabah khususnya di pantai timur yang memang mengalami kekurangan bekalan tenaga ataupun sering mengalami gangguan.

Pihak SASB ataupun pihak utiliti Tenaga di Sabah telah mengenal pasti projek-projek yang perlu dilaksanakan bagi mencapai sasaran ataupun *target* 700 minit per pengguna setahun, ini bukan sebulan, setahun secara *annualize* dan saya kira pelaksanaan projek-projek tersebut

telah pun berjaya mengurangkan SAIDI sebanyak hampir 74 peratus daripada 2,867 kepada lebih *exact* bukan 700, lebih *exact* 687.5 minit per pengguna *per year* untuk tahun 2010. Saya kira ianya adalah satu kejayaan yang sangat-sangat *significant* dan menggembirakan rakyat Sabah secara keseluruhannya.

Bagaimanapun tentang isu yang disebut oleh Yang Berhormat Serdang, tentang isu-isu pemotongan yang melibatkan lampu jalan dan juga bil-bil di rumah. Saya kira Tuan Pengerusi, itu tidak termasuk di bawah butiran, di bawah Kepala P.29 ini dan saya kira kalau masih hendak jawapan, secara bertulislah Yang Berhormat kerana memang tidak termaktub di bawah Kepala Butiran P.29.

Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tentang SAIDI tadi, saya rasa Yang Berhormat ini seorang yang bijak dari segi teknikal tidak salah saya. Jadi saya kira SAIDI ini bukan satu perkara baru kepada Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat pertikaikan ialah ianya tidak termasuk di bawah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Kedua 2010 tetapi Yang Berhormat ianya adalah di bawah "Pengurusan", bukan di bawah "Bekalan". Ada termaktub dalam sini Yang Berhormat... [Merujuk Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Kedua 2010]

Kalau Yang Berhormat lihat di bahagian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Kertas Perintah 2, tahun 2011, di bawah tajuk P.29, ada ternyata sebanyak RM133,000,030. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Boleh minta penjelasan Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ringkas sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Indera Mahkota, apabila kita bangkitkan perkara-perkara teknikal begini, beri juga kefahaman kepada saya sama ada itu melanggar peraturan mesyuarat ataupun ianya menjejaskan apa yang kita bincangkan ini. Ini sudah dua, tiga kali cara begini Yang Berhormat Indera Mahkota buat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya minta maaf Tuan Pengerusi, bukan niat saya.

Tuan Pengerusi: Jangan timbulkan perkara-perkara yang pada akhirnya kita juga dapati adalah betul kerana saya tahu pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan telah berpuluh-puluh tahun dalam soal ini. Yang Berhormat harus perjelaskan kepada saya kerana saya tidak mahu kalau saya mempengerusikan, ada juga perkara-perkara teknikal yang berlaku dan pada akhirnya saya dapati tidak betul berlaku. Sila.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya faham, saya bersedia untuk memberi penjelasan ataupun menerima penjelasan. Akan tetapi apa yang saya kemukakan, saya

ternampak di sini Tuan Pengerusi yang kita bincangkan selama tiga hari sekarang ialah berkenaan rang undang-undang...

Tuan Pengerusi: Kalau boleh pegawai-pegawai yang di belakang yang faham tentang ini, bagi nota kepada Menteri yang berkenaan untuk beri penjelasan itu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Rang Undang-undang 6/2011 yang kita perlu bincangkan, selesaikan urusan mesyuarat kita pada dua, tiga hari ini termasuk esok barangkali.

Tuan Pengerusi: Yang peruntukan yang diminta untuk tambahan ini kan, *supplementary*?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya, ini asasnya, muka surat 1, 2 dan seterusnya dan yang kita bincangkan satu persatu adalah berkenaan dengan tambahan yang diminta diluluskan dalam Dewan ini untuk tujuan tambahan kedua, Anggaran Belanjawan Tambahan Kedua 2010, kali kedua termasuk yang telah pun dibelanjakan. Itu kita semua dapat menerima tetapi dalam permintaan ini Tuan Pengerusi, tidak tercatat. Ini yang kita bincang yang ini, ini adalah rang undang-undang yang dibawa kepada Majlis untuk diluluskan. Jumlah yang diminta oleh kementerian, Yang Berhormat baru kejang tadi tidak dinyatakan permohonannya dalam rang undang-undang ini. Cuba beri kefahaman, yang diminta ini, yang biru, ini adalah panduan kita, yang kita bincangkan ini.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Indera Mahkota duduk dulu. Sila.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, saya juga mohon tunjuk ajar Tuan Pengerusi sekiranya ada ketidaktepatan dalam penjelasan saya. Mengikut kefahaman saya secara prinsip, Tuan Pengerusi pun lebih arif, tiada mana-mana duit dari wang di dalam dengan izin *Consolidated Fund* yang boleh digunakan tidak mengikut Perlembagaan. Secara khusus Fasal 101 tajuknya pun ialah *Supplementary and Excess Expenditure*. Secara spesifik dan saya dan punya *paragraph 'A', 'B'* dan saya akan hanya baca yang terakhir dengan izin, "*A supplementary estimate showing the sums required or spent shall be laid before the House of Representative and the purposes of any such expenditure shall be included in a Supply Bill*".

Jadi pada pandangan saya mungkin boleh dibetulkan, yang kertas biru ini rang undang-undang, yang di belakang-belakang ini ialah satu apendiks atau lampiran tetapi apatah lagi tidak tersenarai langsung kementerian itu. Jadi saya khuatir Tuan Pengerusi, ianya ketidakaturan yang memudaratkan sehingga ada implikasi ke Perlembagaan kerana kita berbahas hanyalah apa yang sepatutnya tertera dalam rang undang-undang dan itu memang jelas di bawah Fasal 101. Saya mohon penjelasan.

■1640

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Ya. Tuan Pengerusi maaf. Saya juga bersetuju dengan kedua Yang Berhormat ini saya berpusat kepada *technicality* ya. Selalunya apabila satu rang undang-undang ini, perbelanjaan tambahan *the total sum is there*. Belanja mengurus dan juga pembangunan mesti ada tetapi apa yang kita dapat di sini hanya perbelanjaan pengurusan. *That RM13 billion*. Kalau kita campur *RM13 billion with RM1.9 is RM15 billion*. So saya ingat dari segi *technicality*, kalau tidak Tuan Pengerusi kita lulus ini *there is anomaly - the figures*. So kalau boleh pihak kementerian buat *amendment* bagi kita panduan. Bagaimana? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih pada dua tiga orang rakan Yang Berhormat yang begitu prihatin tentang ketidak tercatat sebagaimana Maksud P.29 di bawah rang undang-undang Kertas DR.6/2011. Saya juga sudah semak sebenarnya Tuan Pengerusi cuma saya merujuk kepada beberapa kertas helaian lain yang coklat dan juga yang putih, yang lebih terperinci di dalam. Akan tetapi walau bagaimanapun Tuan Pengerusi mungkin elok saya rujuk kepada Kementerian Kewangan sama ada perkara ini teknikal ataupun boleh kita teruskan Tuan Pengerusi.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi Peraturan Mesyuarat 65A.

Tuan Pengerusi: Sila baca.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: "Suatu penerangan berkenaan dengan perbelanjaan yang dicadangkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi mana-mana tahun kewangan menurut seksyen kecil (1) dalam seksyen 4, dalam Akta Kumpulan Pembangunan 1966, hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat sebelum mengemukakan kepada Majlis sesuatu ketetapan menurut seksyen kecil (3), dalam seksyen 4, akta itu."

Jadi ini bermakna yang kita bentangkan ialah kertas biru yang mesti dinyatakan dengan jelas tentang dua peruntukan Bekalan - 'B' dan 'P' - Pembangunan. Jadi yang ada di sini hanyalah "Bekalan", tidak ada "Pembangunan".

Di sebelah belakang ini ialah huraian. Kita boleh menerima huraian itu tetapi yang disahkan di dalam Dewan hanyalah yang biru. Jadi benda ini besar kesilapan ini Tuan Pengerusi. Oleh sebab itu agak sukar untuk kita meluluskan. Kalau kita luluskan kita telah melanggar undang-undang, jadi ini yang saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Sila, sila duduk Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Indera Mahkota sudah, Yang Berhormat Indera Mahkota sudah. Saya faham apa yang Ahli-ahli Yang Berhormat maksudkan itu saya faham.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Saya telah beri jaminan bahawa saya juga tidak akan teruskan mesyuarat ini sehingga saya sendiri puas hati. Akan tetapi tidak ada siapa-siapa yang dapat bantu saya di sini. Tidak ada siapa yang dapat bantu saya. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat kalau umpamanya itu menjadi satu permasalahan saya tidak ada pilihan lain kalau pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan tidak membantu terpaksa saya tangguhkan mesyuarat. Akan tetapi apabila nanti saya dibantu dapat tahu bahawa ini adalah perkara remeh, jangan selewengkan Dewan punya masa. Itu Yang Berhormat Indera Mahkota fahamkan?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tidak, tidak.

Tuan Pengerusi: Itu Ahli-ahli Yang Berhormat faham.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Faham, faham.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Faham, faham. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey sila duduk.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Duduk, sudah saya faham Yang Berhormat. Saya sekarang ini sedang berfikir tindakan apa yang akan saya ambil.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Saya hendak mengimbulkakan mesyuarat yang lepas. Saya dengan Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh duduk sudah saya faham ini. Kan dahulu saya bercerita dengan Yang Berhormat Indera Mahkota dengan soal begini. Duduk. Saya tahu Yang Berhormat duduk. Sila.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi saya pohon. Sebenarnya saya tidak berniat langsung untuk mengadakan perkara ini atas sebab-sebab untuk menangguhkan mesyuarat, tidak. Saya hanya beritahu apabila saya ternampak kerana itu tugas saya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila, sila, sila duduk Yang Berhormat saya faham, saya faham. Ada pegawai-pegawai yang boleh membantu kepada Menteri? Jangan ketawa Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini soal teknikal. Kalau tidak ada, saya terpaksa tangguhkan Dewan buat sementara waktu sehingga saya diberi penerangan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat saya tangguhkan selama 15 minit dan kita akan bersidang balik.

Dewan ditempokkan pada pukul 4.44 petang.

■1720

Mesyuarat disambung semula pada pukul 5.21 petang.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar tadi saya tangguhkan Mesyuarat atas suatu isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Kuala Kedah dan Yang Berhormat Tuaran. Mereka mengatakan bahawa peruntukan perbekalan perlu dihuraikan dalam rang undang-undang ini dan tidak ada didapati di sini. Dengar baik-baik Yang Berhormat Indera Mahkota.

Saya ucapkan terima kasih kepada *technicality* yang telah ditimbulkan. Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk saya sendiri, saya baru memegang jawatan ini. Ada perkara-perkara teknikal yang langsung saya tidak tahu. Cuma yang tahu adalah pegawai-pegawai yang berkhidmat di Kementerian Kewangan bertahun-tahun, ada yang berpuluh-puluh tahun. Begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat, ada yang cuma penggal pertama atau penggal kedua, masih kita semua meraba-raba. Bagi saya, saya menaruh penuh keyakinan kepada pegawai-pegawai Parlimen dan kepada pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan dan juga di jabatan-jabatan kerana mereka ini bertahun-tahun di situ. Mahu pun demikian, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah timbulkan masalah ini sehingga kita hampir setengah jam atas *technicality*, menghabiskan masa.

Ini penjelasan yang saya dapat tahu iaitu kalau dalam pengurusan mesti dimasukkan semua dalam rang undang-undang kerana itu memenuhi Perlembagaan Persekutuan di bawah Artikel 101. Dengar baik-baik Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan timbul lagi perkara seperti ini kembali. Akan tetapi bagi perbekalan ianya memadai kalau usul itu daripada Menteri. Ini adalah selaras dengan *Development Funds Act 1966* di bawah seksyen 4. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingat, selepas sahaja Menteri membawa usul selaras dengan rang undang-undang ini, sejurus selepas itu ia juga bawa usul untuk pembangunan selaras dengan akta ini.

Perincian RM133,000 tadi itu telah diakui juga oleh Yang Berhormat Indera Mahkota bahawa ada diberi penjelasan dalam kertas-kertas ini ataupun kertas ini... [*Merujuk dokumen berkaitan*] Cuma yang dipertikaikan bahawa ia tidak diperincikan di sini. Atas sebab penjelasan ini, saya puas hati bahawa tidak ada pelanggaran peraturan mesyuarat sama sekali. Ianya *proper*. Sila.

5.25 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak mempertikaikan pelanggaran peraturan mesyuarat tetapi yang saya bangkitkan adalah berkenaan dengan kertas perintah rang undang-undang yang dibentangkan kepada Majlis untuk menyatakan jumlah keseluruhan yang kita perlu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, betul Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Cuma mengikut Akta *Development Funds* ini, bagi pembangunan tidak perlu dimasukkan di sini. Memadai kalau satu usul dibawa oleh Menteri. Itu telah dibuat oleh

Menteri. Untuk pengurusan terpaksa mengikut Perlembagaan 101. Kalau ianya bertentangan dengan Perlembagaan oleh kerana pematuhan mesyuarat kita adalah dibuat di bawah Perlembagaan maka itu juga melanggar peraturan mesyuarat. Walaupun pada hakikatnya tidak melanggar peraturan mesyuarat tetapi kalau bercanggah dengan Perlembagaan maka ianya tidak sah, kita tidak boleh berbelanja.

Akan tetapi dalam soal ini mengenai dengan soal pengurusan yang diminta, peruntukan tambahan telah pun diberikan di sini. Mengenai dengan perbelanjaan untuk perbekalan telah pun satu usul dibuat selaras dengan akta yang saya sebut tadi iaitu *Development Funds Act 1966*.

Jadi, jelas ini saya puas hati tidak ada pelanggaran apa-apa cuma saya ingin nyatakan kepada Menteri-menteri yang berkenaan, tolonglah apabila satu rang undang-undang dibawa oleh Menteri-menteri sehingga rang undang-undang itu selesai, saya mahu Menteri yang bertanggungjawab ada, setidak-tidaknya pegawai ada... [*Tepuk*].

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, sedikit daripada Balik Pulau.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Saya rasa itu sudah cukup. Yang Berhormat Balik Pulau, cukup. Kita sudah cukup menghabiskan masa. Saya puas hati.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, untuk kali terakhir. Saya jarang membangkitkan isu ini. Sedikit sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, penjelasan Tuan Pengerusi tersebut menggunakan legitimasi aktiviti di Dewan ini dengan izin, di dalam *Development Act* – Akta Pembangunan itu mesti punya *neksus* ataupun hubungan dengan satu peruntukan di dalam Perlembagaan. Tuan Pengerusi menyebut peruntukan fasal 101 dengan izin, ia juga merujuk kepada *supplementary and excess expenditure*. Saya berkata begitu Tuan Pengerusi kerana di sini terdapat sedikit dari segi semantik. Kita pakai istilah pembekalan pembangunan tetapi di dalam fasal 101, ia hanya ada dua keadaan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [*Bangun*]

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Keadaan tersebut mesti dengan izin, saya baca yang terakhir, "*any such expenditure shall be included in a Supply Bill*", dan Perlembagaan menggambarkan dua keadaan dengan izin, kalau saya boleh baca, "*that the amount appropriated by the Supply Act for any purpose is insufficient or that a need has arisen for expenditure*". Itu kita boleh terima dalam keadaan tertentu perbelanjaan yang dahulu diluluskan, tidak cukup boleh pakai.

Kemudian ia membayangkan kedudukan yang kedua Tuan Pengerusi. Di (b) itu ialah, "*that any moneys have been expended for any purpose in excess*". Ia juga membayangkan kalau yang lebih itu semua tetapi kunci itu Tuan Pengerusi, yang saya mohon tunjuk ajar dari Tuan Pengerusi di peringkat ini kerana jumlahnya tinggi iaitu RM13 bilion ialah "*that such expenditure shall be included in a Supply Bill*".

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili]:
[Bangun]

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Kalau saya mohon pandangan Tuan Pengerusi ialah pada fahaman saya, *Parliamentarian or Parliament can only move anything based on legal document which is* dalam keadaan ini ialah rang undang-undang atau *bill*. *We don't discuss any other papers*. Setakat hari ini pada pandangan saya, *Supply Bill* yang dirujuk itu merujuk dengan jelas hanya kepada Jadual dan Jadual, dengan izin, kalau saya boleh faham sebagai Ahli Parlimen yang satu penggal, '*explanatory statement*' – ia hanya merujuk kepada butiran-butiran dengan izin.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Balik Pulau, terima kasih. Saya faham Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Akhirnya bermaksud..

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Balik Pulau, saya faham.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya, jadi pada pandangan saya Tuan Pengerusi, penting kerana Tuan Pengerusi lebih arif kerana apa yang berlaku di Kanada itu bukan perkara yang sama berlaku di mana *Parliament was held in contempt* kerana wang-wang yang digunakan tidak mengikut lunas undang-undang. Berbeza di situ ialah Tuan Pengerusi, yang mana kita tidak ada, mungkin Tuan Pengerusi boleh cadangkan, satu jawatankuasa yang dibentuk untuk menghalusi isu tersebut dan kemudian kembali ke Parlimen semula.

Jadi, saya melihat Tuan Pengerusi, dalam keadaan kerana ia merujuk kepada wang yang telah digunakan dan kalau ianya tidak diperbetulkan ia akan menjadi *illegal use*. Itu pada pandangan saya Tuan Pengerusi dan saya rasa..

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih. Ada lagi Yang Berhormat Indera Mahkota?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sedikit Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Indera Mahkota sahaja. Sila.

■1730

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Lanjutan berkenaan dengan jumlah yang telah digunakan kalau kita perhatikan cukup jelas Tuan Pengerusi kertas putih menyatakan bahawa anggaran tambahan kedua 2010 RM13,270,847,600 yang diangkat dalam kertas ini ialah RM13,170,997,600. Maka itulah maksudnya telah digunakan dan juga antaranya hanya memerlukan usul daripada Yang Berhormat Menteri sebagai tambahan. Itu boleh disetujui dan itulah maka saya katakan yang diminta atau dipohon oleh kementerian yang sedang kita bincangkan tidak terdapat dalam Kertas Perintah Rang Undang-undang ini. Itulah isu yang sebenarnya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi...

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Pengerusi, saya sebenarnya memberi sokongan kepada ketetapan yang telah dibuat oleh Tuan Pengerusi sebab itu adalah tepat

kepada interpretasinya yang disebut ini juga terjadi di peringkat Dewan Undangan Negeri dan untuk menjelaskan seterusnya dalam pembentangan usul perbekalan ini pada 30 Mac Isnin 2011 Menteri Kewangan telah pun dalam bunyi usul tersebut seperti berikut, "*Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan mengemukakan Anggaran perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2010. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2010 yang dipohon adalah merupakan pendahuluan dan simpanan luar jangka iaitu RM1,946.6 juta*".

Anggaran diperlukan seperti berikut dan beliau sentuh semua Kepala-kepala 'P'. Seterusnya dia kata, "*Penerangan dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua Tahun 2010 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2011 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 A tahun 2011*".

Semuanya sebenarnya telah berjalan mengikut prosedur dan seumpamanya.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Terima kasih sudah. Yang Berhormat Balik Pulau sudah, Yang Berhormat Batu sudah.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Jadi perkara yang...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ingin tanya ini.

Tuan Pengerusi: Apa..., peraturan mesyuarat apa?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kalau tafsiran Tuan Pengerusi betul bermaksud *next time* Yang Berhormat Menteri bolehlah lakukan perkara ini. Mereka boleh datang dengan angka yang tidak betul dan kita boleh luluskan suatu undang-undang dan kita boleh membenarkan kerajaan menggunakan wang di luar daripada yang diperlukan...

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat duduk, Ahli Yang Berhormat...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Diluluskan oleh Parlimen. Kalau perkara ini Tuan Pengerusi tafsirkan ini adalah satu kesilapan dan harus diperbetulkan dengan satu rang undang-undang yang baru kita boleh terima tapi kalau kata tidak ada masalah bermaksud *next time* setiap Yang Berhormat Menteri boleh datang dengan kita...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu. Duduk Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tanpa memberitahu kita apakah...

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, bolehkah Ahli Yang Berhormat duduk dahulu Ahli Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Dengan izin Tuan Pengerusi, sedikit sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Balik Pulau duduk Yang Berhormat. Duduk Ahli Yang Berhormat. Apabila Ahli Yang Berhormat timbulkan masalah ini reaksi saya secara spontan oleh kerana saya mahu juga penjelasan. Saya minta bantuan kepada siapa yang boleh baru saya buat keputusan kerana ini adalah *opinion* daripada Yang Berhormat Balik Pulau, *opinion* daripada Yang Berhormat Indera Mahkota, *opinion* daripada Yang Berhormat Batu. *Expertise* mana juga kita dapat *financial* ini?

Saya duduk sini bawa kuasa dan saya tidak mahu segala tindakan juga Dewan Rakyat ini tidak betul. Mesti menurut Perlembagaan. Itu tanggungjawab saya dan tanggungjawab kita semua. Apabila saya dengar penjelasan dan amalan ini telah dibuat bukan selepas Pilihan raya Kedua belas, amalan ini telah dibuat bertahun-tahun-tahun ini yang dibuat cuma tidak ada Ahli Yang Berhormat yang bangkitkan ini seperti Yang Berhormat Indera Mahkota, seperti Yang Berhormat Batu, seperti Yang Berhormat Balik Pulau.

Jadi saranan saya mulai daripada saat ini untuk memberi penjelasan jangan lagi ada keraguan dan ditimbulkan satu perkara pada akhirnya kita dapati juga teknikal ialah kita anjurkan kursus-kursus, kita buat seminar-seminar, kita buat perkara-perkara yang akan *enhance* pengetahuan kita mengenai dengan persoalan begini. Jadi bagi saya apabila diberi penjelasan seperti tadi yang dibaca usul oleh Yang Berhormat Menteri bahawa dia bantahkan itu tidak payah kasi masuk sini oleh kerana pasal akta ini. Saya puas hati. Tidak ada pelanggaran perlembagaan, tidak melanggar Peraturan Mesyuarat dan kita teruskan mesyuarat. Apa lagi yang boleh dipertikaikan ini?

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, sedikit Tuan Pengerusi terakhir Tuan Pengerusi daripada Balik Pulau.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sekejap Tuan Pengerusi, saya boleh *appreciate* apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri tetapi legitimasi itu di bawah Akta pembangunan dengan izin, Tuan Pengerusi lebih maklum sebagai pengamal undang-undang bahawa Perlembagaan ialah *the highest authority*. Tuan Pengerusi faham. *Development Act* ialah sub *legislation* di bawah. Jadi legitimasi yang kita bawa hari ini Tuan Pengerusi ialah 101.

Tuan Pengerusi, saya berkata begini saya tidak mengandaikan saya punya kepakaran yang lengkap di sini tetapi hatta negara Kanada yang memang berpuluh-puluh tahun buat pun minggu lepas silap. Itu saya mengatakan di sini kesilapan boleh berlaku dan yang paling merisaukan saya Tuan Pengerusi sekiranya kita mengasaskan keputusan kita pada petang yang bahagia ini ialah berdasarkan amalan kerana Tuan Pengerusi tahu yang hanya akan

menyelamatkan kita petang ini ialah Perlembagaan ataupun dengan izin kerana kita penggubal undang-undang dan bukan amalan. Amalan mungkin ada amalan-amalan yang perlu diperbetulkan.

Jadi peringkat ini Tuan Pengerusi saya mencadangkan dengan penuh rendah diri bahawa mungkin jawatankuasa yang dianggotai oleh Tuan Pengerusi dan juga pakar-pakar yang lain kerana kalau hujah Yang Berhormat Menteri itu diambil mungkin ada kebetulannya tetapi masih lagi goyang kerana legitimasinya daripada akta pembangunan dan sekiranya kita melihat 101 dia dengan khusus dengan izin Tuan Pengerusi *is a mandatory provision*. Dia kata, "*any such expenditure shall be included*" maksudnya mandatori *in a Supply Bill* dan sekiranya saya merujuk *Supply Bill* Tuan Pengerusi dengan penuh teliti jumlah di muka surat kedua dan di dalam muka surat 3, dia hanya merujuk kepada Jadual dan yang disahkan sebagai Jadual di dalam rang undang-undang hanyalah di sini Jadual yang semua ini hanyalah bersifat lampiran. Tuan Pengerusi maklum *any legal document* yang bersifat sebegini.

Jadi saya cadangkan Tuan Pengerusi bagi mengelakkan kita membuat keputusan yang salah mungkin satu jawatankuasa yang Tuan Pengerusi boleh pengerusikan dengan bantuan pakar-pakar dan kami hanya boleh menyokong membantu apa-apa yang sepatutnya.

Tuan Pengerusi: *I'll take note of that issue.*

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Peraturan mesyuarat, sila.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Peraturan 67..

Tuan Pengerusi: Peraturan mesyuarat apa?

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Peraturan 67.

Tuan Pengerusi: Peraturan 67, sila baca.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Di bawah 67 ini ialah peraturan membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan menimbangkan Anggaran-anggaran Pembangunan Tambahan. Bermakna perkara yang berlaku sekarang di peringkat jawatankuasa. Perkara 10, "*apabila semua masalah atas semua kepala perbelanjaan dalam kedua-dua Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan telah diputuskan dan rang undang-undang telah diluluskan oleh jawatankuasa, Pengerusi dengan tidak boleh membenarkan pindaan atau perbahasan hendaklah mengemukakan bagi diputuskan kepada jawatankuasa masalah mengenai ketetapan atas Anggaran Pembangunan Tambahan atau jika ada apa-apa pengurangan telah dibuat dalam perbelanjaan yang dicadangkan hendaklah mengemukakan masalah itu kepada jawatankuasa tertakluk kepada pengurangan itu. Apabila usul itu telah disetujui ia hendaklah dimaklumkan kepada majlis berikutan dengan laporan kepada majlis atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan bacaan kali yang ketiga selepas diluluskan pihak Majlis*"

Bermakna yang kita bincangkan ini ialah mesti ada kedua-dua komponen itu. Itu fahaman saya. Saya pohon penjelasan daripada Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Peraturan mesyuarat yang Ahli Yang Berhormat sebutkan itu ialah mengenai dengan *amendment* iaitu kalau usul itu ada perubahan mengenai perkataan atau *figures*. Ini tidak kena-mengena Yang Berhormat. Ini soal sama ada dia legal bercanggah dengan perlembagaan atau tidak kerana Yang Berhormat Indera Mahkota mengatakan tidak termaktub di sini. Akan tetapi akta *Development Funds Act 1966* mengatakan boleh, tidak payahlah dikasi masuk di sini. Yang disebut oleh Yang Berhormat Balik Pulau ini ialah sudi apa kiranya perkara seperti ini diperhaluskan lagi supaya kita tidak buat kesilapan dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu Peraturan Mesyuarat 99A mengatakan bahawa mesyuarat ini boleh berjalan kalau pun ada difikirkan bahawa ianya melanggar apa. Itu sahaja. Sila Yang Berhormat Menteri sebelum saya minta supaya perkara ini diteruskan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, ringkas sahaja.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat Indera Mahkota...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Indera Mahkota sudah, Yang Berhormat Indera Mahkota sudah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ringkas, ringkas sahaja.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat Indera Mahkota, boleh saya jelaskan?

Tuan Pengerusi: Sila, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Boleh saya jelaskan?

■1740

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tanya ringkas. Boleh jelas sekali.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Bagi saya jelaskanlah. Boleh saya jelaskan?

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan bahawa apa yang dibincangkan ini sebenarnya tidak tepat. Apa yang dibuat ini memangnya betul dan apa yang telah dijelaskan oleh Menteri itu adalah betul. Sebenarnya bekalan – Akta Bekalan Tambahan, hatta Akta Bekalan tidak termasuk perbelanjaan pembangunan. Sebab itulah tadi apabila Yang Berhormat Sungai Petani sebut, dia baca dua bersekali. Akta Bekalan Tambahan dan juga Usul Perbelanjaan Pembangunan. Dia dua. Dia tidak perlu masuk pun dan tidak dimasukkan. Sebab itu dia ada usul yang berlainan.

Cuma disebut di situ untuk rujukan bahawa item-item perbelanjaan pembangunan ini ada juga diberikan. Bahkan dia tidak perlukan kerana semua projek perbelanjaan pembangunan ini sudah pun diluluskan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan, melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh oleh Dewan yang mulia ini. Tidak ada perubahan pun. Tidak ada perubahan pun. Jadi Parlimen ini sudah luluskan. Ini yang dibentangkan usul ialah untuk *recoup* jumlah yang telah

lebih berbelanja. Semalam pun Yang Berhormat Indera Mahkota sudah faham yang RM2 bilion itu kalau dikurangkan kita tambahkan kembali. Itu di luar jangka itu. RM2 bilion. Itu sahaja. Jadi usul ini untuk memperuntukkan supaya yang tidak cukup itu, satu perpuluhan berapa itu kita luluskan.

Akan tetapi tidak perlu lagi dibincangkan projek-projek perbelanjaan. Cuma diberikan ini atas dasar ketelusan. Hendak suruh Ahli-ahli Yang Berhormat tahu di mana perbelanjaan ini dimasukkan lagi. Akan tetapi sebenarnya ia bukan merupakan bekalan tambahan. Bukannya sebahagian daripada Akta Bekalan Tambahan. Yang menjadi Akta Bekalan Tambahan ialah perbelanjaan pengurusan dan juga perpindahan yang RM8 bilion itu. Itu mesti dan wajib diluluskan melalui pengenalan Akta Bekalan Tambahan dalam Dewan yang mulia ini. Yang perbelanjaan pembangunan itu tidak ada. Di sebut sahaja untuk rujukan dan tidak perlu. Sebab itu dia ada usul dan usul ini mesti diluluskan. Itu sahaja.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Jadi tidak payah. Kalaulah sudah buat berpuluh-puluh tahun, tidak akanlah kita buat yang salah. Apabila Kanada ada kesilapan, bukan bererti Malaysia silap. Bukan bererti Malaysia silap. Kanada silap. Banyak negara yang silap.

Tuan Pengerusi: Boleh kita teruskan, Ahli Yang Berhormat? Boleh kita teruskan? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi selepas...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Indera Mahkota. Tadi Yang Berhormat Indera Mahkota yang berbahas. Mahu lagi berbahas sebelum saya panggil Menteri untuk menjawab? Kalau soal lagi *point of order* mengenai dengan soal ini, saya tidak melayan lagi. Sudah cukup saya dengar, Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, saya tidak mahu berbahas. Saya cuma hendak mengemukakan pertanyaan.

Tuan Pengerusi: Pertanyaan? Sambungan perbahasan tadi waktu saya tangguh ialah Yang Berhormat sedang bercakap. Mahu teruskan hujah itu ataupun mengenai dengan soal ini juga yang saya sudah pun buat ketetapan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, saya tidak ada maksud sedikit pun untuk mengganggu perjalanan Mesyuarat pada hari ini. Itu premis yang pertama saya perlu kekalkan.

Tuan Pengerusi: Tidak apa. Sudah juga saya ucap terima kasih walaupun saya kata kita dapati bahawa teknikal dan saya puas hati tidak melanggar peraturan mesyuarat dan Perlembagaan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya...

Tuan Pengerusi: Sudah saya buat ketetapan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya mengambil keputusan Tuan Pengerusi mengatakan tidak ada pelanggaran peraturan mesyuarat dari segi peraturan mesyuarat. Akan tetapi yang saya bangkitkan adalah berkenaan kertas perintah rang undang-undang yang kita baca.

Tuan Pengerusi: Sudah pun diperjelaskan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Timbalan Menteri memang menjawab berkenaan itu...

Tuan Pengerusi: Dan sudah pun tadi saya perjelaskan dengan soal ini. Apa lagi yang dipertikaikan ini?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Akan tetapi Tuan Pengerusi mengatakan ini adalah amalan biasa, bertahun-tahun.

Tuan Pengerusi: Ini amalan daripada dulu. Memang tidak payah dikasi masuk dalam rang undang-undang. Memadai kalau usul telah dibuat. Usul itu telah diperincikan dalam ini.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, kalau saya boleh bantu Tuan Pengerusi. Sikit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya tidak perlu bantuan lagi, Yang Berhormat. [*Dewan riuh*] Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tidak teruskan, saya panggil Menteri untuk menjawab. Ini Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi. Kali terakhir, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, sedikit, Tuan Pengerusi.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Indera Mahkota kalau tidak mahu bercakap, gulung sahajalah, Menteri.

Tuan Pengerusi: Sudahlah Ahli Yang Berhormat. Sudah. Kalau tidak Yang Berhormat, tidak minat, saya akan panggil Menteri untuk menggulung.

Puan Noriah binti Kasnon: Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi. Sikit. *Last, last*. Saya janji, Tuan Pengerusi. Saya janji *last*. Tuan Pengerusi, Perlembagaan hanya kenal perkataan-perkataan *supply bill, an enclosure*, lampiran, itu dia tidak kenal. Tuan Pengerusi, saya cakap terus terang Tuan Pengerusi sebab lanjutan. Lanjutan untuk kawan-kawan. Untuk yang mungkin tidak tahu macam mana itu apa nama tidak tahu. Ini bawah. [*Dewan riuh*]

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Pengerusi sudah faham. Penjelasan, Tuan Pengerusi sudah terang. Menteri sudah terang. Apa yang tidak faham.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Hendak bahas, bangunlah!

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Apa? Kita sudah faham!

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat!

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Penjelasan Tuan Pengerusi sudah jelas. Menteri sudah jelaskan.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya bukan bercakap dekat kedai kopi. Kita hendak tolong kerajaan!

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang tidak faham pembangkang.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sudahlah Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Kalau hendak tolong kerajaan...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Kita minta kebenaran Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila, sila. Sila, Menteri. Menteri, Menteri, sila gulung. Sila. Sila gulung Menteri.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila gulung, Menteri.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya tidak... *[Dewan riuh]* Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas mengenai bidang kuasa kementerian ini. Terima kasih. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat berdegil juga, semua saya hantar keluar!

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Betulkanlah, Tuan Pengerusi. Kena betulkan. Kalau salah, kena betulkan.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Pengerusi mengatakan sekiranya ada penjelasan...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ini bangun, tarik *mike*. Bangun tarik *mike*. Bangun. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Apa punya buta perut. Bodoh tidak boleh diajar. Apalah!

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM133,000,030 untuk Maksud P.29, yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air hendaklah diluluskan. *[Dewan riuh][beberapa Ahli pembangkang bangun bercakap tanpa pembesar suara]*

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM133,000,030 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Kita bahas elok-elok, bahas macam itu. Apalah!

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh Tuan Pengerusi sebagai Speaker mengendalikan Mesyuarat peringkat Jawatankuasa dalam bentuk macam ini? [*Dewan riuh*]

Maksud B.30 [Jadual] –

Maksud P.30 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan P.30 dan Kepala Pembangunan P.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi terbuka untuk dibahas.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Bangunlah! Bahas!

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tidak dibahas. Saya sokong. [*Dewan riuh*]

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Kita betulkan dahulu, kita betulkan dahulu.

Tuan Pengerusi: Sila. Sila. Yang Berhormat Ledang, Kepala B.30.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi, tidak ada perbincangan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Perbetulkan dululah.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Bahaslah! Ini macam...

Tuan Pengerusi: Ada yang minat bahas Kepala B.30? P.30. Sila.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Perbetulkan yang salah dulu, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Barulah bahas. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Balik Pulau. Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Balik Pulau duduk dulu. Duduk dulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat Balik Pulau, duduk dulu.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Apalah ingat budak-budak sekolah kah?

Tuan Pengerusi: Duduk dulu Ahli-ahli Yang Berhormat. Duduk dulu, Ahli-ahli Yang Berhormat! Yang Berhormat Indera Mahkota, duduk dulu!

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila balik nanti, saya akan bagi secara percuma liputan CCTV ini. Tengok wajah masing-masing. Selepas itu tanya kepada diri, gelagat

yang itu mencerminkan suatu kepimpinan yang kita laung-laungkan. Saya sendiri kadang-kadang saya malu tengok wajah saya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Kadang-kadang tidak tentu-tentu saya melenting. *[Disampuk]* Nanti dulu. Nanti, Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu! Yang Berhormat Batu!

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita bukan hendak ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Indera Mahkota, tolong Yang Berhormat Indera Mahkota. Duduk dulu. Saya belum habis bercakap.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi tadi bagi peluang kepada saya suruh sambung. Tiba-tiba Tuan Pengerusi benarkan Menteri, kemudian terus...

Tuan Pengerusi: Duduk dulu. Yang Berhormat, duduk. Tolong duduk. Saya panggil Menteri oleh kerana tidak ada sesiapa lagi mahu berbahas. Mahu bertengkar.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, saya bangun, Tuan Pengerusi. Saya bangun minta kebenaran Tuan Pengerusi. Saya bangun selepas itu dikacau.

Tuan Pengerusi: Jadi yang itu sudah selesai. Yang itu sudah selesai. Lain kali.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Sudahlah Yang Berhormat Balik Pulau. Sudahlah Yang Berhormat Balik Pulau. Yang Berhormat Balik Pulau, sudahlah!

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sudah, sudah, sudah, sudah. Yang Berhormat Balik Pulau, sudah!

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, saya...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Indera Mahkota, sudahlah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, benarkan saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Indera Mahkota, sudah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Satu *paragraph*. Satu *paragraph* sahaja cakap. Saya betul-betul berharap supaya saya sebagai Ahli Parlimen satu penggal pertama seperti kawan-kawan kita juga yang ramai sebelah sini dan juga di sebelah sana mengharap supaya ada satu keputusan, *guidance* dengan izin yang Tuan Pengerusi boleh bagi kepada kita atas isu-isu yang kita sentuh dan kita bawa seperti yang dibawa Yang Berhormat Balik Pulau berkenaan dengan 101 yang besar. Bukan satu perkara kecil.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Indera Mahkota, duduk dahulu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kalau saya duduk saya tidak boleh bercakap.

Tuan Pengerusi: Kamu tidak dengar apa yang saya sebut tadi. Yang Berhormat Indera Mahkota duduk dahulu.

■1750

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Adakah saya dibenarkan untuk...

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, duduk dahulu Ahli Yang Berhormat. Kalau Ahli Yang Berhormat tidak hormat saya duduk di sini, buat apa kita mesyuarat. Ada tujuan? Masing-masing melepaskan geram. Saya pun pandai melepaskan geram. Jadi, mahu buat apa? Saya buat respons kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Balik Pulau iaitu, *I will take note* cadangan itu kerana beliau katakan kalau Kanada boleh buat kesilapan, kita pun boleh buat kesilapan. Saya kata, *I will look into it*. Saya jenis manusia kalau saya kata, *I look into it, I look into it*.

Akan tetapi untuk mesyuarat sekarang ini, dari penjelasan yang saya dengar, saya sudah tangguhkan mesyuarat, saya panggil semua yang berwajib, saya dapati dalam pendapat saya dengan ikhlas, tidak ada pelanggaran Perlembagaan dan ia mengikut peraturan seperti akta yang telah diperjelaskan. Itu kuasa saya untuk menentukan sama ada mesyuarat berjalan atau tidak.

Mengenai dengan interpretasi Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Ampang, dan Yang Berhormat Balik Pulau itu tinggal interpretasi Yang Berhormat. Ini kerana yang menetapkan kesahihannya sama ada meneruskan mesyuarat adalah saya juga menurut Peraturan Mesyuarat 41, 42, 43, 44. Sama ada sah mesyuarat kecil ataupun tidak, maka saya terpaksa rujuk Peraturan Mesyuarat 99A. Itu sahaja.

Akan tetapi, semua yang dihujah itu saya akan ambil kira. Ahli-ahli Yang Berhormat juga tahu saya sudah beritahu kepada Menteri-menteri, apabila rang undang-undang ataupun usul di bawah kementerian masing-masing, jangan jalan dahulu. Apalagi apa yang diminta dari saya ini?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Jadi saya panggil Menteri, Yang Berhormat Menteri sudah menjawab. Sudah pun saya kemukakan, sudah pun saya beralih kepada kementerian yang lain. Maka, saya tidak boleh layanlah Yang Berhormat Indera Mahkota.

Sila Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Bekalan B.30....

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Siapa tadi yang saya kata minat dengan B.30? Kalau tiada minat, saya panggil Menteri. Kalau tiada saya kemukakan masalah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, sebelum daripada Tuan Pengerusi panggil untuk perbahasan B.30, saya telah pun bangun minta untuk diadakan belah

bahagian. Akan tetapi, Tuan Pengerusi teruskan dengan peraturan memanggil B.30. Saya hendak tanya, adakah perkara itu masih dalam pertimbangan Tuan Pengerusi atau tidak?

Tuan Pengerusi: Itulah makanya Yang Berhormat, apabila seorang Yang Berhormat berdiri, jangan lagi yang berdiri. Kalau saya dengar Yang Berhormat ada bangkitkan Belah Bahagian, *Lillah* saya akan beri Belah Bahagian. Apa juga masalah saya, tetapi macam mana dengar kalau semua berteriak-teriak Yang Berhormat. Itu makanya saya panggil Menteri kerana saya bertanggungjawab supaya mesyuarat ini selesai pada minit yang saya tetapkan harus selesai.

Ahli-ahli Yang Berhormat ada tanggungjawab, saya ada tanggungjawab. Tadi pagi sudah saya katakan kita ada empat pilihan. Yang Berhormat Pokok Sena kata pilihan keenam kami pilih, tiada bahas mengenai dengan soal Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya ucapkan terima kasih. Sekarang ini timbul pula perkara begini, sudah pun saya jawab. Masih lagi ada pertikaian. Jadi, esok kita bermesyuarat sampai 11.59 malam.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Maaf Tuan Pengerusi. Bukan tujuannya untuk...

Tuan Pengerusi: Tidak. Saya sudah perelaskan kedudukan saya. Kamu tahu Ahli Yang Berhormat, apabila saya buat keputusan, tidak akan saya tarik balik.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sila bangun 15 orang kalau betul kita bersetuju...

Tuan Pengerusi: Ini kerana masa sudah tiada. Masa sudah suntuk. Sudah jam berapa?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Sekarang ini siapa yang minat membahaskan Maksud Bekalan B.30 kerana tadi sudah P.30.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ada 15 orang bangun. Cukup 15 orang?

Tuan Pengerusi: Ada yang mahu bahas...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: ...B.30, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ada 15...

Tuan Pengerusi: Apa yang minta Belah Bahagian? Saya sudah panggil tadi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi, keputusan telah dibuat...

Tuan Pengerusi: Siapa yang mahu bahas B.30?

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tidak ada Tuan Pengerusi. Menteri gulung.

Tuan Pengerusi: Siapa yang bahas B.30?

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tidak ada Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri B.30 jawab. Peraturan Dewan tidak membenarkan lagi beliau buat undi Belah Bahagi.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ya. Akan tetapi kalau salah, kasilah betul dahulu.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Inilah masalahnya. Bila suruh berbahas tidak mahu berbahas. Selepas itu... Inilah masalahnya!... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan tidak ada Ahli Yang Berhormat yang minat untuk bahas B.30, saya kemukakan masalah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Masalahnya masa berbahas tidak mahu berbahas. Selepas itu kita timbulkan beberapa perkara, marah.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Betulkan rang undang-undang ini dahulu.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM43,040,000 untuk Kepala B.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tidak bersetuju. Kita mohon Belah Bahagian.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, kita telah minta Belah Bahagian.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tidak setuju.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM17,000,010 untuk Maksud P.30 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM17,000,010 untuk Maksud P.30 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Apa ini Tuan Pengerusi?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Belah Bahagian.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita minta Belah Bahagian.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Belah Bahagian.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Takkan hendak buat kerja ikut *time*, tetapi ini tidak betul.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Duduk Ahli Yang Berhormat. Duduk dahulu Ahli Yang Berhormat. Duduk dahulu!

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kami berdiri untuk minta Belah Bahagian.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Bukankah peraturan memerlukan 15 orang berdiri.

Tuan Pengerusi: Duduk dahulu Yang Berhormat Batu. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk dahulu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Usul-usul tadi...

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, boleh duduk dahulu? Duduk dahulu Ahli-ahli Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Itu tanggungjawab...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ampang, saya tahu tanggungjawab saya. Semua kita tahu tanggungjawab kita. Duduk dahulu Yang Berhormat Batu.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih. Tuan Pengerusi tahu tanggungjawab Tuan Pengerusi, tetapi...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Adakah Tuan Pengerusi akan membenarkan Belah Bahagi? Kita sudah ada 15 orang... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi: Bolehkah duduk dahulu Yang Berhormat Batu? Yang Berhormat Indera Mahkota, boleh duduk dahulu? Kamu tahu peraturan mesyuarat, apabila Speaker memanggil keputusan dan keputusan telah dibuat, tidak boleh ditarik balik. Kamu tahu ini. Jadi apabila mahu ada belah bahagian, apabila mahu peraturan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Batu! Jangan berdiri dahulu Yang Berhormat Batu!.. *[Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, untuk yang sebelum ini kita setuju. Didapati tadi Tuan Pengerusi sebagai Pengerusi, Tuan Pengerusi dengar kami minta...

Tuan Pengerusi: Mahu Belah Bahagian yang mana satu Yang Berhormat?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang kedualah.

Tuan Pengerusi: Yang kedua mana satu? Mana satu yang Belah Bahagian. Berdiri Belah Bahagian. Mana satu..., Kepala mana?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang baru dipanggil.

Tuan Pengerusi: Yang baru dipanggil, mana satu yang baru dipanggil Yang Berhormat?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi telah baca dua kementerian, dua perkara bekalan selepas permohonan Belah Bahagian untuk kementerian yang terakhir.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Indera Mahkota, duduk dahulu Yang Berhormat Indera Mahkota. Belah bahagian cuma timbul apabila ada perbahasan. Apabila ada perbahasan, sebelum saya panggil suara majoriti, sebelum ada keputusan, baru boleh Belah Bahagian. Menurut peraturan baru loceng ditekan. Ini setelah sudah dipanggil, bertengkar tidak tentu arah, baru ada belah bahagian. Saya tanya Yang Berhormat Batu mana satu Belah Bahagian, beliau tidak tahu yang baru juga. Mana baru, oleh sebab tidak mendengar. Saya terpaksa berjalan begitu oleh sebab masa suntuk.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Masa suntuk pun kita boleh putus sesuatu.

Maksud P.31 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] –

Tuan Pengerusi: Sekarang ini Maksud P.31 di bawah Kementerian Pelancongan. Oleh sebab P.31 hanya token sahaja, ia tidak perlu dibahas.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kalau tidak boleh dibahas, kita tidak ambil Belah Bahagi.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 di bawah Kementerian Pelancongan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

Maksud B.32 [Jadual] -**Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] -**

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B.32 dan Maksud Pembangunan P.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan bandar terbuka untuk dibahas.

Maksud B.32, P.32 terbuka untuk dibahas - Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Ada sesiapa yang berminat untuk bahas? Sila.

5.59 ptg.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud B.32 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Butiran 010000 – Pengurusan Kemajuan dan Pembangunan Wilayah Persekutuan.

■1800

Saya memang bersetuju dengan bekalan yang diminta ini untuk kita buat pengurusan yang baik mengenai dengan kemajuan dan pembangunan di Wilayah Persekutuan. Akan tetapi yang saya nampak, pegawai-pegawai ataupun jabatan-jabatan di bawah kementerian ini tidak berwibawa. Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk di sana ketawa sahaja tetapi dia tahu keadaan DBKL ini satu jabatan dalam kementerian ini adalah jabatan yang amat teruk sekali khasnya pegawainya.

Adalah satu tanggungjawab pertama untuk kementerian membangunkan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang cemerlang yang atau pun sentiasa dilaung-laungkan mengatakan *a world class city*. Ini adalah satu bahan ketawa untuk warga kota kerana tiada perancangan, tiada *maintenance* yang baik, dan tidak ada penguatkuasaan yang baik. Sebaliknya, lebih baik Kuala Lumpur di bawah DBKL hendaklah diberi satu gelaran baru iaitu *world class city with low class administrators*. *It is low class administrators*, dengan izin. Mereka

ini semua minat projek-projek sahaja. Mereka tidak berminat untuk memberi satu perkhidmatan yang baik kepada warga kota.

Oleh sebab itulah tiap-tiap pilihan raya umum, rakyat Kuala Lumpur tolak Barisan Nasional kerana gambaran yang mereka dapat adalah satu pentadbiran yang tidak berwibawa, tidak berkesan dan tidak menjalankan tugas yang sebaiknya untuk menjaga warga kota. DBKL ini adalah satu badan yang berkanun yang juga bermaharajalela dan tidak mengambil kira dasar-dasar kerajaan seperti dasar-dasar yang utamanya di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

DBKL ini hendaklah dianggapkan sebagai satu kerajaan tempatan di Wilayah Persekutuan dan Datuk Bandar ini seperti Menteri Besar. Oleh sebab itulah, apa tindakan yang diambil oleh kerajaan pusat? Ia tidak berguna dan tidak berkesan jika DBKL, pegawainya masih jadi maharajalela ataupun jadi *little Napoleon*. Anggapkan mereka ini besar dan boleh buat apa-apa. Saya ada contoh, di mana saya kata mereka ini *little Napoleon*. Ketidakecakapan pegawai tertinggi di DBKL. Ini bukan yang bawahan. Ini tinggi yang memberikan satu gambaran kepimpinan yang tidak baik. Oleh sebab itulah semua bawahannya mereka kata *it easy*, dengan izin.

Seperti Ahli Parlimen, kita menulis surat kepada DBKL, bukan kita mahu tulis surat kerana hal kita sendiri. Surat-surat yang kita hantar kepada mereka adalah mengenai dengan masalah rakyat tetapi kadang-kadang tidak dijawab dan kadang-kadang perlu diberi *reminders* baru dijawab. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini saya faham dia juga faham tentang ini tetapi tidak berani mahu ambil tindakan sebab DBKL ini dia kata *close service*. Apa *close service*? Kalau mereka tidak bekerja, *cancel* keluar ke tempat lain, *field work*. Ini supaya mereka tahu bagaimana panas di luar ini perlu kerja, bukannya kerja dalam bilik *air-cond* sahaja dengan kereta mewah.

Seperti juga Jabatan Bangunan DBKL untuk menjaga pembinaan projek-projek di dalam Kuala Lumpur. Sekarang ini, semua projek boleh kata kerja lebih masa. Datuk Bandar mengisytiharkan bahawa kerja pembinaan ini kepada pukul 6 sahaja tetapi mereka kerja sehingga pukul 9, pukul 10 dan tidak ada tindakan. Katanya DBKL ada *flying squad* dan dibayar 24 jam untuk jaga. Nampaknya semuanya adalah '*sleeping squad*'. Bayar untuk mereka tidur sahaja. Makan gaji buta semua. Kami telefon kepada *call center*, rakyat jelata telefon kepada *call center* buat aduan, tidak berkesan dan tidak ada tindakan juga. Ini kerana apa?

Saya mahu memberikan satu gambaran sahaja bahawa semua ini kerana unsur rasuah. Mereka tidak ambil tindakan sebab kontraktor-kontraktor ini lebih berkuasa dan boleh dapat permit khas, buat pembayaran lesen khas tanpa resit. Tidak ada resit, mereka bayar sahaja lesen boleh kerja sehingga pukul 11, mengganggu kacau penduduk-penduduk kawasan dan tidak ada tindakan.

Semalam di Brickfield orang telefon ke pejabat saya walaupun bukan tempat saya kerana Yang Berhormat Menteri tidak ada. Yang Berhormat Menteri tidur, mereka tidak boleh mengadu kepada Yang terhormat Menteri. Projek UEM Berhad untuk Bank Rakyat kerja sehingga pukul 11, tidak ada tindakan. Ini kah Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan? Omong kosong sahaja, dasar kosong. Kalaulah sikap begini, *guarantee* pilihan raya ke-13, ke-14, dan ke-15 kosong untuk Barisan Nasional kalaulah tindakan sedemikian berterusan.

Contoh kedua, seperti kes pemaju perumahan Medan Idaman Sdn Bhd. Pada tahun 2004 atau 2003, mereka untuk mahu membina satu kondominium Idaman Sutera di mana di sana tapaknya ada 60 orang *squatters*, so, berbincang dengan DBKL dan pemaju bahawa 61 *squatters* ini akan dipindah keluar dan pemaju akan membina *low cost house* untuk mereka dan tapak itu telah ditetapkan. Akhirnya, kondominium itu dinaikkan tetapi sehingga hari ini 61 *squatters* ini masih tidak ada rumah dan tapak untuk membina *low cost house* ini sekarang ini telah diluluskan oleh DBKL juga untuk membuat rumah teres tiga tingkat yang dijual RM500,000 satu unit. So, 61 *squatters* ini telah diabaikan. Bagaimana DBKL sendiri tahu tapak itu untuk *low cost housing* tetapi diluluskan untuk rumah teres? Ini kah Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan? Malulah.

Saya harap Yang Berhormat boleh menelitilah *this monster* di Kuala Lumpur, DBKL. Ya, memang *monster*. Ini pemaju bukannya itu sahaja. Pemaju ini tidak peduli *Commissioner of Building (COB)* pun. Dalam peraturan dan undang-undang telah ditetapkan bahawa dia perlu membayar *sinking fund* kepada *Joint Management Body (JMB)* tetapi sehingga sekarang mereka tidak bayar. Saya tulis surat kepada COB, tidak ambil tindakan. So rakyat memang marah. *Switch system* sentiasa *jammed*. Ini kerana *switch system* itu mungkin untuk 5,000 orang tetapi sekarang ini sudah 15,000 orang. Apakah tindakan yang diambil? Bila ia sumbat, najis semua keluar dalam rumah. Inilah menimbulkan berkebencian kepada kerajaan. Ia bukan kebencian kepada DBKL sahaja. Rakyat di Kuala Lumpur akan benci kepada Kerajaan Pusat.

■1810

Mengapa? Ini kerana *Little Napoleon* inilah di DBKL. Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan pura-pura tidak tahu tentang perkara ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu perkara ini. Berapa kali saya telah merayu tetapi tidak boleh buat tindakan. Buat apa ada kementerian? Tutup sahaja kementerian itu tidak ada guna. Jadi apa-apa wang yang kita beri pun tidak guna. Satu contoh lagi lot 214 Jalan Gombak di mana DBKL telah mengeluarkan surat ataupun satu order untuk menutup atau robohkan semua struktur di tanah lot 214. Pada tahun Jun 2010, DBKL sudah pergi roboh.

Hari ini DBKL roboh pemilik esok naik pula pagar. Kita perlu tulis surat berpucuk-pucuk surat kepada Datuk Bandar di dalam mesyuarat bawa perkara ini. Tidak ada tindakan sampai saya kena tulis surat terus kepada Ketua Setiausaha Negara - Tan Sri Sidek barulah nampak kegiatan sedikit dan perlu ambil masa lapan bulan baru ambil tindakan. Dia roboh baru ini roboh

pada 22 Mac 2011 beberapa hari yang lepas. Roboh sahaja yang depan, yang tengah tetapi tembok di belakang masih dikekalkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh habiskan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *No, no* saya hendak beri satu contoh. Ini satu yang amat serius dan sebab ini memberikan gambaran yang buruk kepada kerajaan. Saya mesti memberitahu kepada kerajaan tingkah laku pegawai-pegawainya. Mereka setuju esok akan merobohkan tembok belakang di lot 214. Tiba-tiba tidak ada tindakan, dua, tiga hari saya hantar SMS tidak jawab itu pegawai Fauzi penguat kuasa ini. Tidak jawab SMS, sepuluh kali, 20 kali saya hantar. Inikah rakyat didahulukan, sebab penduduk-penduduk sana tidak ada jalan akses. Mereka tutup jalan akses itu, pemilik.

Jadi saya tanya bilakah hendak ambil tindakan kena tulis surat. Tiba-tiba saya dengarnya satu orang Tuan Haji Ibrahim Yusof Bahagian Penguat kuasa Jabatan Perancang berhentikan, *Little Napoleon* ini hentikan tindakan. Sekarang mereka sudah naikkan pagar pula, satu minggu kemudian. Pagar di depan. Saya tulis surat sudah kepada mereka saya CC kepada Ketua Setiausaha Negara juga sampai hari ini masih tidak ada tindakan. Inikah rakyat didahulukan? Inikah pencapaian diutamakan? Malulah simpan sudah bankrapkah itu slogan. *No*, memang amat teruk. *No*, masalah di DBKL Tuan Pengerusi, adalah satu rasuah terlampau banyak rasuah dari atas hingga bawah sampai dikutip rasuah itu sendiri. Semua ada lesen khas pembayaran tanpa resit, sebab itulah tiada tindakan. Ini telah menimbulkan kebencian rakyat terhadap bukannya DBKL tetapi kerajaan.

Saya harap dalam kes 214 ini dan Idaman Sutera, Medan Idaman Sdn. Bhd ini kementerian menyiasat bagaimanakah kelulusan diberikan kepada Medan Idaman Sutera ini untuk membina menaikkan itu rumah teres menjual RM500,000 seunit sedangkan tapak itu telah ditetapkan untuk membina 61 rumah kos rendah untuk *squatters* ini. Saya harap juga MACC, SPRM sila masuk DBKL menyiasat perkara ini. *Guarantee* kita boleh dapat bukti bagaimanakah mereka boleh meluluskan untuk pembinaan ini sedangkan sudah ada satu perjanjian antara penduduk itu *squatters* dengan pemaju termasuk DBKL.

Sekarang 61 *squatters* ini tidak ada tempat. Bukankah ini menunjukkan dasar kerajaan ini dasar omong kosong sahaja. Oleh sebab itulah Tuan Pengerusi apa-apa dasar yang diluluskan oleh kerajaan pusat tidak akan sampai ke bawah. Setakat rakyat didahulukan setakat Jabatan Perdana Menteri. Setakat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja, di bawah kementerian ke bawah termasuk Timbalan Menteri sama, tidak sampai rakyat tidak didahulukan. Tidak ada. Dasar ini sudah gagal dari hari pertama.

Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengkaji dengan teliti tingkah laku pegawai-pegawai atasan DBKL. *Completion Little-little Napoleon*, banyak *Little Napoleon* masih duduk di sana, gaji buta, ambil gaji daripada rakyat tidak kerja untuk rakyat. Ini satu yang amat

serius dan saya harap saya tidak boleh sokong apa yang diminta. Jangan kata RM20 juta, 20 sen pun tidak boleh diluluskan dengan tingkah laku yang demikian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih. Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada beberapa perkara yang saya ingin bawa pertama sekali berkenaan dengan rumah kos rendah.

Pertama sekali di kawasan saya masih banyak tempat yang peneroka-peneroka yang masih menunggu pembahagian rumah kos rendah. Kerajaan telah menetapkan 2012 sebagai dasar setinggan sifar. Akan tetapi saya nampaknya rancangan ini masih jauh ke belakang khususnya di kawasan Batu, Kampung Railway yang di bawah Projek YTL ini.

Sampai hari ini pemaju belum lagi melaksanakan janjinya untuk memberikan rumah kos rendah kepada penduduk-penduduk Kampung Railway yang telah lama sekurang-kurangnya 40 hingga 50 tahun duduk di kawasan itu. Nampaknya pemaju telah memesong daripada rancangan yang awal iaitu ada rumah kos rendah dan rumah kos sederhana untuk penduduk-penduduk asli di sana. Nampaknya tujuan pemaju hanya mengeluarkan penduduk-penduduk asal dan digantikan dengan pembangunan yang merupakan bangunan kos mewah. Itu menjadi satu masalah besar bagi mereka.

Kedua ialah juga Kampung Tanah Lapang. Mereka duduki satu kawasan pada mulanya adalah dikatakan *greenland*. Selepas menerima notis pengosongan kawasan kita dapati kawasan itu telah diisytiharkan atau gazet sebagai kawasan komersial dan kita tidak tahu siapa pemajunya. Oleh itu mereka tidak ada *target* untuk sasaran untuk berunding dan sehingga hari ini masalah ini tidak ada penyelesaian. Rumah panjang di Sentul. Rumah panjangnya sepatutnya, maksudnya kerajaan sudah ada tempat. Itulah sebab mereka pindah ke rumah panjang. Rumah panjang adalah tempat sementara tetapi sudah lebih daripada 20 tahun orang duduk dalam rumah panjang. Sehingga hari ini rumah kos rendah tidak berikan kepada mereka. Saya ingin tahu sampai bilakah mereka dapat menyelesaikan masalah perkara-perkara itu.

Seterusnya saya juga ingin mendapat satu penjelasan. Kita sudah jauh masuk ke dalam satu zaman yang sangat aman dalam masyarakat tidak ada anasir-anasir yang subversif tetapi kita sering menghadapi, peneroka sentiasa mendapat ugutan melalui ordinar darurat. Ordinar darurat ini hanya digunakan semasa darurat tetapi bila pihak bandar raya ingin mengosongkan sesuatu kawasan termasuk kawasan pemaju swasta, ordinar darurat digunakan. Saya tidak faham kenapa satu undang-undang yang begitu *repressive* masih digunakan terhadap warga negara kita. Kes yang saya hadapi di Batu Estet di Bukit Jalil Estet.

■1820

Kedua-dua estet ini, penduduk asli yang merupakan pekerja estet beberapa generasi menempati tempat tersebut dan mereka menerima notis pengosongan melalui Ordinar Darurat. Ini sebenarnya projek swasta yang tidak ada kena mengena dengan kepentingan awam, saya tidak faham ada apa-apa hubungan DBKL dengan pemaju-pemaju ini sehingga kita

mengeluarkan Ordinan Darurat untuk mengusir penduduk-penduduk di Estet Batu dan Bukit Jalil sebelum satu persetujuan untuk memberikan pampasan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Perkara seterusnya yang ingin saya bangkitkan ialah rumah kos rendah iaitu tanah milik kerajaan atau DBKL, setiap kali kita ingin menganjurkan sesuatu program, tuan milik tanah akan menyatakan syarat-syarat tidak ada unsur politik, ini termasuk Ahli-ahli Parlimen tidak dibenarkan untuk menggunakan premis atau padang rumah-rumah kos rendah PPR. Akan tetapi kebelakangan ini kita mendapati banyak ceramah-ceramah umum yang dianjurkan oleh UMNO boleh mendapat kelulusan untuk mengadakan ceramah. Saya ingin tahu di mana pengecualian badan seperti DBKL dalam meluluskan ceramah, jika sesuatu badan yang neutral, kalau tidak benar, Ahli Parlimen tidak akan dapat, parti-parti lain pun tidak seharusnya menggunakan aset awam untuk melakukan aktiviti politik.

Selain itu, saya juga ingin membawakan tentang isu pengurusan pasar malam, didapati di *flat* Intan Baiduri telah diberikan kepada parti MCA, satu koperasi yang dimiliki oleh parti MCA dari Selayang. Dibenarkan memegang permit untuk menguruskan pasar malam, sekali lagi saya ingin bertanya, apakah badan pengurusan DBKL yang mengatakan adalah satu badan yang neutral daripada politik tetapi terdapat dalang-dalang di belakangnya yang memberi tekanan kepada DBKL agar mereka berkompromi dengan kuasa-kuasa politik.

Saya tidak menuduh, saya menghormati kebanyakan pengarah-pengarah dan kakitangan DBKL ini kerana mereka profesional dan tidak berpihak kepada mana-mana parti tetapi saya berharap perkara ini agar sesiapa yang memberikan tekanan ini harus berhenti agar dapat dikembalikan profesionalisme pihak DBKL. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai dan selepas itu saya minta Menteri untuk menjawab.

6.23 ptg.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 32 Kementerian Wilayah Persekutuan.

Pertama, tentang isu tambahan RM20 juta untuk tabung penyelenggaraan rumah kos rendah awam, swasta ataupun Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia. Saya ingin menanyakan kepada pihak Timbalan Menteri yang berada di sini sama ada peruntukan ini telah diputuskan di peringkat Kabinet pada awalnya, kerana saya melihat pengumuman dibuat oleh Perdana Menteri untuk RM20 juta bagi tabung tersebut oleh kementerian wilayah, RM5 juta daripada pihak DBKL, maaf - RM20 juta daripada kementerian wilayah- daripada keseluruhan. Kementerian wilayah - RM5 juta, DBKL - RM10 juta dan firma swasta RM26 juta. Maka, apa yang diumumkan ini adakah tambahan ataupun telah dirancang di peringkat awal semasa diputuskan oleh Kabinet dan kalau dibuat secara *ad hoc*, adakah kita akan melihat banyak lagi perbelanjaan yang akan dibuat oleh kementerian wilayah setelah dinamakan Kementerian Wilayah dan Kesejahteraan Bandar ini bertambah selepas ini. Saya ingin bertanya tentang isu bercakap tentang tabung dana

penyelenggaraan, dikatakan tabung ini untuk membantu bukan sahaja PPR tetapi juga terbuka kepada *joint management body* (JMB), dengan izin, dan persatuan penduduk yang menempati syarat dan katanya, ia merupakan tabung dua hala, yang memohon pun memerlukan pengeluaran sedikit duit sebagai sumbangan.

Persoalan saya, bagaimanakah pihak kementerian memastikan tanggungjawab JMB atau JMB mana-mana pemaju tidak bebas bergerak tanpa perlu melunaskan bahagian mereka di dalam memperbaiki penyelenggaraan sesuatu kawasan atau perumahan. Contohnya, di Taman Bukit Angkasa, Blok 14, kawasan saya, masalah yang begitu besar di mana Menteri mengumumkan akan melunaskan bayaran, memperbaiki sistem saluran air sebanyak lebih kurang 50 peratus of RM55,000 dengan izin, dan selebihnya akan ditanggung oleh penduduk. Di manakah peranan pemaju kerana pemaju seolah-olah tidak perlu mengeluarkan satu sen pun. Saya mahu tanya tentang perancangan kementerian, apakah tindakan selanjutnya. Maksudnya, bukanlah duit atau wang kerajaan, termasuk juga wang DBKL yang telah digunakan untuk memperbaiki sesebuah tempat perumahan tanpa apa-apa jaminan ataupun tanggungjawab bersama oleh pihak pemaju, itu yang pertama.

Saya fikir Timbalan Menteri juga perlu menjawab senarai, berapakah semua perumahan yang terlibat setakat ini setelah program ini yang diumumkan pada Februari tahun lepas dan apakah formula perkongsian untuk setiap kawasan perumahan. Adakah 50 peratus – 50 peratus atau sebagainya. Saya juga ingin merujuk kepada satu lagi projek *ad hoc* iaitu jejantas RM100 juta dan saya ingin bertanya selanjutnya kerana jawapan Menteri tidak begitu memuaskan, di mana Menteri mengatakan KLCC dan Petronas mempunyai hak sepenuhnya untuk membelanjakan wang RM100 juta itu sesuka hati mereka, kerana wang tersebut bukanlah wang DBKL. Akan tetapi saya bangkitkan di sini, saya rujuk kepada laporan BERNAMA, kenyataan menteri bahawa laporan *The Star* bertarikh 8 September 2010, "*Petronas telah menyumbangkan RM100 juta bagi pembangunan kemudahan kedua-dua fasa iaitu jejantas berhawa dingin yang menyokong usaha kerajaan bagi menggalakkan dan merangsang pertumbuhan industri pelancongan. KLCC Holding Sdn Bhd sebuah subsidiari milikan penuh Petronas telah ditugaskan menguruskan peruntukan tersebut bersama DBKL sebagai penyelaras projek utama untuk laluan pejalan kaki.*"

Maka, saya meminta Timbalan Menteri menjawab di sini, adakah DBKL dikecualikan daripada meluluskan reka bentuk projek tersebut? Kerana dikatakan Petronas 100 peratus milikan mereka dan jikalau ya, kenapakah Sunway Construction Sdn. Bhd. dilantik untuk meneruskan projek jejantas fasa kedua. Adakah tender terbuka dilaksanakan sebelum mereka dipilih? Saya fikir Timbalan Menteri tidak boleh menjawab bahawa ini kuasa Petronas, kerana apa? Kerana Datuk Bandar dan Ketua Pegawai Eksekutif KLCC telah menandatangani surat perjanjian untuk penyerahan jejantas ini dari KLCC ke DBKL. Maksudnya, selepas ini DBKL

akan menggunakan dana rakyat untuk menjaga, menyelenggarakan jejantas-jejantas yang mahal-mahal ini, saya pohon jawapan itu.

Seterusnya, saya pergi kepada Butiran 05 di bawah Program Kemiskinan Bandar, 01500 iaitu peruntukan tambahan diberikan oleh kerajaan mengubah daripada Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan kepada kementerian wilayah sebanyak RM35,775,460.00. Saya bangkitkan kebimbangan, apabila wujudnya *transfer* begini, saya rujuk kepada sejarah ataupun pengalaman oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan juga Majlis Perbandaran Seberang Perai di mana kerajaan mengubah agensi pelaksanaan daripada Program Pembasmian Kemiskinan Bandar daripada MPPP, MPSP kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Akhirnya, kesemua bantuan seperti bantuan sewa rumah, kemasukan ke sekolah, IPT, kos pengangkutan ke sekolah, kos jagaan kanak-kanak, bantuan kos pengangkutan ke tempat kerja, semua ini, termasuk miskin tegar di bandar, akhirnya masyarakat mendapat masalah daripada akses atau mendapat bantuan secara terus kerana pada 18 Mac 2009, KPKT atas sebab-sebab menyatakan telah mengumumkan pembekuan penyaluran bantuan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. KPKT memutuskan untuk membekukan sementara penyaluran bantuan PPKB kepada pemohon baru dan tindakan pembekuan sementara ini adalah bagi membolehkan pihak agensi pusat membuat penyemakan dan pengesahan terhadap status pemohon baru bantuan PPKB. Permohonan baru akan dipertimbangkan setelah selesai urusan verifikasi oleh agensi pusat yang dijangka akan mengambil masa di antara tiga hingga enam bulan.

■1830

Jadi saya mahu tanya, bila ada perubahan diubah daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dana ini kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, adakah masyarakat miskin bandar terpaksa menunggu tiga hingga enam bulan? Apakah jaminan langkah-langkah yang akan diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memastikan golongan sasaran itu mendapat bantuan secepat mungkin. Tidak ada masalah birokrasi dan tidak ada masalah kolusi kerana kita menyatakan untuk Pulau Pinang, ini pengalaman dari laman web Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sendiri, memang ada pembekuan mengambil masa tiga hingga enam bulan. Jadi, saya tidak mahu keputusan *ad hoc* dengan pengumuman satu demi satu ini akan memberi banyak bebanan kepada masyarakat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.33 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam

perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2010 bagi perkara di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Tuan Pengerusi, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2010, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2010 di bawah B.32 iaitu bagi Projek Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia. Projek Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia ini diwujudkan bagi tujuan untuk menentukan terdapat sumber dana yang berterusan untuk membantu penghuni perumahan kos rendah swasta, membaik pulih kawasan dan rumah tempat tinggal mereka melalui management corporation (MC) ataupun joint management body (JMB).

Di samping itu projek ini turut membantu mewujudkan kesempurnaan kualiti hidup, kesejahteraan bandar dan meningkatkan imej bandar raya. Konsep bagi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia adalah daripada peruntukan yang melibatkan penyelenggaraan di antara...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi Yang Berhormat? Ya, silakan Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertariklah dengan penubuhan MC dan JMB ini. Yang Berhormat Menteri sedarkah atau tidak bahawa MC ini walaupun ditubuhkan, tidak ada *Commissioner of Building* (COB) ini, tidak berkesan, tidak bekerja dengan baik walaupun mereka dapat aduan daripada pemilik kondو atau pemilik perumahan ini. Mereka tidak ambil tindakan. Surat aduan pun tidak dijawab. Ahli Parlimen tulis surat pun mereka tidak jawab. So, buat apa kita tubuhkan MC, JMB? Bila ada masalah, aduan, tidak ada tindakan diambil. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk membaik pulihkan keadaan demikian, di mana mereka dapat aduan COB akan ambil tindakan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang mereka hadapi. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya belum sempat menjawab lagi. Yang Berhormat Wangsa Maju perlu belajar dari Yang Berhormat Lembah Pantai untuk sabar. Tunggu saya jawab dahulu. Tuan Pengerusi.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan. Kalau tidak boleh bagi penjelasan, tidak ada teks, cakap sahaja kita boleh maafkan.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Biar saya jawab dahulu Yang Berhormat. Di samping itu projek ini turut membantu mewujudkan kesempurnaan kualiti hidup, kesejahteraan bandar dan meningkatkan imej bandar raya. Konsep bagi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia adalah dari peruntukan yang melibatkan penyertaan di antara kerajaan dan juga *corporate social responsibility* (CSR) dari kalangan syarikat-syarikat ataupun pemaju swasta di Kuala Lumpur. Antara sumbangan adalah seperti berikut di mana Kementerian Wilayah Persekutuan dan

Kesejahteraan Bandar telah menyumbangkan RM5 juta, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur – RM10 juta, Kementerian Kewangan ataupun kerajaan pusat sebanyak RM20 juta dan syarikat swasta RM2.6 juta. Pembentukan Jawatankuasa Penyelaras dan Pengurusan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia adalah untuk menetapkan dasar penggunaan dana, menyelaras serta menyediakan laporan.

Sumbangan tabung akan digunakan bagi menyenggara kesemua rumah kos rendah swasta di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Wang ini hanya boleh disalurkan selepas tempoh kecacatan pembangunan tamat dan joint management body (JMB) atau *management corporation* yang ditubuhkan. Tabung ini hanya terhad kepada penyelenggaraan, perkara-perkara yang mustahak di perumahan awam kos rendah swasta sahaja. Kriteria penyelenggaraan akan diambil kira dan diberi perhatian adalah seperti berikut:-

- (i) penyelenggaraan atau baik pulih lif;
- (ii) penyelenggaraan tangga;
- (iii) penyelenggaraan bumbung;
- (iv) mengecat bangunan;
- (v) membaiki kerosakan umum yang membahayakan penghuni; dan
- (vi) lain-lain kerosakan yang diputuskan wajar diselenggarakan oleh jawatankuasa perhubungan tabung.

Bagi pembiayaan di atas kerja adalah berdasarkan nisbah 80% dari sumber dana dan 20% daripada *joint management body* ataupun *management corporation* ataupun persatuan penduduk.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon penjelasan Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya kerana dalam kes yang saya sebutkan tadi khusus untuk Taman Bukit Angkasa ada percanggahan, agak pergaduhan antara *joint management body* dengan kesatuan penduduk. Di kala itu banyak bebanan itu diberi terus kepada penduduk yang rata-rata daripada golongan berpendapatan rendah. Jadi, JMB bebas, tidak perlu buat apa-apa kerana selebihnya dilunaskan oleh kementerian. Dalam kes sebegini, apakah perancangan kementerian untuk menyelesaikan percanggahan-percanggahan sedemikian?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Yang Berhormat bagi saya menyempurnakan soalan-soalan tadi. Nanti saya akan memberi senarai berapakah jumlah yang telah dibelanjakan di seluruh Wilayah Persekutuan sehingga hari ini.

Tuan Pengerusi, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2010, bagi Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 2010 di mana di bawah P.32 iaitu Program Kemiskinan Bandar.

Peruntukan tambahan sebanyak RM35,775,470 yang dikehendaki bagi membolehkan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar meneruskan Program Kemiskinan

Bandar yang telah dipindahkan fungsinya daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Memandangkan perpindahan fungsi yang turut melibatkan perpindahan pegawai-pegawai daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar berkuat kuasa mulai 1 Januari 2010, namun perpindahan peruntukan sebanyak RM35,775,470 hanya berkuat kuasa mulai bulan Mei 2010. Sehingga akhir 11 Januari 2011, daripada RM35,775,470 hanya RM17,275,460 iaitu 48% yang diperuntukkan untuk dibelanjakan bagi program kemiskinan bandar. Daripada jumlah tersebut 94.3% telah digunakan.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya daripada Yang Berhormat Wangsa Maju, sahabat saya telah membangkitkan beberapa isu khusus mengenai Kuala Lumpur jadi ibu kota bertaraf antarabangsa. Saya bagi jaminan kepada Dewan yang mulia ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah merangkumi pegawai-pegawai kanan, *committed* di bawah Dewan atau Bandar Kuala Lumpur dan saya bagi jaminan kepada Dewan yang mulia ini, menjelang tahun 2002 Kuala Lumpur tetap akan menjadi sebagai satu ibu negara yang bertaraf antarabangsa. Isu-isu lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya akan pastikan walaupun tidak berkaitan..

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan sedikit.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tidak, biar saya habiskan dahulu. Walaupun isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju tidak berkaitan dengan kos tambahan pada petang ini tetapi sebagai kerajaan yang prihatin saya akan pastikan semua tuduhan akan dikaji, disemak dan pastikan ambil tindakan yang sewajarnya sekiranya terdapat percanggahan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya amat tertarik dengan jaminan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini. Wah! Dia amat ada keyakinan memberi jaminan tahun 2020 menjadi *world class city*. Akan tetapi jaminannya dari mana? Atas alasan apa? Dari bukti apa? Kita hendak memberikan satu jaminan, kita mesti sudah ada tindakan yang telah diambil. Telah membaik pulihkan keadaan di DBKL. Saya rasa jaminan itu jangan kata tahun 2002, tahun 3030 pun masih tidak akan mencapai taraf *world class city* kerana ditadbir oleh *low class Little Napoleon, low class mentality* ataupun oleh *Little Napoleon*.

■1840

Sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju atau tidak bahawa kalaulah kita hendak mencapai *world class city*, kita kena tukar pentadbiran, pengarah-pengarah DBKL in. Semua tukar, kita ambil yang baru supaya mereka tahu bahawa mereka duduk di sana kalau mereka cuma gaji buta mereka akan ditukar. So mereka akan mengambil sikap yang lebih prihatin dan kerja dengan lebih serius.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Jikalau tidak mereka akan sama lagi. Tidak apa punya *attitude*. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, sebagai pentadbir saya yakin dengan kebolehan dan kewibawaan pegawai-pegawai kanan di agensi-agensi dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bahawa Kuala Lumpur akan menjadi satu ibu kota yang bertaraf antarabangsa.

Seperti mana kita sedia maklum, Kuala Lumpur masih lagi merupakan sebagai satu ibu kota yang dihormati di antara arena antarabangsa. Untuk makluman Yang Berhormat saya bagi jaminan jangan risau Kuala Lumpur akan jadi ibu kota bertaraf antarabangsa dan... *[Disampuk]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Akan tetapi kita lebih kotor daripada Jakarta. Kuala Lumpur ini lebih kotor daripada Jakarta, tolong pergi tengok. Walaupun mereka ini tidak mengatakan mereka *world class city*. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Semua. Semua ibu kota ada sedikit sebanyak kecacatan mereka tetapi kita masih tetap ambil tindakan sewajarnya untuk merealisasikan visi dan misi kerajaan pusat untuk melahirkan Kuala Lumpur menjadi sebagai *vibrant city*. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, seterusnya Ahli Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sama ada Yang Berhormat setuju mengambil tindakan memanggil MACC masuk menyiasat perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi. Khasnya Medan Idaman Sdn. Bhd. ini. Sama ada akan masuk dalam MACC *report*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan bekerjasama seandainya perlu, Yang Berhormat. Jangan risau, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Pengerusi, isu kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Batu mengenai rumah kos rendah Kampung Railway di mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan kerjasama pemaju YTL Sdn. Bhd. telah mengenal pasti...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak jawab langsung mengenai soalan saya tadi?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Sekejap, baru sampai Yang Berhormat Batu. Belum sampai Yang Berhormat Lembah Pantai lagi.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan kerjasama pemaju YTL Sdn. Bhd. yang merupakan sebagai pemaju kawasan Sentul telah mengenal pasti 197 rumah setinggan yang berada di kawasan tersebut. Pemaju – YTL telah mengemukakan *development order* dengan izin kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membina 200 unit rumah kos rendah dan 150 unit rumah kos sederhana untuk kelulusan.

Walau bagaimanapun pemaju, YTL Sdn. Bhd. telah memberi surat secara bertulis kepada kementerian bahawa mereka akan memastikan penduduk-penduduk setinggan di kawasan Kampung Railway akan diberi keutamaan untuk memiliki rumah di kawasan tersebut.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh saya tahu mengenal pasti tempat unit-unit ini diadakan dan saya juga ingin tahu angka yang 171 keluarga yang telah diputuskan berdasar kepada banci atau berdasar kepada maklumat yang diberi oleh pihak mana?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sehingga hari ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menerima 197 permohonan untuk rumah kos rendah dan menyatakan mereka tinggal, duduk di tanah dimiliki oleh YTL Sdn. Bhd.. Walau bagaimanapun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan membanci dan memastikan sama ada angka ini benar atau tidak?

Walaupun bagaimanapun YTL Sendirian Berhad telah mengemukakan *development order* ataupun plan pembangunan untuk 352 unit rumah di mana 200 adalah rumah kos rendah dan 150 adalah rumah kos sederhana untuk dibangunkan. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan pastikan penduduk setinggan Kampung YTL akan diberi rumah apabila dibina di sana.

Mengenai Kampung Tanah Lapang Tuan Pengerusi, seperti mana saya sedia maklum...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tempat, tempat...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tempat rumah kos rendah ini?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Di kawasan Sentul Raya. Bukan di luar kawasan Sentul Raya memang pembinaan akan dibangunkan di kawasan Sentul Raya. Itu saya beri jaminan dan plan pembangunan telah dikemukakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Kedua mengenai Kampung Tanah Lapang walaupun sebahagian besar daripada penduduk setinggan dipindahkan ke PPR Batu Muda, ada masih yang tinggal di sana dan seperti mana saya sedia maklum kawasan ini telah dirizabkan sebagai kawasan zon kosong – *green zone*. Akan tetapi apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Batu bahawa kawasan ini telah ditukar milik sebagai kawasan *commercial* saya pun tidak pasti tetapi saya hairan. Walau bagaimanapun saya akan semak sama ada ia benar atau tidak?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dia di dalam *KL Draft Plan*.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Akan tetapi mengikut *KL Draft Plan* yang awal dan seperti mana saya tahu, kawasan itu telah dizonkan sebagai kawasan zon hijau.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya boleh tunjukkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Sila kemukakan Yang Berhormat, saya akan semak. Ketiga mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu mengenai isu Ladang Bukit Jalil dan Ladang Batu.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Parlimen perlu bertanggungjawab untuk merealisasikan visi dan misi kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur menjadi sebagai *zero* setinggan menjelang tahun 2012 di mana kita perlukan bantuan daripada Ahli-ahli Parlimen tidak kira sama ada daripada pihak kerajaan ataupun pihak pembangkang.

Apabila pihak kerajaan mengambil tindakan terhadap isu-isu setinggan, Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang yang buat protes di hadapan bangunan Dewan Bandaraya dan seluruh kawasan Wilayah Persekutuan. Apabila Yang Berhormat mengatakan bekas pekerja Ladang Bukit Jalil dan bekas pekerja Ladang Batu ini adalah satu gambaran yang tidak benar.

Apabila kita kata Ladang Bukit Jalil, Ladang Bukit Jalil diambil oleh kerajaan pusat untuk pembangunan pada tahun 1980. Maka mereka bekerja dengan pemilik swasta pada 1980 dan kerajaan pusat telah mengambil alih Ladang Bukit Jalil untuk pembangunan tetapi sebahagian besar daripada Ladang Bukit Jalil dibangunkan. Akan tetapi kawasan diwartakan untuk ditukar sebagai kubur Islam dan bukan Islam telah tidak dibangunkan maka kerajaan pusat begitu prihatin telah membenarkan bekas pekerja ladang untuk teruskan kediaman mereka di sana memandangkan tiada pembangunan.

Sepatutnya kerana baru semalam mereka daripada sana pada 1980 pun tidak ada isu. Namun selepas 30 tahun mereka menuntut bahawa kami adalah bekas pekerja ladang. Kalau mereka bekas pekerja ladang seluruh Malaysia, semua masyarakat India adalah pekerja ladang. Jadi baru-baru ini kerajaan telah pada tahun 2007 kerajaan pusat telah memberi RM1 ribu iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memberi RM1 ribu sebagai pampasan kepada pekerja ladang Bukit Jalil dan memindahkan 160 keluarga pergi ke PPR Muhibah. Daripada 116 orang, 71 orang telah berpindah ke PPR Muhibah dengan pampasan RM1 ribu dan rumah PPR tetapi 39 keluarga enggan berpindah.

Jadi pada tahun 2008, setelah kita tubuhkan kerajaan baru, kita telah berbincang dengan 39 keluarga ini, akhirnya Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Sumber Manusia telah berbincang dan membuat keputusan memberi pampasan RM23 ribu kepada semua 100 keluarga termasuk kepada 71 keluarga yang pindah. Manakala 71 keluarga yang pindah itu begitu berbangga dan mereka berterima kasih kepada kerajaan. 30 keluarga yang enggan pindah lagi masih menuntut yang mereka adalah bekas pekerja ladang, maka kerajaan harus memberi 4 ekar tanah untuk mereka. Begitu juga di kawasan Batu, itu pun isu yang sama.

Mereka telah bekerja dengan suatu syarikat pemilik swasta 30 tahun dahulu sebelum itu tidak ada sebarang pampasan. Baru-baru ini kita RM2 juta hampir RM30 ribu untuk setiap keluarga dan meminta mereka berpindah ke PPR tetapi pihak pembangkang tidak setuju, hampir 40 keluarga telah pindah dan 16 orang masih di sana mengikut dalam parti-parti pembangkang protes di seluruh Wilayah Persekutuan. Kalau ini berterusan macam mana kita hendak lahirkan *zero* setinggan di seluruh Wilayah Persekutuan. Inilah masalah yang kita hadapi di Wilayah Persekutuan selama ini. Walau bagaimanapun kita sebagai kerajaan prihatin, kita akan

memastikan setiap setinggan di Wilayah Persekutuan sama ada kadang-kadang apabila pemilik swasta menerima perintah mahkamah, mereka menghadapi dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menerima bantuan.

Akta ataupun syarat-syarat yang diguna pakai membenarkan pemilik swasta untuk membayar kepada penguat kuasa Dewan Bandaraya untuk mengosongkan tapak sebagai pihak berkuasa tempatan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya tidak mahu pertikai semua fakta tadi. Saya hanya persoalkan dua perkara. Pertama, ini adalah projek swasta, jadi kerajaan tidak ada kepentingan dalam perkara ini selain daripada rumah ditawarkan supaya mereka tidak lagi duduk sebagai setinggan. Saya harap itu sahaja.

Kedua ialah kenapa dalam isu pengosongan tanah swasta ini, kerajaan perlu menggunakan Ordinan Darurat. Kita tahu ordinan ini adalah satu undang-undang yang *outdated*, kita tidak ada komunis untuk berperang lagi tetapi kenapa penduduk warga Malaysia yang mempunyai hak sama rata dengan orang lain terpaksa menghadapi undang-undang darurat. Ini adalah satu undang-undang yang *repressive* dan tidak perlu digunakan. Kita harap kerajaan lebih prihatin dan membenarkan mereka berunding dengan cara yang aman supaya kedua-dua pihak dapat penyelesaian.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Itu peringkat dasar Yang Berhormat.

■1850

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Pengerusi, mengenai dalam apa yang disoalkan oleh Yang Berhormat Batu, contohnya apabila beliau mempersoalkan kenapa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kerajaan perlu campur tangan dalam membersihkan setinggan-setinggan di tanah swasta. Ini tanggungjawab kita sebagai PBT yang menjalankan aktiviti-aktiviti.

Kadang-kadang ada juga pemilik swasta mendapatkan perintah mahkamah, akan tetapi mengosongkan tapak adalah tanggungjawab PBT. Ini berlaku di seluruh negara, di semua majlis daerah yang bertanggungjawab untuk memastikan setinggan-setinggan ini dibersihkan. Walau bagaimanapun, mengenai isu notis darurat ini, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sedang mengkaji apakah langkah-langkah yang positif yang kita boleh mengambil. Walau bagaimanapun sebagai jaminan kepada Yang Berhormat daripada Batu tanggungjawab kita sama untuk memastikan warga kota berada dalam keadaan yang selesa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, isu-isu dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Lembah Pantai seperti mana saya maklumkan tadi RM20 juta adalah daripada kerajaan pusat bukan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Pecahannya seperti mana yang saya katakan tadi, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Jejantas Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jejantas RM1 juta.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Ya, ya. Saya tidak lupa jejantas, jangan takut.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Oh.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Okey, pecahan seperti saya katakan tadi, seperti mana Yang Berhormat maklumkan RM20 juta itu bukanlah daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar akan tetapi daripada Kerajaan Pusat yang diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Okey, isu lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai adalah satu mengenai jejantas KLCC adalah *corporate social responsibility* daripada KLCC akan tetapi reka bentuk masih setiap pembangunan di seluruh Wilayah Persekutuan sama ada di Kuala Lumpur, Labuan ataupun Putrajaya akan diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan. Tiada sebarang pembangunan akan dilakukan di seluruh Wilayah Persekutuan tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun ia akan diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menyelenggara.

Kedua, mengenai kenapa begitu canggih. Kawasan-kawasan di KLCC merupakan satu kawasan yang menarik pelancong asing yang begitu ramai dan kita perlulah satu jejantas yang cukup canggih. Kita tidak boleh pakai lagi secara Orang Asli, itu penting terima kasih Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sikit lagi ya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak minta kita pakai satu yang macam Orang Asli. Saya rasa tidak perlulah kita sebut, menghina orang di Sarawak dan Sabah. Saya hanya hendak katakan isunya. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Hoi! Hoi!

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya ada hak hendak cakap! Saya ada hak cakap. Saya rasa tidak elok berkata begitu.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Orang Asli kah?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya bukan Orang Asli akan tetapi tidak ada silapnya saya kata, saya sebut tidak ada salah jejantas. *[Dewan riuh]* Please, kalau hendak sensitif, tolong. Tidak ada kena mengena. Saya teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi isunya sekarang bila bercakap tentang jejantas... *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Ini menghina orang Sabah dan Sarawak!

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tidak!

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang menghina ini Menteri.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tidak sama sekali. Yang menghina Yang Berhormat. Sila duduk dan jangan kacau saya!

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri yang menghina.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Jangan kacau saya!

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Saya tidak kacau, akan tetapi menghina...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Jangan menjerit! Kalau tidak reti cakap, kalau tidak reti bercakap diam sahaja!.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Soalannya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila bercakap tentang jejantas ini, bila Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bersama Perdana Menteri kita perlu jangan teruskan dengan pembaziran, perlu berjimat cermat, jadi saya nampak bila di reka, dibentuk dan dijalankan projek yang bernilai RM100 juta itu, kalau Petronas *one-off* satu hal. Akan tetapi isunya ini merupakan dana rakyat secara tidak langsung daripada Khazanah Petroleum.

Keduanya, justifikasi untuk 70 meter itu tidak boleh diterima pakai. Tambahan bila perlu di selenggara oleh DBKL. Maksudnya satu jejantas yang punyai kelengkapan yang maha besar, maha istimewa itu akan membawa kos yang amat tinggi kalau berbanding dengan jejantas biasa seperti yang ada di sekitar Pantai Dalam, Kampung Kerinchi dan sebagainya. Saya pohon Yang Berhormat kalau boleh teliti walaupun sudah dibuat, jangan biar lagi berulang kerana ada *impact* dan kesannya kepada perbelanjaan DBKL dan rakyat Kuala Lumpur khususnya. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Pengerusi yang pertama saya ingin membetulkan Ahli Yang Berhormat tujuan saya bandingkan jambatan di KLCC dengan kawasan Orang Asli supaya bagi memahamkan Yang Berhormat perbezaan dia. Tidak ada niat untuk menghina ataupun memandang rendah terhadap Orang Asli saya sendiri bergantung dengan 6,000 pengundi Orang Asli. Saya yang bina jambatan Orang Asli. Tujuan saya beritahu Yang Berhormat supaya membezakan.

Apa yang pentingnya walaupun kita berjimat Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat supaya kerajaan prihatin kita selama ini. Tanggungjawab bersama. Kita harus berjimat untuk memastikan dana-dana ini digunakan untuk tujuan-tujuan lain. Akan tetapi kita juga patut mengikut pembangunan yang pesat selari dengan kawasan di sekitar kita. Itu yang saya maksudkan. Apabila kita membina jambatan berhadapan dengan KLCC yang penuh dengan para pelancong kita harus pembinaan selari dengan pembangunan kawasan sekitar. Maka ini adalah salah satu. Saya bagi jaminan jambatan-jambatan seperti ini tidak akan dibina di Sentul Pasar ataupun di Lembah Pantai. Jangan risau. Itu yang penting.

Seterusnya Yang Berhormat mohon senarai laporan kemajuan pelaksanaan...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sikit Yang Berhormat, sikit sahaja saya hendak jelaskan.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Boleh.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Kalau boleh...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Boleh, boleh.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau boleh jangan ada perbezaan antara pelancong asing dengan rakyat kita. Ini kerana sepatutnya rakyat juga perlu menikmati prasarana yang terbaik. Akan tetapi isu ini saya rasa gambaran ataupun perbandingan yang terbaik itu kita buat dengan jejantas yang dibina di kawasan Pantai Dalam.

Maksudnya asal selesa, pejalan kaki boleh guna dan nampak boleh diterima pakai, *acceptable*. Tidak perlulah berhawa dingin dan dengan penuh *high-tech*. Memandangkan keadaan ekonomi sedia ada. Jadi saya hendak tekankan bab itu. Saya fikir kalau kita buat perbandingan barulah kementerian boleh buat keputusan yang terbaik sejajar dengan keperluan semasa. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya laporan kemajuan pelaksanaan projek Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia di mana hampir 18 kawasan di seluruh Wilayah Persekutuan telah dikenal pasti. Seperti mana Yang Berhormat minta tadi Pertubuhan Penduduk Blok 14, Taman Bukit Angkasa senggaraan sistem paip di mana jumlah kos adalah RM120,000 daripada tabung TP 1Malaysia dan sumbangan daripada JMB ataupun MC adalah sebanyak RM30,000. Jumlah kos penyelenggaraan RM150,000. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, dengan isu-isu ini saya mengucapkan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh *u-turn* sebab ada soalan yang tidak jawab. Perkara saya ingin tanya ialah rumah panjang di Sentul. Penyelesaiannya dan dua isu lagi, satu pasar malam dan ceramah yang dibenarkan pengaruh politik.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Pengerusi seperti mana kita sedia maklum kemudahan-kemudahan awam di bawah kerajaan pusat sama ada di bawah kerajaan pusat ataupun di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kita tidak membenarkan mana-mana parti politik untuk menggunakan. Akan tetapi banyak permohonan ini diluluskan atas permohonan ataupun atas permintaan daripada persatuan-persatuan amal ataupun NGO-NGO sedia ada. Namun apabila kita memberi kebenaran kepada NGO kita tidak kuasa untuk menghalang ahli-ahli politik menyertai program seperti ini. Sekiranya ada Yang Berhormat menggunakan persatuan-persatuan amal ataupun NGO-NGO kita memang tidak ada halangan.

Kedua mengenai rumah panjang di Sentul. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengenal pasti hampir 33 kawasan di berhampiran untuk membina PPR rumah rakyat dalam masa yang terdekat. Saya akan syorkan bahawa semua mereka yang tinggal di rumah panjang akan dipindahkan ke rumah-rumah awam dalam masa yang terdekat.

Bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil

bahagian dalam pembentangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2010 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2010 yang membabitkan tanggungjawab kementerian ini. Sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM20,000,000 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20,000,000 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM35,775,470 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM35,775,470 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

Maksud B.41 [Jadual] –

Maksud P.41 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk dibahas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua butiran di bawah P.41 adalah token dan tidak perlu dibahas. Yang Berhormat Bukit Mertajam.

6.59 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan tentang guru-guru di SRJK(C) iaitu sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

■1900

Di mana kita dapati bahawa Timbalan Menteri dari Batu Pahat semalam mengatakan bahawa kecikiran pelajar-pelajar adalah kerana penguasaannya bahasanya adalah lemah. Beliau memberikan contoh di sekolah menengah bahawa untuk pelajar lelaki secara purata, kadar kecikiran adalah 4.5 peratus dan untuk pelajar wanita atau perempuan adalah 2.9 peratus.

Akan tetapi Tuan Pengerusi, parti MCA pada tahun 2002...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, B.41 emolument Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, emolument. Memang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan lari jauh daripada itu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak – *I will come to that*. Parti MCA pada tahun 2002 juga menjadikan satu kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar Cina yang dari sekolah menengah SRJK(C), kadar kecicirannya ialah 24.8%. Ini menunjukkan bahawa keciciran pelajar-pelajar yang dari SRJK(C) adalah jauh lebih ramai daripada kadar purata. Ini saya percaya adalah kerana penguasaan bahasa Malaysia. Saya mengalu-alukan program kementerian untuk memperbaiki ataupun memberikan bantuan kepada pelajar-pelajar di sekolah rendah yang lemah dalam Matematik dan Bahasa Malaysia.

Saya ingin tahu program ini bagaimanakah ia dijalankan di SRJK(C) kerana baru-baru ini adalah satu isu yang mana saya difahamkan bahawa di SRJK(C), ia pun ada guru pemulihan untuk membantu pelajar-pelajar yang lemah dalam akademik. Akan tetapi, mereka yang dihantar ke sekolah ini ada juga yang hanya berbahasa Melayu dan tidak dapat berbahasa Cina. Saya rasa kalau tujuannya ialah untuk membantu pelajar-pelajar di SRJK(C) yang mereka sudah lemah dalam penguasaan bahasa dan sekiranya guru ini tidak dapat menguasai dua-dua bahasa, dwibahasa iaitu bahasa Malaysia atau bahasa Melayu dan juga bahasa Cina, dia akan menghadapi masalah untuk mengajar pelajar-pelajar yang sudah lemah dalam bahasa Malaysia.

Jadi, saya ingin mencadangkan bolehkah kementerian menambah bilangan guru-guru pemulihan yang menguasai dwibahasa untuk mengurangkan pelajar-pelajar yang lemah dalam bahasa Malaysia? Ini kerana kita dapati bahawa baru-baru ini juga kementerian ada mencadangkan ataupun ada pihak yang mencadangkan supaya kelas peralihan, ia jangan diadakan di sekolah menengah tetapi diadakan di sekolah rendah.

Saya berpendapat sekiranya selepas enam tahun dalam SRJK(C) dan pelajar-pelajar ini masih lemah dalam bahasa Malaysia, saya rasa tidak ada gunanya kita masih tambah satu tahun di SRJK(C). Saya rasa kita harus sejak Darjah Satu lagi kurangkan pelajar-pelajar yang lemah dalam bahasa Malaysia.

Saya mencadangkan bolehkah kita mengadakan kelas tambahan untuk pelajar-pelajar yang lemah dalam bahasa Malaysia ataupun bahasa Inggeris, Bahasa Cina ataupun Sains dan Matematik. Ini adalah seperti di dalam universiti yang mana mereka yang lemah, mereka boleh pergi ke tutorial. Saya harap sistem ini boleh diguna pakai juga di dalam sekolah rendah supaya kita mengurangkan pelajar-pelajar yang lemah dalam bahasa. Saya rasa bahasa adalah begitu penting tidak kira apa-apa bahasa.

Sekiranya pelajar-pelajar tidak dapat menguasai bahasa, mereka akan menghadapi masalah dalam pembelajaran. Untuk pelajar-pelajar yang lemah ini, apakah rancangan kita kerana mereka tidak dapat pergi ke universiti? Jadi, apakah rancangan kita untuk membolehkan mereka juga ada satu tempat dalam sekolah, dalam pelajaran dan pada masa hadapan, dalam alam pekerjaan supaya mereka juga ada tempat. Sekian, terima kasih. *Thank you*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sri Gading.

7.05 mlm.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di senja-senja yang damai ini, saya menyokong anggaran tambahan B.41 Kementerian Pelajaran sebanyak RM1,759,019,400 berkaitan dengan emolumen, aktiviti pendidikan rendah dan pendidikan menengah.

Dalam hubungan ini Tuan Pengerusi, saya diminta – oleh sebab diminta, saya bercakap di Dewan yang mulia ini berkaitan dengan kekurangan guru-guru j-QAF. Saya difahamkan ada kekurangan 16,000 kekosongan yang tidak dapat diisi. Walhal guru-guru j-QAF ini yang untuk kelas-kelas asas agama dan fardu ain yang penting kepada orang-orang Islam. Dalam menghayati agama Islam, bagi penganut orang Islam, pelajaran asas ini, pelajaran Fardu Ain, membaca kitab suci Al-Quran Nur Karim itu menjadi pokok untuk mengembangkan keagamaan seseorang yang menganut agama Islam daripada kecil. Ia sangat penting. Amat penting Tuan Pengerusi. Penting sangat.

Jadi, kalau dapat, Kementerian Pelajaran memberikan sedikit kelonggaran kepada pelajar-pelajar kita yang memang mahir, yang memang ada kelayakan tetapi mereka tidak dibenarkan untuk masuk ke IPG, institusi pendidikan agama. Walhal mereka ini pemegang sijil tinggi menengah agama. Jadi, berikan kelonggaran kepada mereka supaya dapat masuk ke IPG ini sama seperti saya difahamkan oleh Kementerian Pelajaran kepada guru-guru Cina, sijil persediaan sekolah-sekolah Cina masuk ke IPG ini dengan kelonggaran-kelonggaran yang dibenarkan oleh Kementerian Pelajaran. Jadi, apa salahnya mereka ini layak. Ilmu pengetahuan, latar belakang, ilmu cukup tetapi oleh sebab mereka hanya pemegang sijil menengah agama tidak pula dapat masuk ke IPG kerana pelbagai sekatan.

Jadi, boleh atau tidak, Kementerian Pelajaran memberikan kelonggaran, memang orang berkelayakan. Oleh itu, syarat-syarat masuk ke IPG ini diberikan kelonggaran. Kalau itu dapat diselesaikan, maknanya kekurangan 16,000 orang guru-guru ini akan dapat diselesaikan. Ini membantu masyarakat Islam di negara ini yang memang memerlukan ilmu asas agama ini kepada anak-anak kita seluruh negara. Jadi, saya merayu bagi pihak, termasuk juga pelajar-pelajar kita inilah yang memegang sijil menengah agama ini supaya diberikan kelonggaran. Tuan Pengerusi, itulah sahaja. Saya menyokong sangat RM1.7 bilion ini diluluskan oleh Dewan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Yang Berhormat Tanjong Piai.

■ 1910**7.10 mlm.**

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk di bawah emolumen B.41, Kementerian Pelajaran. Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri jelaskan kenapa GSTT berkelayakan siswazah hanya dibayar gaji GSTT bukan siswazah di JPN

Pulau Pinang dan Sarawak tetapi di negeri-negeri lain dibayar mengikut kelayakan? Mengapa perkara ini berlaku?

Kedua, saya juga ingin meminta Yang Berhormat Menteri jelaskan kenapa masalah pemarkahan pelajar matrikulasi ambilan terakhir, *batch* ketiga, masih lagi tidak diselesaikan oleh kolej matrikulasi? Sedangkan, KPM memberi jaminan agar mereka yang lambat mendaftar tidak akan diberi markah sifar kerana tidak sempat membuat tugas dan menduduki ujian sebelum mereka mendaftar masuk.

Tuan Pengerusi, yang terakhir. Kegiatan kokurikulum merupakan sebahagian daripada pendidikan dan latihan yang penting bagi pembentukan sahsiah pelajar-pelajar kita khususnya di sekolah menengah. Jadi, guru-guru yang menguruskan kokurikulum harus diberi emolumen yang sewajarnya kerana tugas guru memang amat berat dan perlu diberi ganjaran sepatutnya.

Saya ingin tahu sama ada penubuhan kelab agama di sekolah menengah termasuk agama yang bukan Islam digalakkan dan diberi segala panduan dan bantuan oleh kementerian. Saya berpendapat kegiatan kelab agama amat perlu untuk membantu meningkatkan disiplin pelajar dan juga pembentukan sahsiah yang seimbang di kalangan pelajar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pendang.

7.12 mlm.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam Butiran 030300 dan Butiran 030400 berhubung dengan emolumen pendidikan rendah dan juga menengah. Saya sebenarnya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian berhubung dengan ada dakwaan yang diberitahu kepada saya oleh ibu bapa dan juga guru-guru berhubung dengan pelajar-pelajar di sekolah rendah Islam. Dalam soalan saya pada awal minggu ni, kementerian menjawab bahawasanya kementerian mempunyai 19 buah sekolah rendah Islam SABK dan lebih kurang 9,000 pelajar.

Kita mengetahui bahawasanya kebanyakan sekolah rendah Islam ini adalah dikendalikan oleh pihak-pihak swasta. Dakwaan daripada pelajar dan juga ibu bapa serta guru mengatakan pelajar-pelajar di sekolah rendah Islam ini tidak dibenarkan untuk memasuki sekolah perdana yang berasrama, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah perkara ini benar ataupun dakwaan yang tidak betul? Ini kerana kita dapati kebanyakan ibu bapa yang menghantar anak ke sekolah rendah Islam ini menggunakan pembiayaan mereka sendiri dan ini tidak membebankan kerajaan pada peringkat sekolah rendah. Apakah kerajaan menafikan ataupun kementerian menafikan peluang anak-anak yang mendapat kelulusan cemerlang di sekolah rendah Islam ini untuk meneruskan pelajaran di aliran perdana ataupun sekolah-sekolah yang berasrama seperti mana sekolah menengah kebangsaan agama yang dikendalikan oleh pihak kementerian? Itu yang pertama.

Keduanya, berhubung dengan peruntukan kepada pelajar-pelajar di asrama. Untuk tahun-tahun yang lepas, guru-guru di asrama ataupun pengendali di sekolah-sekolah berasrama

ini diberikan peruntukan untuk kelas-kelas Quran dan juga fardu ain. Saya menyokong apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi berhubung dengan peluang kepada pelajar-pelajar peperiksaan SMU untuk diberikan mereka ini peluang untuk meneruskan kursus bahagian perguruan untuk kelas-kelas j-QAF. Yang saya maksudkan pada perbincangan ini adalah mereka yang telah berada di asrama, tidak diberi peruntukan untuk kelas fardu ain dan juga kelas-kelas al-Quran di mana sebelum ini, tahun sudah, tahun sebelum ini diberikan peruntukan kepada pelajar-pelajar ataupun mereka yang duduk di asrama untuk memanggil guru atau mereka-mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan untuk mengendalikan kelas-kelas al-Quran dan juga fardu ain di asrama.

Jadi saya harap pihak kementerian dapat memberi jawapan kenapakah ianya ditamatkan ataupun jika sekiranya masih berterusan, kenapakah dakwaan-dakwaan ini masih timbul di sekolah-sekolah yang mempunyai asrama di sekolah menengah dan juga rendah? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Terengganu.

7.15 mlm.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap yang pertamanya berkenaan dengan dasar *back to back* tentang penempatan pengetua di sekolah-sekolah sebab dasar ini telah lama diperjuangkan tetapi nampaknya bahawa kelewatan, kelambatan pengisian jawatan-jawatan pengetua di sekolah-sekolah menyebabkan proses pengurusan sekolah akan terjejas. Kalau di daerah saya, di Parlimen saya, ada enam buah sekolah tanpa pengetua. Jadi bagaimana untuk sekolah itu bergerak sekiranya pengetua yang dianggap kepimpinan tertinggi tidak ditempatkan?

Saya nampak bahawa pengisian jawatan ini lambat diisi kerana hak pengisian dipegang oleh pusat, mungkin oleh Bahagian Sumber Manusia, sehingga ia memakan masa berbulan-bulan kerana sepatutnya Kementerian Pelajaran telah mengambil dan memegang dasar supaya pengisian jawatan setara diserahkan kepada pengurusan di Jabatan Pelajaran Negeri supaya ianya tidak terlalu memakan masa yang lama.

Umpamanya kalau jawatan pengetua DG48 untuk ke sekolah DG48 juga, tidak perlulah ditandatangani oleh pihak Ketua Pengarah Pelajaran, sebaliknya kita *delegate* kan, kita turunkan kuasa tersebut kepada pihak Jabatan Pelajaran Terengganu supaya prosesnya lebih cepat untuk berjalan. Malah, saya dapati bahawa jawatan Timbalan Pengarah Pelajaran di Terengganu, walaupun tubuh badannya ada tetapi pengisian jawatan hakikinya belum lagi diterima.

Jadi saya harap bahawa perkara ini diberi perhatian serius supaya kelompangan jawatan ini tidak akan menjadi persoalan terutama kepada pemimpin-pemimpin tempatan, kepada PIBG dan mereka menyalahkan kerajaan, mengapa lambat benar diisi jawatan tersebut oleh pihak kementerian.

Kedua, saya dapati masalah untuk kenaikan pangkat. Saya dapati bahawa kenaikan pangkat untuk guru-guru terlalu perlahan terutama pengisian yang dikatakan berasaskan kepada zon atau baku. Sehingga kita dapati bahawa dengan adanya penempatan pegawai-pegawai PTD di jabatan-jabatan pelajaran, pihak-pihak guru DG amat terasa benar mereka telah disisihkan. Memang munasabah mereka terasa kalau seorang guru DG yang sudah berumur 52 tahun masih gred 48, tetapi pegawai PTD di jabatan yang sama yang bermesyuarat dengan mereka baru berumur 38 tahun atau 35 tahun sudah menjawat gred M52. Jadi ini menyebabkan timbul rasa tidak puas hati, rasa mereka tersisih menyebabkan mereka rasa tidak puas hati kepada pihak kerajaan.

Ketiga, saya juga ingin menarik perhatian berkenaan dengan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Terengganu iaitu Kerajaan Terengganu telah menyerahkan dan membahagikan e-book kepada pelajar-pelajar di seluruh negeri Terengganu sudah tiga tahun kepada pelajar Tahun Lima dan Tahun Enam. Jadi, apakah tindakan proaktif yang diambil oleh pihak kementerian bagi membolehkan guru-guru di Tahun Lima dan Tahun Enam di negeri Terengganu ini bersedia dengan pelaksanaan e-book ini atau sekarang kerajaan Terengganu telah berusaha memperkenalkan pendidikan maya? Jadi kalau kementerian membuat tidak peduli sahaja, bermakna kita tidak pro aktif terhadap langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan negeri.

Walaupun tadi Tuan Pengerusi mengatakan bahawa yang berkenaan dengan P.41 tidak boleh diperkatakan tetapi saya hendak sebut juga sikit bahawa masalah yang dihadapi oleh kita sekarang ialah banyaknya projek-projek sekolah terbengkalai.

■1920

Satu contoh yang saya hendak jelaskan di sini berhubung dengan satu projek yang diturunkan tanpa permintaan dan permohonan di Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan yang saya jadi Pengerusi PIBGnya. Di mana projek ubahsuai naik taraf makmal telah dilakukan di mana dengan projek ini menyebabkan proses pengajaran, pembelajaran telah tergendala kerana berlaku. Kita dapati bahawa projek ini yang sepatutnya siap pada bulan Jun 2011 ini tetapi nampaknya sekarang hanya di peringkat kata cikgu di sana baru 21 peratus. Jadi projek ini projek yang tidak diminta yang diturunkan yang mengganggu projek pengajaran dan pembelajaran menyebabkan harus diberi perhatian oleh pihak Kementerian Pelajaran. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Selangor selepas itu Yang Berhormat Jasin dan saya minta Menteri menjawab.

7.21 mlm.

Tuan P.Kamalanathan a/l P.Panchannathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran B.41, Kementerian Pelajaran, Butiran 030300 – Pendidikan Rendah. Tuan Pengerusi saya mohon tahu sama ada kos ini ataupun RM1,200,029

ini termasuk pembinaan Sekolah Rendah Cina Rasah dan juga Sekolah Rendah Tamil Serendah. Sekiranya ya apakah status sebenar sekolah-sekolah tersebut kerana Kerajaan Barisan Nasional meluluskan RM3 juta kepada Sekolah Cina Rasah, RM1 juta kepada Sekolah Rendah Tamil Serendah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dekat mana itu Yang Berhormat?

Tuan P.Kamalanathan a/l P.Panchannathan [Hulu Selangor]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Parlimen mana?

Tuan P.Kamalanathan a/l P.Panchannathan [Hulu Selangor]: Hulu Selangor. Apakah status sekolah-sekolah tersebut? Kedua, setakat ini daripada RM1,200,029 berapakah agihan kepada pembangunan sekolah-sekolah di seluruh Malaysia yang mana melibatkan sekolah Tamil, sekolah Cina, sekolah agama dan sekolah kebangsaan.

Ketiga, Butiran 030400 - Pendidikan Menengah. Saya ingin tahu jumlah kelas ibunda yang sedang dijalankan di sekolah menengah yang mengajar bahasa Tamil, sama ada masih menggunakan status keperluan sekurang-kurangnya 15 pelajar. Sekiranya ada 15 pelajar siapa yang mengajar itu sama ada kita mendapatkan perkhidmatan daripada pesara-pesara yang boleh membantu kementerian untuk mengajar bahasa ibunda masing-masing.

Seterusnya perkara yang keempat, berapakah jumlah guru yang kita bawa daripada luar negara untuk membantu mengajar bahasa Inggeris? Mengapa tidak kita menggunakan guru-guru yang ada, yang mempunyai segala kemahiran dan juga mempunyai segala syarat untuk mengajar bahasa Inggeris. Ini kerana saya dapat tahu mereka yang kita bawa daripada luar negara tidak mempunyai ataupun tidak memahami naluri bahasa kita, bahasa Inggeris yang digunakan rakyat Malaysia. Mengapa harus kita menggunakan ini dan mengapa kita menambahkan ganjaran dan gaji yang sewajarnya kepada guru rakyat Malaysia yang mempunyai segala kebolehan untuk membantu.

Akhirnya juga Butiran 030400 – Pendidikan Menengah. Sama ada kementerian telah pun menghantar satu surat pekeliling kepada semua sekolah menengah untuk menerima balik buku *Interlok*. Ini kerana kerajaan telah pun mengambil keputusan kita akan menyemak semula dan kita akan buat pembetulan dan sehingga itu buku yang telah pun dicetak sebelum ini tidak akan digunakan. Saya rasa semua sekolah menanti surat pekeliling tersebut supaya buku lama itu boleh dipulang balik sehingga buku baru itu dicetak dan dihantar balik kepada sekolah. Sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

7.25 mlm.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya ringkas sahaja Tuan Pengerusi. Iaitu bagi Maksud B.41 tambahan sebanyak RM1.759 bilion dikehendaki bagi menampung pembayaran emolument kakitangan awam di bawah Aktiviti Pendidikan Rendah dan Pendidikan Menengah Kementerian Pelajaran. Ini adalah satu kementerian yang mendapat peruntukan yang paling tertinggi sekali untuk peruntukan tambahan. Sebanyak RM1.759 bilion

maknanya lebih kurang dalam 33% daripada jumlah peruntukan tambahan yang sebanyak lebih kurang RM5.2 bilion yang kita mohon. Ini kerana permohonan ini adalah salah satu permohonan yang cukup besar, yang terbesar sekali kita pun hendak tahu butiran dia.

Kenapakah wang sebanyak ini yang kita mohon untuk peruntukan tambahan? Sepatutnya kemungkinan semasa kita menyiapkan bajet sebahagian daripadanya mungkin tidak diambil kira. Akan tetapi tidaklah sampai RM1.759 bilion. Jadi kita hendakkan butiran selengkapnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya sila Yang Berhormat Menteri.

7.26 mlm.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Pengerusi terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan.

Pertamanya ingin saya memberi gambaran sedikit apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin tadi. Memang dalam perbahasan tadi perbelanjaan tambahan kedua 2010 peruntukan sebanyak RM1.759 bilion diperlukan di bawah Program Operasi Pendidikan, Aktiviti Pendidikan Rendah iaitu berjumlah RM1.229 bilion dan Aktiviti Pendidikan Menengah sebanyak RM529 juta. Dari segi pecahannya untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya terbahagi kepada empat, dari segi emolumen yang dibayar itu.

Pertama kenaikan pangkat bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Anggota Sokongan. Ini menelan belanja membawa implikasi kewangan sebanyak RM1,178,857,849 yang mana ini melibatkan kenaikan pangkat guru-guru kita secara *time base* seramai 25,157 orang. Pada waktu yang sama juga bagi mereka yang melalui kerjaya ataupun *career path*, cemerlang, guru cemerlang pelantikannya seramai 2,422.

Ketiga pelantikan ke atas jawatan hakiki seramai 1,575 orang dan akhir sekali adalah dari segi penambahan tambahan kepada kakitangan sokongan iaitu seramai 9,764. Maka komponen itu empat-empat komponen ini telah membawa satu jumlah lebih daripada RM1.178 bilion.

Keduanya pertambahan kemasukan bagi kakitangan kerajaan ke jawatan kumpulan. Mungkin Ahli Yang Berhormat akan bertanya kenapa ada satu jawatan kumpulan ataupun dalam satu bahasa yang mudah ialah "*pool*". "*Pool*" ini adalah memandangkan guru kita hampir setengah juga iaitu hampir 500,000 guru kita. Maka ia merupakan lebih daripada 40 peratus daripada jumlah kakitangan awam di Malaysia. Kalau kita lihat dari segi mereka yang sakit kronik dan juga mengidap barah nampaknya jumlah juga agak besar 394 pada tahun lalu. Kita terpaksa menanggung dari segi pertambahan itu kerana mereka menghadapi masalah. Terpaksa kita cari guru ganti ya. Jadi dalam soal ini perbelanjaan sebanyak RM17.6 juta dibelanjakan untuk maksud ini.

Ketiga ialah pertambahan norma-norma jawatan baru di Kementerian Pelajaran Malaysia. Seperti mana yang kita sedia maklum sebenarnya ini melibatkan perbelanjaan RM17.45 juta yang mana kalau kita perhatikan pada tahun lalu 2010 kita telah membuat satu keputusan iaitu norma perjawatan kalau dahulunya 1.5 juta, sekarang telah ditambah kepada 1.7. Akan tetapi itu untuk Tahun 6 sahaja. Kita belum dapat laksanakan sepenuhnya untuk semua Tahun 1 sehingga Tahun 6 tetapi kita mula secara berperingkat.

Untuk sekolah menengah pula kita tambah nisbah guru daripada 1.5 kepada 1.7 dan ianya telah merangkumi daripada Tingkatan Dua ke Tingkatan 6. Cuma Peralihan dengan Tingkatan 1 belum. Jadi implikasi kewangan itu juga besar. Akhirnya sekali ialah pembayaran Bayaran Khas Kewangan (BKK) sebanyak RM1,000 kepada kakitangan awam Gred 54 ke bawah seramai 500,005,232 orang. Bermaksud lebih daripada setengah juta menerima RM1,000 ini jumlahnya ialah RM505 juta. Jadi, keseluruhannya RM1.719 bilion diperlukan untuk maksud yang telah saya nyatakan tadi.

■1930

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita lihat peratusan yang paling tertinggi sekali, jumlah peruntukan tambahan adalah untuk tujuan kenaikan pangkat dan tambahan kakitangan. Ini adalah semata-mata bagi memastikan supaya kita dapat melaksanakan guru cemerlang. Pelaksanaan ini dibuat pada tahun 2010 tetapi seharusnya kementerian telah membuat perancangan lebih awal dan dapat membuat unjuran tentang jumlah peruntukan sebenar yang diperlukan. Adakah rancangan dibuat pada tahun yang sama, pada tahun 2010 dan pelaksanaannya pada tahun yang sama dibuat kerana kita tidak membuat unjuran untuk Bajet 2010 kerana peruntukan yang terlibat ini RM1.178 bilion. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Untuk maklumat Yang Berhormat, sebenarnya setiap kali kita melakukan suatu *exercise* atau kenaikan pangkat, ianya tertakluk kepada keputusan JPA. Kalau kita membuat jangkaan ataupun *estimation* pada waktu ini, belum tentu tahun depan akan diluluskan. Bermaksud, kita kena lihat secara dekat, apabila diluluskan nanti implikasi kewangan itu sekian banyak. Sebagai contoh, mungkin daripada segi jumlah yang kita mohon itu jauh lebih besar. Kalau kita lihat daripada segi kenaikan pangkat guru cemerlang, mungkin yang diminta lebih daripada apa yang diluluskan. Jadi, kita tak dapat menganggarkan secara tepat, maka dengan cara perbelanjaan tambahan inilah kita dapat mengatasi masalah tetapi kita juga mendengar rintihan dalam kalangan guru yang mana mereka mahukan kenaikan pangkat.

Jadi, saya rasa patut kita memberi pembelaan dan menghargai warga pendidik ini yang telah memberi jasa kepada generasi muda dan saya ingin respons kepada tujuh Ahli Yang Berhormat tadi. Yang pertama, Yang Berhormat Jasin telah saya jawab. Yang Berhormat Bukit Mertajam. Yang Berhormat Bukit Mertajam menyatakan bahawa apa yang didedahkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat itu sebenarnya satu data yang mana mengambil kira kalau pelajar itu nak

masuk tingkatan satu, berapa yang tercicir. Kalau lelaki 4.5% dan perempuan 2.9%. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, apa yang dibuat oleh mantan Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim pada tahun 2002, itu keciciran yang diambil kira bukan semata-mata selepas tahun enam masuk ke tingkatan satu atau peralihan. Ianya mengambil kira bagi sesiapa yang tidak dapat menghabiskan sekolah menengah. Maksudnya, ada yang sampai peralihan, tingkatan satu, tingkatan dua tapi tak kira data apa sekalipun, masalah keciciran ini sama ada 4% pada peringkat pertama iaitu peringkat awal, akhirnya kita kena tengok sampai Tingkatan Lima berapanya.

Saya ingin memberi gambaran kepada Yang Berhormat, jumlah 24.8% itu di kawasan luar bandar, di bandar jauh lebih rendah. Itu adalah satu data 10 tahun yang lalu. Keadaan sekarang berbeza dan kita masih lagi dalam peringkat untuk mendapatkan data terkini dan saya yakin ia menunjukkan satu peningkatan daripada segi kita dapat mengawal keciciran yang lebih baik. Keduanya, Yang Berhormat...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat jelaskan apa yang dikatakan oleh MCA tadi ataupun Hon Choon Kim, Timbalan Menteri Pelajaran yang dulu yang memberitahu kepada ramai, selalunya dilaporkan dalam surat khabar ialah 24.8% iaitu dari SRJK(C) masuk ke sekolah menengah dan tak sampai *Form Five*. Ini adalah untuk SRJK(C), pelajar-pelajar yang dari SRJK(C). Adakah kajian juga dibuat untuk seluruhnya, untuk *general* secara umum dari sekolah rendah sampai ke *Form Five*, berapakah yang tercicir.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa ini adalah satu topik yang sangat hangat diperbincangkan. Yang Berhormat selaku Ketua Biro Pendidikan juga dari DAP boleh terus sumbangkan dalam soal ini kerana ini adalah masalah sejagat dan tahun 2002 adalah satu data yang dipersembahkan seperti mana yang saya katakan keciciran itu tidak pada tahun enam terus tak belajar Tingkatan Satu atau Peralihan. Itu berbeza sedikit dengan apa yang didedahkan oleh Yang Berhormat, rakan sejawatan saya itu. Jadi, saya rasa dalam soal ini, saya cuma nak terangkan kepada Yang Berhormat, itu adalah data yang tepat tetapi cerapan itu berdasarkan kepada proses sekolah menengah itu sama ada dia tamat atau tidak. Itu saya rasa kena maklumkan kepada Yang Berhormat dan baru-baru ini kita ada satu cadangan untuk kita memperbanyakkan.

Saya rasa untuk kita mendapatkan cerapan yang lebih tepat, bagi kementerian juga kita dalam usaha untuk kita membendung keciciran dan pelbagai cara telah diketengahkan termasuk apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran iaitu kita nak memperkasakan VokTek. Bagi mereka yang memang tak boleh belajar, kita kena gunakan aliran VokTek ini supaya mereka menjadi orang yang mempunyai kemahiran tertentu. Itu dalam satu kerangka proses transformasi daripada segi pendidikan VokTek dan sama-sama kita menanti yang itu. Ini adalah untuk memberi satu platform kepada pelajar yang memang berprestasi rendah untuk mereka tidak tercicir dalam sistem persekolahan kita. Pada waktu yang sama,

Bahagian EPRD di bawah kementerian juga memantau daripada segi data berapa yang tercicir dan oleh kerana PMR sekarang tidak seperti SRP dahulu.

Kalau dulu, SRP dia tidak lulus, tidak boleh naik ke Tingkatan Empat. Dalam soal ini, mereka boleh terus. Jadi saya rasa kita galakan mereka tamatkan persekolahan sehinggalah Tingkatan Lima. Itu secara dasar kita membantu dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang LINUS, guru pemulihan. Memang benar, LINUS ini adalah satu program di bawah NKRA dan pihak kerajaan memang memandang serius tentang pelaksanaan LINUS ini. Jadi apabila Yang Berhormat bangkitkan tentang guru pemulihan, kita juga sedar bahawa dalam kita memperkukuhkan penguasaan Bahasa Malaysia dan pada waktu yang sama, penguasaan Matematik untuk pelajar-pelajar SJK(C), kita menganggap ianya adalah satu perkara yang sangat penting.

Saya ingin terangkan kepada Yang Berhormat, apabila saya masuk kementerian ini, saya telah memanggil satu mesyuarat dengan semua *stakeholders*. Pada masa itu, Pengarah BPG beritahu saya, dia kata nampaknya guru pemulihan pada masa itu banyak jawatan yang disediakan untuk mereka buat latihan kepada guru-guru pemulihan tetapi masa itu saya bertanya kepada *stakeholders*, kenapa tidak ada yang mengambil peluang dalam soal ini. Pada masa itu mereka menganggap ini adalah jawatan *over and above*, di luar norma. Jadi, mereka kata mereka bagi tumpuan kepada guru-guru dalam P&P (pembelajaran dan pengajaran). Jadi, pada masa itu latihan daripada segi bekalan guru yang dapat kita latih itu kurang.

Saya masih ingat lagi data pada masa itu tak silap saya, diperlukan hampir 1,000 orang tetapi kalau kita tengok jumlah *takers* dalam kalangan guru-guru di SJK(C) tidak ramai. Itu adalah situasi pada tahun 2008. Sekarang apabila kita laksanakan LINUS, saya rasa kita akan mengambil baik pandangan Yang Berhormat dan memang kita nak pelajar kita apabila keluar selepas tiga tahun mereka menduduki ataupun melalui proses LINUS, penilaian sebanyak tiga kali dalam setahun itu dan kita nak pastikan mereka dapat menguasai bahasa Malaysia dan pada waktu yang sama daripada segi matematik mereka juga dapat menguasai. Jadi, saya rasa cadangan Yang Berhormat itu kita akan lihat bagaimana kita memberi satu pemulihan secara spesifik pada pelajar-pelajar yang lemah. Tujuan murni kita daripada Tahun Satu hingga Tahun Enam supaya kita dapat memastikan mereka menguasai 2M ini. Jadi, saya rasa itu satu pandangan yang kita boleh terima dan kita akan bawa dan diperhalusi dalam Kementerian Pelajaran ini.

Ketiga, kelas peralihan. Ada ura-ura yang mengatakan kelas peralihan akan dimansuhkan. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sekiranya keputusan mengenai pemansuhan kelas peralihan, ianya semestinya melibatkan satu keputusan dasar yang mana akan diangkat dalam Jawatankuasa Perancangan Pendidikan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran tapi sehingga hari ini belum ada

sebarang keputusan dasar dibuat. Yang saya boleh maklumkan kepada Yang Berhormat ialah mungkin ada perbincangan awalan sesuatu idea yang dilontarkan supaya dimansuhkan.

■1940

Akan tetapi biar apa pun dibuat, saya rasa kita kena mengambil kira ekspektasi masyarakat. Ada baik dan buruknya. Kalau kita melihat pelajar-pelajar seperti mana Yang Berhormat kata, kalau mereka sudah duduk tahun enam, kita suruh mereka mengambil ulangan tahun enam. Kalau kita tidak melakukan apa-apa yang boleh memberi anjakan paradigma, saya rasa ia tidak memberi apa-apa kesan. Pada waktu yang sama ada yang memandang bahawa kelas peralihan sepatutnya kita mantapkan, perkukuhkan. Jadi, saya rasa ini masih lagi boleh debat, banyak perkara yang, ini bukan satu keputusan dasar yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran.

Jadi, saya rasa cuma lontaran idea daripada pihak-pihak tertentu dan saya yakin pihak-pihak berkepentingan akan diajak untuk memberi pandangan dan saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, dasar kita ialah bagi mereka yang tidak lulus dalam Bahasa Melayu di peringkat UPSR, mereka wajib menduduki kelas peralihan. Mungkin ada ibu bapa yang meminta wakil rakyat ibu bapa supaya membuat pengesahan boleh dikecualikan. Saya rasa ini adalah satu *precedence* yang tidak baik. Kita sepatutnya galakan mereka melalui proses itu, kelas peralihan untuk memperkukuhkan bahasa. Ramai antara kita termasuk saya melalui kelas peralihan seperti Yang Berhormat. Saya tidak merasakan ianya adalah satu perkara yang tidak mengagumkan atau sesuatu yang memalukan.

Ia adalah satu proses untuk mengukuhkan bahasa kita. Saya belajar Bahasa Melayu ketika di peralihan. Saya tadi nampak itu sebagai satu halangan kepada saya. Pada waktu yang sama, kita hendak memastikan apabila mereka sampai ke alam persekolahan sekolah menengah, mereka dapat bergaul dgn semua kaum. Jadi ada buruknya kalau diletakkan di sekolah rendah. Saya rasa ini cuma pandangan awal mungkin sampai takat nanti, kita mengambil kira pandangan semua dan sampailah ianya dimuktamadkan barulah satu keputusan dicapai.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, tentang kelas peralihan ini. Saya kagum dengan kualiti Bahasa Melayu sekarang Yang Berhormat begitu baik, kalau Yang Berhormat juga melalui kelas peralihan. Ini menunjukkan bahawa penguasaan bahasa yang tidak cukup baik, bukan kerana pelajar itu tidak pandai. Akan tetapi kerana keadaan alam pelajarannya. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa, kadar cikgu kepada murid, sudah tambah tingkatan dua dan tiga ialah 1.5-1.7, kecuali kelas peralihan.

Saya rasa kelas peralihan ini memerlukan guru yang tidak sama dengan kelas yang normal. Ia perlu menekankan pelajaran bahasa. Ini kerana saya rasa pelajar-pelajar yang datang dari SJK(C) ini, mereka kurang ada peluang untuk bertutur dalam bahasa Melayu atau menguasai bahasa Melayu. Jadi, kelas peralihan ini adalah untuk mereka menguasai Bahasa

Melayu. Ini memerlukan pengajaran atau kursus yang tidak sama dengan lain. Jadi, adakah sebelum kita adakan pertukaran atau perubahan secara dasar. Dalam masa yang singkat adakah kita memikirkan supaya menambahbaikkan kursus ini atau untuk pelajaran kelas peralihan.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertamanya saya ingin membetulkan Yang Berhormat, saya tidak berkata kita hanya membuat tingkatan dua dan tiga. Saya kata penambahan norma jawatan kecuali peralihan dan tingkatan satu belum dapat dilaksanakan kerana ia melibatkan kewangan. Jadi, saya rasa keluasan kita hanya setakat Tingkatan Dua hingga Tingkatan Enam. Secara berfasa kita akan melaksanakan sehingga peralihan dan Tingkatan Satu. Itu yang pertama.

Kedua saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan kita perlu mantapkan, memperkukuhkan kelas peralihan, selagi belum ada sebarang keputusan yang buat tentang perubahan ini, saya yakin ia adalah satu platform untuk pelajar-pelajar yang lemah dalam bahasa Melayu, mereka menguasai bahasa kebangsaan. Saya rasa memang ianya perlu memantapkan dan memang bagi pihak kementerian, saya ingin memberi jaminan bahawa kita sedang melihat dari segi daya tarikan Kelas Peralihan. Ramai yang mengatakan mereka masuk Kelas Peralihan, mereka tidak banyak belajar matematik. Tujuan kita untuk mereka menguasai bahasa. Akan tetapi ada yang hendak belajar apa yang dipelajari dalam Tingkatan Satu, Tingkatan Dua. Jadi, saya rasa mesti dari segi persepsi kita tentang Kelas Peralihan itu perlu kita betulkan dalam dimensi yang betul.

Yang Berhormat Sri Gading telah membangkitkan isu tentang kekurangan guru j-QAF. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin tentang soal ini. Guru j-QAF yang diperlukan ialah lebih kurang 33,000. Memang benar bahawa kita masih lagi menghadapi kekurangan hampir 16,000. Apa yang telah dilakukan oleh kementerian selama ini bagi mana-mana calon yang memohon, selagi mereka layak atau memenuhi syarat-syarat kelayakan, kita telah menerima mereka sebagai guru j-QAF. Itu tidak menjadi masalah kepada kita. Yang menjadi masalah ialah tidak ada stok lagi yang dikatakan layak untuk kita terima.

Pada waktu yang sama saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat masih ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat pengumuman pada 10 Jun tahun lalu, dalam RMKe-10 iaitu kelonggaran yang sama diberikan kepada mereka pelajar-pelajar lepasan Sijil Menengah Agama (SMA), yang mana mereka ini turut diberi peluang. Saya rasa ini memang dalam tindakan Bahagian Pendidikan Guru untuk menyerap mereka, mengajak atau mempelawa mereka masuk ke IPGM. Satu lagi perkara saya rasa dari segi kelonggaran itu telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, itu tidak menjadi satu isu.

Yang Berhormat Tanjong Piai, telah membangkitkan tiga isu, yang pertama GSTT. Kenapa gaji tidak dibayar mengikut kelayakan? Ini khususnya berlaku di Sarawak dan di Pulau Pinang. Saya ingin memberi jaminan setelah kita semak dengan bahagian sumber manusia, dan

ianya pernah dibincangkan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran. Sememangnya Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran bersetuju bahawa elok betul kalau kita memberi gaji itu berdasarkan kepada kelayakan seseorang guru GSTT.

Jadi dalam soal ini, oleh kerana negeri-negeri lain semua telah melaksanakan, kita akan memastikan bahagian pengurusan sumber manusia untuk mengarahkan JPN Pulau Pinang dan Sarawak untuk mengikut negeri-negeri lain kerana perlunya ada satu penyeragaman dalam sistem kita. Saya rasa memang merupakan hak asasi mereka, sekiranya kelayakan mereka adalah lulusan universiti, mereka patut dibayar GSTT siswazah. Manakala mereka yang tidak memiliki ijazah mereka dibayar mengikut kelayakan sama ada SPM atau STPM.

Kedua, mengenai isu yang pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Piai juga, mengenai pengambilan pelajar-pelajar matrikulasi *batch* ketiga, yang mana masih ada lagi yang mengadu kepada wakil rakyat, bahawa walaupun kita telah berbincang di Dewan yang mulia ini, ada juga kolej yang masih belum mematuhi sepenuhnya. Saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa baru-baru ini kita telah menerima surat daripada BNBBC, daripada Setiausaha Yang Berhormat Maran mengenai perkara ini.

Perkara ini sedang diambil tindakan oleh pihak kementerian. Saya ingin memberi jaminan bahawa bagi pelajar yang lambat masuk, lambat berdaftar dengan kolej matrikulasi ataupun hanya diterima masuk selepas tugas itu diberi kepada pelajar, maka laporan yang saya terima pada awalnya ialah mereka tidak akan dihukum, mereka juga tidak akan diberi markah sifar. Jadi, dalam soal ini kita akan gunakan satu pendekatan purata. Saya telah meminta supaya satu mesyuarat khas dipanggil termasuk pengarah matrikulasi dengan pengarah-pengarah kolej matrikulasi di seluruh negara, untuk mereka yang masih lagi belum betulkan markah itu supaya kita membuat penyelarasan dan perkara ini dalam tindakan.

Ketiga ialah mengenai guru kokurikulum. Sepatutnya diberi ganjaran lebih. Saya menyambut baik kerana ini memang digemari, dialu-alukan oleh warga pendidik. Akan tetapi walau bagaimanapun, oleh kerana ada kekangan kewangan, kita menganggap kokurikulum itu sebahagian daripada pendidikan. Jadi ianya sebagai satu tanggungjawab warga pendidik untuk membantu, untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum.

■1950

Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang persatuan ataupun kelab agama. Memang di sekolah kita galakkan penubuhan persatuan kelab agama termasuklah Islam dan bukan Islam. Untuk makluman, perkara ini pernah dibincangkan dan satu keputusan Kabinet telah dibuat dan Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran juga mengarahkan ketua pengarah untuk mengeluarkan satu surat pekeliling berikutan dengan ada beberapa buah sekolah yang ingin menubuhkan kelab agama bukan Islam tetapi menghadapi masalah.

Satu keputusan telah dibuat dan satu surat pekeliling ikhtisas telah dikeluarkan baru-baru ini oleh Ketua Pengarah tidak silap saya pada 18 Mac yang lalu untuk memberi kelulusan atau

diturunkan kuasa kepada pengetua. Kalau dahulunya diberi kepada Pengarah Negeri. Kuasanya telah diturunkan kepada pengetua atau guru besar untuk meluluskan penubuhan kelab agama bukan Islam. Jadi dalam soal ini kita juga telah mengeluarkan satu garis panduan yang jelas. Ada permintaan dari ibu bapa, ada jumlah ahli seramai 15 orang dan kita meminta supaya pengetua memberi kelulusan dan *blanket approval* kita telah berikan garis panduan bagaimana ianya perlu diluluskan.

Jadi kita ada beberapa syarat iaitu kita demi memelihara keharmonian agama, isu-isu sensitif atau sensitiviti kaum atau agama lain perlu di jaga. Saya rasa ini adalah demi memelihara ketenteraman dalam sekolah juga. Jadi perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Pendang mengenai SABK. Pelajar-pelajar tidak boleh masuk sekolah berasrama penuh. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, kalau kita mengambil contoh untuk UPSR. Hampir 50,000 mendapat semua A. Akan tetapi, jumlah tempat yang ada cuma 5,000. Kita juga telah menetapkan kriteria bagi mereka hendak memasuki SBP, 70% tempat itu dikhaskan untuk mereka daripada kawasan pedalaman di luar bandar dan hanya 30% yang lain dibuka.

Jadi dalam soal ini saingan merupakan salah satu faktor. Mungkin ada daripada jumlah yang tidak ramai daripada SABK ini tidak dapat masuk. Saya tidak menafikan. Kedua, kita akan semak supaya kita memastikan bahawa mereka yang mempunyai prestasi akademik yang baik patut diberi peluang tanpa mengambil kira dari mana mereka ini tetapi saingan itu tetap hebat. Bukan semua orang boleh masuk. Mungkin kadang kala dari sepuluh orang itu cuma seorang yang berjaya. Itu harap maklum. Peruntukan di asrama. Saya tertarik juga apa yang dibentangkan, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi tentang kelas fardu ain dengan al-Quran yang mana dikatakan sekolah asrama penuh tidak lagi dibayar *allowance*.

Saya akan semak dengan Pengarah SBP. Setahu saya pada dasarnya kalau apa-apa mata pelajaran yang dikira pentingnya khususnya dalam soal agama, pendidikan agama kita tidak pernah abaikan. Kita memastikan ada peruntukan yang cukup untuk kita laksanakan. Ini saya akan semak dan memaklumkan kepada Yang Berhormat Pendang.

Yang Berhormat Hulu Terengganu telah membawa beberapa perkara yang pertama ialah satu isu yang hangat iaitu pelantikan pengetua yang lama tidak diisi. Saya rasa ini adalah satu isu yang telah saya dengar banyak rintihan dan apabila kita berbincang dengan pihak kementerian ataupun pegawai-pegawai saya dalam kementerian, satu perkara atau kekangan yang dihadapi ialah mestilah perkara itu dibawa dalam satu lembaga kenaikan pangkat kemudian perlu dibuat perakuan oleh JPA. Jadi itu yang menyebabkan kelewatan pada lazimnya...

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Dan inilah merupakan salah satu rintihan, rungutan yang didengar di peringkat bawah. Saya bercadang untuk mengadakan satu perbincangan khas untuk dipengerusikan oleh KSU dan KPPM secara bersama untuk kita mengumpulkan. Sebenarnya

kita ada data. Di Tenang pun kita ada empat jawatan pengetua yang tidak diisi. Jadi itu merupakan salah satu isu juga pada masa itu.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Saya rasa dalam soal ini kita perlu mempercepatkan proses kenaikan pangkat khususnya untuk jawatan pengetua kerana pengetua dan guru besar adalah ketua pentadbir dalam sekolah. Tanpa mereka, sekolah itu mungkin terbantut dari segi proses persekolahannya. Ya sila.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dapati bahawa kadang-kadang jawatan setara. Kekosongan jawatan di sekolah untuk pengetua katalah DG48. Akan tetapi, di sekolah lain ada guru yang berkenaan yang DG48 surat tersebut terpaksa diproseskan di peringkat kementerian. Ini menyebabkan berlaku kelewatan ataupun DG52. Jadi sekiranya jawatan yang setara kita boleh ambil di peringkat negeri dan ditandatangani oleh pihak negeri melakukan pertukaran tersebut. Tidak perlu tunggu di peringkat kementerian.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat, merupakan bekas PPD. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat untuk pertukaran setara kita telah mengambil keputusan kuasanya ada pada Pengarah Negeri. Melainkan dalam kes-kes tertentu kalau dia guru penolong kanan di sesebuah sekolah. Sekolah A misalnya apabila hendak dinaik pangkat ke sebuah sekolah lagi lazimnya pengarah akan merujuk kepada Ketua Pengarah. Akan tetapi, dalam kes ini untuk pergerakan setara DG48 dan kepada sekolah lain juga DG48 itu tidak menjadi masalah kecuali untuk kenaikan pangkat.

Kedua, lazimnya berlaku masalah ialah ada DG48 walaupun DG48 ia merupakan seorang guru itu mungkin guru tingkatan enam. Maknanya dalam soal ini dia tidak boleh dilantik sebagai pengetua. Okey, kerana ada yang juga laluan guru cemerlang. Ini antara kekangan yang telah yang sedia ada dalam garis panduan kita. Jadi ini ditentukan oleh JPA. Jadi saya sedar apa Yang Berhormat kata itu mungkin dalam kategori inilah yang menyebabkan kadangkala perlu mendapatkan pelepasan daripada pihak kementerian. Jadi saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat sebenarnya perkara ini sedang diteliti oleh kementerian.

Saya berharap ianya dapat dipercepatkan proses pelantikan guru besar dan pengetua. Ia merupakan satu isu yang sangat *pertinent*. Yang Berhormat juga membangkitkan tentang kenaikan pangkat guru lambat berbanding dengan PTD. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, kita juga sering mendengar aduan dan yang dikatakan rintihan dalam kalangan warga pendidik. Saya telah membuat satu – telah mengumpulkan data. Sebenarnya, untuk seseorang guru siswazah mendapat DG48 lazimnya perlu masa lebih kurang 20 tahun kecuali melalui pelantikan hakiki ataupun guru cemerlang lazimnya 20 tahun.

Akan tetapi, kita lihat laluan kerjaya bagi PTD mungkin lima hingga lapan tahun untuk mencapai M48. Jadi ianya berdasarkan daripada dua organisasi yang berlainan. Maka secara

dalam DG itu kita berpandukan kepada kerangka yang ada dalam kementerian kita. Jadi saya rasa perkara ini juga memang sering dibincangkan di peringkat kementerian dan dibawa perbincangan itu bersama-sama dengan pihak JPA.

Yang Berhormat Hulu Terengganu juga membangkitkan tentang *e-book* kerajaan Terengganu. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan Terengganu yang selama ini telah begitu prihatin tentang soal pembelajaran anak-anak dan sehinggakan mereka mencapai prestasi yang sangat, yang terbaik di Malaysia.

Tahniah sekali lagi kepada Ahli Parlimen daripada Terengganu. Walau bagaimanapun, oleh kerana Terengganu sahaja yang mampu memberi *e-book* dan negeri-negeri lain belum ada jadi saya rasa sampailah – kita hanya boleh – kita apabila dalam kementerian ini kita merangka sesuatu tidak bolehlah kita bagi kepada Terengganu sahaja. ini kerana kita juga perlu merapatkan jurang atau perbezaan antara bandar, luar bandar dan kawasan-kawasan yang lain. Jadi dalam soal ini, ada satu perkara yang saya maklumkan Yang Berhormat. Kementerian kita ada bahagian teknologi pendidikan daripada web, TV dan sebagainya. Dari segi *content* itu saya yakin sebahagiannya boleh digunakan sebagai perisian dalam *e-book*.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang saya duduk bimbangkan apabila kerajaan Terengganu membelanjakan satu kos yang tinggi untuk menghadiahkan *e-book* kepada pelajar-pelajar kita ini jadi tindak balas cikgu kita untuk mempergunakan semaksimum mungkin *e-book* tersebut menyebabkan ianya seolah-olah macam tidak digunakan secara maksimum.

■2000

Jadi kalau sebab guru kita ini guru di bawah kementerian. Oleh sebab itulah saya katakan bahawa kementerian harus memberi perhatian supaya cikgu-cikgu kita itu bersedia untuk menggunakan pengajaran melalui *e-book* tersebut. Tidak mahu ianya akan menjadi macam begitu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, kita mengambil maklum tentang apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat ya. Yang Berhormat sebut tentang banyak projek terbengkalai. Itu tidak masuk dalam butiran tetapi saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat kerana ini melibatkan kes-kes spesifik.

Yang Berhormat Hulu Selangor membangkitkan soal sekolah. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, sebenarnya emolumen ini melibatkan gaji ataupun pembayaran kepada guru. Yang Berhormat bertanya tentang pembangunan SJK(C) Rasa, SJK(C) Serendah. Sebenarnya dalam perbelanjaan kali ini ianya tidak dimasukkan. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, telah saya jawab. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi peruntukan sebanyak RM3 juta kepada SJK(C) Rasa pada 29 April tahun lalu dan

sehingga ke hari ini masih menunggu kerajaan negeri menunaikan janji mereka di Selangor untuk dibina sekolah itu. Begitu juga SJK(T) Serendah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju melalui ICU memberi RM1 juta. Saya rasa kita juga perlu mendapat kerjasama daripada Kerajaan Pakatan Rakyat dari Selangor.

Yang Berhormat juga bertanya tentang berapa jumlah emolumen untuk SJK(T). Setahun kita membelanjakan banyak. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sering menyebut emolumen kepada SJK(T), hampir RM800 juta setiap tahun untuk semua sekolah dan jumlah kelas bahasa ibunda, bahasa Tamil (POL), ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat, guru-guru ini sebenarnya diambil daripada guru-guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas dalam bahasa Tamil ataupun mereka mempunyai opsyen bahasa Tamil. Mereka juga dibayar kalau berbanding dengan lima tahun yang lalu dan elaun mereka telah bertambah. Sekali mereka mengajar mereka mendapat RM100 atau RM150, satu jumlah yang agak besar. Selagi ada permintaan 15 orang pelajar yang ingin mengambil bahasa Tamil dalam sekolah menengah kebangsaan ianya akan dipertimbangkan dan dibuka untuk kelas POL.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum saya terlupa ada satu perkara Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tentang j-QAF.

Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada pihak kementerian, sekolah j-QAF ini memberikan satu kesan yang cukup mendalam sekali. Selain daripada memberikan pendedahan keagamaan, tulisan jawi, bahasa Arab dan al-Quran bahkan kita telah memberikan pembelaan kepada lulusan-lulusan agama yang susah mendapat kerja. Apa yang saya hendak tanya kepada kementerian sekarang, adakah kementerian memberikan latihan secara formal kepada lulusan-lulusan agama ini sebelum mengajar sekolah j-QAF.

Keduanya, kita mahu kalau boleh guru-guru ini diberikan pendedahan yang pertama daripada aspek kewarganegaraan, tatanegara, kecintaan kepada negara, kesetiaan kepada pemimpin kerana kita tidak mahu mereka ini nanti diselewengkan oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab seolah-olah mereka ini akan menjadi duri kepada kerajaan. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya bahagian pendidikan guru kita telah mereka bentuk khusus kepada semua guru termasuk guru-guru j-QAF. Mereka bukan sahaja arif dalam soal agama. Pada waktu yang sama teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Dari segi pedagogi, saya rasa ini memang diajar. Pada waktu yang sama seperti Yang Berhormat kata, jati diri. Kita memang pentingkan JERI – Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek, empat aspek ini diambil kira untuk membentuk warga pendidik yang dikatakan sempurna. Saya rasa itu memang diambil kira di dalam sistem kita.

Yang Berhormat Hulu Selangor juga membangkitkan tentang guru-guru bahasa Inggeris. Kenapa diambil daripada luar negara? Berapa yang diambil setakat ini? Sebenarnya kita ada 375 penutur jati yang diambil daripada luar negara. Ini adalah sebagai usaha untuk kita merencanakan

lagi MBMMBI dan ini merupakan satu keputusan yang dibuat untuk kita memberi latihan atau pendedahan kepada sekolah-sekolah dan juga di IPG bahawa kita letak penutur jati ini untuk membantu menguasai bahasa Inggeris itu sendiri. Oleh sebab itu jumlahnya tidak ramai. Kita hendak memastikan mereka dapat memberi latihan kepada jurulatih utama dan pada waktu yang sama ianya dapat diperluaskan melalui jurulatih utama ini kepada guru-guru yang lain. Saya rasa itu sebagai satu pemangkin, *catalyst* kepada sistem kita. Jadi saya rasa jumlah itu iaitu 375 memadailah setakat ini.

Kenapa tidak diambil? Sebenarnya untuk mereka yang fasih dalam bahasa Inggeris, bagi mereka yang sudah bersara pun kita ambil. Jumlah dalam tempoh lima tahun kita hendak ambil 1,000 orang. Setiap tahun - pada tahun ini kita ambil 200 orang, tahun hadapan 200 orang. Jadi saya rasa dengan cara ini ianya dapat kita kekalkan guru-guru pakar dalam bahasa Inggeris ini. Jadi kita tidaklah meminggirkan warganegara Malaysia untuk mengajar bahasa Inggeris.

Akhir sekali Yang Berhormat ada bertanya tentang adakah notis atau surat pekeliling ikhtisas dikeluarkan untuk menerima balik buku *Interlok* dengan pindaan tersebut. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat apa yang telah dibincangkan dalam Parlimen, jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran merupakan satu arahan diberi kepada ketua pengarah. Saya yakin tindakan susulan akan diambil berdasarkan keputusan yang dibuat. Jadi sama-sama kita menanti surat pekeliling itu keluar dan saya rasa tindakan itu perlu diambil selaras dengan apa yang telah diputuskan.

Jadi saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengenai buku *Interlok* ini. Saya rasa kalau kita hendak pakai satu buku untuk pelajar kita haruslah buku itu tidak ada timbul sebarang kontroversi. [*Dewan riuh*]

Kalau buku ini menimbulkan begitu ramai – tengok dibincang di sini pun. Tengok ada banyak bising di sana.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Berapa kali hendak diterangkanlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tengok, begitu banyak kontroversi. Jadi saya rasa mengapa ia dipilih? Mengapa ia tidak boleh diganti sekiranya ia menimbulkan banyak kontroversi seperti ini? Begitu banyak. Mengapa ia tidak boleh diganti? Adakah kita tidak ada buku lain yang sesuai?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat gosan balik apa yang kita telah bincang. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran telah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini. Pada waktu yang sama semasa penggulangan telah saya beritahu dan kita telah memberi ruang yang secukupnya untuk kita mendengar semua. Jadi sekarang adalah *the way forward*. Bagaimana kita hendak berganjak dari sini?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Memang tidak dipersetujui semua.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Okey Yang Berhormat. Saya rasa rujuk kepada Hansard jawapan yang telah dijawab okey.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itu jawapannya dan bukan diterima semua. Masih banyak lagi yang tidak menerima.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, konsepnya salah Yang Berhormat. Dalam Parlimen ini Yang Berhormat, bertanya dengan Menteri. Menteri menjawab apa pendirian kementerian. Itu sahaja peringkatnya Yang Berhormat. Bukan hendak bawa parang bunuh Menteri kenapa tidak ikut cakap saya!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan. Tuan Pengerusi, yang saya tanya tidak adakah buku lain...

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih dan itu sahaja Tuan Pengerusi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Untuk menggantikan buku ini. Itu yang saya tanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dia sudah beri pendirian soalan ini. Saya dengar. Saya Pengerusi di sini. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak perlu jawab lagi perkara itu. Sudah habis?

Yang Berhormat, konsep dalam Dewan, saya hendak beri penjelasan sedikit. Konsep dalam Dewan ialah mana-mana pihak, Ahli Parlimen boleh bertanya dengan pihak pentadbiran. Selepas itu pihak pentadbiran menjawab. Itu pendirian kementerian. Sudah dijawab, tidak puas hati kita memang kita tidak puas hati pun. Kalau tidak puas hati cari cara lain sebab dia hanya menjelaskan pendirian kementerian. Kalau tidak puas hati mungkin kita di luar berjumpa dengan Menteri lagi.

■2010

Akan tetapi di Dewan ini apa pendirian kementerian dan kerajaan pada ketika itu, itulah penjelasannya. Kita tidak boleh memaksa dia untuk mengubah pendirian itu sebab dia sendiri pun tidak boleh buat. Itu sebab dia Yang Berhormat. Jadi sebab itulah saya hendak bertegas di sini. Benda yang sudah disebut, sudah dijawab tak payah dibangkitkan lagi. Kalau tidak puas hati kita kena berjumpa dengan menteri di luar sanakah, bincang lagikah, itu cerita lain. Tetapi dalam Dewan syaratnya macam itu sahaja. Kita tidak boleh mendesak, memaksa, meminta dia supaya dia menjawab mengikut kehendak kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betul, betul!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Dengan segala hormatnya Tuan Pengerusi. Saya rasa apa yang saya buat tadi saya tidak desak. Saya pun tidak paksa. Apa yang saya buat ialah saya buat apa yang saya juga berhak di sini untuk bersuara untuk menanya. Jadi saya mungkin tidak tahu sama ada Tuan Pengerusi arah kepada saya, tapi saya hendak buat penjelasan bahawa saya bukan hendak desak ataupun paksa Yang Berhormat

Timbalan Menteri untuk memberi penjelasan yang lain. Saya hanya tanya soalan timbul daripada pendirian yang sudah ada yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak bagi penjelasan sedikit. Saya dengar Yang Berhormat Batu Gajah sebut soalan parang pedang itu. Yang Berhormat tengok tidak *distance* daripada satu ini ke satu ini. Apa sebabnya ada *measurement* tertentu Yang Berhormat? *Two short distance*. Dua pedang berjumpa sejauhnyanya supaya orang sebelah sini tidak boleh menyakiti orang sebelah sini walaupun membawa pedang. Ini tradisi dia Yang Berhormat. Itu jawapan saya, sejarah dia. Jadi saya sebut tadi bukan benda yang tidak ada berlandaskan sejarah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,759,019,400 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,759,019,400 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM40 untuk Maksud P.41 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM40 untuk Maksud P.41 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

**Maksud B.42 [Jadual] –
Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Maksud Bekalan B.42 dan Maksud Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Melaka.

8.12 mlm.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya satu sahaja yang semasa saya ambil bahagian dalam perbahasan dalam dasar, saya ada sebut tentang satu tuntutan iaitu tentang bayaran *ex gratia*. Sebab itu saya ingin hendak tanya kali ini adakah pembayaran *ex gratia* ini juga boleh dianggap sebagai pembayaran utiliti sebab saya tidak nampak ada lain ruangan untuk bayaran *ex gratia* diambil kira dan kes mengenai Puan Swee Peng yang saya bahaskan semasa dasar, sebab tidak dapat jawapan semasa Yang

Berhormat Menteri yang gulung dasar ini dan katakan mungkin kementerian yang berkaitan akan jawab. Sebab itu saya hendak tanya adakah ia akan dijawab. Kalau akan dijawab saya tidak akan bangkit lagi. Saya tunggu jawapan dari Yang Berhormat Menteri. Jika tidak saya akan sebut sekali lagi dalam peringkat jawatankuasa. Kalau akan dijawab tentang kes yang saya bangkitkan tentang Puan Swee Peng yang mengalami satu keadaan yang hampir menghilangkan nyawa kerana satu kesilapan dan kecuaiannya semasa pembedahan bersalin. Pihak hospital sudah mengaku kesalahan, pihak doktor juga mengatakan akan mempertimbangkan tentang bayaran *ex gratia* dan saya ada surat di sini iaitu surat dari Kementerian Kesihatan Malaysia Bahagian Amalan Perubatan, tetapi sampai hari ini Puan Swee Peng ini masih tunggu tentang apakah bayaran *ex gratia* ini dan saya ambil kesempatan ini untuk bangkit ini dan harap mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat beri penjelasan atau jawapan atas ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pendang.

8.14 mlm.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Lambat Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Berhubung dengan Maksud B.42 ini bayaran emolument. Saya ingin membawa perbincangan berhubung dengan masalah yang berlaku sejak akhir-akhir ini berhubung dengan kes pesakit-pesakit mental. Mengikuti apa yang diuar-uarkan oleh Tan Sri Lee Lam Thye iaitu salah seorang daripada Ahli Majlis Penasihat Kesihatan Mental Malaysia dia mengatakan WHO menganggarkan rakyat Malaysia akan menghadapi masalah sakit mental seramai 3 juta orang dalam tahun 2020. Kalau dibandingkan dengan sekarang 1.9 juta. Mungkin dalam ini pun boleh terjadi ada. *[Ketawa]*

Saya pun risau juga Tuan Pengerusi. Tiga juta orang. Masalahnya di sini adalah daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri pada 8 November tahun 2010 yang lalu, mengatakan kita pada tahun 2009 ada 412,000 pesakit mental dan pesakit baru adalah 26,005 orang di mana pesakit dalam wad 19,222 orang. Maknanya kalau 26,000 orang pesakit mental satu tahun ini bermakna satu jumlah yang ramai. Puncanya adalah disebabkan oleh kemurungan. Kemurungan ini punca kemurungan adalah tekanan hidup, hutang, barang mahal, kesusahan hidup, kesempatan di dalam menghadapi pekerjaan. Itu punca-puncanya.

Mereka menjangkakan sekarang ini kemurungan berada di nombor empat, tetapi pada tahun 2020 mungkin kemurungan ini akan menjadi penyakit nombor satu dalam negara kita. Saya hendak bawa masalah ini kerana kita hanya mempunyai 109 orang pakar psikiatri di samping 174 orang pakar kesihatan keluarga. Dengan jumlah ini dan dengan jumlah pesakit yang ramai ini saya rasa mungkin kita tidak dapat mengendalikan pesakit-pesakit mental ini dengan cara yang baik kerana jangkaan WHO ini merupakan satu jangkaan yang kemungkinan tepat atau tidak tepat itu kita tidak tahu. Tetapi jumlah yang besar ini mungkin akan kita

menghadapi masalah kerana sejak akhir-akhir ini ada yang terjun bangunan, bunuh diri, bunuh isteri. Macam hari ini pun kita ada nampak bunuh *girlfriend* sampai mati. Maksudnya perkara-perkara ini merupakan satu masalah yang perlu dihadapi kerana mereka ini bukan setakat memusnahkan diri mereka sendiri juga memusnahkan orang yang lain. Sebab daripada kenyataan Profesor Hussein Habil Ketua Jabatan Psikiatri di Universiti Malaya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, bercakap di bawah mana ini?

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Ini emolumen, pakar psikiatri. Boleh ya? Kita kekurangan pakar psikiatri Tuan Pengerusi. Profesor Hussein Habil mengatakan rawatan ataupun kita memberi perubatan mental ini satu bintang padahal kita memberi kemudahan kepada AIDS dan HIV lima bintang. Padahal AIDS dan HIV ini juga memusnahkan diri mereka sendiri dan juga mempengaruhi orang lain untuk bersama-sama mereka mati. Tetapi orang yang mempunyai sakit mental ini mungkin lebih lagi macam di Rembau dahulu kita pernah lihat seorang cucu membunuh datuknya, mak saudaranya sampai tiga empat orang sekali. Ini perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak kementerian. Saya rasa kursus-kursus untuk...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi. Boleh?

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Masa ada lagikah Tuan Pengerusi? Boleh ya?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Boleh Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat pun sudah cakap semua benda yang tidak ada dalam ini pun.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Ada emolumen, pakar.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya ingat Tuan Pengerusi kalau boleh...

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Boleh, boleh.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi pun sudah hadkan speaker jadi saya celah sahaja lepas ini terus Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Nanti Yang Berhormat Kepong pula bangun jawab susah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, saya cuma minat tentang penyakit mental ini. Saya pun terlibat masa soalan Yang Berhormat kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana pihak pegawai-pegawai perubatan di hospital mengkategorikan seorang itu sebagai pesakit yang akan dihantar ke wad psikiatri. Kita ini ada fobia. Masyarakat kita ada fobia bila dihantar ke wad psikiatri kita akan ingat kita gila. Jadi macam mana perkara ini boleh dijelaskan sebaik mungkin supaya di bawah sana bawah emolumen Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya pesakit-pesakit yang tidak boleh dijelaskan sakit itu janganlah terus hantar *charge* dia ke wad psikiatri. Takut ramai yang daripada tidak gila jadi gila nanti. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kepong tidak payahlah.

■2020

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Memang sekarang ini kita sudah ubah. Kita tidak sebut sakit mental. Kita sebut perubahan jiwa. Maknanya, ia bukan bergantung kepada mental sangat. Maknanya dia mempunyai masalah dari segi pemikirannya dan mereka yang selalunya kita *refer* kepada wad psikiatri ini mempunyai masalah psikosis dan bukannya neurosis. Psikosis ini bercakap sendirilah, dengar suaralah. Itu lainlah. Ini kerana apabila mereka ada masalah macam itu, mereka boleh merosakkan orang lain. Jadi saya rasa itulah sedikit sebanyak Tuan Pengerusi apa yang saya hendak bahaskan dalam peringkat Jawatankuasa ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Tuaran.

8.20 mlm.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin menyentuh dua perkara dalam...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, saya masih memperingatkan Yang Berhormat tengok di bawah muka enam Kertas Perintah 1(A)/2011 itu. Emolumen, utiliti, Jabatan Kesihatan, Hospital di bawah Kementerian Kesihatan, IJN, dan biasiswa kepada pelatih pra-perkhidmatan Kolej Kementerian Kesihatan.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau luar daripada itu, Yang Berhormat Menteri tidak payah jawab.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Memang saya hendak bercakap perkara berkaitan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Pertamanya, saya ingin mengambil perhatian kementerian iaitu di Hospital Kota Kinabalu sekarang ini yang sesak, sedang dalam perolehan kepada satu hospital yang baik setelah bangunan yang dahulu dirobohkan, saya dimaklumkan bahawa begitu ramai *houseman*, pelatih di hospital dan saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada *houseman* ini sudah menjadi *full time staff* kepada kementerian. Berkaitan dengan ini juga, ramai saudara-saudara pesakit dan pesakit sendiri mengatakan bahawa apabila mereka berjumpa dengan doktor di hospital ini, ramai daripada mereka ini dilayan ataupun berjumpa dengan *houseman* sahaja yang orang kampung kata penuntut akhir tahun – *houseman*. Saya ingin bertanya kepada Menteri sama ada mereka ini sudah *full time staff* kah sebab terlalu ramai.

Saya juga difahamkan oleh kerana mereka ini *attach* ataupun ditempatkan di hospital tertentu untuk tujuan mendapat latihan seterusnya di bawah pakar-pakar dan sebagainya, dan oleh kerana kekurangan tenaga pakar di sana, mereka tidak banyak masa untuk mengajar. Saya

difahamkan apabila mereka ini melawati seorang pesakit, ada 30 *houseman* di belakang dan mereka tidak ada masa untuk memberi penerangan mengenai dengan satu-satu penyakit. Mereka ini ramai tetapi saya ingat dalam masa satu tahun *houseman ship* ini Tuan Pengerusi, mereka tidak banyak mendapat pengalaman. Itu satu.

Kedua, mengenai perbelanjaan sebanyak RM76 juta iaitu menampung kekurangan peruntukan pembayaran pesakit – tabung kerajaan. Dalam konteks Sabah ini Tuan Pengerusi, khasnya kepada pesakit jantung, IJN. Selalunya kementerian hanya memberi peruntukan kepada pesakit sendiri tetapi apabila pesakit itu adalah kanak-kanak, mereka perlu diiringi oleh ibu bapa. Masalah ini timbul apabila ibu bapa itu tidak mampu. Jadi saya bertanya kepada kementerian sama ada diperuntukkan seorang pengiring. Kadang-kadang kalau ibu yang selalunya rapat dengan pesakit, mereka juga perlu si suami bersama.

Jadi oleh kerana sekarang ini ada tambang murah Tuan Pengerusi, kalau boleh kementerian oleh kerana untuk menyenangkan dari segi psikologi pesakit itu, bolehkah si bapa turut serta kerana ibu itu selalunya tidak mempunyai semangat untuk bersama di Kuala Lumpur berminggu-minggu di IJN. Ini selalu datang kepada kita, Tuan Pengerusi. Minta tambang, minta belanja dan sebagainya. Jadi oleh kerana ada RM76 juta ini, bolehkah dari segi – saya ingat Sarawak pun begitu. Sarawak ini Tuan Pengerusi, kemudahan perubatan canggih. Di Sabah ini selalu di *refer* pergi Kuala Lumpur. Jadi ini sahajalah. Saya harap dapat penjelasan kerana ini banyak pengundi-pengundi kita bertanya kepada kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

8.24 mlm.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sambung topik yang dibawa oleh Yang Berhormat Pendang iaitu tentang pesakit-pesakit jiwa – tekanan jiwa. Saya difahamkan bahawa semakin ramai kanak-kanak yang juga ada tekanan jiwa dan ramai di antara mereka menghidap penyakit *depression*. Saya juga difahamkan bahawa di Pulau Pinang hanya ada sebuah hospital iaitu Hospital Bahagia di Jalan Perak. Ia tidak ada wad untuk kanak-kanak. Kalau ada pesakit kanak-kanak, dia akan diwadkan bersama-sama dengan pesakit dewasa.

Saya hendak dapat penjelasan, adakah ini benar? Kalau ini benar, tidak akan kah kita hendak sediakan wad yang khas untuk kanak-kanak sahaja? Apakah rancangan yang kementerian ada untuk merawat pesakit jiwa yang semakin ramai ini?

Yang kedua ialah tentang hospital di Seberang Jaya. Saya difahamkan bahawa *the bed occupancy rate* di Hospital Seberang Jaya telah melebihi 100%. Dia sudah sampai 105% – *over occupied*. Sudah lama dikatakan ingin mengadakan satu blok tambahan, tetapi sampai hari ini ia belum dilaksanakan. Saya difahamkan pembinaan ini mungkin akan mula pada tahun 2013. Saya rasa ini adalah sedikit lewat. Kita katakan bahawa rakyat diutamakan. Saya rasa hospital adalah

sangat penting. Kalau ia pun sudah melebihi 100%, ia melebihi kapasitinya, ia akan mendatangkan bahaya kepada pesakit-pesakit dan juga doktor-doktor dan kakitangan yang kerja di hospital itu. Jadi saya minta bolehkah kita mempercepatkan pembinaan blok ini supaya keperluan rakyat betul-betul diutamakan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

8.27 mlm.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu perkara sahaja iaitu peruntukan RM1 bilion untuk Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Selepas Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Kepong dan selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya ingin mengambil kesempatan memohon agar pihak kementerian boleh memberi perhatian kepada permohonan oleh Hospital Batu Gajah untuk kemudahan CCTV dan juga tambahan kakitangan. Ini kerana saya dimaklumkan terutamanya pada waktu perayaan apabila kemalangan jalan raya meningkat, hospital di Batu Gajah sering kali kekurangan kakitangan. Pada hari biasa juga saya menerima aduan di mana walaupun sebagai pesakit luar, mereka perlu menunggu berjam-jam. Akan tetapi yang paling pentinglah saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi perhatian kepada permintaan CCTV sebab ada kes-kes tertentu di mana telah timbul masalah apabila pesakit menerima rawatan di hospital. Ada masalah pengurusan di mana saya percaya boleh ditangani dengan adanya CCTV. Saya tidak hendak memanjang lebarkan. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh beri perhatian kepada perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Kepong.

8.29 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, mengenai utiliti itu yang memerlukan lebih RM136 juta memang satu peruntukan yang besar dan saya ada melihat sendiri di hospital-hospital dan Jabatan Kesihatan itu kadangkala ada utiliti, ada alat-alat yang canggih dan sebagainya dan tidak dikendalikan dengan baik. *Maintenance*. Pengendali itu sangat kurang. Tidak begitu baik. Kadangkala kita nampak ada alat-alat yang terbiar begitu sahaja. Alat-alat yang canggih. Ini memang saya berharaplah kita mempunyai sistem yang ketat, yang berkesan untuk mengawal semua utiliti ini. Bukan sahaja kita minta diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini beratus juta ringgit, bahkan juga kita mempunyai sistem yang berkesan untuk mengurus dan mengendalikan *maintenance*, penyelenggaraan dengan berkesan di dalam semua jenis alat dan utiliti di negara ini.

■2030

Mengenai pembayaran dikehendaki untuk menampung kekurangan peruntukan dalam pembayaran bil pesakit tanggungan kerajaan yang menerima peruntukan di Institut Jantung Negara (IJN). IJN mempunyai peranan yang penting untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat dengan penyakit jantung dan memang ia sudah menjalankan tugas dari semasa ke semasa dengan baik.

Akan tetapi, peruntukan bagi Institut IJN ini saya hendak Yang Berhormat Pagar menerangkan kepada kita, setiap tahun berapa yang diperlukan untuk perbelanjaan di IJN ini. Ada sesetengah pesakit yang tidak mampu untuk membayar juga dan perlu kita memberi bantuan dan bantuan ini adalah setakat yang diberi setiap tahun. Berapa jumlah bantuan yang diberi kepada pesakit-pesakit yang kurang upaya untuk menerima rawatan di IJN?

Seterusnya Tuan Pengerusi, mengenai Kolej Kementerian Kesihatan. Bolehkah Yang Berhormat Pagar menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, setiap tahun apakah perbelanjaan, peruntukan untuk kolej ini dan bilangan graduan daripada kolej ini? Ini kerana yang diminta di sini pun biasiswa kepada pelatih. Berapa biasiswa yang diberikan setiap tahun kepada pelatih pra perkhidmatan di kolej tersebut? Kita hendak tahu, bilangan yang kembali untuk berkhidmat selepas menerima biasiswa ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Menteri.

8.33 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (Tamb.) 2010 yang bersangkutan paut dengan hal ehwal Kementerian Kesihatan.

Pertamanya Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab persoalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat Kota Melaka telah membangkitkan mengenai status pembayaran *ex gratia* kes Puan 'Siew Wee Peng'. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kes ini telah dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa *Ex Gratia* pada bulan Oktober tahun lepas dan telah diputuskan oleh Jawatankuasa bahawasanya kementerian akan membayar pampasan *ex gratia*. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, Penasihat Undang-undang Kementerian Kesihatan Malaysia telah meneliti dan menyemak laporan-laporan yang telah dibuat dan telah mengemukakan kes Puan 'Siew Wee Peng' kepada Jabatan Peguam Negara pada 16 Mac 2011. Status kes ini adalah di peringkat menunggu kelulusan daripada Jabatan Peguam Negara untuk pembayaran *ex gratia*... [Disampuk] Belum diketahui jumlah Yang Berhormat.

Untuk menjawab persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang, untuk pengetahuan Yang Berhormat terdapat 41 buah hospital yang mempunyai pakar psikiatri.

Kita mempunyai bilangan pakar seramai 109 orang. Sebenarnya Yang Berhormat, untuk pengetahuan, Kementerian sesungguhnya menggalakkan pendekatan rawatan psikiatri di dalam komuniti ataupun *hospital based community care* untuk pesakit-pesakit di mana apabila pesakit *discharge* dalam tempoh awal, selepas itu rawatan akan diberikan selanjutnya di rumah. Ini disebabkan oleh faktor kita menggalakkan pendekatan perawatan psikiatri dalam komuniti. Kita ingin keluarga untuk terlibat secara langsung dalam usaha kita untuk merawat pesakit.

Untuk menjawab juga persoalan daripada Yang Berhormat Pendang bagi meningkatkan bilangan pakar psikiatri, Kementerian secara berterusan akan meningkatkan bilangan biasiswa di dalam kepakaran ini di mana pada tahun 2010, kita telah menghasilkan seramai 26 pakar psikiatri. Pada tahun 2011, seramai 35 orang dan Kementerian mencadangkan pada tahun 2012 akan ditambah kepada 45 orang di dalam usaha kita untuk menambah bilangan pakar psikiatri di negara kita.

Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam mengenai *houseman* satu tahun tidak cukup. Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat, *housemanship* ataupun latihan siswazah telah dilanjutkan daripada satu tahun kepada dua tahun yang meliputi enam bidang iaitu *medical*, ortopedik, surgery, anestetik, pediatrik dan perbidanan serta sakit puan di mana *houseman* ini akan mengikuti kursus di mana mereka akan diselia oleh seorang pakar di dalam disiplin-disiplin yang saya telah sebutkan tadi. Mereka ini akan belajar dan berhadapan dengan prosedur-prosedur yang meliputi disiplin-disiplin tersebut dan dikawal selia oleh seorang pakar.

Untuk menjawab persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam mengenai Hospital Seberang Jaya. Memang benar, Kementerian mengakui bahawa Hospital Seberang Jaya mempunyai *bed occupancy rate* ataupun kadar peratusan katil yang tinggi iaitu 105 peratus. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, sukacita saya ingin maklumkan bahawasanya walaupun Hospital Seberang Jaya mempunyai kadar *occupancy* yang tinggi, tetapi pada masa yang sama hospital ini juga - kadar tersebut ditampung oleh hospital yang berdekatan iaitu Hospital Bukit Mertajam yang hanya mempunyai *65 percent bed occupancy rate* dan kita juga mempunyai klinik-klinik kesihatan yang boleh menampung mengikut kepada kadar jumlah penduduk yang ada di kawasan tersebut.

Jadi...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, walaupun *occupation rate* di Bukit Mertajam belum sampai *full capacity*, tetapi Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam adalah berlainan, mereka mempunyai kepakaran yang berlainan. Saya rasa ada penyakit yang tidak dapat dirawat di Hospital Bukit Mertajam dan juga klinik-klinik. Saya rasa mereka yang perlu hospital tidak dapat diganti oleh klinik. Jadi, saya rasa yang pentingnya ialah kita mesti dengan cepatnya membina satu blok tambahan yang dikatakan akan dibina. Soalan saya ialah bolehkah ia dipercepatkan?

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, perkara ini merupakan satu perkara yang dalam penelitian dan tindakan Kementerian Kesihatan.

■2040

Namun saya menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Seperti Yang Berhormat katakan tadi kelulusan. Kita memang merancang untuk menambah satu blok. Cuma dalam tempoh yang kita menunggu sehinggalah pelaksanaan kepada pembangunan tersebut, kita mengatakan di sini bahawa pada masa ini *service* yang ditawarkan oleh Hospital Seberang Jaya di sokong oleh Hospital Bukit Mertajam yang mana tempatnya tidaklah terlalu jauh sekiranya dibandingkan daripada Hospital Seberang Jaya tersebut. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga terdapat beberapa klinik kesihatan yang ada di sekeliling kawasan yang boleh menampung kes-kes yang lebih boleh ditangani oleh klinik-klinik tersebut.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa Hospital Seberang Jaya ini adalah hospital *specialist*. Ia tidak ada kaunter dan klinik. Jadi, ia tidak boleh diganti oleh klinik. Ia mesti *is a referral hospital*. Kalau ia tidak dapat merawat seorang pesakit itu, dirawat di Hospital Bukit Mertajam, kekurangan *specialist*, baru dia *refer* ke Hospital Seberang Jaya. Akan tetapi Yang Berhormat, Hospital Seberang Jaya ini adalah satu hospital *specialist*. Ia bukan sebuah hospital sembarangan dan ia bukan setaraf klinik. Jadi, ia tidak boleh diganti oleh klinik.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya tidak sesekali mengatakan perkhidmatan di Hospital Seberang Jaya itu digantikan oleh klinik, Yang Berhormat. Saya cuma mengatakan kes-kes yang kurang serius boleh ditangani oleh klinik-klinik kesihatan yang berdekatan. Saya mohon Yang Berhormat juga memahami apa yang saya cuba sampaikan.

Yang Berhormat Pendang telah menyuarakan mengenai pengisian jawatan untuk Pegawai Perubatan Pakar atau Psikiatri dan pengisian jawatan untuk Pegawai Perubatan Pakar dan Keluarga. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Pendang, berdasarkan rekod kedudukan perjawatan sehingga 31 Disember 2010, untuk tambahan kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pendang tadi, terdapat 106 Pegawai Perubatan Pakar Psikiatri dengan pengisian sebanyak 63.9 peratus daripada jumlah jawatan yang sedia ada. Manakala bagi Pegawai Perubatan Pakar iaitu Perubatan Keluarga terdapat 162 pegawai dengan pengisian sebanyak 49.5 peratus daripada jumlah jawatan. Kementerian saya sememangnya Yang Berhormat, prihatin untuk meningkatkan bilangan Pegawai Perubatan Pakar termasuklah Psikiatri dan Kesihatan Keluarga. Pelbagai usaha telah dan sedang diambil seperti meningkatkan slot bagi pegawai perubatan untuk menyambung dalam bidang kepakaran dan *sub* kepakaran serta melantik Pegawai Perubatan Pakar (Kontrak) daripada kalangan bukan warganegara dan warganegara dan serta menambahkan lagi insentif dan elaun *locum* dan lain-lain.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat

Timbalan Menteri, 63.9 peratus pakar-pakar psikiatri ini merupakan mereka-mereka yang saya rasa ditempatkan di hospital-hospital yang ada pakar. Bagaimana pula seperti di tempat saya di pusat kesihatan. Ia ada Klinik Psikiatri dan kita mengharapkan kepada Pakar Kesihatan Keluarga sahaja merawat pesakit-pesakit psikiatri ini. Bagaimana mereka-mereka yang mempunyai kepakaran psikiatri ini? Pakar psikiatri ini apakah mereka juga diadakan *rotation* mengendalikan kes-kes di klinik kesihatan yang jauh daripada hospital yang mempunyai pakar psikiatri ini?

Ini kerana perubatan keluarga ini dia mengendalikan banyak kes bukan sahaja pesakit psikiatri sahaja. Mereka O&G lah, *medical* dan macam-macam yang mereka terpaksa hadapi. Kadang-kadang terpaksa melakukan prosedur-prosedur di klinik itu sendiri. Ini saya mahu tanya, setakat manakah pakar psikiatri ini yang membuat *rotation* ke klinik-klinik kesihatan? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Yang Berhormat Pendang, sukacita saya ini menyatakan di sini bahawa memang terdapat rawatan pakar psikiatri kita ke klinik-klinik kesihatan dalam tempoh berkala. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, pakar kesihatan keluarga itu juga diberikan latihan untuk mengendalikan kes-kes psikiatri dan melakukan kes-kes intervensi sekiranya mereka merasakan pesakit-pesakit yang diagnosis mempunyai simptom ataupun mempunyai ke arah penyakit-penyakit yang berkaitan dengan psikiatri. Terima kasih yang terhormat Pendang. Saya ingin menjawab persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong iaitu mengenai perbelanjaan IJN.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kepong, perbelanjaan IJN hanya meliputi perbelanjaan kepada kakitangan kerajaan, pesara kerajaan dan pesakit tidak mampu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kepong, pada tahun 2010, bilangan pesakit yang mendapat rawatan daripada IJN adalah seramai 63,799 orang dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM107,732,513.

Manakala pesara kerajaan adalah seramai 66,000 dengan perbelanjaan sebanyak RM102,081,209 dan pesakit yang tidak mampu seramai 8,981 dengan perbelanjaan sebanyak RM68,946,998. Jumlah pesakit secara keseluruhan Yang Berhormat, adalah seramai 138,780 dengan jumlah perbelanjaan keseluruhannya untuk tahun 2010 - RM278,760,720 untuk pengetahuan Yang Berhormat. Menyentuh mengenai persoalan yang dikemukakan oleh yang Berhormat Kepong mengenai bilangan graduan. Bilangan graduan yang dikeluarkan oleh kolej-kolej kementerian kesihatan adalah seramai 6,000 pelatih setahun. Bilangan yang kembali berkhidmat, mereka yang dilatih adalah diwajibkan untuk berkhidmat dengan kerajaan dan jumlahnya adalah seramai 5,800 pelatih. Nilai biasiswa yang diperlukan untuk pelatih paramedik adalah nilai biasiswa yang diperlukan ini adalah sebanyak RM170 juta setahun untuk pengetahuan Yang Berhormat.

Bagi menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam mengenai pengiring pesakit kanak-kanak.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Penjelasan.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Bagi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuaran, ya. Maafkan saya Yang Berhormat Tuaran. Saya ingin memohon maaf kepada Yang Berhormat Tuaran. Untuk menjawab persoalan yang dikemukakan, saya ingin menyatakan di sini pada lazimnya pengiring adalah ibu ataupun saudara wanita pesakit. Ini kerana ibu lebih dan boleh bermalam bersama-sama kanak-kanak tersebut dan disebabkan juga oleh faktor privasi, sekiranya wad-wad ini dikongsi oleh pesakit-pesakit. Bagi kes-kes tertentu, pihak pesakit boleh memohon kepada ketua jururawat yang menjaga jika bapa ingin menemani anak-anak. Setakat ini polisi kementerian hanya membenarkan salah seorang ibu bapa untuk mengiringi pesakit. Untuk pengetahuan...

■2050

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Ya.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Penjelasan. Saya ingat perlu diperbaiki rekod, perkara mengenai dengan *houseman* pun saya ingat Yang Berhormat Tuaran yang bertanya bukan Yang Berhormat Bukit Mertajam. Tadi jawapan bagi Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya pohon untuk diperbaikilah. Yang Berhormat, satu penjelasan mengenai dengan *referring* pesakit ini dari Sabah ke Kuala Lumpur. Ini selalunya pesakit jantung tetapi ada juga kes sakit yang lain.

Adakah kementerian mempunyai dasar untuk mendapatkan *second opinion* sebab Yang Berhormat baru hari ini, pagi tadi ada pesakit di Hospital Kota Kinabalu, dia di ICU selama satu minggu. Tidak ada diagnosis yang diperoleh dan tidak pun dirujuk kepada mana-mana pakar yang lain dan pesakit itu meninggal tanpa mendapat apa-apa diagnosis. Baru pagi tadi. Kalau sekiranya tidak dapat dikesan di Kota Kinabalu, kenapa tidak dihantar cepat mungkin ke hospital pakar di Kuala Lumpur dan sebagainya. Jadi ini *it is unfortunate death because* rawatannya tidak begitu rapi Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Menyentuh mengenai kes yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuaran, memandangkan kes ini berlaku pada pagi ini saya mohon lebih maklumat daripada Yang Berhormat untuk kita siasat perkara ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, mengenai kes pesakit-pesakit daripada Sabah yang dirujuk di hospital-hospital di Kuala Lumpur, selain daripada pesakit jantung memang benar beberapa kes yang serius dan melibatkan kepakaran yang tidak terdapat di negeri Sabah, selalunya kita akan menghantar pesakit-pesakit tersebut di hospital-hospital kerajaan di Kuala Lumpur.

Untuk menjawab persoalan mengenai *houseman*, sekali lagi saya tekankan di sini bahawa *houseman* yang menjalani latihan bukanlah staf dan mereka menjalani latihan bukan setahun tetapi dua tahun yang melibatkan enam disiplin yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya ingat sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya, Tuan Pengerusi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Ada satu yang tidak jawab mengenai di Bukit Mertajam, di Pulau Pinang ada sebuah hospital, hanya sebuah hospital metal iaitu Hospital Bahagia di Jalan Perak. Saya difahamkan bahawa tidak ada wad kanak-kanak. Adakah ini benar dan sekiranya ia benar, adakah ini amalan yang biasa ataupun adakah kita merancang mengadakan satu wad untuk pesakit kanak-kanak. Terima kasih

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri ambil perhatian, tadi saya kata kemudahan CCTV yang telah dipohon oleh pihak hospital Batu Gajah. Tadi saya kata boleh mengelakkan masalah aduan terhadap pengurusan. *I do not want to use the word*, tetapi ini boleh mengelakkan pelbagai masalah, permohonan CCTV Hospital Batu Gajah. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Okey. Untuk menjawab mengenai peruntukan bagi CCTV di atas masalah yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat, kita akan mengkaji perkara ini dan mengenai kakitangan juga, kita akan pastikan bahawa Hospital Batu Gajah akan mendapat kakitangan yang mencukupi dan perkara ini kita akan kaji Yang Berhormat. Terima kasih.

Untuk menjawab persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam mengenai wad kanak-kanak. Sebenarnya Yang Berhormat, kita mempunyai 41 hospital yang mempunyai kepakaran klinik psikiatri dan selalunya kanak-kanak polisinya kita tidak akan menempatkan mereka dalam wad yang sama dengan golongan dewasa. Akan tetapi sekiranya ini berlaku di hospital yang telah Yang Berhormat kemukakan, kita akan siasat dan akan mendapatkan maklumat dan juga kenyataan daripada hospital tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam sesi perbahasan dan sekiranya persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat belum dijawab oleh saya pada sesi ini *insya-Allah* saya akan memastikan diberikan jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,007,900,000 Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,007,900,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kepala Pembangunan di bawah P.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Oleh sebab P.43 hanya token sahaja ia tidak perlu dibahas.

[Tiada Perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

Maksud B.45 [Jadual] –

Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kepala Bekalan B.45 dan Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Sekali lagi saya memperingatkan Yang Berhormat di bawah P.45 ini ada RM10 juta ialah Tabung Pembangunan Bola Sepak Negara. Kalau cerita hal tenis itu ia keluar Yang Berhormat.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya jemput Yang Berhormat Jempol.

8.57 mlm.

Dato' Haji Lilah bin Yasin [Jempol]: Terima kasih. Tahniah kepada kementerian kerana fokus terhadap pembangunan bola sepak negara dan tahniah juga kerana pencapaian yang amat membanggakan sekarang. *[Tepuk]* Cuma untuk jangka panjang apakah kementerian dengan peruntukan yang sedia ada ini memikirkan tentang memberi peluang bakat-bakat bola sepak dari kawasan luar bandar terutama sekali anak-anak muda yang perlu kita dedahkan melalui usia muda.

Apakah program-program kementerian untuk memberikan latihan yang khusus kepada bakat-bakat di usia muda yang boleh kita ketengahkan pada masa yang akan datang. Begitu juga

dengan soal kejurulatihan kerana daripada kawasan luar bandar ini, walaupun bakat mereka ini baik tetapi mereka memang kurang kepakaran jurulatih-jurulatih yang baik untuk membolehkan bakat ini diketengahkan.

Selain daripada itu sekarang ini kita hendak melihat apakah tafsiran belia sebenarnya. Adakah dengan perubahan angka berapakah sebenarnya usia belia kita dan perlu juga mempunyai satu sistem latihan kepimpinan belia yang berterusan. Ini kerana belia kita ini amat bergantung kepada latihan-latihan ini untuk melahirkan bakat dan juga kepimpinan belia yang boleh mengurus dan mentadbir belia kita dengan baik.

Oleh yang demikian adakah melalui dengan peruntukan ini kementerian bercadang untuk melantik penggerak-penggerak belia kita supaya dapat memainkan peranan yang lebih berkesan bagi menggerakkan persatuan-persatuan belia kita, khususnya di kawasan luar bandar bagi mengaktifkan segala kegiatan belia kita ke arah yang lebih berkesan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■2100

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, inilah peluang emas untuk saya mengambil bahagian di dalam masalah bola sepak ini dan saya nampak Yang Berhormat Muar pun telah bersedia untuk menjawab dan mengenai Tabung Pembangunan Bola Sepak Negara. Pertama ialah berapakah yang dianggarkan tentang perbelanjaan setiap tahun selepas kita menubuhkan Tabung Pembangunan Bola Sepak Negara dengan perbelanjaan sebanyak RM10 juta ini?

Ini kerana bola sepak merupakan satu sukan yang paling popular di dunia termasuk di Malaysia dan saya berharap dengan tertubuhnya tabung seumpama ini kita boleh berbangga bukan setakat Harimau Malaya berjaya mencatat kemenangan sehingga kita mendapat satu hari kelepasan sehingga menjejaskan ekonomi negara. Bukan setakat itu sahaja, kalau Harimau kita boleh menang sehingga ke bola sepak dunia, mungkin bolehlah diterima satu hari kelepasan tapi jika setakat di Asia Tenggara sahaja tidak perlulah.

Walaupun begitu kita menggalakkannya kerana jika kita boleh menang memang merupakan satu usaha yang cukup baik dan saya juga berharap dengan tertubuhnya tabung seumpama ini, kita boleh memulakan minat kita kepada pasukan negara kita.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, siapa yang mengacau sekarang? Yang melanggar peraturan itu, jika bermain bola sepak, dia sudah boleh keluar dari padang.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Keluar daripada padang sekarang kerana melanggar peraturan...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia memang *hand ball* kerana melanggar peraturan. Sebelum ini kita...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Kepong merapulah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Setiap hari kita akan nampak Manchester United, Liverpool, *Tottenham Hotspur*, Arsenal, Manchester FC dan Manchester City, AC Milan, Inter Milan, Barcelona, Real Madrid, Bayern Munich itu sahaja, yang tidak faham bola sepak diam dahululah. Jika dia berminat dengan bola sepak, dia tidak akan mengganggu, kalau mendengar Manchester United saya senyum sahaja, tengok kita punya *[ketawa]* bentara sekarang dia senyum, kerana dia minat bola sepak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yang Berhormat Kepong boleh bermain bola sepak kah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]* Macam mana tidak boleh tendang? Tendang Yang Berhormat Putatan pun boleh, bukan sahaja bola sepak. *[Ketawa]* Di sinilah mungkin kita jauh lagi jika hendak dibandingkan dengan negara-negara seperti Negara Sepanyol, Portugal, Itali, Jerman dan bukan sahaja begitu Jepun dan Korea Selatan. 20 tahun yang lalu, kita boleh menundukkan Korea Selatan, kita menang dengan Jepun tetapi sekarang jika bermain dengan Jepun macam mana?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bagaimana jika bermain dengan Jepun, cuba bayangkan, dengan Korea Selatan. Kita berharap di rantau ini satu hari kelak kita boleh menganjurkan bola sepak piala dunia. Jika Korea Selatan dan Jepun boleh, mengapa kita tidak boleh? Yang Berhormat Muar mesti menjawab dengan tepat dan jangan buat main-main, apakah rancangan kita untuk mencapai satu tahap yang lebih kepada peringkat Asia Tenggara. Pada peringkat pertama itu kita hendak menang dengan Jepun dan Korea Selatan, kemudian kita pergi ke Eropah, mungkin 20 tahun akan datang atau juga 10 tahun. Sekarang di Manchester United ada pemain Korea Selatan Park Ji Sung, mungkin kita ada Mokhtar Dahari yang baru yang boleh menjadi seperti Park Ji Sung dan apa akan dibuat dengan Tabung Pembangunan Bola Sepak Negara? Adakah wang ini akan digunakan untuk membina lebih sekolah bola sepak ataupun apa sahaja yang akan dilakukan dengan tabung ini.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan dapat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini agar kita dapat mengetahui apa yang hendak dilakukan, dengan tabung seumpama ini adakah ia mencukupi? Saya nampak pertubuhan organisasi bola sepak di negara ini mungkin kita boleh ubah sedikit, jika terdapat Program Transformasi Malaysia atau GTP yang kita ada telah ada transformasi di situ, tetapi saya tidak nampak berlakunya transformasi di dalam bola sepak pula, apakah masalahnya kita tidak boleh mengubah di dalam organisasi bola sepak kita?

Memang teruk, bertahun-tahun tetapi organisasi tersebut tidak juga berubah langsung. Jika kita mempunyai GTP, transformasi, lapan inisiatif, mengapa kita tidak boleh menambahkan satu lagi inisiatif lagi untuk menukarkan corak pertubuhan di dalam bola sepak kita, bukan sahaja di peringkat Johor tetapi juga di peringkat kebangsaan dan seterusnya kepada peringkat antarabangsa, ini memang perkara satu perkara yang penting di mana saya berharap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab dengan baik. Walaupun kita menubuhkan 20 tabung seumpama ini tetapi tidak ada organisasi yang baik mungkin sia-sia sahaja, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Arau.

9.08 mlm.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin bangkitkan sedikit sahaja tidak berhubung kait seperti Yang Berhormat Kepong iaitu sesedap gudang suria atau sukan ini merupakan sukan kegemaran, sukan utama yang diminati bukan sahaja di seluruh dunia bahkan menjadi sukan utama di negara kita. Saya sedar bahawa di dalam memajukan sukan ini, walaupun kerajaan tidak boleh mengendalikan urusan secara langsung, ia terpikul di bahu persatuan, kerana jika termaktub di dalam FIFA, hanya boleh soal kemajuan suka, apa jenis sukan pun untuk makluman Yang Berhormat Kepong, ia harus terpikul kepada persatuan-persatuan.

Jika bola sepak ini terpikul di bawah tanggungjawab Persatuan Bola Sepak Malaysia, tetapi kerajaan menyedari bahawa sukan ini ialah sukan diminati ramai sudah tentu kerajaan menyediakan dan satu tabung dan sebahagiannya saya difahamkan telah digunakan bagi penyertaan liga di Slovakia dan juga mungkin di Cardiff dan sebagainya.

■2110

Sasaran kita mungkin kita hendak mencapai taraf Piala Dunia, *World Cup*. Saya rasa masih jauh akan tetapi tidak mustahil. Kita boleh sasarkan sekurang-kurangnya untuk kita mencapai taraf remaja dunia sekurang-kurangnya. Dengan membuat persiapan dari sekarang iaitu bagi anak-anak kita yang berumur sekitar belas-belas tahun yang mana mereka harus dibimbing bagi kita mendapat pelapis yang lebih bermakna.

Jadi dalam hal ini saya meminta kerajaan supaya pastikan bahawa penglibatan syarikat-syarikat swasta melalui CSR. Saya sudah kata berkali-kali, kalau dulu kita ada syarikat rokok yang mempunyai keuntungan besar yang mereka boleh menaja dan kita boleh meningkatkan bidang sukan ini akan tetapi sekarang syarikat rokok tidak dibenarkan buat tajaan. Bermakna kata ada syarikat-syarikat lain yang telah mencatatkan keuntungan yang begitu tinggi sekurang-kurangnya mereka menunaikan *corporate social responsibility* ini kepada bola sepak bagi kita meneruskan kejayaan awal yang telah kita capai dengan mendapat emas di Sukan SEA dan juga kejayaan di Piala Suzuki baru-baru ini.

Kita harus berhati-hati dalam perkara ini kerana melihat keuzuran liga yang berlaku sekarang ini kekurangan penonton kecuali di beberapa negeri sahaja seperti di Kelantan yang ramai bila Kelantan berada di puncak kejayaan sekarang ini. Akan tetapi negeri lain kita lihat stadium hampir kosong. Malah *gate collection* ataupun kutipan tiket hanya sekadar – tidak mampu untuk menjelaskan pengurusan pengadilan pada malam berkenaan yang dijangka sekitar RM5,000 ke RM6,000 bagi setiap perlawanan. Ini disebabkan oleh liga kita sekarang kurang diminati.

Saya kalau sekiranya ada cadangan daripada FAM dan galakan dan juga daripada kerajaan supaya liga kita dikembalikan kepada keadaan asal. Kita bawa masuk nama-nama yang agak baik walaupun mereka bertaraf ayam pecten dan sebagainya. Akan tetapi sekurang-kurangnya jurulatih seperti Young Zico dan lain-lain yang mengendalikan skuad negeri. Akan tetapi nama-nama itu yang boleh meningkatkan *gate collection* ataupun pungutan tiket kepada kehadiran penonton- penonton di stadium. Ini kerana selain daripada kutipan tiket kita bergantung kepada penajaan dan juga pengurusan yang baik.

Ini juga usaha yang dibuat oleh kerajaan dalam menghantar jurulatih kita yang terdiri daripada anak-anak tempatan. Kita sedar bahawa K. Rajagopal, Ong Kim Swee ada bakat. Akan tetapi untuk didedahkan dengan teknik bola sepak terkini kita perlu mendapat pendedahan daripada negeri ternama. Negeri-negeri yang telah mencapai puncak kemajuan seperti Sepanyol, mereka berusaha sejak sekian lama daripada pasukan pelapis dan mereka mempunyai *team* yang cukup mantap sekarang sehingga mampu menjuarai Piala Eropah dan Piala Dunia.

Jadi di sini saya pohon pihak kementerian negara mana yang sekurang-kurangnya yang hebat, Brazil di Amerika Selatan, Argentina yang melahirkan Messi, Higuain, Mascherano dan sebagainya. Kita lihat sekurang-kurangnya kita mendapat teknik terkini termasuk pengurusan di peringkat pegawai. Ataupun kalau ada *sponsor* yang mencukupi saya mohon supaya anak-anak kita ini dihantar dua tiga tahun bagi membina skil dan kemahiran dengan berlatih dan bertanding di liga tempatan di negara-negara yang saya maksudkan.

Sekiranya ada dalam perancangan saya berharap perkara ini dapat direalisasikan oleh pihak kementerian kerana kita berharap kejayaan pada bola sepak sebenarnya merupakan sukan penyatuan, sukan integrasi yang cukup hebat yang menjadi peminat sukan nombor satu negara bukan sahaja di negara kita bahkan di seluruh. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi. Fasilitis...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya belum jemput Yang Berhormat Sri Gading. *[Ketawa]* Sila Yang Berhormat.

9.14 mlm.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi atas kedermawanan. Bola sepak memang diperkatakan oleh semua lapisan masyarakat. Inilah satu sukan yang benar-benar boleh membina perpaduan negara. Saya masih teringat, terbayang

pemain-pemain kebangsaan kita tahun 60-an, tahun 70-an, tahun 80-an di mana mereka menjadi bintang-bintang yang disukai bukan sahaja di negara kita akan tetapi juga di peringkat Asia.

Saya berharap wang ini akan dipergunakan dengan sebaik-baik mungkin. Bagi saya RM10 juta ini masih sikit. Kemudahan sukan bola sepak kita, stadium-stadium kita luar biasa, hebat. Akan tetapi apabila memandang mutu bola sepak kita rasa macam tidak sepadan. Betul kah perkataan tersebut. Tidak sepadan. Tidak sepadan. Saya harap pihak kementerian walaupun tidak boleh tidak campur tangan dalam pertandingan yang dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak (FAM), kejurulatihan ini harus dilihat dan dengan berani dirombak. Kita masih lihat ketangkasan pemain-pemain kita masih di bawah. Kelayakan yang sepatutnya, skil permainan kita masih rendah. Satu keberanian harus agaknya dilakukan supaya kita akan mengeluarkan bintang-bintang yang hebat-hebat.

Ranking bola sepak tidak tahu, 140, 158, 138. Maknanya memang seratus ke atas. Ranking ini masuk dalam ranking pasukan yang corot di dunia. Itu sebab. Jadi latihan, sepakannya, *passing* nya, hantarannya, tenaganya, lariannya harus agaknya dilihat. Jangan dibiarkan berlarutan cara-cara latihan yang lama. Mungkin agaknya latihan fizikal yang lebih perit, yang lebih payah, yang lebih berat harus dijalankan. Ini supaya dapat mengeluarkan pemain-pemain yang bermutu.

Ada kayu ukur yang tertentu yang boleh digunakan di mana seseorang pemain itu layak di peringkat negeri, bagaimana? Layak di peringkat kebangsaan bagaimana? Jadi pemilihan pemain-pemain macam sekolah-sekolah sukan kita. Saya pun tidak nampak sangat macam mana kejayaan bagi menentukan pemain-pemain bola sepak kita ini menjadi pemain yang boleh dibanggakan.

Saya tidak kisah kalau RM100 juta pun, apa salahnya. Untuk kemajuan pemain-pemain bola sepak kita dalam negara ini. Jadi agaknya harus dicari satu pembaharuan yang beranilah. Kita keluar daripada kotak lama kita. Mungkin Yang Berhormat Kepong boleh memberikan nasihat dan pemain-pemain lama macam Datuk Ghani Minhat masih ada.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Boleh minta sedikit. Tambahan-tambahan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Boleh tidak dijemput menjadi penasihat jemputan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Sebenarnya Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sri Gading. Ini kerana kita nampak permainan kita begitu merosot. Kalaupun 138 angka yang sekarang kita dapat itu rankingnya memang satu ranking yang tidak boleh dibanggakan. Jadi apa yang saya nampak pemain-pemain kita kalau bola sepak ini satu jam setengah main, mereka main 20 minit sudah habis. 20 minit sudah habis.

Mengapa tiada stamina yang cukup. Ini kerana saya berpengalaman, mungkin Yang Berhormat Sri Gading tiada pengalaman. Saya pernah jadi Presiden Bola Sepak Sabah dahulu. Saya perhatikan 20 minit tenaga sudah habis. Jadi bila saya perhatikan apa sebab kerana pemain-pemain kita Tuan Pengerusi ialah kerana mereka ini tidak pulang malam makan *maggi* sahaja. Jadi pemakanan itu tidak seimbang. Jadi kita minta kalau boleh kementerian dengan berani menegur FAM, menegur supaya pemakanan pemain-pemain ini apabila mereka dalam markas atau di luar markas mesti ada seimbang. Vitamin yang cukup kerana kita nampak di luar dari luar kawasan kita ini di *Europe* di mana-mana pemain dia main satu jam setengah belum pernah lagi.

■2120

Jadi, kita cuba kalau boleh Yang Berhormat Sri Gading mungkin cadangkan kementerian yang mengusahakan vitamin-vitamin diberikan kepada pemain kita supaya mereka ini boleh gagah main *even* dua jam pun boleh tahan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Meringkaskan masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, memang hampir hendak habis masa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ucapan Yang Berhormat Kalabakan itu masuk menjadi sebahagian daripada ucapan saya. Saya sambung sedikit lagi. Apakah tidak boleh dijemput bintang-bintang bola sepak kita yang terkenal suatu ketika dahulu, dijemput untuk menjadi penasihat pada kejurulatihan bola sepak kita? Diberikan mereka peluang, ruang untuk memberikan pandangan-pandangan, pendapat-pendapat. Bukan sahaja jurulatih yang ada ini tetapi mereka juga yang ada pengalaman itu diletakkan agaknya, mungkin satu majlis bola sepak negara dengan dianggotai oleh pemain-pemain veteran kita yang boleh menunjukkan ajar, memberikan pandangan-pandangan yang boleh membina pasukan kita menjadi pasukan yang digeruni di peringkat Asia.

Seperti Yang Berhormat Kepong, saya setuju dengan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Kepong. Kita mesti jadikan pasukan kita *target*, bahawa kita setara dengan pemain-pemain bola sepak umpamanya Jepun, Korea. Jadi, bagaimana usaha dan cara untuk sampai ke tahap mutu pemain-pemain bola sepak kita ke arah itu. Buatlah sesuatu yang baru yang saya katakan tadi, di luar kotak kebiasaan kita daripada segi kejurulatihan supaya benar-benar pemain-pemain kita ini dapat kita banggakan. Peruntukan RM10 juta tidak cukup. Tahun hadapan, minta RM100 juta umpamanya. Biarlah seimbang dengan semua *facilities* stadium-stadium kita yang tersergam, seluruh negeri ada. Jadi, haraplah sesuatu keberanian dibuat oleh FAM dengan kerjasama yang rapat betul daripada kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong peruntukan RM10 juta.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sekijang, selepas itu Menteri menjawab.

9.22 mlm.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ucapan saya pendek sahaja. Saya hendak menjurus pada Maksud P.45 Butiran 02400 - Gelanggang Sukan. Saya ingin mengulangi pertanyaan saya tentang pembinaan gelanggang sukan serba guna dalam kawasan saya yang mana gelanggang ini telah pun diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi ia telah – tidak tahulah, tidak menjadi kenyataan lagi sehingga ke hari ini walaupun sebut harga telah dibuat, tetapi masih lagi belum mendapat lampu hijau atau sebagainya. Ini kerana apa yang kita bincangkan ini adalah peruntukan tahun lalu, kita hendak meluluskan peruntukan yang ada di sini, tambahan RM16.9 juta ini.

Jadi saya ingin tahu tentang kedudukan gelanggang di tempat saya dan juga saya ingin tahu bagaimana gelanggang ini nanti daripada segi penyelenggaraannya, kesemua gelanggang yang ada di dalam negara kita ini. Ini kerana kita telah banyak membina gelanggang ini tetapi nanti apabila ada kerosakan dan sebagainya, tidak ada peruntukan untuk penyelenggaraannya. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

9.24 mlm.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: Terima kasih kepada lima orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan dengan satu celahan daripada Yang Berhormat Kalabakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sebelum itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, dapat habis atau tidak?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Berapa lama jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Jawapan saya, rasa sekejap untuk puaskan hati semua. *Insyallah*, akan menjawab. Ia ada dua perkara sahaja yang dibangkitkan. Satu, bola sepak, satu pasal gelanggang dan kebetulan pertambahan perbelanjaan yang diberikan adalah melibatkan perkara yang tertentu. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jempol atas ucapan tahniah dan doa. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Kepong, walaupun dia tidak ucap tahniah. Yang Berhormat Kepong dia *dribble* tetapi dia tidak skor. Oleh sebab itu kalau Malaysia main seperti itu memang susahlah. Akan tetapi kita telah berubah Yang Berhormat. Kita tidak boleh hendak *dribble*. Ini zaman yang sangat laju. Bola sepak pun sudah berubah. Tidak boleh *dribble*, ia mesti skor.

Jadi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangkitkan, boleh saya nyatakan bahawa RM10 juta yang diberikan memang tidak cukup. Akan tetapi kita akan gunakan sebaik mungkin. Kalau kita buat perbandingan Yang Berhormat Kepong nyatakan bahawa dahulu

Korea, Jepun belajar dengan kita. Hari ini kita tidak boleh kalahkan. Jepun nombor satu dalam Asia untuk pengetahuan Yang Berhormat. Memang hebat. Korea nombor tiga, Australia nombor dua, kita mungkin nombor 24. Akan tetapi, Korea sebagai contoh, perbelanjaan bola sepaknya, setahun USD100 juta. Maknanya lebih kurang RM310 juta. Kita hanya RM10 juta yang diberikan di bawah tabung ini.

Namun begitu, saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa ketika Malaysia mengalahkan Korea dalam perlawanan persahabatan baru-baru ini, tahun lepas, 1-0. Pasukan yang sama adalah pasukan yang bermain dalam Sukan Asia untuk Korea, masuk *final*, kalah dengan UIA. Ini sepatutnya menjadi kebanggaan kerana pasukan skuad negara bawah 23 tahun mampu mengalahkan Korea.

Kebetulan selepas kita kalah itu, saya berkunjung ke Korea dan Korea menyambut itu sebagai satu cabaran. Kalau kita bandingkan pasukan senior, mungkin kita tercicir tetapi pasukan junior kita ataupun pasukan pelapis bawah 23 tahun boleh mengalahkan pasukan Korea. Ini petanda. Bukan mengatakan kita bagus buat masa ini, tetapi petanda bahawa kita berada di landasan yang betul.

Pertama. Serupa juga semasa Sukan Asia, saya rasa Yang Berhormat semua melihat perlawanan Malaysia dan China yang mana kalau kita berada di stadium, rakyat China pun malu dengan keputusan ataupun pengendalian pengadil dari Australia. Itu bukan soalnya tetapi bagaimana dengan sembilan orang pemain kita dapat mengekang pasukan China. Ini juga salah satu petanda.

Akan tetapi, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kita telah menggunakan duit RM10 juta yang diberikan pada beberapa peringkat latihan. Pertama, kita mengadakan satu program yang dipanggil My Kids Soccer yang akan bermula pada bulan Julai ini yang melibatkan 14 pusat di setiap daerah yang dikenal pasti di seluruh negeri yang akan melibatkan seramai 1,660 orang pemain daripada mereka yang berusia di bawah 12 tahun. Ini adalah pasukan *cohort* yang kita akan latih untuk mereka dipersiapkan menjelang usia 17 tahun bagi mewakili negara dalam *Youth World Cup*, *World Cup* belia ataupun *World Cup* muda pada tahun 2019 nanti. Di situ kita akan ukur sama ada kita boleh pergi ke *World Cup* atau tidak. Pasukan Korea tidak membina pasukan untuk tahun itu. Dia membina pasukan untuk beberapa tahun, 20 tahun untuk layak ke Piala Dunia dan mereka dapat nombor empat pada tahun 2002.

Kemudian, kita ada pusat latihan daerah yang mana melibatkan pelajar di antara 13 tahun sehingga 15 tahun yang mempunyai pemain seramai 1,800 orang dan jurulatih 210 orang yang melibatkan 36 buah pusat latihan. Ini juga kita biaya di bawah tabung bola sepak yang RM10 juta yang kita katakan sedikit tadi. Ketiga, sukan sekolah negeri lain daripada sukan sekolah Malaysia, sukan sekolah peringkat negeri yang kita kenal pasti 14 lokasi yang akan melibatkan 700 orang pemain dan 70 orang jurulatih dalam kalangan usia 13 tahun sehingga 17 tahun. Ini antara perkara yang kita buat kerana untuk bola sepak, apabila sudah berusia 24

tahun, 25 tahun, 26 tahun, 27 tahun adalah usia yang tua, sudah terlewat. Kalau kita lihat pemain-pemain yang ada, mereka bermula pada usia yang cukup muda dan ini yang sedang kita lakukan dengan peruntukan yang ada.

Sebanyak RM2 juta kita belanjakan untuk menghantar Harimau A ke Slovakia seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau. Sebanyak RM800,000, kita berikan untuk Kementerian Pelajaran Malaysia mengendalikan program-program yang saya nyatakan tadi. Kemudian, kita adakan pula satu lagi program untuk pelajar ataupun mereka yang berusia bawah 12 tahun, *Champions vs. Champions* yang akan kita laksanakan pada hujung tahun ini yang mana ada banyak kejohanan bawah 12 tahun yang dianjurkan di Kementerian Pelajaran Malaysia, My Kids Soccer, kemudian di Danone, Nike, badan-badan korporat yang mana mereka akan melahirkan juara dan juara ini akan kita pertemukan empat daripada My Kids Soccer dan 12 daripada juara-juara yang bertanding dalam semua kejohanan yang dianjurkan di dalam negara kita.

Mengenai jurulatih, kita juga menyediakan sebanyak RM500,000 dan jumlah tersebut untuk kita mengembangkan bakat jurulatih kerana kita tahu bola sepak dewasa ini sudah mula beralih dan tidak seperti masa-masa lampau dan dua kursus akan kita jalankan untuk *refresh* bagi mereka yang ada lesen A dan dua kali untuk lesen B, dua kali untuk lesen C dan diadakan sepanjang tahun ini bersama dengan persatuan jurulatih.

■2130

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sri Gading, Jempol dan Arau. Yang ini tidak *dribble*, dia terus *score* sebab dia tahu kejurulatihan sangat mustahak. Malangnya kita hanya boleh beri daripada RM10 juta sebanyak RM500,000 sepanjang tahun ini yang saya dapati jurulatih yang hadir dalam kursus itu semua – *just* namakan, semua hadir dan mereka berasa seronok, kerana ini pertama kali mereka memiliki satu dana untuk mereka kembangkan.

Untuk celahan Yang Berhormat Kalabakan, saya setuju. Makan, diet, latihan sangat mustahak. Saya boleh bagi tahu semasa Yang Berhormat Kalabakan menjaga pasukan Sabah, pasukan Sabah berada di kedudukan yang baik. Akan tetapi tanya Yang Berhormat Kalabakan, berapa banyak dia belanja. Yang Berhormat Arau pun sama.

Maknanya, kaitan antara kewangan dengan kejayaan itu sangat mustahak dan *gate collection* banyak membantu persatuan untuk mereka terus hidup. Saya ingin nyatakan bahawa ada banyak persatuan negeri yang mengalami defisit yang tinggi kerana pembiayaan ini sangat besar. Namun begitu, saya percaya di atas kesungguhan dan apa yang sedang kita ada ini, saya dapati kita ada peluang yang sangat baik. Cuma, kita perlukan teruskan sokongan, doa, dan dorongan daripada seluruh rakyat terutama Dewan ini.

Saya akan bagi tahu kepada pemain bahawa Dewan ini sekali lagi walaupun pencapaian telah kita perolehi di *Suzuki Cup*, di Sukan Sea dan Sukan Asia, namun Ahli-ahli Yang Berhormat

masih tidak berpuas hati dengan kedudukan 138 dan mereka perlu tingkatkan lagi dan Ahli Yang Berhormat akan terus menyokong apa juga usaha dalam menjayakan sukan bola sepak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jam pukul 9.30, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya. Azam, cita-cita, kerja keras sudah pun terbayang. Saya cadangkan Yang Berhormat, wang menjadi faktor penting. Tahun depan minta RM100 juta untuk biaya seperti ini... [*Tepuk*]

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih. Cadangan itu saya tidak boleh masuk dalam ucapan tetapi akan direkodkan di dalam Dewan ini. Akan tetapi untuk FAM, pada tahun ini sudah nampak perkembangan sihat. Saya tidak boleh katakan CSR ataupun penaja tidak – swasta tidak bersama-sama. Astro sahaja telah bersetuju untuk memberikan sokongan sebanyak RM220 juta selama tiga tahun untuk hak penyiaran. Ini yang baru selain daripada TM yang sentiasa membuat sumbangan.

Untuk soalan Yang Berhormat Kepong, ini satu sahaja yang bagus. Berapa unjuran? Sebenarnya setiap tahun sebelum rokok dibatalkan, FAM mendapat sebanyak RM30 juta. Oleh sebab itu, itu jumlah yang pada saya *bare minimum* dengan izin, untuk kita mengendalikan program ini. Akan tetapi kalau kita hendak nyatakan berapa unjuran, seperti yang saya nyatakan tadi, di negara lain mereka dapat duit loteri. Di England, mereka dapat 45 juta pound sterling daripada satu pertubuhan untuk *foundation football of England*. Ini jumlah yang kita bayangkan.

Jadi pada saya, cadangan-cadangan tentang CSR yang disebut oleh Yang Berhormat Arau termasuk dengan mengembalikan pemain profesional, saya difahamkan FAM akan mengkaji balik untuk melaksanakan pada tahun hadapan. Cumanya saya tidak tahu bila keputusan itu akan dibuat. Sama ada membenarkannya atau tidak, ia ada baik dan buruk, dan secara peribadi saya tidak ada masalah. Pemain profesional yang penting boleh menarik penonton ke stadium tetapi jangan pula dia jual perlawanan atau sebagainya. Kemampuan untuk membayar pemain-pemain profesional ini sangat mustahak kerana ia akan membawa kepada nama baik negara.

Mengenai perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Sekijang, gelanggang di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk negeri Johor, mengikut rekod kita, 151 buah gelanggang di seluruh negeri Johor mengikut DUN dan Parlimen telah dibina gelanggang futsal dan semua sudah siap. Semua sudah siap. Saya akan semak janji yang diutarakan dan tambahan ini adalah bagi memenuhi janji-janji kepada baki gelanggang.

Akan tetapi saya ingin beri jaminan, mulai tahun ini kita akan buat tambahan. Tolak yang janji itu, yang tambahan itu, kita akan buat di bawah bajet yang diluluskan untuk Sekijang. Akan tetapi yang janji dulu itu saya tidak tahu sama ada hendak *off set* dengan yang lama atau tidak, tetapi kita akan buat tiga di Sekijang. Yang lain saya tidak tahu tapi untuk Sekijang, tiga.

Jadi Tuan Pengerusi, saya rasa itulah di antara perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tidak dapat jawab secara spesifik kerana masa tidak berapa ada. Yang Berhormat Jempol ada tanya pasal tafsiran...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Bukan tidak berapa ada Yang Berhormat, tapi sudah habis masa Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Sudah habis. Ini kerana tafsiran belia tersebut tidak termasuk. Cumanya untuk pengetahuan Yang Berhormat Jempol, seperti biasa, tafsirannya, umur 15 tahun hingga 40 tahun adalah belia. Akan tetapi ia tidaklah termasuk di dalam perbekalan tambahan yang sedang kita bahaskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM10,000,000 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10,000,000 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM46,900,010 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM46,900,010 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia. Oleh sebab Kepala P.46 hanya token sahaja, ia tidak perlu dibahaskan.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM90 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2010 di bawah Kementerian Sumber Manusia hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM90 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2010.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis 31 Mac 2011.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.37 malam.